

SIRI PEPERIKSAAN SISTEM

SEJARAH TANAH MELAYU S.P.M./M.C.E. 1400–1965



Meliputi
Sukatan Pelajaran
Sejarah yang ditentu-
kan oleh Lembaga
Peperiksaan Tem-
patan University
Cambridge

Disediakan oleh

Mazlan bin Abdullah

B.A. (Hons), Cert. in Education

ANALISA PEPERIKSAAN SISTEM

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

**SIRI PEPERIKSAAN SISTEM
SEJARAH
TANAH MELAYU S.P.M./M.C.E.
1400 – 1965**

Disediakan oleh
Mazlan bin Abdullah
B.A. (Hons), Cert. in Education

PUSTAKA PERDANA



1010113

**PUSTAKA SISTEM PELAJARAN
4, Jalan Angsoka,
Kuala Lumpur 05-11.
Tel: 290722.**

957.51

SET



**PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA**

Cetakan Pertama 1976
Cetakan Kedua..... 1976
Cetakan Ketiga..... 1977

**© Pustaka Sistem Pelajaran
Hakcipta Terpelihara**



**PUSTAKA SISTEM PELAJARAN
4, Jalan Angsoka,
Kuala Lumpur 05-11.
Tel: 290722.**

Dicetak oleh Lian Yew Printing Press.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PENDAHULUAN

Pasaran buku-buku pada masa ini dipenuhi oleh berbagai jenis buku-buku Contoh Jawapan yang berdasarkan kepada soalan-soalan peperiksaan yang lalu. Malangnya buku-buku tersebut terlalu cetek bidangnya dan terlalu sedikit pilihan isi kañdungannya; ini menyebabkan pelajar-pelajar membuat ramalan dan seterusnya menghafalkan beberapa tajuk yang boleh mengakibatkan pelajar-pelajar gagal dalam peperiksaan.

Memikirkan perkara ini kami telah menerbitkan satu siri buku-buku – **SIRI PEPERIKSAAN SISTEM** untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan ilmu pengetahuan yang padat dan lengkap mengenai sesuatu matapelajaran untuk peperiksaan. Tajuk-tajuk yang penting telah dipilih dengan telitinya dan disediakan dengan cermatnya untuk membantu para pelajar lulus peperiksaan. Tajuk-tajuk itu berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Tempatan Universiti Cambridge.

Buku ini – **Siri Peperiksaan Sistem mengenai Sejarah Tanah Melayu 1400–1965** ditulis oleh guru-guru siswarah yang mempunyai pengalaman mengajar dalam perkara tersebut. Pada akhir tiap-tiap jawapan, kami menyediakan **Mengulang Secara Bersistem**, yang bertujuan untuk memberikan ulangkaji dengan pantas. Soalan-soalan yang dicadangkan berdasarkan kepada bentuk soalan peperiksaan disediakan di akhir tiap-tiap bab.

Analisa Peperiksaan Sistem, yang didapati di bahagian akhir buku ini disediakan khas untuk memperlihatkan secara sepintas lalu mengenai tajuk-tajuk yang terdapat dalam peperiksaan-peperiksaan SPM/SAP. Pelajar-pelajar, dengan bantuan guru-guru, boleh memikirkan tajuk-tajuk penting untuk peperiksaan yang akan datang.

**BELAJAR DENGAN SISTEM.
BELAJAR MELALUI ‘SISTEM’.**

**Penasihat Projek,
Pustaka Sistem Pelajaran.**

KANDUNGAN

BAB 1 KESULTANAN MELAKA

1.	Pembukaan negeri Melaka oleh Parameswara dan peristiwa-peristiwa penting semasa pemerintahannya (1403 – 1424).	1
2.	Melaka sebagai pusat perdagangan dalam Kurun Ke 15.	3
3.	Hubungan Melaka dengan negeri China dalam Kurun Ke 15.	6
4.	Sebab-sebab Kebangkitan dan Kemerosotan Kesultanan Melaka.	9
5.	Perjalanan hidup dan Kejayaan Tun Perak (1456–1498).	12
6.	Melaka sebagai sebuah negeri Islam dan peranannya sebagai pengembang ugama Islam di Asia Tenggara.	15
7.	Muzaffar Shah (1445–1459) dan Kepentingannya dalam Sejarah Melaka.	18
8.	Mansur Shah (1459–1477) dan Kepentingannya dalam sejarah Melaka.	20
9.	Alauddin Riayat Shah (1477–1488) dan Kepentingannya dalam sejarah Melaka.	21
	Soalan-soalan yang dicadangkan	23

BAB 2 PORTUGIS DI MELAKA

1.	Minat Portugis di Asia Tenggara dalam Kurun Ke 16.	24
2.	Minat Portugis di Melaka dan pendudukan Melaka pada tahun 1511.	25
3.	Percubaan-percubaan oleh Sultan-sultan Johor untuk mendapatkan semula Melaka dari tangan orang-orang Portugis dalam Kurun Ke 16 dan Ke 17.	28
4.	Peperangan Tiga Segi di antara Portugis di Melaka, Johor dan Aceh dalam Kurun Ke 16.	30
5.	Sebab-sebab Kebangkitan dan Kejatuhan Portugis di Timur.	33
6.	Alfonso d'Albuquerque dan penubuhan serta perkembangan kuasa Portugis di Timur.	36
	Soalan-soalan yang dicadangkan.	39

BAB 3 BELANDA DI MELAKA

1.	Sebab-sebab kedatangan Belanda ke Asia Tenggara.	40
2.	Penaklukan Melaka oleh Belanda dalam tahun 1641.	41
3.	Dasar perdagangan Belanda di Melaka dan kesan-kesannya.	
4.	Sebab-sebab kemerosotan Melaka sebagai pusat perdagangan selepas tahun 1641.	

5. Sebab-sebab kemerosotan Syarikat Hindia Timur Belanda di Timur.
Soalan-soalan yang dicadangkan.

47
50

BAB 4

EMPAYAR JOHOR DAN ORANG BUGIS

1. Kebangkitan dan kejatuhan Empayar Johor. 51
 2. Raja Kechil dari Siak. 54
 3. Kegiatan-kegiatan orang Minangkabau di Tanah Melayu dari tahun 1400–1795. 56
 4. Orang-orang Bugis dan pengaruh mereka di Semenanjung Tanah Melayu dalam Kurun Ke 18. 58
 5. Daeng Parani (Bugis). 62
 6. Hubungan Belanda dengan Bugis pada akhir Kurun Ke 18. 63
- Soalan-soalan yang dicadangkan. 66

BAB 5


BRITISH DI PULAU PINANG

1. Sebab-sebab British mengambil Pulau Pinang dalam tahun 1786. 67
 2. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada pengambilan Pulau Pinang oleh Inggeris dalam tahun 1786. 69
 3. Hubungan awal di antara Kedah dan Pulau Pinang dan pengambilan Seberang Perai. 71
 4. Kemajuan dan kemerosotan Pulau Pinang dari tahun 1786 hingga 1816. 72
 5. Francis Light dan kejayaan-kejayaannya. 75
 6. Hubungan Inggeris-Belanda di Tanah Melayu dan negara-negara jiran di antara tahun-tahun 1795 hingga 1824. 77
- Soalan-soalan yang dicadangkan. 81

BAB 6

BRITISH DI MELAKA DAN SINGAPURA

1. Pendudukan Syarikat Hindia Timur di Melaka dalam tahun 1795. 82
 2. Petempatan Inggeris di Singapura dan perkembangannya sehingga tahun 1824. 84
 3. Riwayat hidup dan kerjaya Sir Stamford Raffles. 86
 4. Peristiwa-peristiwa, kesan-kesan dan pentingnya Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824. 90
 5. Syarat-syarat penting Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 dan kesan-kesannya di Tanah Melayu. 93
- Soalan-soalan yang dicadangkan.



BAB 7**NEGERI-NEGERI MELAYU PADA AWAL KURUN KE 19.**

1. Hubungan Inggeris dengan Siam dalam Kurun Ke sembilanbelas dan tertandatangannya Perjanjian Burney tahun 1826.	97
2. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada tertandatangannya Perjanjian Low dengan negeri Perak dalam tahun 1826 dan syarat-syarat penting perjanjian tersebut.	100
3. Hubungan di antara Siam, Britain dan Negeri-negeri Melayu di antara tahun-tahun 1818–64.	102
4. Perang Naning.	105
5. Perang Saudara Pahang.	107
6. Gabnor Fullerton.	109
7. Wan Ahmad.	111
8. Sultan Tajuddin.	112
9. Utusan Crawfurd Ke Siam.	114
Soalan-soalan yang dicadangkan.	115

BAB 8**PENDUDUKAN INGGERIS DI NEGERI-NEGERI SELAT.**

1. Pembentukan Negeri-negeri Selat dan masaalah-masaalahnya sebelum tahun 1867.	116
2. Sebab-sebab pemisahan Negeri-negeri Selat dari India dalam tahun 1867.	118
3. Perkembangan Kongsi-kongsi gelap China dan kegiatan-kegiatan mereka di Negeri-negeri Selat dalam Kurun Ke 19.	121
4. Soalan-soalan yang dicadangkan.	124

BAB 9**CAMPURTANGAN INGGERIS DI NEGERI-NEGERI MELAYU**

1. Sebab-sebab Campurtangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu dalam tahun 1874.	125
2. Keadaan-keadaan yang membawa kepada campurtangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu.	128
3. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Pangkor dalam tahun 1874 dan syarat-syarat utama serta kesan-kesan Perjanjian.	133
4. Raja Abdullah.	137
5. Sir Andrew Clarke.	138
6. Keptan Speedy.	140
7. Sultan Abdul Samad, Selangor.	141
8. Tengku Kudin.	143
9. Sir Hugh Clifford.	146
Soalan-soalan yang dicadangkan.	146

BAB 10 SISTEM RESIDEN DAN PERSEKUTUAN

1.	Tugas-tugas dan masaalah-masaalah Residen-Residen Inggeris di Negeri-negeri Melayu sebelum tahun 1896 dan kesan-kesan Sistem Residen.	147
2.	Sir Frank Swettenham.	150
3.	Yap Ah Loy.	152
4.	Sir Frederick Weld.	153
5.	James W. W. Birch.	155
6.	Sir Hugh Low.	156
7.	J. G. Davidson.	158
8.	Faktor-faktor yang membawa kepada pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1896.	159
9.	Sebab-sebab Pengagihan kuasa (Decentralisasi) dan langkah-langkah yang diambil untuk mengagihkan kuasa Kerajaan Pusat dalam tahun 1909.	162
10.	Pengagihan kuasa dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1909–1941 dan kepentingannya.	165
11.	Sir Cecil Clementi Smith.	168
	Soalan-soalan yang dicadangkan.	170

BAB 11 NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU

1.	Hubungan Inggeris-Siam berhubung dengan Negeri-negeri Melayu dalam tahun-tahun 1897–1909.	171
2.	Perjanjian Sulit Inggeris-Siam tahun 1897.	173
3.	Pemberontakan Kelantan 1914–1915.	175
4.	Perisytiharan Inggeris-Siam, 1902.	176
5.	Sistem Kangchu.	178
6.	Sultan Abu Bakar.	180
7.	Sultan Ibrahim.	182
	Soalan-soalan yang dicadangkan.	183

BAB 12 TANAH MELAYU: PERUBAHAN-PERUBAHAN EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN.

1.	Perkembangan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu sehingga tahun 1956.	184
2.	Perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu dan pentingnya dalam kemajuan ekonomi Tanah Melayu.	187
3.	Kemajuan pelajaran di Tanah Melayu di antara tahun-tahun 1816 dan 1962.	190
4.	Kemajuan Landasan-landasan Keretapi dan Jalanraya-jalanraya di Tanah Melayu.	193
	Soalan-soalan yang dicadangkan.	196

BAB 13	PENDUDUKAN JEPUN DAN DARURAT DI TANAH MELAYU
---------------	---

1. Pendudukan Jepun dan kesan-kesannya ke atas Tanah Melayu sehingga tahun 1948.	197
2. Pergerakan Menentang Jepun di Tanah Melayu.	200
3. Perkembangan Parti Komunis Malaya sehingga kepada Perisytiharan Darurat dalam tahun 1948.	201
4. Persekutuan Tanah Melayu 1948.	204
5. Pengisytiharan Darurat dalam tahun 1948 dan langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa untuk mengatasi Darurat di antara tahun-tahun 1948–1960.	206
6. Rancangan Briggs. Soalan-soalan yang dicadangkan.	210 211

BAB 14	KEMERDEKAAN TANAH MELAYU.
---------------	----------------------------------

1. Kebangkitan Semangat Kebangsaan di Tanah Melayu.	212
2. Faktor-faktor yang menghalang Kebangkitan Semangat Kebangsaan Tanah Melayu sebelum tahun 1940.	215
3. Kemajuan Tanah Melayu ke arah Kemerdekaan selepas Perang Dunia II.	217
4. Faktor-faktor yang membawa kepada Pembentukan Malaysia dalam tahun 1963.	221
5. Kemajuan Politik di Singapura dalam tahun-tahun 1945–1963.	223
6. Pentadbiran Marshall.	227
7. Suruhjaya Cobbold.	228
8. Dato Onn bin Jaafar.	229
9. Dato Tan Cheng Lock.	231
10. Tunku Abdul Rahman.	232
11. Lee Kuan Yew. Soalan-soalan yang dicadangkan. Analisa Peperiksaan Sistem.	233 235 236



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BAB 1. KESULTANAN MELAKA

1. Pembukaan negeri Melaka oleh Parameswara dan peristiwa-peristiwa penting semasa pemerintahannya (1403–1424).

- 1.1 SEJARAH AWAL PARAMESWARA. Parameswara ialah seorang putera diraja Palembang yang memberontak menentang dipertuannya, Raja Majapahit. Angkatan perang Majapahit segera menyerang dan memusnahkan Palembang. Oleh itu Parameswara terpaksa melarikan diri dari Palembang dan mencari perlindungan politik di Tumasik. Baginda diberi layanan yang baik oleh Sultan Tumasik. Tetapi baginda kemudiannya membala budi baik Sultan itu dengan membunuhnya. Disebabkan perbuatan baginda itu, ia telah diusir keluar daripada Tumasik oleh angkatan perang Siam. Baginda kemudiannya melarikan diri ke Muar dan selepas beberapa lama kemudian, baginda tiba di sebuah kampung nelayan di mana terletaknya Melaka sekarang.
- 1.2 MELAKA SEBELUM KEDATANGAN PARAMESWARA. Penduduk Melaka pada ketika itu terlalu sedikit bilangannya. Penduduknya ber-gantung kepada penghidupan sebagai lanun. Sumber-sumber pertanian amat sedikit dan penduduknya juga menjadi nelayan.
- 1.3 PEMBUKAAN MELAKA. Apabila Parameswara melihat sebuah kampung di kuala Sungai Melaka, baginda tertarik hati kepadanya. Baginda mengambil keputusan untuk menetap di sini dalam tahun 1403. Baginda segera menamakannya Melaka, mengambil sempena dari nama pokok melaka yang menjadi tempat sandaran baginda. Baginda diterima oleh penduduk di sini sebagai pemerintah mereka. Baginda menyedari faedah-faedah yang boleh didapati oleh Melaka dengan adanya bukit-bukau dan kawasan pendalaman yang luas. Oleh itu, Parameswara menjadi pengasas negeri Melaka.

Parameswara dan pengikut-pengikutnya menjalankan kegiatan merompak dan melanun di perairan Selat Melaka. Melaka menjadi pasar bagi barang-barang yang dicuri dan pusat perlanunian. Tetapi, tidak lama kemudian, Melaka berkembang menjadi sebuah pelabuhan persinggahan yang penting di dalam jalan perdagangan di antara India dan China.
- 1.4 HUBUNGAN DENGAN CHINA. Salah satu peristiwa penting yang berlaku pada masa pemerintahan Parameswara ialah wujudnya hubungan dengan negeri China. Pada masa itu negeri China di bawah pemerintahan Dinasti Ming sedang melancarkan dasar perluasankuasa. Dalam tahun 1403, Laksamana Yin Ching membawa hadiah-hadiah yang bernilai dan singgah di Melaka dengan satu angkatan perang. Parameswara diminta menjadi negeri lindungan China. Menyedari peluang ini dapat memberikan perlindungan daripada Siam, baginda bersetuju. Parameswara meminta perlindungan China. Selepas mengadakan perhubungan dengan negeri China, Parameswara berhati-hati menjaga perhubungan tersebut.

- 1.5 UTUSAN KE NEGERI CHINA. Dalam tahun 1405, utusan dihantar ke negeri China dengan membawa ufti. Dalam 1406, Parameswara diberi sebuah cap mohor, sepasang pakaian sutera dan sekaki payung kuning sebagai pengiktirafan kuasa baginda memerintah negeri Melaka. Siam tidak dapat menyerang Melaka. Lawatan Laksamana Cheng Ho ke Melaka dalam tahun 1409 ialah untuk menunjukkan kepada Siam bahawa Melaka di bawah perlindungan China. Dalam 1411, Parameswara mengadakan lawatan ke negeri China. Sekali lagi dalam tahun 1414, baginda melawat negeri China untuk memberitahu maharaja mengenai pemelukuan ugama Islamnya. Apabila Siam mengancam negeri Melaka dalam 1419, Parameswara melawat negeri China untuk kali ketiganya. Perlindungan China menjamin keselamatan Melaka.
- 1.6 PERKEMBANGAN MELAKA. Hubungan berbaik-baik dengan negeri China dan perlindungannya menyebabkan Melaka mengalami zaman keamanan dan keselamatan. Ia membantu perkembangan negeri Melaka daripada sebuah kampung nelayan kepada sebuah pusat perdagangan yang penting di Asia Tenggara. Ini merupakan satu lagi peristiwa penting yang berlaku di antara tahun-tahun 1403–1424. Semua jenis barang-barang dagangan dibeli dan dijual di Melaka. Melaka mempunyai hubungan perdagangan dengan negeri-negeri di Asia Barat dan Timur Jauh seperti China. Perjanjian-perjanjian perdagangan dan politik telah dibuat dengan Jawa dan Sumatera. Perkembangan ini adalah juga disebabkan oleh kemudahan-kemudahan pelabuhan yang elok dan pentadbiran yang cekap oleh Parameswara.
- 1.7 PEMELUKAN UGAMA ISLAM. Satu lagi peristiwa penting yang berlaku ialah pemelukuan ugama Islam oleh Parameswara. Baginda mengahwini seorang puteri diraja Islam dari Pasai dalam 1414. Oleh itu baginda memeluk ugama Islam dan menukar namanya kepada Megat Iskandar Shah. Peristiwa ini mempunyai kesan yang penting. Ia menarik ramai saudagar-saudagar Islam ke pelabuhan Melaka. Penaungan ini adalah penting kerana saudagar-saudagar Islam dan Gujerat merupakan saudagar-saudagar yang terpenting sekali ketika itu. Oleh itu Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Islam di Asia Tenggara.
- 1.8 KESIMPULAN. Parameswara mangkat dalam 1424 dan digantikan oleh puteranya, Muhammad Shah (Sri Maharajah). Dengan dasar-dasarnya yang bijak mendapatkan perlindungan daripada negeri China dan memeluk ugama Islam, Parameswara memajukan Melaka daripada sebuah pe tempatan yang tidak terkenal kepada sebuah pusat perdagangan.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Parameswara ialah seorang putera diraja dari Palembang yang datang ke Melaka selepas dipaksa melarikan diri dari Tumasik.
 2. Dalam 1403 baginda membuka negeri Melaka selepas menyedari kepentingannya. Baginda bertanggungjawab di atas perkembangannya daripada sebuah kampung nelayan kepada sebuah pelabuhan perdagangan.
 3. Baginda mengadakan hubungan dengan negeri China dalam tahun 1403.
 4. Dalam tahun 1406 Parameswara diiktiraf sebagai pemerintah negeri Melaka oleh Maharaja China. Utusan-utusan sering dihantar oleh kedua-dua pihak untuk mengekalkan hubungan berbaik-baik itu.
 5. Satu lagi peristiwa penting yang berlaku semasa pemerintahan Parameswara ialah perkembangan perdagangan Melaka dan juga pelabuhannya menjadi pusat perdagangan di Asia Tenggara.
 6. Hubungan-hubungan perdagangan telah diadakan dengan Asia Barat, China, India dan Asia Tenggara.
 7. Parameswara memeluk ugama Islam dalam tahun 1414. Baginda menukar namanya kepada Megat Iskandar Shah.
 8. Pemelukannya kepada ugama Islam menarik penaungan saudagar-saudagar Islam di Melaka yang kemudiannya menjadi pusat perkembangan ugama Islam.
 9. Parameswara mangkat dalam tahun 1424 dan digantikan oleh Sri Maharajah.
-

2. Melaka sebagai pusat perdagangan dalam kurun ke 15

- 2.1 PERDAGANGAN MELAKA. Melaka menjadi pusat perdagangan yang terpenting sekali di Asia Tenggara dalam kurun ke 15. Ia menjadi pusat perdagangan di antara India dan China. Terdapat berbagai-bagi jenis barang-barang dagangan, daripada barang-barang keluaran tempatan misalnya rempah-rempah daripada Pulau-pulau Rempah sehingga kepada minyak wangi, kain kapas dan lain-lain daripada Asia Barat dan teh dan sutera daripada China. Ia menjadi pusat perdagangan yang terpenting. Banyak sebab-sebab yang menolong perkembangan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan.

2.2 KEDUDUKAN DARI SEGI ILMU ALAM. Salah satu sebab kebangkitan Melaka sebagai pusat perdagangan ialah **kedudukannya dari segi ilmu alam**. Ia mempunyai kedudukan yang terlindung dan terletak di bahagian yang tersempit sekali di Selat Melaka. Terlindung daripada ribut taufan Angin Monsun Barat-Daya oleh Sumatera, ia merupakan tempat persinggahan yang selamat bagi kapal-kapal yang belayar melalui Selat Melaka. Selat Melaka merupakan jalan perdagangan yang utama ketika itu di antara China dan India. Kedudukan Melaka di dalam jalan perdagangan ini menambahkan lagi keuntungannya kerana saudagar-saudagar China dan India mendapatinya sesuai singgah di sini dan bertukar barang-barang mereka.

Melaka ialah tempat pertemuan Angin Monsun Barat-Daya dan Timur-Laut. Saudagar-saudagar China datang ke Tanah Melayu dengan Angin Monsun Timur-Laut dan balik dengan Angin Monsun Barat-Daya. Saudagar-saudagar India pula tiba ke Semenanjung Tanah Melayu dengan Angin Monsun Barat-Daya dan balik dengan Angin Monsun Timur-Laut. Oleh itu Melaka menjadi **pusat mengumpul dan membahagi-bahagikan barang-barang dagangan dari India dan China**.

Satu lagi faktor ilmu alam yang menolong Melaka berkembang sebagai pusat perdagangan ialah **letaknya di tengah-tengah kawasan pengeluaran rempah-rempah di Asia Tenggara**. Rempah-rempah amat diperlukan di Eropah ketika itu. Oleh itu Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting dalam kurun ke 15.

2.3 PERLINDUNGAN CHINA. Dalam tahun 1403, Parameswara, takutkan serangan Siam, menerima perlindungan China dengan meletakkan Melaka di bawah pertuanan China. Oleh itu Siam diberi amaran supaya jangan menyerang Melaka. Perlindungan China memberi peluang kepada Melaka untuk berkembang sebagai pusat perdagangan kerana keselamatan pedagang-pedagang dan barang-barang dagangan terjamin. **Keamanan dan keselamatan** menggalakkan saudagar-saudagar datang ke Melaka dari berbagai-bagai tempat, sejauh Asia Barat dan China.

2.4 UGAMA ISLAM. Ugama memainkan peranan yang penting kepada kebangkitan Melaka sebagai pusat perdagangan. Baginda berkahwin dengan puteri diraja dari Pasai dan memeluk ugama Islam, dengan menggunakan gelaran **Megat Iskandar Shah**. Dengan itu negeri Melaka diislamkan, meninggalkan ugama Hindu. Sebagai kesannya, ramai saudagar-saudagar Tamil, Gujerat dan Arab memindahkan perdagangan mereka daripada pelabuhan-pelabuhan di Sumatera ke Melaka. Ini adalah penting untuk perdagangan Melaka kerana saudagar-saudagar Islam adalah saudagar-saudagar yang terkuat dan terkaya sekali ketika itu. Mereka juga tertarik kerana terdapatnya berjenis-jenis barang dan kemudahan-kemudahan pelabuhan yang elok.

- 2.5 PENTADBIRAN YANG CEKAP. Pentadbiran yang baik dan cekap yang diasaskan oleh Parameswara dan pengganti-penggantinya membawa keamanan dan peraturan di Melaka. Keamanan ini membolehkan perkembangan perdagangan dan kemakmuran tercapai. Hubungan-hubungan perdagangan yang rapat diwujudkan di antara Melaka dan negeri-negeri di sekitar Melaka. Ini menyebabkan perkembangan Melaka dalam kurun ke 15.
- 2.6 KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELABUHAN YANG ELOK. Undang-undang dan peraturan wujud di Melaka. Perdagangan digalakkan kerana wujudnya cukai-cukai pelabuhan yang adil dan sama. Barang-barang asing terpaksa membayar cukai sebanyak 6% dan barang-barang tempatan pula terpaksa membayar cukai 3%. Terdapat juga sistem timbangan dan sukatan yang sama dan matawang yang digunakan diperbuat daripada emas, perak dan timah.

Saudagar-saudagar diberikan perhatian dan layanan yang baik oleh pegawai-pegawai pelabuhan yang dikenali sebagai syahbandar. Mereka menyelesaikan masaalah-masaalah dan menyediakan keperluan-keperluan saudagar, seperti mencari tempat tinggal untuk mereka atau membantu saudagar-saudagar menjalankan perdagangan mereka. Pegawai-pegawai pelabuhan itu juga diberi amaran supaya jangan menerima rasuah. Kemudahan-kemudahan tersebut menarik ramai saudagar-saudagar daripada pelbagai bangsa untuk berdagang di Melaka.

- 2.7 KESIMPULAN. Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang penting dalam kurun ke 15 kerana dasar-dasar sultan-sultannya yang bijak. Kedudukannya yang teristikewa dan keamanan dalam negeri juga menolong perkembangannya.

(*) 3(*) Syahbandar

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Menjelang kurun ke 15, Melaka berkembang sebagai pusat perdagangan di Asia Tenggara.
2. Sebab-sebab perkembangannya ialah:
 - a) kedudukannya dari segi ilmu alam. Ia mempunyai kedudukan yang terlindung di dalam jalan perdagangan yang penting di antara China dan India, iaitu Selat Melaka.
 - b) perlindungan daripada China menjamin keamanan dan keselamatan yang membolehkan Melaka berkembang dalam perdagangannya.
 - c) pemelukan ugama Islam oleh Parameswara menarik perhatian ramai saudagar-saudagar Islam ke Melaka.

- d) pentadbiran yang cekap oleh Parameswara.
 - e) kemudahan-kemudahan pelabuhan dan pentadbiran yang baik.
-

3. Hubungan Melaka dengan negeri China dalam kurun ke 15.

- 3.1 DASAR PERLUASANKUASA CHINA. Maharaja-maharaja China di bawah Dinasti Ming mengamalkan dasar perluasankuasa dalam kurun ke 15. Mereka tidak suka mana-mana negeri di Asia Tenggara menjadi bertambah kuat. Oleh itu utusan-utusan dihantar ke seberang laut untuk mendapatkan ufti dan menegakkan kekuasaan serta pengaruh China. Satu lagi sebab dasar perluasankuasa Ming ialah untuk menggalakkan perdagangan asing dengan negeri-negeri luar.
- 3.2 SEBAB-SEBAB HUBUNGAN DENGAN CHINA. Parameswara, pengasas negeri Melaka, ingin memajukan Melaka dari sebuah kampung nelayan menjadi sebuah pusat perdagangan. Rancangan itu diancam dan disekat oleh Siam dan Majapahit. Kedua-dua kuasa itu ingin meluaskan kedaulatan mereka ke Melaka dan Parameswara menyedari bahawa baginda berkehendakkan perlindungan untuk hidup. Oleh itu dalam tahun 1403, apabila Laksamana Yin Ching singgah di Melaka, baginda menerima pertuanan China dan sebagai balasannya ia menerima perlindungan. Hubungan dengan negeri China juga menyebabkan perdagangan China berkembang di Melaka.
- 3.3 PERTUKARAN UTUSAN. Selepas mewujudkan hubungan dengan negeri China, Parameswara mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan hubungan itu. Dalam tahun 1405, baginda menghantar utusan ke negeri China dan telah **diiktiraf** oleh Yung Lo sebagai **pemerintah Melaka**. Pengiktirafan ini disahkan dalam tahun 1406 apabila Parameswara diberi sebuah cap mohor, sepasang pakaian sutera dan sekaki payung kuning oleh China sebagai mengiktiraf kedaulatan baginda. Dalam 1409, **Laksamana Cheng Ho** melawat Melaka dan Siam diberi amaran sup jangan menyerang Melaka. Satu utusan yang besar telah dihantar ke negeri China untuk **membayar** ufti dalam tahun 1411 dengan diketuai oleh Parameswara sendiri. Utusan China dihantar ke Melaka dalam tahun-tahun 1413 dan 1414. Dalam tahun 1419 pula Parameswara yang dikenali sebagai Megat Iskandar Shah kerana memeluk ugama Islam, sekali lagi melawat ke negeri China untuk meminta pertolongan bagi menentang ancaman Siam.

Hubungan yang rapat dengan China ini menolong Melaka berkembang sebagai sebuah pelabuhan perdagangan. Perdagangan di antara China dan Melaka bertambah.

- 3.4 **SRI MAHARAJAH DAN CHINA.** Parameswara digantikan oleh Sri Maharajah yang juga pergi ke negeri China untuk mendapatkan pengiktirafan daripada maharaja China. Dalam tahun 1431 Melaka diancam oleh Siam. Oleh itu Sri Maharajah meminta bantuan China dan Cheng Ho dihantar untuk memberi amaran kepada Siam. Untuk mengekalkan hubungan baik, Sri Maharajah melawat negeri China dalam tahun 1442. Baginda mangkat tidak lama kemudian. Hubungan baik ini membolehkan Melaka menjadi bertambah kuat dan makmur.
- 3.5 **MUZAFFAR SHAH DAN CHINA.** Sri Maharajah digantikan oleh Sri Parameswara Dewa Shah tetapi baginda tidak memerintah lama. Baginda juga mengadakan hubungan berbaik-baik dengan China dengan menghantar utusan ke negeri China dalam tahun 1445.

Hubungan dengan China terputus di awal pemerintahan Muzaffar Shah yang menaiki takhta kerajaan dalam tahun 1446. Pemberontakan istana dan perpecahan di istana menyebabkan sultan terlalu sibuk untuk menghantar utusan ke negeri China. Keadaan ini menyebabkan Siam melancarkan dua serangan dalam tahun-tahun 1445 dan 1456. Mujurnya, Melaka di bawah pentadbiran Bendahara Tun Perak berjaya mematahkan serangan-serangan tersebut. Tun Perak berminat untuk melancarkan dasar perluasankuasa. Oleh itu beliau menggalakkan Muzaffar Shah memulihkan semula hubungan dengan negeri China. Utusan-utusan dihantar ke negeri China dalam tahun-tahun 1456 dan 1458. Dalam tahun 1456, Maharaja Ming mengurniakan gelaran Sultan kepada baginda, oleh itu baginda merupakan pemerintah Melaka yang pertama menggunakan gelaran Sultan.

- 3.6 **MANSUR SHAH DAN CHINA.** Mansur Shah menaiki takhta kerajaan dalam tahun 1459. Utusan-utusan saling bertukar di antara Melaka dan China. Untuk mengeratkan lagi hubungan tersebut, baginda mengahwini puteri China, Hang Li Po.
- 3.7 **KESIMPULAN.** Pada suku akhir kurun ke 15, hubungan di antara Melaka dan China tidak lagi penting. Melaka sudah kuat dan boleh berdikari. Hubungan baik dengan negeri China itu menolong Melaka menjadi kuat dan penting. Ia menjamin perkembangan perdagangan dan empatyar yang aman.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Maharaja-maharaja Ming berminat dengan dasar perluasankuasanya. Utusan-utusan dihantar ke seberang laut untuk mendapatkan ufti, pengiktirafan dan untuk menggalakkan perdagangan asing.
2. Parameswara diancam oleh Siam dan Majapahit. Untuk mendapatkan perlindungan China, baginda menerima pertuanan China dalam tahun 1403, apabila Laksamana Yin Ching melawat Melaka.
3. Untuk mengekalkan hubungan baik ini, utusan-utusan saling bertukar di antara 1406 dan 1419.
4. Sri Maharajah melawat negeri China untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap pemerintahannya. Dalam 1431 Siam telah diberi amaran supaya jangan menyerang Melaka.
5. Dalam 1445 Parameswara Dewa Shah menghantar utusan ke negeri China.
6. Hubungan dengan China terputus pada awal pemerintahan Muzaffar Shah kerana perpecahan dalam negeri.
7. Serangan-serangan Siam dalam tahun 1445 dan 1456 telah ditewaskan oleh Tun Perak.
8. Tun Perak ingin mengekalkan perlindungan China untuk kejayaan dasar perluasankuasanya dengan memulihkan semula hubungan dengan China melalui Muzaffar Shah.
9. Dalam tahun 1456 maharaja Ming mengurniakan Muzaffar Shah gelaran Sultan.
10. Mansur Shah berkahwin dengan puteri Hang Li Po dan saling bertukar utusan dengan China.
11. Pada suku akhir kurun ke 15, hubungan dengan negeri China tidak lagi penting.
12. Perlindungan China menolong perkembangan Melaka.



4. Sebab-sebab kebangkitan dan kemerosotan Kesultanan Melaka

4.1 **PENDAHULUAN.** Kesultanan Melaka telah diasaskan oleh Parameswara apabila baginda membuka negeri Melaka dalam 1403. Baginda menjadi pemerintah kepada sebuah kampung nelayan. Tetapi kemudiannya Kesultanan Melaka berkembang dan menjadi sebuah empayar agung. Disebabkan oleh beberapa kelemahan, Melaka mula merosot menjelang akhir kurun ke 15.

SEBAB-SEBAB KEBANGKITAN KESULTANAN MELAKA.

4.2 **KEDUDUKANNYA DARI SEGI ILMU ALAM.** Melaka terletak di tempat yang strategik di Selat Melaka, jalan perdagangan yang terpenting di antara China dan India. Kedudukan dari segi ilmu alam ini menolong Melaka berkembang menjadi sebuah pusat perdagangan di Asia Tenggara. Perdagangan menolong Kesultanan Melaka berkembang dan menjadi penting.

4.3 **HUBUNGAN DENGAN CHINA.** Parameswara, pengasas Melaka, menjalankan dasar yang bijak dengan mewujudkan hubungan persahabatan dengan negeri China. Hubungan ini melindungkan Melaka daripada Siam. Ini membolehkan Parameswara meletakkan batu asas yang kukuh untuk Kesultanan Melaka dan perkembangan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan. Lain-lain Sultan juga mengadakan dan mengekalkan hubungan dengan China. Oleh itu Kesultanan Melaka muncul sebagai kuasa yang terkuat.

4.4 **PERANAN UGAMA ISLAM.** Pemelukuan ugama Islam oleh Parameswara dalam 1414 memainkan peranan yang penting untuk kebangkitan Kesultanan Melaka. Saudagar-saudagar Islam, saudagar-saudagar yang terkaya dan terpenting sekali ketika itu, tertarik untuk datang ke Melaka. Kedatangan mereka adalah penting kerana Melaka berkembang menjadi pelabuhan perdagangan. Perdagangan Melaka berkembang dengan pesatnya. Pengislaman Parameswara menyebabkan ramai penduduk Melaka memeluk ugama Islam. Akhirnya Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Islam.

4.5 **PENTADBIRAN YANG CEKAP.** Kesultanan Melaka merupakan pemerintahan yang cekap dan tegas. Undang-undang dan peraturan dijalani dengan baik dan rakyat semuanya berpuashati. Tiada terdapatnya kekacauan atau pemberontakan, oleh itu perdagangan tidak terhalang. Keamanan dan keselamatan ini membolehkan Kesultanan Melaka bangkit sebagai sebuah empayar.

4.6 **TUN PERAK DAN DASAR PERLUASANKUASA.** Tun Perak ialah Bendahara Melaka dari tahun 1456 hingga 1498. Di bawah pentadbirannya yang cekap, Melaka dapat melancarkan dasar perluasankuasa yang meng-

akibatkan kebangkitan Kesultanan Melaka sebagai sebuah empayar. Beliau meluaskan empayar Melaka sehingga meliputi kedua-dua belah Selat Melaka, iaitu mengandungi sebahagian besar Semenanjung Tanah Melayu dan bahagian timur Sumatera. Oleh itu Kesultanan Melaka menjadi penting dari segi politik, ekonomi dan sosial.

KEMEROSOTAN KESULTANAN MELAKA

- 4.7 **KEMEROSOTAN MELAKA.** Kesultanan Melaka mencapai kemuncak kegemilangannya pada pertengahan kedua kurun ke 15. Daripada sebuah kampung nelayan, ia berkembang menjadi sebuah empayar. Pada akhir kurun itu Melaka mula merosot. Ia jatuh ke tangan Portugis dalam tahun 1511.
- Beberapa faktor menyebabkan kemerosotan Kesultanan Melaka.
- 4.8 **KETIADAAN PEMIMPIN YANG KUAT.** Selepas kematian Bendahara Tun Perak, tiada terdapat lagi pemimpin yang cekap dan kuat di Melaka. Pengganti-penggantinya, Tun Puteh dan Tun Mutahir tidak dapat memberikan pimpinan yang kuat. Lebih-lebih lagi, mereka lebih tertarik kepada kekayaan dan kekuasaan. Terdapatnya perpecahan di dalam istana apabila golongan India-Islam di bawah Tun Mutahir menjadi bertambah kuat daripada golongan orang-orang Islam. Sultan Mahmud tidak cekap sebagai seorang pemerintah. Perpecahan dan ketiadaan Sultan dan Bendahara yang cekap ini menyebabkan kemerosotan Kesultanan Melaka.
- 4.9 **PENTADBIRAN YANG LEMAH DAN RASUAH.** Pentadbiran mula lemah apabila pegawai-pegawaiannya tidak lagi menjalankan tugas mereka dengan sempurnanya dan bersikap tamak. Mereka menerima rasuah dan hadiah. Kebanyakan daripada hasil negeri masuk ke poket pegawai-pegawai dan ini menyebabkan Kesultanan Melaka menjadi miskin dan lemah. Oleh itu Melaka tidak dapat menentang serangan Portugis.
- 4.10 **KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELABUHAN YANG BURUK.** Kemudahan-kemudahan pelabuhan yang elok yang disediakan oleh sultan-sultan yang awal tidak dapat dinikmati lagi pada akhir kurun ke 15. Saudagar-saudagar terpaksa membayar cukai yang tidak adil dan memberi hadiah kepada pegawai-pegawai sultan untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan. Layanan begini menyebabkan saudagar-saudagar itu marah dan mereka melarikan diri ke pelabuhan-pelabuhan lain, seperti Acheh, Patani dan Bantam. Saudagar-saudagar bukan-Islam diberi layanan yang buruk oleh pegawai-pegawai Islam. Oleh itu perdagangan Melaka merosot dan begitu juga dengan ekonominya.
- 4.11 **PENDUDUK BERBILANG BANGSA.** Penduduk Melaka terdiri daripada berbagai bangsa, selain daripada orang Melayu. Mereka ialah orang-orang Jawa, China, India-Islam dan lain-lain bangsa yang tidak mempunyai semangat taat setia kepada Melaka. Mereka datang ke Melaka untuk

berdagang dan tidak menaruh minat ke atas soal-soal politik. Sikap ini menambahkan lagi perpecahan di Melaka. Apabila Melaka menghadapi serangan Portugis, saudagar-saudagar itu telah memberikan kerjasama dan bantuan kepada Portugis. Ini disebabkan minat mereka untuk berniaga. Oleh kerana Kesultanan Melaka lemah, perdagangan mereka terletak di tangan Portugis. Begitu juga dengan orang-orang Melayu di Melaka, mereka sanggup memberi bantuan kepada Portugis kerana tidak puashati kepada Kesultanan Melaka.

- 4.12 **TIPU DAYA DI ISTANA.** Tidak wujudnya sistem pengantian raja yang tertentu dan ini menyebabkan berlakunya kekacauan di istana di antara putera-putera diraja untuk merampas takhta kerajaan. Tun Perak berjaya meletakkan Sultan-sultan yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan nya di atas takhta. Tun Mutahir pula dikatakan cuba merampas takhta kerajaan dan sebagai balasannya, beliau dibunuh pada 1510. Ini menyebabkan Melaka tidak lagi mempunyai pemimpin yang dapat menentang serangan Portugis pada tahun 1511. Oleh itu Kesultanan Melaka jatuh ke tangan Portugis.
- 4.13 **SERANGAN PORTUGIS.** Orang-orang Portugis mempunyai banyak kelebihan daripada orang-orang Melaka. Mereka mempunyai senjata-senjata yang cukup dan askar-askar yang lebih berdisiplin, terlatih dan berpengalaman. Mereka bersatu kerana matlamat mereka ialah untuk menakluk Melaka. Askar-askar Melaka pula terdiri daripada askar-askar upahan yang tidak mempunyai semangat taat setia kepada Melaka. Portugis pula mempunyai seorang pemimpin yang handal, Alfonso d' Albuquerque.
- 4.14 **KESIMPULAN.** Pentadbiran Kesultanan Melaka memainkan peranan yang penting di dalam kebangkitan dan kejatuhan Melaka. Dilemahkan oleh perpecahan dan kehancuran di dalam Kesultanan, Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 1511.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Menjelang awal kurun ke 15, Melaka telah berkembang menjadi sebuah empayar.
2. Terdapat beberapa sebab Kebangkitan Kesultanan Melaka:
 - a) Kedudukan dari segi ilmu alam menyebabkan perkembangan perdagangan.
 - b) Hubungan baik dengan negeri China menjaminkan perlindungan Melaka daripada ancaman musuh-musuhnya, terutamanya Siam. Ini membolehkan Kesultanan Melaka menumpukan perhatian se-

penuhnya untuk memajukan Melaka sebagai sebuah pelabuhan perdagangan.

- c) Pengislaman Parameswara menggalakkan ramai saudagar-Islam berniaga di Melaka.
 - d) Pentadbiran yang cekap dan tegas menjamin keamanan dan keselamatan untuk Melaka.
 - e) Dasar perluasankuasa Tun Perak menyebabkan perkembangan Kesultanan Melaka.
3. Menjelang akhir kurun ke 15, Melaka mula merosot dan akhirnya jatuh ke tangan Portugis.
4. Kemerosotan Kesultanan Melaka adalah disebabkan oleh beberapa sebab.
- a) Ketidadaan pemimpin yang handal selepas kematian Tun Perak.
 - b) Perpecahan di antara golongan Tamil-Islam dan golongan Melayu.
 - c) Pentadbiran yang lemah dan rasuah.
 - d) Kemudahan-kemudahan pelabuhan yang buruk dan layanan yang berat sebelah dan tidak adil menyebabkan saudagar-saudagar melarikan diri mereka ke pelabuhan-pelabuhan perdagangan yang lain, misalnya Aceh, Patani dan Bantam.
 - e) Kekacauan dan tipu helah di istana melemahkan Kesultanan Melaka.
 - f) Orang-orang Portugis mempunyai angkatan perang yang lengkap dengan askar dan senjata, menyerang Melaka pada 1511. Dengan itu Melaka jatuh ke tangan Portugis.
-

5. Perjalanan hidup dan kejayaan Tun Perak (1456 – 1498).

- 5.1 **SEJARAH AWAL.** Tun Perak ialah putera kepada Bendahara Sriwa Raja, Bendahara semasa pemerintahan Raja Ibrahim. Apabila Sultan dibunuh, Bendahara itu pun membunuh dirinya dengan racun. Tun Perak yang bakal mewarisi jawatan tersebut telah diketepikan. Ini disebabkan oleh pengaruh Tun Ali, seorang ketua Tamil-Islam, yang kemudiannya menjadi Bendahara. Tun Perak terpaksa melarikan dirinya ke Klang di mana ia dilantik menjadi ketua kampung atau penghulu di sana.
- 5.2 **PERLANTIKAN SEBAGAI BENDAHARA.** Pemberontakan istana menyebabkan hubungan Melaka dengan China terhenti untuk sementara

waktu. Ini memberi peluang kepada Siam untuk menyerang Melaka. Mereka menghantar angkatan perang ke Melaka dengan melalui Pahang dalam tahun 1445. Tetapi Tun Perak telah dapat menewaskan mereka di Muar. Namanya menjadi harum di kalangan penduduk di Melaka. Ini menyebabkan Sultan berada di dalam keadaan serba salah kerana penduduk Melaka tidak suka kepada Tun Ali dan golongan Tamil Islam. Untuk mengatasi masaalah itu, Tun Perak telah dilantik sebagai Bendahara. Tun Ali meletakkan jawatannya apabila Tun Kudu, permaisuri sultan sanggup berkahwin dengannya.

Oleh itu Tun Perak menjadi Bendahara pada 1456. Beliau bertanggung-jawab membina Melaka sebagai sebuah empayar. Melaka mencapai kemuncak kekuasaannya di bawah pimpinannya.

- 5.3 **TUN PERAK DAN SIAM.** Sebagai Bendahara, sumbangan pertama Tun Perak kepada Melaka ialah menewaskan serangan Siam dalam tahun 1456. Selepas kegalannya menyerang Melaka pada 1445, Siam melancarkan serangan kedua pada 1456. Tun Perak mengetuai angkatan perang Melaka dan menewaskan angkatan perang Siam dekat Batu Pahat. Menyedari kerugian bermusuh-musuhan dengan Siam, terutamanya kepada dasar perluasankuasanya, beliau menghantar utusan damai ke Siam.
- 5.4 **DASAR PERLUASANKUASA.** Kejayaan terpenting Tun Perak sebagai Bendahara ialah perluasan empayar Melaka. Negeri pertama yang diserang dan ditakluk ialah Pahang. Salah seorang putera Sultan dilantik sebagai pemerintah Pahang. Tun Perak kemudian meluaskan empayarnya ke Kedah, Terengganu, Selangor, Johor, Muar, Pulau-pulau Karimun, Bengkalis dan Kepulauan Riau-Lingga. Negeri-negeri di pinggir pantai Sumatera yang telah ditawan ialah Siak, Kampar, Indragiri, Rokan dan Jambi. Oleh itu empayar Melaka diperluaskan sehingga meliputi kedua-dua belah Selat Melaka. Ia menjadi negeri yang terkuat sekali di Asia Tenggara dan juga dapat menguasai perdagangan China – India.
- 5.5 **KEJAYAAN DALAM BIDANG-BIDANG EKONOMI, SOSIAL DAN UGAMA.** Tun Perak juga bertanggungjawab menambahkan perdagangan Melaka. Melaka menjadi pusat perdagangan di Asia Tenggara dan dengan demikian menarik ramai pedagang-pedagang berdagang di Melaka.

Sungguhpun beliau ialah pemimpin golongan Melayu di istana, tetapi beliau memberikan layanan yang adil kepada golongan Tamil-Islam. Ini menyebabkan perpaduan wujud di kalangan rakyat dan undang-undang serta peraturan dapat ditegakkan pada masa itu.

Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Islam di Asia Tenggara. Tun Perak menggalakkan kegiatan-kegiatan kebudayaan dan keugamaan di Melaka. Orang-orang bijak pandai ugama dijemput ke istana untuk mendalamai pengajian ugama Islam.

- 5.6 **PELANTIK RAJA.** Tun Perak ialah seorang **dalang** di belakang takhta kerajaan Melaka dan juga mempunyai pengaruh yang besar. Beliau memastikan hanya raja-raja yang mempunyai perkaitan darah atau kekeluargaan dengannya yang dilantik ke atas takhta dan mereka masih kecil atau belum dewasa ketika menaiki takhta. Beliau bertanggungjawab menabalkan Mansur Shah, Alauddin Riayat Shah dan Mahmud Shah. Dengan berbuat demikian, beliau dapat menguasai pentadbiran negeri dan bertanggungjawab di atas kekuahan dan perkembangan Kesultanan Melaka sehingga kematiannya pada 1498. Selama pentadbirannya empat-puluh dua tahun, beliau memberikan **pimpinan yang berkesan sekali** kepada Melaka dan selepas kematiannya, Melaka tidak lagi mempunyai pemimpin yang handal.
- 5.7 **KESIMPULAN.** Tun Perak bertanggungjawab mewujudkan zaman keemasan bagi Kesultanan Melaka. Selepas kematiannya, Melaka mula merosot disebabkan oleh kelemahan dalam negeri dan serangan-serangan dari luar oleh orang-orang Portugis.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Tun Perak ialah putera kepada Bendahara Sriwa Raja. Apabila bapanya meninggal dunia, Tun Perak diketepikan disebabkan oleh pengaruh Tun Ali.
2. Beliau dilantik sebagai Penghulu di Kelang.
3. Apabila beliau menewaskan serangan Siam pada 1445, namanya semakin harum. Sultan kemudiannya melantik beliau sebagai Bendahara dalam tahun 1456, menggantikan Tun Ali.
4. Beliau menewaskan serangan Siam yang kedua dalam tahun 1456. Selepas itu, beliau menghantar utusan damai ke Siam untuk menamatkan perselisihan dengan Siam.
5. Kejayaan terpenting bagi Tun Perak ialah perluasan empayar Melaka di Semenanjung Tanah Melayu dan negeri-negeri di Sumatera.
6. Beliau menjadikan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan di Asia Tenggara.
7. Wujudnya perpaduan di istana.
8. Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Islam.
9. Tun Perak digelar Pelantik Raja kerana beliau ialah dalang di belakang takhta. Beliau memastikan hanya raja-raja yang mempunyai darah per-saudaraan dengannya yang dilantik sebagai Sultan. Dengan itu, beliau

- dapat menguasai pentadbiran negeri.
10. Beliau menjadi Bendahara kepada Mansur Shah, Alauddin Riayat Shah dan Mahmud Shah.
11. Beliau mangkat dalam tahun 1498. Melaka mulai merosot kerana ketiadaan pimpinan yang handal.
-

6. **Melaka sebagai sebuah negeri Islam dan peranannya sebagai pengembang ugama Islam di Asia Tenggara.**

- 6.1 PENGISLAMAN PARAMESWARA. Selepas tahun 1403, Melaka menjadi sebuah pelabuhan perdagangan dan Parameswara mengadakan hubungan dengan Sumatera Utara. Apabila perdagangan di Melaka berkembang, saudagar-saudagar Islam tertarik hati untuk mengunjungi pelabuhannya. Dalam 1414, baginda mengahwini puteri Pasai (seorang Islam) dan memeluk ugama Islam. Baginda menggunakan nama Megat Iskandar Shah.

Apabila pemerintahnya memeluk ugama Islam, ramai saudagar-saudagar Islam tertarik hati berdagang di Melaka. Ini menolong memperkembangkan perdagangan Melaka. Ramai penduduk memeluk ugama Islam untuk mendapatkan keistimewaan daripada Sultan. Saudagar-saudagar Hindu juga memeluk ugama Islam. Tetapi Melaka belum lagi menjadi sebuah negeri Islam.

- 6.2 MELAKA MENJADI NEGERI ISLAM. Apabila Sri Maharajah menjadi pemerintah Melaka, penduduk Melaka memeluk ugama Hindu semula. Tetapi apabila Raja Kassim menjadi pemerintah dalam tahun 1446, baginda menggunakan gelaran Sultan Muzaffar Shah. Baginda menjadikan ugama Islam sebagai ugama rasmi di Melaka. Melaka menjadi sebuah negeri Islam. Ramai penduduk di Melaka tertarik kepada ugama Islam kerana mudahnya ugama tersebut.

Dengan itu Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Islam di Asia Tenggara. Sultan-sultan Melaka menggalakkan perkembangan ugama Islam dengan menjadikan istananya sebagai pusat pengajian ugama Islam.

- 6.3 MELAKA DAN PERKEMBANGAN UGAMA ISLAM MELALUI PERDAGANGAN. Melaka berkembang sebagai pusat perdagangan yang penting, oleh itu ia menarik perhatian ramai saudagar-saudagar Islam dan bukan Islam. Saudagar-saudagar Islam tertarik hati bukan hanya kepada perdagangan sahaja tetapi kerana sebab-sebab keugamaan. Mereka mula menyebarkan ugama Islam kepada saudagar-saudagar bukan-Islam.

Saudagar-saudagar bukan Islam memeluk ugama Islam dengan harapan mereka diberi keistimewaan oleh pemerintah Melaka. Apabila mereka balik semula ke negeri mereka, mereka membawa bersama-sama mereka ugama Islam. Oleh itu Islam berkembang melalui perdagangan dan perniagaan.

- 6.4 **MUDAHNYA UGAMA ISLAM.** Penduduk-penduduk di Asia Tenggara tertarik hati kepada Islam kerana mudahnya ugama itu, berbanding dengan ugama Hindu yang lebih sukar. Kepercayaan kepada satu tuhan dan semua manusia adalah sama mendapat perhatian daripada penduduk. Pusat perkembangan ugama Islam ialah Melaka. Kemudian dengan mudahnya Islam dikembangkan ke negeri-negeri jiran.
- 6.5 **PERKAHWINAN POLITIK.** Perkahwinan politik memainkan peranannya dalam perkembangan ugama Islam. Puteri Islam dari Melaka dikahwinkan dengan pemerintah-pemerintah dan putera-putera diraja dari Pahang, Kedah, Siak, Kampar, Indragiri dan Jambi. Pemerintah-pemerintah dan putera-putera diraja itu memeluk ugama Islam dan dengan itu negeri-negeri mereka juga diislamkan.
- 6.6 **PERANAN MUBALIGH-MUBALIGH.** Istana Melaka menjadi pusat pengajian dan pengajaran ugama Islam. Islam juga menjadi ugama rasmi di Melaka. Alim ulamak Islam dari Arab digalakkan menetap di istana. Mualigh-mualigh dilatih dan dihantar ke negeri-negeri luar yang masih belum diislamkan. Mereka juga mengajar penduduk-penduduk yang berhubung dengan pedagang-pedagang di Melaka. Perkembangan ugama Islam adalah digalakkan oleh Melaka.
- 6.7 **PERKEMBANGAN SECARA PENAKLUKAN.** Tun Perak mengamalkan dasar perluasankuasa dan penaklukan. Beliau meluaskan empayaranya hingga meliputi kedua-dua bahagian Selat Melaka. Negeri-negeri yang ditawan itu diislamkan kerana faedah-faedah yang boleh dinikmati jika negeri-negeri takluk itu seugama dengan dipertuannya. Lebih-lebih lagi, Melaka sangat-sangat dihormati dan mendapat penghormatan tertinggi daripada negeri-negeri lindungan itu. Negeri-negeri yang diislamkan dengan cara ini ialah Kampar, Siak, Rokan dan Indragiri di Sumatera dan Kelantan dan Trengganu di Tanah Melayu.
- 6.8 **PENGISLAMAN JAWA.** Kejayaan terbesar Melaka dalam pengembangan ugama Islam ialah pengislaman Jawa. Wujudnya perdagangan yang penting di antara Jawa dan Melaka, terutamanya beras dan rempah-rempah. Saudagar-saudagar dan askar-askar upahan Jawa di istana Melaka telah diislamkan dan apabila mereka balik ke Jawa, mereka mengembangkan ugama Islam di Jawa. Menjelang akhir kurun ke 15, hampir-hampir seluruh Jawa telah diislamkan.
- 6.9 **KESIMPULAN.** Melaka ialah pusat perdagangan yang penting, dan ini menolong perkembangan ugama Islam. Lain-lain faktor ialah seperti

perkahwinan politik, mudahnya ajaran ugama Islam, peranan mubaligh-mubaligh dan dasar perluasankuasa membantu Melaka mengembangkan ugama Islam.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Untuk menarik perhatian dan kunjungan saudagar-saudagar Islam, Parameswara memeluk ugama Islam pada 1414 apabila baginda berkahwin dengan puteri Pasai.
2. Ramai saudagar-saudagar Hindu dan penduduk-penduduk Melaka memeluk ugama Islam juga.
3. Sultan Muzaffar Shah menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri Islam apabila baginda mengisytiharkan Islam sebagai ugama rasmi di Melaka.
4. Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Islam di Asia Tenggara.
5. Salah satu cara Islam berkembang ke Asia Tenggara ialah dengan perdagangan. Saudagar-saudagar di Melaka membawa balik ugama Islam ke negeri mereka dan menyebarkannya di sana.
6. Mudahnya ugama Islam, berbanding dengan ugama Hindu, menarik perhatian ramai orang.
7. Perkahwinan politik di antara puteri-puteri diraja Melaka dan putera-putera diraja dari Asia Tenggara menolong perkembangan ugama Islam.
8. Mubaligh-mubaligh Islam juga memainkan peranannya dalam perkembangan ugama Islam.
9. Negeri-negeri yang ditakluk oleh Melaka juga memeluk ugama Islam kerana faedah-faedah yang mereka boleh dapati daripada pengislaman tersebut.
10. Kejayaan terbesar bagi Melaka ialah pengislaman Jawa.



7. Muzaffar Shah (1445–1459) dan kepentingannya dalam Sejarah Melaka.

- 7.1 KENAIKANNYA KE ATAS TAKHTA PADA 1445. Muzaffar Shah menaiki takhta kerajaan dalam tahun 1445 selepas satu rampasankuasa istana. Ketika Sri Maharajah mangkat dalam tahun 1444, perselisihan timbul di antara golongan India-Islam dan golongan Melayu. Golongan Melayu berjaya melantik Raja Ibrahim sebagai Sultan dengan gelaran Sri Parameswara Dewa Shah. Tetapi golongan India-Islam yang dipimpin oleh Tun Ali lebih menyukai Raja Kassim. Oleh itu mereka membunuh Sri Parameswara Dewa Shah dan melantik Raja Kassim sebagai pemerintah Melaka dalam tahun 1445. Baginda menggunakan gelaran Muzaffar Shah.
- 7.2 PEMBENTUKAN KESULTANAN MELAKA. Rampasankuasa istana tahun 1445 menyekat hubungan dengan negeri China. Tetapi Muzaffar Shah mewujudkan kembali hubungan persahabatan dengan China dengan menghantar utusan dalam tahun 1456 dan 1458. Sebagai balasannya, maharaja Ming menganugerahkan gelaran Sultan kepada baginda. Baginda merupakan pemerintah Melaka yang pertama menerima gelaran tersebut dan dengan demikian baginda bertanggungjawab mengasaskan Kesultanan Melaka.
- 7.3 ISLAM SEBAGAI UGAMA RASMI. Ugama Islam dijadikan ugama rasmi di Melaka oleh Sultan Muzaffar Shah. Tindakan ini memberi keuntungan politik, ekonomi dan sosial kepada Melaka. Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Islam ke Asia Tenggara. Apabila Melaka melancarkan dasar perluasankuasa, ugama Islam juga dikembangkan ke negeri-negeri lindungan itu. Ramai saudagar-saudagar Islam tertarik hati berkunjung ke pelabuhan Melaka kerana mereka mempunyai peluang untuk mengembangkan ugama mereka. Perdagangan berkembang dengan pesatnya dan Kesultanan Melaka menjadi makmur. Oleh itu Muzaffar Shah adalah bertanggungjawab di atas perkembangan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pusat perkembangan ugama Islam.
- 7.4 PERLANTIKAN TUN PERAK SEBAGAI BENDAHARA. Rampasankuasa istana mengakibatkan perpecahan dalam istana di Melaka. Keadaan ini menyebabkan Siam melancarkan serangan ke atas Melaka dalam tahun 1445 dan 1456. Tun Perak berjaya menewaskan serangan Siam di Muar pada tahun 1445. Penduduk Melaka lebih menyukai Tun Perak sebagai Bendahara daripada Tun Ali. Menyedari betapa pentingnya Melaka mempunyai seorang pemimpin yang cekap dan untuk mengelakkan perang saudara yang mungkin meletus, Muzaffar Shah melantik Tun Perak sebagai Bendahara dalam tahun 1456. Tun Ali bersetuju untuk meletakkan jawatannya apabila Tun Kudu, kakak kepada Tun Perak, bersetuju mengahwininya. Dengan ini tamatnya permusuhan di antara golongan

Melayu dengan golongan India-Islam. Ia mengakibatkan wujudnya penyatuan dan kestabilan di Melaka. Ini menolong perkembangan Melaka dari segi ekonomi.

- 7.5 **DASAR PERLUASANKUASA.** Tun Perak melancarkan dasar perluasan-kuasa. Ini dapat dilakukan kerana adanya pemerintahan yang cekap di bawah Muzaffar Shah dan juga wujudnya keamanan dan kestabilan. Tetapi Sultan Muzaffar Shah mangkat terlebih dahulu sebelum rancangan Tun Perak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kepujian patut diberikan kepada Muzaffar Shah kerana baginda secara tidak langsung bertanggungjawab terhadap perkembangan Melaka.
- 7.6 **KESIMPULAN.** Kepentingan Muzaffar Shah dalam sejarah Melaka ialah kerana sumbangan-sumbangan baginda dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan ugama.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Muzaffar Shah menjadi pemerintah Melaka dalam tahun 1445 dan memerintah sehingga tahun 1459.
2. Baginda dilantik ke atas takhta kerajaan oleh golongan India-Islam yang dipimpin oleh Tun Ali.
3. Baginda menghantar utusan ke negeri China dalam tahun 1456 dan 1458. Maharaja China menganugerahkan gelaran Sultan kepada baginda dan dengan itu mengasaskan Kesultanan Melaka.
4. Muzaffar Shah menjadikan Islam ugama rasmi di Melaka. Ini mendatangkan keuntungan dari segi politik, ekonomi dan sosial kepada Melaka.
5. Tun Perak menewaskan serangan Siam dalam tahun 1445 di Muar. Oleh itu Muzaffar Shah melantik beliau sebagai Bendahara dalam tahun 1456. Ini mengakibatkan wujudnya penyatuan dan kestabilan di Melaka.
6. Tun Perak berminat kepada dasar perluasankuasa tetapi Muzaffar Shah mangkat sebelum sebarang rancangan perluasankuasa dijalankan.
7. Kepentingan Muzaffar Shah terletak pada sumbangan-sumbangan baginda dalam bidang-bidang politik, ekonomi dan ugama.

8. Mansur Shah (1459–1477) dan kepentingannya dalam sejarah Melaka.

- 8.1 **PENDAHULUAN.** Mansur Shah menggantikan Muzaffar Shah dalam tahun 1459 dan memerintah sehingga tahun 1477. Zamannya memperlihatkan perluasankuasa Melaka dan perkembangan kebudayaan dan ugama Islam.
- 8.2 **HUBUNGAN DENGAN CHINA.** Keinginan untuk mendapatkan persahabatan dan perlindungan China, Mansur Shah menghantar utusan ke negeri China untuk mendapatkan pengiktirafan di atas perlantikannya sebagai Sultan. Untuk mengekalkan hubungan dengan China, baginda mengahwini puteri China, Hang Li Po. Maharaja Ming mengurniakan hadiah-hadiah yang berharga sebagai balasannya. Ini menjamin keselamatan Melaka dan ia menolong Melaka untuk berkembang dan makmur.
- 8.3 **DASAR PERLUASANKUASA.** Semasa pemerintahan Mansur Shah, Melaka melancarkan dasar perluasankuasa. Mula-mula Tun Perak menakluk Pahang dan menghantar seorang putera diraja Melaka sebagai pemerintahnya. Negeri-negeri lain yang ditawan ialah Johor, Muar, Bengkalis, Karimun, Pulau-pulau Bintang, Kedah dan Trengganu. Negeri-negeri di Sumatra yang ditawan ialah Rokan, Kampar, Jambi, Siak, Indragiri dan Kerajaan Minangkabau. Oleh itu Empayar Melaka diasaskan dan ia menjadi empayar yang terkuat di Asia Tenggara.
- Perluasankuasa politik ini dapat dilaksanakan dengan adanya hubungan persahabatan dengan negeri China. Keunggulan politik juga bermakna keuntungan ekonomi kepada perdagangan Melaka. Perdagangan berkembang dan saudagar-saudagar dari pelbagai bangsa berkunjung ke pelabuhan Melaka.
- 8.4 **KEJAYAAN-KEJAYAAN DALAM BIDANG KEBUDAYAAN.** Zaman sejarah Melaka di bawah Mansur Shah penting kerana kejayaan-kejayaan dalam bidang kebudayaan. Baginda tidak berminat dalam pentadbiran negeri, yang diserahkan ke tangan Tun Perak. Mansur Shah lebih berminat dalam kebudayaan dan menjadikan ibunegerinya tempat yang menarik kepada orang-orang bijak pandai, guru-guru ugama dan tokoh-tokoh kesusasteraan. Baginda menggalakkan perkembangan ugama dan kesusasteraan. Orang-orang cerdik pandai dijemput ke Melaka untuk membantu sumbangan mereka. Oleh itu banyak perayaan-perayaan dan upacara-upacara dijalankan di istana.
- 8.5 **PERKEMBANGAN ISLAM.** Melaka menjadi pusat pengajian Islam. Islam mendapat tempat yang penting di Melaka disebabkan oleh kegiatan-kegiatan kebudayaan dan keugamaan yang dijalankan oleh Mansur Shah.

- 8.6 **KESIMPULAN.** Mansur Shah adalah penting kerana sumbangan-sumbangan kebudayaannya. Perluasankuasa politik yang dijalankan oleh Tun Perak juga memberi sumbangan kepada kejayaan dan pentingnya Mansur Shah.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Mansur Shah memerintah Melaka dari tahun 1459 sehingga 1477.
 2. Baginda mengahwini puteri China, Hang Li Po, dengan itu menjamin keselamatan bagi negeri Melaka.
 3. Melaka berkembang di bawah pimpinan Tun Perak. Negeri-negeri yang ditawan ialah negeri-negeri di Sumatera dan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.
 4. Perkembangan perdagangan juga berlaku pada pemerintahan baginda.
 5. Mansur Shah sangat berminat dalam bidang-bidang kebudayaan dan keugamaan.
 6. Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Islam.
 7. Zaman pemerintahan Mansur Shah memperlihatkan perluasankuasa Melaka dan perkembangan kebudayaan.
-

9. **Alauddin Riayat Shah (1477–1488) dan kepentingannya dalam sejarah Melaka.**
-

- 9.1 **PENDAHULUAN.** Alauddin Riayat Shah memerintah Melaka dari tahun 1477 hingga 1488. Sungguhpun masanya terlalu singkat, tetapi pemerintahannya adalah istimewa.
- 9.2 **MINAT DALAM PENTADBIRAN.** Alauddin Riayat Shah ialah salah seorang daripada Sultan-sultan yang berkebolehan dalam Kesultanan Melaka. Ketika baginda menaiki takhta kerajaan, baginda hanya berumur 15 tahun, oleh itu baginda adalah di bawah pengaruh Bendahara Tun Perak. Apabila baginda bertambah dewasa, baginda mempunyai minat yang mendalam dalam pentadbiran. Baginda ingin menguasai pentadbiran negeri seorang diri dan cuba mengambil setengah-setengah kuasa Tun Perak. Baginda mengambil beberapa tugas pegawai-pegawaiannya dan cuba memperbaiki pentadbiran negeri. Baginda memerintah Melaka dengan bijak dan adil.

- 9.3 **PENEGRAKAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN.** Sultan Alauddin amat berminat untuk memelihara undang-undang dan peraturan di Melaka. Baginda selalu mengawal dan meronda jalanraya-jalanraya di waktu malam dengan menyamar diri. Pernah baginda membunuh pencuri-pencuri di waktu malam dan menyindir ketua polis, Temenggung Tun Mutahir kerana ketidakcekapannya menjalankan tugasnya.
- 9.4 **PERLUASANKUASA MELAKA.** Apabila Aru mengancam Melaka, Sultan Alauddin menawannya. Baginda juga menegakkan semula penguasaan Melaka ke atas Siak dan Kampar. Dengan itu, di bawah pemerintahannya, Melaka terus mengembangkan pengaruh dan empayarnya.
- 9.5 **PERKEMBANGAN PERDAGANGAN.** Melaka maju dan perdagangannya berkembang pada masa ini. Saudagar-saudagar tertarik hati kerana wujudnya undang-undang dan peraturan di dalam negeri. Penduduk Melaka meningkat kepada 40 000 orang. Ia menjadi pusat perkembangan ugama Islam.
- 9.6 **KEMANGKATAN ALAUDDIN RIAYAT SHAH.** Di dalam usaha baginda untuk menegakkan kekuasaannya, Sultan Alauddin mempunyai ramai musuh. Baginda mangkat dengan tiba-tiba dengan tidak diketahui sebabnya. Ramai orang mensyaki baginda diracun oleh musuh-musuhnya.
- 9.7 **PENTINGNYA SULTAN ALAUDDIN.** Pentingnya Sultan Alauddin ialah baginda cuba meletakkan pentadbiran negeri di bawah kekuasaannya. Baginda berjaya dan berkebolehan untuk menegakkan semula undang-undang dan peraturan. Melaka menjadi maju kerana bertambah pesatnya perdagangan dan pengaruhnya di Asia Tenggara.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Alauddin Riayat Shah memerintah Melaka dari tahun 1477 hingga 1488.
2. Baginda merupakan salah seorang Sultan yang paling cekap dan baginda sangat berminat dalam pentadbiran negeri. Baginda cuba mengambil setengah-setengah kuasa Tun Perak dan pegawai-pegawaiannya.
3. Baginda bertanggungjawab menegakkan undang-undang dan peraturan di Melaka.
4. Melaka terus berkembang.
5. Perdagangan bertambah pesat dan penduduknya meningkat kepada 40 000 orang.

6. Sultan Alauddin mempunyai ramai musuh. Baginda mangkat secara mengejut dalam tahun 1488.
 7. Pentingnya pemerintahan baginda ialah minatnya dalam pentadbiran dan undang-undang dan peraturan yang telah dapat ditegakkannya di Melaka.
-

KESULTANAN MELAKA

Soalan-soalan yang dicadangkan

1. Beri satu huraian ringkas mengenai pembukaan Melaka oleh Parameswara dan nyatakan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku semasa pemerintahannya. (Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Jelaskan mengapa dan bagaimana Melaka berkembang sebagai pusat perdagangan dalam kurun ke 15. (Rujuk kepada Tajuk 2)
3. Terangkan hubungan di antara negeri Melaka dengan negeri China dalam kurun ke 15. (Rujuk kepada Tajuk 3)
4. Beri satu huraian mengenai kebangkitan dan kejatuhan Kesultanan Melaka. (Rujuk kepada Tajuk 4)
5. Terangkan perjalanan hidup dan kejayaan-kejayaan Tun Perak (1456–1498) (Rujuk kepada Tajuk 5)
6. Bagaimana Melaka menjadi sebuah negeri Islam? Terangkan peranannya dalam perkembangan ugama Islam di Asia Tenggara. (Rujuk kepada Tajuk 6)
3) Perkembangan Islam di Melaka
7. Beri huraian mengenai Sultan-sultan Melaka yang berikut dan tunjukkan kepentingannya dalam sejarah Melaka:
 - a) Muzaffar Shah. (Rujuk kepada Tajuk 7)
 - b) Mansur Shah. (Rujuk kepada Tajuk 8)
 - c) Alauddin Riayat Shah. (Rujuk kepada Tajuk 9)

BAB 2. PORTUGIS DI MELAKA

1. Minat Portugis di Asia Tenggara dalam kurun ke 16.

- 1.1 **PENDAHULUAN.** Orang-orang Portugis datang ke Timur dengan tujuan-tujuan politik, ekonomi dan keugamaan.
- 1.2 **MINAT DALAM PERDAGANGAN REMPAH-REMPAH.** Salah satu tujuan kedatangan Portugis ke Timur ialah untuk mendapatkan monopoli dalam perdagangan rempah. Rempah sangat diperlukan di Eropah. Perdagangan yang sangat menguntungkan ini dimonopoli oleh saudagar-saudagar Islam yang menguasai satu-satunya jalan perdagangan di antara Mediterranean Timur dan China. Rempah-rempah itu dibeli dengan harga yang mahal oleh saudagar-saudagar Venice. Saudagar-saudagar Venice itu pula menjualkannya kepada orang-orang Eropah lain dengan harga yang lebih mahal. Orang-orang Eropah, termasuk Portugis, tidak bersetuju dengan keadaan itu. Oleh itu orang-orang Portugis membuat keputusan untuk belayar ke Timur bagi mendapatkan rempah-rempah dan untuk merampas monopoli saudagar-saudagar Islam. Lisbon akan menjadi pusat membahagi-bahagikan rempah untuk Eropah. Oleh itu Portugis terpaksa mencari suatu jalan perdagangan untuk ke Timur.
- 1.3 **MINAT POLITIK.** Pelayaran-pelayaran Portugis ke Timur juga bertujuan untuk memusnahkan empayar Islam di Timur. Pada masa yang sama mereka boleh meluaskan tanah jajahan mereka. Orang-orang Portugis telah pun menentang orang-orang Islam di Eropah selama kira-kira lima kurun. Mereka mengambil seberapa banyak kesempatan yang terdapat untuk melemahkan orang-orang Islam. Menyedari kenyataan bahawa orang-orang Islam mempunyai kubu mereka di Timur, minat orang-orang Portugis di Timur bertambah mendalam, terutamanya minat politik mereka.
- 1.4 **MOTIF KEUGAMAAN.** Ugama juga memainkan peranan yang penting terhadap kedatangan Portugis ke Timur. Sebagai penganut-penganut ugama Kristian, mereka benci kepada orang-orang Islam. Mereka pergi ke Timur untuk mengembangkan ugama mereka dan memusnahkan kubu orang-orang Islam di Timur.
- 1.5 **MENCARI PRESTER JOHN.** Orang-orang Portugis percaya tentang wujudnya seorang raja-paderi yang bernama Prester John. Untuk memusnahkan ugama Islam dan mengembangkan ugama Kristian, Portugis ingin bersahabat dengan sahabat Kristian di Timur. Oleh itu pelayaran-pelayaran dihantar keluar untuk mewujudkan hubungan persahabatan tersebut.
- 1.6 **KEINGINAN UNTUK MENJELAJAH.** Kedudukan negeri Portugal di barat-daya Eropah menjadikan Portugal sebuah kuasa laut yang kuat.

Oleh itu keinginan untuk menjelajah adalah keinginan semula jadi. Laut-laut di Timur dan negeri-negeri di Timur menjadi cabaran kepada orang-orang Portugis. Putera Henry Ahli Pelayaran memberi sumbangan yang besar dalam usaha ini dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan yang diperlukan untuk pelayaran. Baginda terlalu berminat terhadap pelayaran dan juga menggalakkan pelayaran-pelayaran penjelajahan.

- 1.7 KESIMPULAN. Minat Portugis di Timur dinyalakan, terutamanya kerana minat-minat politik, ekonomi dan keugamaan.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Minat Portugis di Timur boleh disimpulkan sebagai minat-minat politik, ekonomi dan keugamaan.
 2. Orang-orang Portugis ingin mendapatkan monopoli rempah-rempah. Rempah-rempah hanya dapat dijual oleh saudagar-saudagar Islam dengan harga yang tinggi.
 3. Orang-orang Portugis ingin memusnahkan empayar Islam dan untuk meluaskan tanah-tanah jajahan mereka di Timur.
 4. Sebagai penganut-penganut ugama Kristian, mereka benci kepada orang-orang Islam dan dengan demikian datang ke Timur dengan tujuan menyekat perkembangan ugama Islam.
 5. Orang-orang Portugis ingin mencari Prester John, seorang raja-paderi yang dogeng, dan ingin bersahabat dengan baginda di Timur.
 6. Sebagai sebuah kuasa laut yang kuat, Portugal bercita-cita untuk menjelajah ke Timur yang belum diketahuinya lagi.
 7. Putera Henry Ahli Pelayaran tersangat berminat terhadap pelayaran dan dengan demikian menggalakkan pelayaran-pelayaran ke Timur.
-

2. Minat Portugis di Melaka dan pendudukan Melaka pada tahun 1511.
-

- 2.1 SEBAB-SEBAH PORTUGIS DATANG KE TIMUR. Orang-orang Portugis datang ke Timur kerana sebab-sebab politik, ekonomi dan keugamaan. Mereka ingin menubuhkan tanah jajahan di Timur dan untuk menguasai monopoli rempah-rempah. Sebagai penganut-penganut ugama Kristian,

mereka membenci orang-orang Islam dan bercita-cita untuk memusnahkan pengaruh Islam di Asia Tenggara. Di dalam usaha untuk memenuhi cita-cita mereka, orang-orang Portugis mendapat perlu untuk menaruh minat ke atas Melaka. Minat ini adalah disebabkan oleh beberapa sebab yang kemudiannya membawa kepada penaklukan Melaka dalam tahun 1511.

2.2 KEDUDUKAN ORANG-ORANG ISLAM DI KAWASAN REMPAH-REMPAH. Salah satu motif pelayaran Portugis ke Timur ialah untuk memecahkan monopoli rempah-rempah yang dipegang oleh orang-orang Islam. Oleh itu adalah perlu bagi Portugis untuk menubuhkan satu barisan kota-kota di tempat-tempat yang strategik di sepanjang-pantai jalan perdagangan itu. Empayar Portugis ditubuhkan, bermula dari Teluk Farsi ke Semenanjung Tanah Melayu di Timur. Melaka dianggap sebagai tempat yang paling sesuai sekali di bahagian timur empayar Portugis itu. Ini disebabkan Melaka ialah pusat perdagangan rempah-rempah dan ia terletak pada kedudukan yang strategik di kawasan rempah. Penaklukan Melaka mungkin menamatkan sama sekali dasar perluasankuasa Portugis dan menolong mencapai cita-cita Portugis untuk memecahkan monopoli rempah-rempah orang Islam.

2.3 PERDAGANGAN DAN KEDUDUKAN MELAKA. Melaka ialah pusat perdagangan di Asia Tenggara. Perdagangan berkembang dan terdapat berjenis-jenis barang dagangan. Penaklukan pelabuhan yang kaya seperti Melaka boleh menambahkan lagi kekayaan dan kemakmuran Portugis serta dapat menguasai perdagangan Asia Tenggara.

Satu lagi sebab minat Portugis di Melaka ialah kedudukannya di Selat Melaka. Selat Melaka ialah satu-satunya jalan perdagangan yang terpenting sekali di antara India dan China. Portugis berharap untuk menguasai perdagangan ini dengan menakluk Melaka.

2.4 KEINGINAN UNTUK MENGEMBANGKAN UGAMA KRISTIAN. Salah satu sebab kedatangan Portugis ke Timur ialah untuk mengembangkan ugama Kristian dan menentang ugama Islam. Melaka ialah pusat perkembangan ugama Islam di Asia Tenggara. Penaklukan Melaka juga bermakna tamatnya perkembangan ugama Islam. Orang-orang Portugis juga dapat mengembangkan ugama Kristian dan memusnahkan saudagar-saudagar Islam serta pengaruh mereka di Melaka.

2.5 KELEMAHAN KESULTANAN MELAKA. Kesultanan Melaka mula merosot selepas kematian Tun Perak dalam tahun 1498. Wujudnya perpecahan dan tipu helah di istana. Orang-orang Portugis, menyedari keuntungan dari keadaan itu, berazam untuk menawan Melaka.

2.6 SIKAP BERMUSUHAN SULTAN MAHMUD. Dalam tahun 1509, Diego Lopez de Sequeira datang ke Melaka dengan satu angkatan perang yang kecil untuk meminta kebenaran berdagang dan besar kemungkinannya ia ingin mencari alasan untuk menawan Melaka. Saudagar-saudagar Islam

mempengaruhi Sultan Mahmud supaya jangan memberikan kebenaran dan menunjukkan sikap permusuhan. Oleh itu angkatan laut Sequeira diserang dan kira-kira dua puluh orang kelasi Portugis telah ditawan. De Sequeira dapat melarikan dirinya dan dalam tahun 1511, d' Albuquerque sendiri belseyar ke Melaka.

- 2.7 **PENAKLUKAN MELAKA DALAM TAHUN 1511.** Apabila Albuquerque belseyar ke Melaka, ia menuntut supaya Sultan membebaskan orang-orang tahanan Portugis dan merundingkan syarat-syarat perdamaian. Ia inginkan bayaran gantirugi untuk orang-orang Portugis dan kerugian-kerugian yang dialami dalam tahun 1509. Apabila Sultan lambat memberikan jawapannya, d' Albuquerque memusnahkan kapal-kapal Islam dan menuntut hak-hak berdagang di Melaka. Sultan enggan berunding dan dengan itu serangan secara besar-besaran pun dilancarkan ke atas Melaka. Sultan Mahmud dan orang-orang Islam Melaka melarikan diri mereka ke Pahang.

Dengan itu penaklukan Portugis ke atas Melaka telah didapati berjaya pada tahun 1511. Ia mengakibatkan pertapanan kuasa Portugis di Melaka selama 130 tahun.

- 2.8 **SEBAB-SEBAB KEJAYAAN PORTUGIS.** Orang-orang Portugis berjaya menawan Melaka adalah disebabkan oleh pimpinan yang cekap oleh Albuquerque. Ia adalah seorang pemerintah yang baik dan dihormati oleh orang-orang bawahnya. Orang-orang Portugis mempunyai senjata yang lengkap, berdisiplin, berpengalaman dan bersatupadu untuk memperjuangkan satu tujuan. Mereka menyedari kenyataan bahawa mereka berjuang untuk kemegahan tanahair mereka. Mereka akhirnya berjaya dalam peperangan itu, sungguhpun bilangan mereka terlalu kecil, berbanding dengan pahlawan-pahlawan Melayu.

Pada pihak yang lain pula, Melaka tidak bersatupadu dan tidak mempunyai pemimpin yang berkebolehan. Sultannya adalah lemah dan tiadanya Bendahara untuk menyusun askar-askar Melaka. Askar-askar Melayu tidak taat setia, terutama sekali askar-askar upahan Jawa. Mereka berperang untuk sesiapa saja yang sanggup menawarkan wang upahan yang tinggi. Oleh itu tiada terdapatnya satu tujuan yang sama atau semangat taatsetia. Penduduk-penduduk Melaka sendiri juga tidak taatsetia, kerana setengah daripada mereka membantu Portugis, terutamanya saudagar-saudagar yang hanya berminat untuk berniaga saja.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Orang-orang Portugis datang ke Timur kerana sebab-sebab politik, ekonomi dan keugamaan.
 2. Untuk memecahkan monopoli rempah-rempah yang dipegang oleh saudagar-saudagar Islam, Portugis mendirikan kubu-kubu di tempat-tempat yang strategik. Minat mereka terhadap Melaka ialah kerana dekatnya Melaka dengan kawasan yang mengeluarkan rempah-rempah.
 3. Oleh kerana Melaka ialah sebuah pusat perdagangan, penaklukannya boleh menambahkan lagi kemakmuran Portugis.
 4. Orang-orang Portugis ingin menguasai Selat Melaka.
 5. Mereka juga ingin menyekat Melaka daripada mengembangkan ugama Islam ke Asia Tenggara.
 6. Kesultanan Melaka mula merosot kerana beberapa sebab.
 7. Dalam tahun 1509 apabila de Sequeira meminta kebenaran untuk berdagang di Melaka, Sultan Mahmud enggan berbuat demikian. Baginda kemudiannya menyerang angkatan tentera Portugis.
 8. Dalam tahun 1511 Albuquerque datang ke Melaka dan meminta supaya dilepaskan orang-orang tahanan Portugis dan untuk mendapatkan hak-hak perdagangan. Apabila Sultan enggan, ia menyerang dan menakluk Melaka.
 9. Orang-orang Portugis lebih berjaya kerana mereka bersatupadu dan mempunyai senjata yang lengkap.
-

3. Percubaan-percubaan oleh Sultan-sultan Johor untuk mendapatkan semula Melaka dari tangan orang-orang Portugis dalam kurun ke 16 dan ke 17.
-

- 3.1 SERANGAN-SERANGAN OLEH SULTAN MAHMUD. Apabila Melaka telah ditawan oleh Portugis dalam tahun 1511, Sultan Mahmud melarikan diri ke Pahang. Ia enggan menerima idea untuk melepaskan empayaranya ke tangan orang lain. Oleh itu baginda membuat banyak percubaan untuk mendapatkan semula Melaka. Dari Pahang, Sultan Mahmud pergi ke Johor dan membuat rancangan untuk menyerang Melaka daripada Muar dalam tahun 1512. Tetapi baginda telah diserang oleh orang Portugis yang berjaya menghalau baginda sehingga ke hulu Sungai Muar. Kemudian, dalam tahun 1513 Sultan Mahmud berundur ke Bintang yang dijadikan

ibunegerinya. Dari sini, baginda melancarkan tiga serangan ke atas Melaka dalam tahun 1515, 1516 dan 1519. Serangan-serangan itu gagal dan telah diserangbalas oleh orang Portugis.

Dalam tahun 1523 dan 1524 Mahmud memutuskan untuk melancarkan kepungan ke atas Melaka dengan satu angkatan perang yang besar. Tetapi Portugis telah menyerang Bintang dalam tahun 1526 sebagai tindakbalasnya. Ibunegeri Mahmud dimusnahkan dan baginda terpaksa mlarikan diri ke Kampar. Baginda mangkat dalam tahun 1528.

- 3.2 **SERANGAN-SERANGAN OLEH JOHOR.** Permusuhan di antara Sultan Mahmud dan orang Portugis diteruskan oleh Sultan Alauddin Riayat II dari Johor. (Baginda ialah pemerintah kedua dalam Kesultanan Johor yang telah diasaskan oleh Sultan Mahmud). Baginda membangkitkan kekacauan dengan Portugis dan menyerang Melaka dalam tahun 1533. Serangan itu gagal dan dalam tahun 1536 baginda telah diserang oleh orang Portugis. Sayung Pinang (ibunegeri Johor yang baru) dimusnahkan dan Sultan terpaksa membuat perdamaian. Selepas peristiwa ini, hubungan di antara kedua-dua kuasa itu menjadi bertambah baik.
- 3.3 **HUBUNGAN PERSAHABATAN.** Sementara itu, Aceh di Sumatera, bangkit menjadi sebuah kuasa yang kuat. Oleh itu timbulah persaingan di antara Johor dan Aceh. Johor menyedari bahawa Aceh menjadi ancaman kepadanya. Dalam tahun 1568, orang-orang Aceh menyerang Melaka. Untuk menunjukkan persahabatannya, Johor membantu Portugis menentang Aceh. Apabila Johor diserang oleh Aceh dalam tahun 1582 Portugis membantu Johor.
- 3.4 **SERANGAN-SERANGAN BARU OLEH JOHOR.** Hubungan persahabatan di antara Johor dan Melaka tamat selepas tahun 1582 apabila mereka berkelahi mengenai soal perdagangan. Hubungan menjadi buruk dan Johor menyerang Melaka dalam tahun 1586 dan 1587 dari darat dan laut. Serangan-serangan itu gagal dan diserangbalas oleh Portugis ke atas Batu Sawar yang dapat dimusnahkan. Johor mengambil masa yang lama untuk muncul semula selepas serangan ini dan wujudnya keamanan sehingga Kurun ke 17.
- 3.5 **KEDATANGAN BELANDA.** Orang Belanda, musuh orang Portugis, datang ke Tanah Melayu pada permulaan Kurun ke 17. Mereka terlalu berminat untuk menyerang Melaka dan Johor bersedia untuk membantunya. Dalam tahun 1606, satu serangan-bersama Belanda-Johor telah dilancarkan ke atas Melaka tetapi gagal. Apabila orang-orang Melayu Johor meminta bantuan orang Belanda untuk menewaskan Aceh, orang Belanda enggan memberikan bantuan. Tetapi dalam tahun 1640 apabila Belanda melancarkan satu serangan besar-besaran ke atas Melaka, Johor memberikan bantuannya. Belanda berjaya menawan Melaka dalam tahun 1641.

- 3.6. **KESIMPULAN.** Hubungan di antara Johor dan Melaka di bawah Portugis tamat dalam tahun 1641. Johor gagal mengambil semula Melaka tetapi ia bertanggungjawab sebahagiannya terhadap kemerosotan Portugis.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Dalam tahun 1511 apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, Sultan Mahmud melarikan diri ke Pahang. Baginda membuat beberapa percubaan untuk menawan semula Melaka.
 2. Baginda menyerang Melaka dalam tahun 1512 dari Muar dan dalam tahun 1515, 1516 dan 1519 dari Bintang. Baginda gagal.
 3. Baginda mengepung Melaka tetapi Portugis menyerangbalas ke atas baginda dalam tahun 1526. Baginda melarikan diri ke Kampar dan mangkat dalam tahun 1528.
 4. Sultan Alauddin Riayat Shah menyerang Melaka dalam tahun 1533 tetapi Portugis menyerangbalas dalam tahun 1536. Sultan terpaksa membuat perdamaian.
 5. Disebabkan perrusuhan dengan Aceh, Johor membantu Melaka menentang Aceh dalam tahun 1568. Dalam tahun 1582 Melaka membantu Johor.
 6. Hubungan menjadi tidak baik selepas tahun 1582. Kedua-dua pihak menyerang di antara satu dengan lain dan apabila Batu Sawar dimusnahkan, wujudnya keamanan sehingga Kurun ke 17.
 7. Apabila Belanda menyerang Melaka dalam tahun 1640, Johor membantu mereka menentang Portugis.
 8. Perrusuhan Johor secara tidak langsung menyekat Portugis daripada mengembangkan pengaruh mereka ke Semenanjung Tanah Melayu.
-

4. **Peperangan Tiga Segi di antara Portugis di Melaka, Johor dan Aceh dalam Kurun ke 16.**
-

- 4.1 **PENDAHULUAN.** Kurun ke 16 merupakan satu zaman perjuangan yang berlanjutan di antara Portugis di Melaka, Johor dan Aceh. Perjuangan ini dikenali sebagai **Perang Tiga Segi**. Sebab-sebab utama ialah sebab politik, ekonomi dan keugamaan. Sebab asasnya ialah keinginan untuk

menegakkan pengaruh dan kekuasaan dalam ketiga-tiga bidang itu.

- 4.2 SEBAB POLITIK. Orang-orang Portugis, Johor dan Aceh berperang untuk mendapatkan penguasaan politik ke atas negeri-negeri di sekitar mereka. Portugis mempertahankan Melaka, sementara Johor ingin mendapatkan semula Melaka. Johor dan Aceh berperang untuk menguasai negeri-negeri di Sumatera, sementara Aceh yang ingin meluaskan pengaruhnya ke Semenanjung Tanah Melayu terpaksa menentang Portugis.
- 4.3 SEBAB EKONOMI. Penguasaan ke atas Selat Melaka boleh membawa kepada keutuhan ekonomi. Oleh itu ketiga-tiga pihak itu berperang untuk tujuan tersebut. Mereka, terutamanya Portugis, ingin menguasai perdagangan rempah. Mereka juga ingin menarik perhatian pedagang-pedagang ke pelabuhan-pelabuhan mereka, terutamanya Aceh dan Melaka.
- 4.4 SEBAB KEUGAMAAN. Aceh dan Johor, sebagai Kesultanan-kesultanan Islam, bermusuh dengan Portugis kerana ugama mereka berlainan. Portugis berugama Kristian. Orang-orang Islam dan Kristian adalah musuh-musuh yang turun temurun. Pada hakikatnya, salah satu sebab kedatangan Portugis ke Timur ialah disebabkan oleh keinginan untuk memusnahkan empayar orang-orang Islam.
- 4.5 PERISTIWA-PERISTIWA PERANG TIGA SEGI. Dalam tahun 1533 Alauddin Riayat Shah II dari Johor menyerang Melaka tetapi gagal menawannya. Portugis menyerangbalasnya di Sayung Pinang dalam tahun 1536 dan baginda terpaksa berdamai. Dalam tahun 1537 Melaka diserang oleh Aceh tetapi Portugis berjaya menghalau mereka keluar. Aru, negeri lindungan Johor di Sumatera, ditawan oleh Aceh dalam tahun 1539. Johor kemudiannya menawannya semula. Johor kemudiannya menyedari bahaya Aceh kepada mereka, menyerang dan menewaskan Aceh dalam tahun 1540, dengan bantuan tentera dari Perak dan Siak.

Orang-orang Aceh bangkit semula dari serangan ini dan mengepung Melaka dalam tahun 1547. Mereka juga menyerang kapal-kapal Portugis yang datang dari India atau Burma. Tetapi bantuan dari Goa tiba pada masanya dan Portugis di Melaka terselamat. Aceh kembali semula ke Sumatera. Wujudnya zaman keamanan.

- 4.6 HUBUNGAN PERSAHABATAN DI ANTARA JOHOR DAN MELAKA. Dalam tahun 1551, Johor dengan bantuan Perak dan Pahang, menyerang Melaka. Tetapi mereka gagal menawannya. Aceh menyerang Johor Lama dimusnahkan dan Sultan ditawan serta dibawa ke Sumatera dalam tahun 1564. Baginda digantikan oleh puteranya, Muzaffar Shah. Ini menyebabkan Aceh dan Johor menjadi musuh yang ketat. Johor kemudiannya membantu Portugis dalam tahun 1568 apabila Aceh menyerang Melaka. Ini menyebabkan Aceh marah dan mereka belseyar mudik Sungai Johor lalu menyerang beberapa buah kampung di situ Kemudian mereka pergi ke Utara dan menawan Perak. Dalam tahun 1582

apabila Aceh menyerang Johor semula, Portugis membantu Johor mengalahkan Aceh.

- 4.7 **JOHOR MENYERANG SEMULA KE ATAS MELAKA.** Tetapi hubungan persahabatan tidak wujud lama. Portugis kemudiannya berkelahi dengan Johor mengenai soal perdagangan. Ini menyebabkan Johor mengepung Melaka dalam tahun 1586 dan 1587. Tetapi Portugis dapat menyelamatkan diri mereka apabila bantuan tiba dari Goa pada masanya. Mereka kemudiannya menyerang dan memusnahkan Johor Lama.

Selepas ini tiada lagi serangan-serangan telah dibuat oleh salah satu dari ketiga-tiga pihak itu sehingga akhir kurun ke 16.

- 4.8 **KESIMPULAN.** Perang Tiga Segi tidak membawa apa-apa kemudahan yang berfaedah tetapi ia memberi sumbangan kepada kejatuhan kuasa Portugis di Timur. Tiada satupun kuasa yang berjaya kerana ketiga-tiganya sama-sama kuat.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Perang Tiga Segi di antara Portugis di Melaka, Johor dan Aceh dalam Kurun ke 16 adalah disebabkan oleh motif-motif politik, ekonomi dan keugamaan.
2. Mereka ingin menjadi kuat dari segi politik untuk menguasai negeri-negeri sekitar, untuk menguasai Selat Melaka dan perdagangan rempah dan akhirnya untuk menyebarkan ugama mereka.
3. Serangan-serangan dan serangbalas-serangbalas dilakukan di antara satu dengan lain di sepanjang-pantai kurun ke 16.
4. Kadangkala, dua pihak menjadi sahabat, misalnya, Johor dan Melaka dalam tahun 1568.
5. Perang Tiga Segi memberi sumbangan terhadap kerosotan Portugis di Melaka.
6. Tiada satu pihak pun yang telah berjaya dengan cemerlangnya.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

5. Sebab-sebab kebangkitan dan kejatuhan Portugis di Timur.

- 5.1 **PENDAHULUAN.** Portugis datang ke Timur untuk menubuhkan empayar, untuk mendapatkan perdagangan rempah dan untuk menyebarkan ugama Kristian. Mereka berjaya di dalam cita-cita mereka itu dan muncul sebagai sebuah kuasa di Timur.

SEBAB-SEBAB KEBANGKITAN PORTUGIS

- 5.2 **KEKUATAN TENTERA.** Kedudukan Portugal di tepi pantai di hujung barat-daya Eropah telah menolongnya menjadi sebuah kuasa-laut yang kuat. Peperangannya yang berlanjutan menentang orang-orang Islam telah menolongnya mendapatkan pengalaman dan latihan berperang. Mereka telah bersatu kerana satu tujuan, iaitu untuk menewaskan orang-orang Islam. Disiplin dan kesedaran mereka bahawa mereka berperang untuk kemegahan negara mereka menolong mereka menewaskan orang-orang Islam di Lautan Hindi. Oleh itu mereka merupakan kuasa yang terkuat sekali di Lautan Hindi dan berjaya menguasai jalan laut di Lautan Hindi.
- 5.3 **PEMIMPIN YANG BAIK.** Alfonso d' Albuquerque ialah Wizurai Portugis di Timur yang paling berkebolehan. Ia membina empayar Portugis dengan menubuhkan petempatan-petempatan dan pelabuhan-pelabuhan perdagangan di tempat-tempat yang strategik di sepanjang-panjang jalan perdagangan dari Teluk Farsi ke Asia Tenggara. Socotra, Ormuz, Goa dan Melaka ialah sebahagian daripada pelabuhan-pelabuhan perdagangan. Dengan strategi sedemikian, Portugis berjaya menguasai perdagangan di Lautan Hindi dan Asia Tenggara. Albuquerque membantu Portugis untuk mendapatkan monopoli rempah-rempah.
- 5.4 **PENAKLUKAN MELAKA.** Orang Portugis tertarik kepada Melaka kerana kedudukannya dalam perdagangan rempah, di sepanjang-panjang Selat Melaka dan nilai perdagangannya. Albuquerque menyerang dan menawaninya dalam tahun 1511. Dengan penaklukan Melaka, Portugis berjaya menguasai perdagangan rempah di Timur. Hubungan-hubungan perdagangan diwujudkan dengan negara-negara Asia Tenggara, China dan India. Melaka menjadi pelabuhan yang penting semula. Hasil yang diperolehi daripada perdagangan menolong membina kekuatan Portugis.
- 5.5 **PENGUASAAN SELAT MELAKA.** Penaklukan Melaka membolehkan Portugis menguasai Selat Melaka, jalan perdagangan di antara China dan India. Penguasaan Selat Melaka ini membolehkan Portugis meramai monopoli rempah dan untuk memecahkan penguasaan orang Islam di Asia Tenggara.
- 5.6 **PERKEMBANGAN UGAMA KRISTIAN.** Melaka menjadi pusat perkembangan ugama Kristian dan dengan ini pengaruh Islam di Melaka terancam. Mualigh-mualigh Portugis mengambil alih tempat dan peranan mualigh-mualigh Islam. Salah satu motif kedatangan Portugis ke Timur

telah tercapai. Lebih-lebih lagi, perkembangan ugama Kristian bermakna pengembangan kuasa Portugis. Dengan itu, ugama memainkan peranan terhadap kebangkitan empayar Portugis, walaupun tidak berapa penting.

- 5.7 **KELUASAN KUASA PORTUGIS.** Portugis kekal berkuasa di Timur selama kira-kira seratus tahun. Kekuasaan mereka diwujudkan di Timur dan mereka menguasai monopoli rempah-rempah. Empayarnya bermula dari Teluk Farsi hingga ke Melaka.

SEBAB-SEBAB KEMEROSOTAN KUASA

- 5.8 **HASIL YANG TIDAK MENCUKUPI.** Dalam masa yang singkat Portugal telah berjaya membina sebuah **empayar yang luas**. Mereka terpaksa menyediakan kekuatan tenaga manusia dan wang untuk pengkalan-pengkalan perdagangan tersebut. Tetapi Portugal ialah sebuah **negara yang kecil dan hanya mempunyai hasil bumi yang terhad**. Oleh itu ia mendapat sukar dan tidak mungkin untuk memerintah dengan berkesan dan cekap dengan hasilnya yang sedikit. **Kekurangan tenaga manusia** menghalang pentadbiran yang sempurna dalam empayarnya. Sebab ini memberi sumbangan kepada kemerosotan kuasanya.

- 5.9 **KEKURANGAN PEMIMPIN.** Selepas pemergian Albuquerque dari Melaka, tidak terdapat lagi pemimpin yang lebih berkebolehan. Pegawai-pegawaiannya tidak lagi bertugas untuk kemegahan negara Portugal. Mereka menjadi terlalu mementingkan soal perdagangan dan keuntungan diri sendiri. Oleh itu kerajaan mendapat keuntungan yang sedikit.

- 5.10 **KELEMAHAN-KELEMAHAN PENTADBIRAN.** Pentadbirannya tidak cekap kerana kekurangan pegawai-pegawai yang berpengalaman dan berdedikasi. Pegawai-pegawai dan askar-askar tidak dibayar dengan tetapnya dan ini menyebabkan timbulnya **perdagangan persendirian dan rasuah**. Gabenor-gabornonya terlalu lemah untuk mengawal mereka kerana masa perkhidmatan mereka terlalu pendek untuk melakukan sesuatu yang membina. Pertukaran Gabnor yang kerap menyebabkan **kurangnya penyelaras dan penerusan** dalam pentadbiran.

Kurang cekapnya pentadbiran adalah disebabkan oleh empayarnya yang terlalu luas. Juga terdapatnya kelambatan untuk menyelesaikan sesuatu perkara yang penting. Dalam banyak perkara, pegawai-pegawaiannya menyelesaikan sesuatu masalah dengan fikiran dan pertimbangan sendiri.

- 5.11 **PEPERANGAN YANG BERLANJUTAN DENGAN PENDUDUK TEMPATAN.** Orang Portugis bermusuh dengan pemerintah-pemerintah dan saudagar-saudagar tempatan. Penduduk-penduduk tempatan itu adalah orang-orang Islam dan Portugis bermusuh dengan mereka. Ini menyebabkan **Johor dan Acheh** sering menyerang Melaka. Melaka berjaya menewaskan serangan-serangan itu tetapi kekuatan tenaga manusia, hasil dan perdagangan menerima kesan buruk sekali. Pengaliran perbendaharaan ini menyebabkan kemerosotan kuasa Portugis.

- 5.12 KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELABUHAN YANG BURUK. Saudagar-saudagar dikenakan cukai yang tidak adil dan berat. Kebanyakan kapal-kapal asing dikenakan cukai lapan atau sepuluh peratus, dan bukannya cukai asas enam peratus seperti yang biasa dikenakan. Mereka juga terpaksa memberi hadiah-hadiah kepada pegawai-pegawai Portugis. Akibatnya, saudagar-saudagar mula mengelakkan diri mereka daripada datang ke Melaka dan oleh itu perdagangan mula dialihkan ke Johor dan Aceh. Sistem monopoli perdagangan rempah-rempah Portugis tidak disukai dan begitu juga dengan dasar diskriminasi mereka. Kapal-kapal Portugis hanya singgah di pelabuhan-pelabuhan di mana barang-barang dagangan mereka dikehendaki. Ini menimbulkan perasaan permusuhan di kalangan penduduk-penduduk tempatan.
- 5.13 PERKEMBANGAN UGAMA KRISTIAN. Perasaan anti-Portugis bertambah hebat kerana kegiatan-kegiatan keugamaan mereka. Di dalam usaha mereka untuk mengembangkan ugama Kristian, Portugis menunjukkan sikap tidak bertolak ansur dan tidak menghormati ugama Islam. Oleh itu saudagar-saudagar Islam melarikan diri ke pelabuhan Aceh.
- 5.14 PERSAINGAN DARIPADA BELANDA DAN INGGERIS. Kekuatan angkatan laut Portugis telah dicabar oleh kapal-kapal Belanda dan Inggeris dalam kurun ke 17. Orang Belanda dan Inggeris lebih terlatih dan dilengkapi dengan senjata. Apabila Belanda datang ke Timur, pemerintah-pemerintah tempatan lebih bersedia untuk menyokong mereka menentang Portugis.
- 5.15 PENGUASAAN PORTUGAL OLEH SEPANYOL. Dalam tahun 1580 Portugal diletakkan di bawah penguasaan Sepanyol oleh Philip II. Ini menambahkan lagi musuh Portugal kerana musuh Sepanyol menjadi musuh Portugis. Philip II mula menggunakan hasil Portugal yang sedikit itu untuk rancangan-rancangannya sendiri.
- 5.16 KESIMPULAN. Portugis muncul sebagai kuasa yang penting di Timur disebabkan oleh pimpinan yang cekap oleh Albuquerque, terutamanya. Ia meletakkan batu asas kepada kuasa Portugis di Timur. Selepas satu kurun, Portugal mula merosot kerana hasilnya, tanpa manusia dan kewangan yang terhad. Kemerosotannya adalah lambat dan mengambil masa yang lama; sehingga tahun 1641 apabila Belanda melanggar Melaka, mereka tidak dapat mempertahankannya lagi.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

A. Sebab-sebab kebangkitan Portugis di Timur.

1. Portugal (atau Portugis) ialah sebuah kuasalaut yang kuat di Eropah. Mereka juga menjadi kuasa yang terkuat di lautan Hindia.
2. Albuquerque ialah seorang pemimpin yang berkebolehan yang membina empayar Portugis dengan menubuhkan kota-kota di tempat-tempat yang strategik.
3. Melaka, yang mempunyai kedudukan yang strategik dan nilai ekonomi, telah ditawan.

B. Sebab-sebab kemerosotan Portugis.

1. Wujudnya hasil yang tidak mencukupi untuk empayar yang luas.
2. Selepas Albuquerque, tidak terdapatnya pemimpin yang berkebolehan.
3. Pentadbirannya tidak cekap dan pegawai-pegawaiannya menerima rasuah.
4. Perang yang berlanjutan dengan penduduk-penduduk tempatan, misalnya Aceh dan Johor, menyebabkan perbendaharaan Portugis mengalir keluar.
5. Kemudahan-kemudahan pelabuhan yang buruk tidak menggalakkan saudagar-saudagar bermula di Melaka yang diperintah oleh Portugis.
6. Tiada terdapatnya sikap tolakansur terhadap saudagar-saudagar Islam menyebabkan mereka lari ke pelabuhan Aceh.
7. Terdapatnya persaingan daripada Belanda dan Inggeris yang mempunyai lebih kelengkapan dan latihan.
8. Dalam tahun 1580, apabila Philip II menawan Portugal, musuh-musuh Sepanyol menjadi musuh-musuh Portugal dan ini menambahkan lagi pengaliran keluar hasil Portugal yang memang sedikit itu.

-
6. Alfonso d' Albuquerque dan penubuhan serta perkembangan kuasa Portugis di Timur.

-
- 6.1 WIZURAI PORTUGIS. Alfonso d' Albuquerque menjadi Wizurai Portugis dalam tahun 1509. Sebagai seorang pentadbir yang berkebolehan dan bijak, ia merupakan Wizurai yang paling cekap. Ia menubuhkan empayar Portugis di Timur dan bertanggungjawab terhadap perkembangan kuasa Portugis.

- 6.2 RANCANGAN-RANCANGAN DAN TUJUAN-TUJUAN. Abuquerque membuat rancangan untuk menubuhkan kuasa Portugis di Timur. Menyedari kekuatan tenaga manusia dan kewangan Portugal yang terhad, ia membuat rancangan dengan sebijak-bijaknya. Ia mengetahui bahawa pererangan secara umum tidak akan berjaya kerana ia hanya akan melemahkan orang-orang Islam untuk sementara waktu. Ia menyerang negara-negara Islam secara berasingan dan hanya menyerangnya jika perlu. Ia meletakkan sebuah angkatan laut yang dilengkapi sepenuhnya di Timur untuk memecahkan kuasa dan monopolii perdagangan rempah orang Islam. Ia tidak mewujudkan sebuah empayar tanah daratan yang luas, tetapi sebaliknya menubuhkan kota-kota yang stratejik di sepanjang panjang jalan perdagangan. Adalah mudah untuk mengawal kota-kota itu daripada mengawal sebuah empayar yang luas. Dalam tahun 1509, ia membina semula Socotra dan dalam tahun 1510, ia menawan Goa yang dijadikan ibunegevi Portugis. Oleh itu, ia telah mewujudkan penguasaan Portugis di Lautan Hindia di tengah-tengah kawasan perdagangan yang penting.
- 6.3 MINAT ALBUQUERQUE DI MELAKA. Abuquerque menyedari pentingnya Melaka dalam rancangannya. Melaka akan menjadi tempat strateji Portugis di bahagian timur. Kedudukannya di Selat Melaka dan sebagai pusat perdagangan rempah, ia akan menguntungkan Portugis. Sebagai pusat perdagangan yang terpenting sekali di Asia Tenggara, penaklukannya akan menambahkan lagi kemegahan Portugis. Dengan penaklukannya, kuasa Portugis di Timur akan diperluaskan dan pengaruh Islam dapat disekat. Oleh itu dalam tahun 1511 Abuquerque menawan Melaka. Dengan demikian, ia meletakkan kawasan perdagangan di Lautan Hindia dan jalan perdagangan yang terpenting iaitu Selat Melaka, di bawah penguasaan Portugis. Oleh itu kuasa Portugis di Timur diwujudkan.
- 6.4 ALBUQUERQUE DI MELAKA. Tidak lama selepas penaklukan Melaka, Abuquerque memulakan pembinaan kota, A Famosa, untuk pertahanan bandar Melaka. Kota itu dapat menyelamatkan Melaka daripada banyak serangan sehingga tahun 1641 apabila Belanda mengambil Melaka. Abuquerque menghidupkan semula perdagangan Melaka dengan sedaya upayanya. Hubungan-hubungan perdagangan diwujudkan semula dengan negeri-negeri jiran dan dengan Pulau-pulau Rempah. Perdagangan di antara India dan China mula dijalankan semula dari Melaka.
- 6.5 KECEKAPAN PENTADBIRAN. Abuquerque memperkenalkan sejenis matawang baru yang diperbuat dari bijih timah, perak dan emas, untuk memperbaiki kemudahan perdagangan. Ia juga memperbaiki kemudahan-kemudahan pelabuhan. Ia menyediakan satu sistem pentadbiran yang cekap. Sistem pentadbiran ini berdasarkan kepada sistem ketenteraan, dengan diketuai oleh Kapitan Kota. Di bawah pimpinannya, pentadbiran adalah bebas dari rasuah.

6.6 KESIMPULAN. Albuquerque meninggalkan Melaka dalam tahun 1512. Ia memberi sumbangan terhadap perkembangan Melaka sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang penting semula. Ia bertanggungjawab di atas penubuhan dan perkembangan kuasa Portugis di Timur dengan pimpinan dan rancangan-rancangannya yang bijak. Ia juga seorang pentadbir yang baik.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Alfonso d' Albuquerque ialah Wizurai Portugis yang paling cekap di Timur.
2. Ia menyerang negara-negara Islam secara berasingan dan hanya menyerang mereka apabila perlu.
3. Ia menempatkan sebuah angkatan laut di Timur dan mendirikan kota-kota yang strategik di sepanjang-panjang jalan perdagangan untuk memecahkan kuasa Islam. Ia menawan Socotra dalam tahun 1509 dan Goa dalam tahun 1510.
4. Albuquerque menawan Melaka dalam tahun 1511 dan dengan itu mewujudkan kuasa Portugis di Timur.
5. Albuquerque membina A Famosa untuk pertahanan Melaka.
6. Perdagangan Melaka dipulihkan semula.
7. Sejenis matawang baru diperkenalkan dan kemudahan-kemudahan pelabuhan diperbaiki.
8. Sistem kerajaan berdasarkan kepada ketenteraan diwujudkan.
9. Albuquerque bertanggungjawab di atas kebangkitan kuasa Portugis di Timur.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PRTUGIS DI MELAKA.

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN.

1. Mengapakah Portugis berminat terhadap Asia Tenggara dalam kurun ke 16? Huraikan penaklukan Melaka dalam tahun 1511.
(Rujuk kepada Tajuk 1 & 2)
2. Beri satu huraian ringkas mengenai percubaan Sultan-sultan Johor untuk mendapatkan semula Melaka dalam kurun-kurun ke 16 dan 17.
(Rujuk kepada Tajuk 3).
3. Beri satu huraian ringkas mengenai hubungan Portugis di Melaka dengan Sultan Johor.
(Rujuk kepada Tajuk 3)
4. Beri satu huraian mengenai percubaan-percubaan yang dilakukan oleh Mahmud Shah, Sultan-sultan Johor dan Acheh untuk menghalau keluar Portugis daripada Melaka dalam kurun ke 16? (Rujuk kepada Tajuk 4)
5. Huraikan Perperangan Tiga Segi di antara Portugis di Melaka, Johor dan Acheh dalam kurun ke 16.
(Rujuk kepada Tajuk 4)
6. Beri satu huraian ringkas mengenai kebangkitan dan kejatuhan kuasa Portugis di Timur.
(Rujuk kepada Tajuk 5)
7. Dengan cara apakah Alfonso d' Albuquerque menolong mewujudkan kuasa Portugis di Timur, termasuk Melaka?
(Rujuk kepada Tajuk 6)

BAB 3. BELANDA DI MELAKA.

1. Sebab-sebab kedatangan Belanda ke Asia Tenggara.

- 1.1 PENDAHULUAN. Orang Belanda datang ke Timur kerana sebab-sebab politik dan ekonomi. Pelayaran-pelayaran Belanda telah dibuat menuju ke Timur menjelang akhir kurun ke 16.
- 1.2 SEBAB EKONOMI. Portugis merupakan pedagang-pedagang yang penting dalam perdagangan rempah di Timur. Mereka membawa balik rempah-rempah ke Eropah iaitu ke Lisbon dan lain-lain pelabuhan Portugis. Rempah-rempah itu kemudiannya dibahagi-bahagikan ke bahagian lain benua Eropah oleh pedagang-pedagang Belanda, yang lebih dikenali sebagai “pembawa barang-barang dagangan” Eropah, dalam kurun ke 16. Pekerjaan ini merupakan sumber penghidupan mereka dan mereka telah mendapat banyak keuntungan daripada pekerjaan ini kerana sebagai orang tengah, mereka menjualkan barang-barang dagangan mereka dengan harga yang lebih tinggi. Tetapi dalam tahun 1594 pelabuhan Lisbon ditutup kepada Belanda oleh Philip II dari Sepanyol kerana sebab-sebab politik. Apabila kejadian ini berlaku, Belanda mendapati mata-pencarian mereka tertutup. Oleh itu mereka mula datang ke Timur untuk mendapatkan rempah-rempah itu.
- 1.3 SEBAB POLITIK. Netherland (negeri Belanda) berada di bawah penguasaan Sepanyol. Tetapi Philip II, seorang Katolik, melancarkan perang jihad menentang Belanda yang berugama Protestan. Ini menyebabkan mletusnya pemberontakan Belanda dalam tahun 1572 dengan dipimpin oleh William of Orange dan baginda berjaya memisahkan negeri Belanda daripada Sepanyol dan menubuhkan sebuah kerajaan yang berasingan. Apabila Philip II dari Sepanyol menjadi raja Portugal dalam tahun 1580, baginda menutup Lisbon kepada pedagang-pedagang Belanda. Ini menyebabkan tentangan yang hebat dari Belanda, yang kemudiannya berazam untuk menghancurkan perkapalan dan empayar Portugis. Oleh itu ekspedisi-ekspedisi Belanda dihantar ke Timur. Belanda juga ingin merampas monopolii rempah untuk mereka sendiri.
- 1.4 PELAYARAN BELANDA YANG PERTAMA. Pelayaran Belanda yang pertama ke Timur telah diketuai oleh Cornelius de Houtman dalam tahun 1595. Kejayaannya menggalakkan ekspedisi-ekspedisi lain dihantar ke Timur.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Pelayaran-pelayaran Belanda ke Timur telah dilakukan menjelang akhir kurun ke 16.

2. Orang Belanda dikenali sebagai pembawa barang-barang dagangan di Eropah kerana mereka membahagi-bahagikan rempah-rempah yang dibawa oleh orang Portugis. Pekerjaan ini merupakan mata pencarian mereka.
 3. Dalam tahun 1594 pelabuhan Lisbon ditutup kepada mereka. Oleh itu mereka terpaksa belayar ke Timur untuk mendapatkan rempah-rempah itu sendiri.
 4. Orang Belanda memberontak menentang Philip II dari Sepanyol dalam tahun 1572 dan dengan itu mendirikan sebuah kerajaan yang berasingan. Untuk mendapatkan taraf politik dan pengiktirafan, mereka belayar ke Timur.
 5. Mereka ingin memusnahkan empayar Portugis dan untuk merampas monopoli rempah-rempah.
 6. Pelayaran pertama Belanda diketuai oleh Cornelius de Houtman dalam tahun 1595.
-

2. Penaklukan Melaka oleh Belanda dalam tahun 1641.

- 2.1 **SEBAB BELANDA BERMINTAT DI MELAKA.** Belanda berminat ke atas Melaka kerana penguasaannya oleh Portugis. Mereka terpaksa belayar ke Timur untuk menguasai monopoli rempah-rempah. Penguasaan ke atas Melaka akan bermakna tamatnya pengaruh Portugis dan tidak wujudnya persaingan untuk monopoli rempah-rempah. Selepas menghalau keluar orang Inggeris dari Asia Tenggara, mereka kemudiannya menumpukan perhatian terhadap Melaka pula. Mereka takut Melaka akan dapat menyaingi Betawi (Batavia), markas dan pelabuhan perdagangan utama mereka. Oleh itu mereka mula menaruh minat terhadap Melaka dan penaklukan Melaka tidak dapat dielakkan lagi.
- 2.2 **DASAR PENAKLUKAN BELANDA.** Belanda bercadang untuk menghancurkan penguasaan perdagangan Melaka di Selat Melaka. Perdagangan ini kemudiannya akan dialihkan ke Betawi. Menyedari bahawa mereka berkehendakkan pertolongan orang tempatan, Belanda menegakkan hubungan persahabatan dengan Sultan-sultan Johor.
- 2.3 **SERANGAN BELANDA KE ATAS MELAKA.** Dalam tahun 1632, Belanda di bawah Van der Hagen mengepung Melaka. Kepungan itu gagal kerana Portugis mendapat bekalan daripada kawasan pendalaman Melaka. Satu perjanjian telah dibuat dengan Johor yang berjanji akan membantu Belanda menyerang Melaka. Johor akan diberi sebahagian daripada

keuntungan penaklukan itu. Tetapi, serangan tahun 1606 itu gagal kerana Johor, setelah berfikir duakali terhadap Belanda, tidak memberikan apa-apa bantuan. Johor takut kepada kekuatan Belanda dan lebih bersetuju kepada penguasaan Portugis yang lemah di Melaka. Oleh itu Matelieff terpaksa menamatkan kepungannya apabila bantuan Portugis tiba. Percubaan-percubaan Belanda selanjutnya dalam tahun 1608 dan 1615 mengalami kegagalan juga. Mereka meninggalkan Melaka untuk sementara waktu.

- 2.4 **BELANDA DI BETAWI.** Betawi ditawan dalam tahun 1619 dan dengan itu tenaga Belanda ditumpukan di sana. Mereka mengembangkan perdagangan dan pelabuhan *di situ*, sementara Melaka sedang merosot di bawah Portugis. Belanda, menjelang tahun 1630an, tidak bimbang terhadap persaingan dari Melaka. Tetapi Belanda lebih bimbang kerana takutkan Melaka akan jatuh ke tangan kuasa-kuasa Eropah yang lain.
- 2.5 **PENAKLUKAN MELAKA DALAM TAHUN 1641.** Kebimbangan itu menyebabkan mereka menandatangi satu lagi perjanjian dengan Johor dalam tahun 1637 untuk bersedia bagi melancarkan serangan ke atas Melaka. Johor akan menyerang dari darat sementara Belanda akan menyerang dari laut. Rancangan telah diatur oleh Anthony van Dieman, Gabnor-General Belanda. Serangan bermula dalam bulan Jun tahun 1640. Pelabuhan dan A Famosa dibedil dari laut. Johor menyerang dari darat. Bantuan tidak dapat tiba di Melaka kerana Belanda mengepungnya selama 6 bulan. Orang Portugis enggan menyerah diri sungguhpun mereka berada dalam keadaan yang sungguh terdesak. Serangan akhir Belanda dilancarkan pada 14hb. Januari 1641 oleh Kapitan Caertekoe. Portugis gagal bertahan lebih lama lagi, menyerah diri dua hari kemudian, pada 16hb. Januari 1641.
- 2.6 **KESIMPULAN.** Dengan itu penaklukan Melaka oleh Belanda berakhir dalam tahun 1641. Ini menyebabkan Belanda menjadi kuasa yang agung di Timur dan mereka juga dapat menguasai perdagangan rempah.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Belanda berminat terhadap Melaka kerana penguasaan Portugis. Mereka takutkan persaingan daripada Melaka dan mereka berharap untuk mendapatkan monopoli rempah-rempah melalui penaklukan Melaka.
2. Belanda menegakkan hubungan persahabatan dengan Johor untuk menyerang Melaka.
3. Dalam tahun 1602 Van der Hagen menyerang Melaka tetapi gagal.



4. Satu perjanjian dibuat dengan Johor untuk mendapatkan bantuan ketenteraan.
 5. Serangan tahun 1606 gagal kerana Johor tidak memberikan apa-apa bantuan.
 6. Serangan-serangan selanjutnya dalam tahun 1608 dan 1615 juga gagal.
 7. Sementara itu Belanda membangunkan Betawi.
 8. Dalam tahun 1637 satu lagi perjanjian dibuat dengan Johor.
 9. Van Dieman melancarkan serangan-serangan ke atas Melaka dalam bulan Jun 1640 dan Melaka tewas dalam bulan Januari 1641 setelah dikepung selama 6 bulan.
-

3. Dasar perdagangan Belanda di Melaka dan kesan-kesannya.

- 3.1 **PENDAHULUAN.** Melaka jatuh di bawah penguasaan Belanda dalam tahun 1641. Kepungan Belanda yang lama menyebabkan kemusnahan bandarnya dan Kota Melaka. Tetapi, usaha-usaha telah dijalankan untuk memulih dan memperbaiki kerosakan-kerosakan tersebut. Satu sistem pemerintahan diwujudkan di Melaka.
- 3.2 **DASAR PERDAGANGAN BELANDA.** Di samping usaha untuk memulihkan bandaraya, Belanda tidak berminat terhadap Melaka sebagaimana yang dapat dilihat daripada **dasar perdagangannya**. Salah satu sebabnya kedatangan Belanda ke Melaka ialah untuk mendapatkan monopoli rempah-rempah. Mereka menyedari pentingnya Selat Melaka dan oleh itu Melaka ditawan dalam tahun 1641. Ia digunakan hanya untuk mengawasi kepentingan perdagangan Belanda di Selat. Kedudukannya yang strategik adalah terlalu penting.
Di samping itu, Melaka tidak begitu penting seperti Betawi yang menjadi markas Belanda di Timur dalam tahun 1619. Betawi telah berkembang menjadi pusat perdagangan yang penting. Oleh itu Belanda tidak mahu Melaka menyaingi Betawi sebagai pusat perdagangan. Oleh itu Belanda menyekat nilai perdagangan yang dijalankan di Melaka dengan mengeluarkan arahan kepada pedagang-pedagang supaya singgah di Betawi dan tidak Melaka. Kapal-kapal yang singgah di Melaka dibenarkan untuk memunggah sebahagian kecil muatan mereka. Muatan yang bakinya mesti dipunggah di Betawi.

Dengan itu Melaka merupakan **pelabuhan yang kurang penting bagi mengumpulkan barang-barang daripada kawasan pendalam, misalnya**

bijih timah. Ia adalah pusat kegiatan ekonomi Belanda di Hindia Timur yang penting.

Kesan-kesan dari dasar perdagangan.

- 3.3 **KEMEROSOTAN MELAKA.** Kesan yang paling nyata dan tidak dapat dielakkan dari dasar perdagangan ini ke atas Melaka ialah kemerosotannya sebagai **pusat perdagangan selepas tahun 1641**. Kepentingannya yang awal sebagai pusat perdagangan telah merosot dan ia tidak lagi menjadi penting kepada pedagang-pedagang daripada Timur dan Barat. Ia tidak penting seperti Betawi. Saudagar-saudagar lebih suka singgah di pelabuhan-pelabuhan Sumatera.
- 3.4 **BERTAMBAHNYA PERLANUNAN.** Sistem meronda Belanda untuk menyekat kegiatan lanun-lanun terbukti tidak sempurna dan tidak berkesan. Ini bersama-sama dengan cukai tinggi yang dikenakan ke atas kapal-kapal yang singgah di Melaka menyebabkan **bertambahnya lanun-lanun**.
- 3.5 **PENTADBIRAN YANG TIDAK CEKAP.** Sikap cuai Belanda terhadap Melaka dan anggapan rendah mereka untuk tugas-tugas perdagangan Melaka menyebabkan **pegawai-pegawai Belanda di Melaka malas** dan mengamalkan **rasuah**. Mereka tidak berminat atau tidak mustahak untuk mengekalkan kedudukan Melaka yang asal.
- 3.6 **PERMUSUHAN DENGAN NEGERI-NEGERI TEMPATAN.** Dasar monopoli Belanda membangkitkan perasaan bermusuhan di kalangan negeri-negeri tempatan. **Kedah** dan **Perak** di Semenanjung Tanah Melayu dan **Acheh** di Sumatera enggan mengadakan hubungan perdagangan bijih timah dengan Belanda. Ini menyebabkan wujudnya pertelingkahan yang berlanjut di antara mereka.
- 3.7 **KESIMPULAN.** Dasar perdagangan Belanda dengan mengurangkan kepentingan perdagangan Melaka menyebabkan kemerosotannya selepas tahun 1641. Apabila ia berada di bawah penguasaan Inggeris dalam tahun 1824, Melaka tidak lagi dapat mengekalkan kemasyhurannya yang awal.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

A. Dasar Perdagangan Belanda di Melaka.

1. Melaka berada di bawah penguasaan Belanda dalam tahun 1641.
2. Belanda menyedari pentingnya Selat Melaka dan dengan itu mereka menawan Melaka hanya untuk dijadikan sebagai tempat bagi mengawal kepentingan perdagangan Belanda di Selat.

3. Melaka tidak begitu penting seperti Betawi, markas Belanda. Perdagangan Melaka dihadkan kerana Belanda lebih mementingkan Betawi.
4. Ia menjadi pelabuhan untuk memungut barang-barang dagangan daripada kawasan pendalaman.

B. Kesan-kesan dari Dasar Perdagangan.

1. Sebagai kesan dari dasar ini, Melaka merosot sebagai pusat perdagangan selepas tahun 1641.
 2. Bertambahnya perlanunian.
 3. Pentadbirannya tidak cekap dan rasuah.
 4. Wujudnya perasaan bermusuhan dengan negeri-negeri tempatan.
 5. Melaka tidak dapat lagi pulih semula seperti sediakala, sungguhpun ia kemudiannya berada di bawah penguasaan Inggeris dalam tahun 1824.
-
-

4. Sebab-sebab kemerosotan Melaka sebagai pusat perdagangan selepas tahun 1641.

- 4.1 PENDAHULUAN. Selepas penaklukan Melaka oleh Belanda dalam tahun 1641, ia mula merosot sebagai pusat perdagangan. Sebab-sebab kemerosotan Melaka berpunca dari dasar Belanda iaitu dasar-dasar perdagangan dan pentadbirannya.
- 4.2 DASAR PERDAGANGAN BELANDA. Apabila Belanda menawan Melaka dalam tahun 1641, mereka tidak bertujuan untuk mengembangkan perdagangannya. Betawi, yang ditubuhkan dalam tahun 1619, ialah pusat kegiatan perdagangan Belanda di Timur. Belanda tidak mahu Melaka menjadi saingan kepada Betawi. Oleh itu Melaka dianggap sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang kurang penting kepada Belanda di Timur. Perdagangan Melaka dihadkan dan ia hanya bertugas sebagai pusat mengumpul dan membahagi-bahagikan barang-barang dagangan daripada kawasan pendalaman. Kepentingan Melaka hanya terletak pada kedudukannya yang strategik di sepanjang Selat dan oleh itu Belanda menggunakan ia untuk menguasai Selat Melaka.
- 4.3 DASAR MONOPOLI BELANDA. Belanda mengamalkan dasar monopolii perdagangan. Perlaksanaan dasar ini dengan mengadakan pengepungan-pengepungan dan cuba mengusir semua saingan-saingan lain menyebabkan meletusnya perang yang berlanjutan dengan negeri-negeri tempatan. Dasar mengalihkan kapal-kapal ke Betawi juga menimbulkan perasaan

permusuhan di kalangan saudagar-saudagar. Oleh itu saudagar-saudagar mula meninggalkan Melaka untuk berdagang di pelabuhan-pelabuhan di Sumatera. Disebabkan perdagangan merosot, Melaka kehilangan kepentingannya dari segi perdagangan.

Perlanunian, akibat langsung dari dasar perdagangan Belanda ini, menjadikan Melaka sebuah pelabuhan persinggahan yang menarik. Belanda tidak melakukan apa-apa percubaan untuk mengatasi masaalah ini dan ini melihatkan kemerosotan hasil dan perdagangan Belanda.

- 4.4 **PENGGUNAAN SELAT SUNDA.** Belanda membangunkan Selat Sunda sebagai jalan perdagangan daripada Barat ke Hindia Timur. Selat itu merupakan jalan yang lebih pendek daripada Selat Melaka. Saudagar-saudagar boleh terus belayar menyeberangi Lautan Hindi (tidak perlu lagi singgah di India) selepas mengelilingi Tanjung Pengharapan, dan terus tiba di Betawi. Sangat sedikit kapal yang menggunakan jalan Selat Melaka dan dengan itu Melaka kehilangan kepentingannya.
- 4.5 **CUKAI KASTAM YANG TINGGI DAN SISTEM SURAT KEBENARAN.** Kapal-kapal peronda Belanda memaksa semua kapal yang belayar di Selat Melaka supaya singgah di Melaka. Di sini mereka dikenakan cukai kastam yang tinggi dan dikehendaki mendapatkan surat kebenaran untuk meneruskan perjalanan mereka. Ini menimbulkan perasaan tidak puashati dan ramai saudagar terus meninggalkan Melaka. Tambahan pula, kemudahan-kemudahan pelabuhan yang buruk tidak menggalakkan perkembangan perdagangan. Jenis-jenis dan nilai perdagangan bertambah berkurangan.
- 4.6 **PENTADBIRAN YANG TIDAK CEKAP.** Pentadbiran Belanda tidak cekap dan penuh dengan rasuah. Ini menyebabkan Melaka tidak menarik. Tindasterus ugama Katolik dan ketidak popularnya mereka mengakibatkan kemerosotan penduduk. Ini menyebabkan kemerosotan Melaka. Ketidakcekapan juga disebabkan oleh kecuaian Belanda untuk mengekalikan pelabuhan Melaka sebagai pusat perdagangan. Tambahan pula pelabuhan Melaka mula cetek disebabkan oleh lumpur-lumpur dan tidak ada langkah-langkah yang dijalankan untuk mendalamkan pelabuhan itu semula. Kapal-kapal besar mendapat sukar untuk belayar rapat ke pelabuhan. Ini mengurangkan bilangan kapal-kapal perdagangan dan pelabuhan itu kehilangan kepentingannya dari segi perdagangan.
- 4.7 **KESIMPULAN.** Peranan perdagangan Melaka dihalang oleh dasar Belanda selepas tahun 1641. Nilai perdagangan merosot dan ia tidak dapat lagi pulih semula sebagai pusat perdagangan pada masa Kesultanan Melaka dahulu.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Selepas tahun 1641 Melaka mula merosot sebagai pusat perdagangan.
 2. Dari segi perdagangan, Belanda tidak berminat terhadap Melaka. Melaka hanya merupakan pelabuhan yang kurang penting, tidak seperti Betawi. Belanda memerlukannya untuk menguasai Selat Melaka.
 3. Dasar monopoli perdagangan Belanda menimbulkan kemarahan negeri-negeri tempatan dan ramai saudagar meninggalkan Melaka.
 4. Lanun-lanun menyebabkan saudagar-saudagar tidak mahu singgah di pelabuhan itu.
 5. Penggunaan Selat Sunda sebagai jalan perdagangan mengurangkan perdagangan Melaka.
 6. Cukai kastam yang tinggi, sistem surat kebenaran dan kemudahan-kemudahan pelabuhan yang buruk memberi sumbangan kepada kererosotan Melaka sebagai pusat perdagangan.
 7. Pentadbiran yang tidak cekap dan rasuah menyebabkan Melaka tidak menarik perhatian saudagar-saudagar.
 8. Tambahan pula, pelabuhannya semakin cetek dan kapal-kapal besar tidak dapat berlabuh dekat dengan pelabuhan.
-

5. Sebab-sebab kemerosotan Syarikat Hindia Timur Belanda di Timur.

- 5.1 **PENUBUHAN V.O.C.** Syarikat Hindia Timur Belanda atau V.O.C. telah ditubuhkan dalam tahun 1602. Ia merupakan percantuman semua syarikat kecil Belanda untuk mengusir keluar orang Portugis dari Timur. Pada mulanya, syarikat ini mendapat keuntungan yang lumayan. Ia dapat menguasai monopoli rempah-rempah. Tetapi menjelang akhir kurun ke 18, ternyata V.O.C. telah merosot. Terdapat banyak sebab tentang kererosotan V.O.C. itu.
- 5.2 **DASAR DAN AMALAN PERDAGANGAN MONOPOLI.** Belanda percaya sepenuhnya kepada dasar monopoli perdagangan untuk mencari keuntungan seberapa banyak yang mungkin. Malangnya dasar ini ternyata gagal. Amalan Belanda "membeli murah dan menjual mahal" menyebabkan penduduk tempatan menjadi miskin untuk membeli barang-barang kilang Belanda. Oleh itu perdagangan V.O.C. merosot dan menjadi bertambah buruk apabila penduduk tempatan menjalankan kegiatan

penyeludupan untuk mengelakkan diri daripada menjualkan barang-barang dagangan mereka kepada Belanda. Ini menyebabkan kemerosotan hasil pendapatan V.O.C. Untuk mengekalkan amalan monopoli, Belanda terpaksa menggunakan kekerasan untuk mengawal pengeluaran dan harga rempah-rempah. Ini tidak selalunya berjaya, terutamanya apabila orang Inggeris mula menanam tanaman tersebut di dalam tanah jajahannya. Dasar ini menimbulkan kemarahan pemerintah-pemerintah dan penduduk-penduduk tempatan. Mereka juga menjadi miskin dan taraf hidup mereka pula menjadi buruk.

- 5.3 **PEGAWAI-PEGAWAI TIDAK CEKAP DAN RASUAH.** V.O.C. ialah sebuah syarikat perdagangan sepenuhnya. Tetapi, apabila Syarikat ini mengembangkan penguasaan politik di Hindia Timur, saudagar-saudagar tersebut terpaksa menjadi pegawai-pegawai pula. Oleh kerana mereka tidak berpengalaman, maka wujudlah pengelolaan yang buruk dan pentadbiran yang tidak cekap. Ini menyebabkan Syarikat terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak. Pegawai-pegawai itu dibayar gaji yang rendah dan mereka terpaksa melibatkan diri dalam perdagangan persendirian. Oleh itu mereka hilang minat terhadap perdagangan dan pentadbiran Syarikat. Bersama-sama dengan ini, wujud juga amalan-amalan yang buruk seperti rasuah. Oleh itu V.O.C. kehilangan banyak hasil pendapatannya.
- 5.4 **KEMEROSOTAN PERDAGANGAN SYARIKAT.** Dasar monopoli dan pegawai-pegawai yang rasuah mengakibatkan kemerosotan perdagangan Syarikat. Penduduk-penduduk tempatan menjadi terlalu miskin untuk membeli barang-barang Belanda dan perdagangan persendirian mengambil banyak keuntungan Syarikat. Persaingan daripada saudagar-saudagar Eropah dan tempatan juga menyebabkan kemerosotan V.O.C. Orang-orang Eropah menawarkan harga yang lebih tinggi untuk rempah-rempah, oleh itu penduduk-penduduk tempatan menyeludupkan rempah-rempah mereka dan ini merugikan perdagangan V.O.C.
- 5.5 **PEPERANGAN DENGAN PEMERINTAH-PEMERINTAH TEMPATAN.** Untuk menjamin dasar monopoli itu berjalan terus, Belanda terpaksa menggunakan kekerasan, dalam setengah-setengah perkara, misalnya di Pulau-pulau Moluku dan Makasar. Ini menimbulkan permusuhan di kalangan penduduk-penduduk tempatan dan mengakibatkan meletusnya pemberontakan menentang penguasaan Belanda. Perang Pewaris Takhta Jawa II di Mataram menelan belanja yang amat besar di pihak Belanda. Ini semua adalah sebab-sebab V.O.C. mengalami kemerosotan kewangan.
- 5.6 **DIVIDEN YANG TINGGI.** Di dalam usahanya untuk menarik lebih ramai penanam-penanam modal, V.O.C. membayar dividen-dividen yang tinggi kepada pemegang-pemegang sahamnya. Kedudukan kewangannya bertambah merosot dan hutangnya semakin bertambah.

- 5.7 KESIMPULAN. Pada mulanya V.O.C. merupakan sebuah syarikat yang berjaya. Tetapi pada peringkat kemudian, ia mula merosot kerana pentadbirannya yang buruk dan kekurangan pandangan jauh. Ia akhirnya menjadi bangkerap menjelang akhir kurun ke 18 iaitu dalam tahun 1799.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Syarikat Hindia Timur Belanda telah ditubuhkan dalam tahun 1602.
2. Salah satu sebab kemerosotan V.O.C. ialah dasar monopoli perdagangannya. Amalan "membeli murah dan menjual mahal" menyebabkan penduduk-penduduk tempatan terlalu miskin untuk membeli barang-barang Belanda. Ini menyebabkan mereka menjalankan penyeludupan.
3. Pegawai-pegawai V.O.C. ialah pedagang-pedagang dan tidak mempunyai pengalaman politik, oleh itu mereka mentadbirkan tanah-tanah jajahan itu dengan buruknya. Ini amat merugikan Syarikat.
4. Perdagangan persendirian pegawai-pegawaiannya menyebabkan kerugian hasil pendapatan dan perdagangan V.O.C. Ia juga mengakibatkan kemerosotan perdagangan rasmi Syarikat kerana wujudnya persaingan daripada saudagar-saudagar Eropah dan tempatan.
5. Peperangan dengan penduduk-penduduk tempatan menambahkan lagi perbelanjaan V.O.C.
6. Hutang Syarikat bertambah apabila V.O.C. membayar dividen-dividen yang tinggi kepada pemegang-pemegang sahamnya.
7. V.O.C. menjadi bangkerap dalam tahun 1799.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BELANDA DI MELAKA

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN

1. Apakah sebab-sebab utama kedatangan Belanda ke Asia Tenggara? Huraikan bagaimana mereka menakluk Melaka dalam tahun 1641. (Rujuk kepada Tajuk 1 & 2)
2. Huraikan dasar perdagangan Belanda di Melaka dan kesan-kesannya. (Rujuk kepada Tajuk 3)
3. Semasa zaman Belanda, mengapa Melaka kehilangan kedudukannya sebagai pusat perdagangan yang utama kepada Betawi di Asia Tenggara? (Rujuk kepada Tajuk 4)
4. Huraikan sebab-sebab utama kemerosotan V.O.C. (Syarikat Hindia Timur Belanda) di Timur. (Rujuk kepada Tajuk 5)



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BAB 4 EMPAYAR JOHOR DAN ORANG BUGIS

1. Kebangkitan dan Kejatuhan Empayar Johor.

- 1.1 PENDAHULUAN. Empayar Johor dibina oleh Sultan Mahmud apabila baginda terpaksa meninggalkan Melaka dalam tahun 1511. Ia menjadikan Bintang ibunegerinya. Kemudian ia digantikan oleh puteranya Sultan Alauddin Riayat Shah II yang dikatakan sebagai pengasas Kesultanan Johor.
- 1.2 HUBUNGAN DENGAN MELAKA. Sultan Mahmud, di dalam usahanya untuk merampas semula Melaka, menyerang Portugis di Melaka di antara tahun 1515 dan 1524. Ia gagal. Serangan-serangan diteruskan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah II. Tetapi serangan-serangannya dalam tahun 1533 dan 1550 telah ditewaskan oleh Portugis. Sementara itu, Alauddin berjaya menarik pedagang-pedagang ke Johor dan Johor Lama menjadi pusat perdagangan yang penting.

Johor mempunyai hubungan persahabatan dengan Melaka untuk sementara waktu sahaja, misalnya dalam tahun 1568 dan 1582. Mereka membentuk satu perikatan untuk menolong di antara satu dengan lain bagi menentang serangan-serangan Aceh.

- 1.3 HUBUNGAN DENGAN ACHEH. Aceh, sebuah kuasa Melayu di Sumatera, menjadi ancaman kepada Johor. Kedua-duanya ingin menguasai Selat Melaka dan untuk menegakkan keagungan politik di kawasan-kawasan sekitarnya. Aceh ingin menguasai negeri-negeri lindungan Johor dan ini menimbulkan kemarahan Johor. Aceh melancarkan beberapa serangan ke atas ibunegeri Johor di antara tahun 1537 dan 1640. Oleh itu ibunegerinya terpaksa dipindah-pindahkan beberapa kali, terutamanya apabila ia telah dimusnahkan, misalnya dalam tahun 1564 oleh Aceh dan dalam tahun 1587 oleh Portugis. Dalam tahun 1540, Johor bersatu dengan Perak dan dalam tahun 1568 dan 1582 dengan Portugis di Melaka untuk menentang Aceh.

Dalam tahun 1564, Johor diserang oleh Aceh dan Sultan Alauddin Riayat Shah II dibawa ke Aceh di mana baginda mangkat di situ. Tetapi wangsanya (Kesultannya) telah diselamatkan oleh puteranya, Muazzaf Shah. Ia dan pengganti-penggantinya berjaya membina semula empayar Johor dari serangan tahun 1564. Tetapi di antara tahun 1607 dan 1637 Johor selalu diserang oleh Aceh yang diperintah oleh Mahkota Alam. Dalam tahun 1612, ia memusnahkan Batu Sawar dan meluaskan keluasaannya di negeri-negeri lindungan Johor. Tetapi Johor berjaya untuk hidup terus dan ancaman daripada Aceh tamat selepas kemangkatan Mahkota Alam dalam tahun 1637.

- 1.4 HUBUNGAN DENGAN BELANDA. Apabila Belanda datang ke Timur dan bercadang untuk menakluk Melaka, Johor membuat perjanjian dengan mereka. Dalam tahun 1606, satu perjanjian telah dibuat dan Johor memberi Belanda hak-hak perdagangan sementara Belanda berjanji untuk mengambil Melaka. Tetapi Johor tidak membantu Belanda dan serangan itu gagal. Tetapi dalam tahun 1641, orang-orang Melayu Johor memberi bantuan sepenuhnya kepada Belanda untuk menyerang Melaka. Satu perjanjian telah dibuat dalam tahun 1637 dan Johor menyedari bahawa Melaka di bawah pemerintah yang bersahabat dengannya boleh memberi peluang kepada mereka untuk menguatkan pengaruh dan kuasanya dan boleh menolong mengembangkannya sebagai pusat perdagangan. Sebenarnya, kejayaan Belanda menakluk Melaka dalam tahun 1641 menandakan permulaan perkembangan perdagangan dan perluasankuasa Johor. Peperangan yang berlanjutan dari tahun 1515 hingga 1630an menyekat Johor daripada berkembang dengan sempurnanya.
- 1.5 PERDAGANGAN DAN PERLUASANKUASA JOHOR SELEPAS 1641. Dengan wujudnya hubungan berbaik-baik dengan Belanda di Melaka, Johor berkembang menjadi kuasa Melayu yang terkuat sekali dalam tempoh beberapa dekad (darsawarsa) selepas tahun 1641. Sultan Abdul Jalil Shah menjadikan dirinya pemerintah Pahang dalam tahun 1648. Ia kemudiannya memulakan dasar perluasankuasa ke Kepulauan Riau-Lingga, Rokan, Indragiri, Kampar, Siak dan Bengkalis. Di samping Pahang, ia juga meluaskan kekuasaannya ke negeri-negeri yang didiami oleh orang Minangkabau di utara Melaka.
- Perdagangan berkembang dan Johor menjadi pusat empayar yang makmur. Saudagar-saudagar daripada China dan India membawa kain, tembikar, teh dan dari Pulau-pulau Rempah pula ialah rempah-rempah. Saudagar-saudagar Eropah juga berdagang di Johor. Sungguhpun Johor terbukti menjadi saingan kepada Melaka, tetapi Belanda tidak mahu menentangnya. Tetapi selepas 25 tahun berkembang dan meluaskan kuasa, Johor mula merosot. Ini disebabkan oleh sebab-sebab dalam dan luar.

- 1.6 PEPERANGAN DENGAN JAMBI. Dalam tahun 1666, peperangan meletus di antara Johor dan Jambi dan berlanjutan selama dua puluh tahun. Ini menyebabkan Johor menjadi sebuah negeri yang huru hara dan ia tidak pernah pulih semula seperti sediakala. Kejayaan Jambi menggalakkan Siak dan lain-lain negeri lindungan Johor untuk berpisah daripada Johor. Sultan Ibrahim membina ibunegeinya di Bintang semula, memikirkan ia mempunyai kedudukan yang strategik. Malangnya ia melemahkan penganggannya ke atas Johor dan Pahang dan ini memberi peluang yang baik kepada orang Bugis untuk campurtangan dalam halehwal Johor.

- 1.7 PERSELISIHAN MEREBUT TAKHTA. Wujudnya perselisihan dan kurangnya penyatuan dalam istana Johor. Laksamana dan Bendahara berselisih untuk merebut kuasa. Mereka menggunakan peluang yang ada apabila Sultan Mahmud mangkat dalam tahun 1699 tanpa meninggalkan waris. Bendahara merampas takhta kerajaan dan menggunakan gelaran Abdul Jalil Riayat Shah. Ini menyebabkan kemerosotan Kesultanan Johor.
- 1.8 CAMPURTANGAN OLEH RAJA KECHIL DARI SIAK DAN ORANG BUGIS. Empayar Johor akhirnya berpecah apabila Raja Kechil dari Siak dan orang Bugis campurtangan dalam politik Johor. Wujudnya keadaan tidak tenteram di Johor apabila Sultan menyerahkan tugasnya mentadbirkan negeri kepada Raja Muda. Oleh itu, Raja Kechil mengambil peluang ini dengan merampas takhta Johor dalam tahun 1717.
Dalam tahun 1722, orang Bugis pula menguasai Johor apabila mereka mengusir keluar Raja Kechil dan menabalkan semula Tengku Sulaiman (putera bekas Sultan Johor) ke atas takhta kerajaan. Daeng Merewah menjadi Yam Tuan Muda dan ia merupakan kuasa yang sebenarnya di belakang takhta. Ini menandakan tamatnya empayar Johor.
- 1.9 PERPECAHAN EMPAYAR JOHOR. Negeri-negeri dalam empayar Johor mengisytiharkan kemerdekaannya menjelang awal kurun ke 18. Empayar Johor akhirnya berpecah apabila Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani dalam tahun 1824. Riau dan pulau-pulau di selatan Singapura berada di bawah pengaruh Belanda. Singapura menjadi tanah jajahan Inggeris, sementara Johor diperintah oleh Temenggung. Pahang pula berada di bawah penguasaan Bendahara. Ini menunjukkan kejatuhan empayar Johor.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

A. KEBANGKITAN EMPAYAR JOHOR

1. Empayar Johor dimulakan oleh Sultan Mahmud.
2. Hubungan Johor dengan Portugis di Melaka adalah bermusuh. Hanya wujud masa persahabatan yang pendek.
3. Acheh, saingan kepada Johor, menyerang Johor di antara tahun 153 dan 1640. Ibunegei Johor terpaksa dipindahkan beberapa kali. Tetapi Johor berjaya bernafas terus.
4. Johor menandatangani satu perjanjian dengan Belanda untuk menolongnya menyerang Melaka dalam tahun 1640. Kejayaan Belanda menawan Melaka menandakan permulaan perkembangan empayar dan perdagangan Johor.

5. Sultan Abdul Jalil mengamalkan dasar perluasankuasa yang berjaya meluaskan pengaruh Johor di Kepulauan Riau-Lingga, dan negeri-negeri di Sumatera.
6. Johor menjadi pusat perdagangan di Asia Tenggara.

B. KEJATUHAN EMPAYAR JOHOR

1. Empayar Johor mula berpecah selepas peperangannya dengan Jambi dari tahun 1666 hingga 1686.
 2. Bendahara merampas takhta kerajaan Johor dalam tahun 1699.
 3. Disebabkan oleh keadaan huruhara, Raja Kechil menakluk Johor dalam tahun 1717. Ini mengakibatkan penguasaan Bugis ke atas Johor apabila mereka berjaya mengusir keluar Raja Kechil dalam tahun 1722.
 4. Empayar Johor akhirnya berpecah apabila Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani dalam tahun 1824.
-

2. Raja Kechil dari Siak.

- 2.1 PENDAHULUAN. **Raja Kechil dari Siak** dianggap sebagai putera Sultan Ibrahim dari Johor yang dibawa lari dari Johor semasa kecil kerana berlakunya perselisihan politik ketika itu. Ia dibawa ke negeri Minangkabau di Sumatera. Kemudiannya ia pergi ke Siak dan dijadikan **pemerintah Siak** oleh penduduk-penduduk di situ.
- 2.2 TUNTUTAN RAJA KECHIL TERHADAP JOHOR. Pada tahun-tahun permulaan kurun ke 18, Johor yang diperintah oleh Raja Muda (saudara kepada Sultan Abdul Jalil) tidak bersatu. Wujudnya keadaan tidak tenteram disebabkan oleh kezaliman Raja Muda. Oleh itu **Raja Kechil** mengambil peluang itu dengan menuntut takhta kerajaan Johor dalam tahun 1717. Ia dibantu oleh satu angkatan perang orang-orang Minangkabau. Orang-orang Melayu Johor sanggup membantunya kerana mereka benci kepada Raja Muda. Oleh itu Raja Kechil berjaya menjadi **Sultan Johor** dalam tahun 1717 dengan menggulingkan Sultan Abdul Jalil. Ia menggelarkan dirinya sebagai **Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah**. Ia menjadikan **Riau** ibunegerinya.
- 2.3 RAJA KECHIL DAN ORANG-ORANG BUGIS. Dalam tahun 1717, Raja Kechil meminta bantuan Bugis untuk melanggar Johor. Ia berjanji untuk melantik Daeng Parani sebagai Yam Tuan Muda sekiranya ia berjaya menjadi Sultan. Kemudiannya, menyedari bahawa orang Bugis tidak

mudah disingkirkan setelah bertapak di sesuatu kawasan, Raja Kechil menakluk Johor tanpa menunggu ketibaan bantuan Bugis. Ini menyebabkan orang-orang Bugis terlalu marah kepadanya. Oleh itu mereka menunggu peluang untuk membala dendam. Peluang itu tiba apabila Raja Kechil berkahwin dengan puteri bongsu Bendahara. Kakaknya yang kecewa itu telah membuat rancangan dengan Bugis untuk menentang Raja Kechil. Ia berjanji untuk berkahwin dengan Daeng Parani.

- 2.4 **SERANGAN-SERANGAN OLEH BUGIS.** Pakatan tahun 1718 gagal dan Bendahara telah ditawan serta dibunuh. Dalam tahun 1721 orang-orang Bugis sekali lagi menyerang Raja Kechil dengan bantuan Tengku Sulaiman, putera Bendahara. Mereka berjaya dan dalam tahun 1722 Raja Kechil telah diusir ke Siak.
- 2.5 **PERSELISIHAN DENGAN BUGIS DI KEDAH.** Raja Kechil bermusuhan dengan Bugis di Kedah. Dalam tahun 1723, Sultan Kedah telah digantikan oleh putera sulungnya. Adik Sultan yang baru ini cuba merebut takhta kerajaan dan dengan itu perang saudara meletus. Daeng Parani membantu Sultan Kedah menentang adiknya. Adiknya pula meminta bantuan daripada Raja Kechil dan perang sekali lagi meletus. Perperangan itu berlaku di antara tahun 1724 hingga 1726 dan Raja Kechil telah ditewaskan. Ia diusir semula ke Siak.
- 2.6 **KEPENTINGANNYA.** Campurtangan Raja Kechil di Johor mengakibatkan negeri itu dikuasai oleh orang Bugis. Perperangan di Kedah menyebabkan perdagangan Kedah musnah.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Raja Kechil dari Siak dianggap sebagai putera kepada Sultan Ibrahim dari Johor.
2. Dalam tahun 1717 Raja Kechil mengambil peluang dari keadaan tidak tenteram di Johor, menaklukinya. Sultan Abdul Jalil telah digulingkan.
3. Raja Kechil telah meminta bantuan Bugis. Tetapi apabila ia menukar fikirannya dan menakluk Johor bersendirian, orang Bugis membuat pakatan untuk menentangnya.
4. Dalam tahun 1722 ia telah diusir keluar oleh Tengku Sulaiman yang dibantu oleh Daeng Parani.
5. Raja Kechil kemudiannya membantu adik Sultan menentang Sultan Kedah dalam perang merebut takhta Kedah. Tetapi mereka telah ditewaskan oleh Daeng Parani dan Sultan Kedah.

6. Campurtangan Raja Kechil di Johor mengakibatkan negeri itu dikuasai oleh orang Bugis. Peperangan di Kedah memusnahkan perdagangan Kedah.
-

3. Kegiatan-kegiatan orang Minangkabau di Tanah Melayu dari tahun 1400 – 1795.

- 3.1 SEJARAH AWAL ORANG MINANGKABAU. Orang-orang Minangkabau berasal dari Sumatera dan mereka mula datang ke Tanah Melayu semasa Kesultanan Melaka. Mereka kebanyakannya menjadi petani-petani. Mereka mengamalkan sistem Adat Perpatih di mana ibu ialah ketua keluarga. Semua tanah dimiliki oleh suku. Pentadbiran sistem undang-undang atau keadilannya tidak begitu keras seperti yang diamalkan di negeri-negeri lain. Buapak atau ketua suku mengawasi anak buahnya dengan bantuan beberapa orang tua.
- 3.2 PETEMPATAN ORANG-ORANG MINANGKABAU. Orang Minangkabau mula-mulanya tinggal di Naning, sebuah negeri di pendalaman Melaka, dan kemudiannya mereka berpindah ke kawasan pendalaman di utara Melaka iaitu ke Rembau, Sri Meranti, Inas, Jelebu dan Sungai Ujung. Menjelang kurun ke 18, mereka membuat petempatan-petampatan di Johol, Gemencheh, Ulu Muar dan Jempul.

Negeri-negeri itu berada di bawah pengaruh Kesultanan Melaka. Berlaku juga perkahwinan campur di antara orang-orang Minangkabau dengan penduduk-penduduk tempatan. Apabila Melaka ditawan oleh Portugis dalam tahun 1511, Naning diletakkan di bawah kekuasaan Portugis.

- 3.3 HUBUNGAN NANING DENGAN BELANDA. Hubungan di antara Naning dengan Portugis tidak berapa baik dan dalam tahun 1641 Naning membantu Belanda menakluk Melaka. Satu perjanjian ditandatangani dengan Belanda di mana Naning berjanji akan membayar ufti tahunan dalam bentuk wang tunai dan hasil tanaman sebanyak 10% daripada hasil padi. Naning juga berjanji akan taat setia kepada pentadbiran Belanda di Melaka. Tetapi dalam tahun 1645 pergaduhan meletus di atas pungutan ufti kerana Belanda mendapat sukar untuk memungut ufti itu. Dalam tahun 1646 satu perjanjian damai telah ditandatangani di antara mereka tetapi hubungan kemudiannya menjadi tegang semula.

Dalam tahun yang sama, Naning, Rembau dan Sungai Ujung memilih Raja Ibrahim sebagai raja mereka. Belanda tidak bersetuju dan pergaduhan meletus. Naning sering melanggar sempadan Melaka sehingga tahun 1680 apabila satu lagi perjanjian damai ditandatangani. Ufti tahunan dikurangkan kepada 400 gantang padi sahaja.

- 3.4 **KEDATANGAN BUGIS.** Dalam tahun 1641 negeri-negeri Minangkabau yang lain berada di bawah penguasaan Johor. Dalam tahun 1717, Raja Kechil dari Siak, putera dari Minangkabau menawan Johor. Tetapi ia diusir keluar oleh orang Bugis dalam tahun 1721. Ini menimbulkan keimbangan di kalangan orang-orang Minangkabau bahawa mereka juga mungkin akan dihalau keluar daripada Semenanjung Tanah Melayu. Orang-orang Bugis mula meluaskan pengaruh mereka di seluruh Semenanjung. Ini menyebabkan pengaruh Minangkabau tersekat dan tidak dapat meluaskan pengaruh mereka. Mereka hanya berjaya meluaskan pengaruh mereka di negeri-negeri yang dikenali sebagai Negeri Sembilan.
- 3.5 **KEDATANGAN RAJA MELEWAR.** Apabila Johor berada di bawah penguasaan Bugis, negeri-negeri Minangkabau itu mula memerintah secara bebas. Takutkan kekuatan Bugis, mereka meminta perlindungan daripada Sumatera. Oleh itu, seorang raja Minangkabau, Raja Melewar, telah dihantar ke Tanah Melayu untuk membantu mereka. Sultan Johor memberinya kebenaran untuk memerintah negeri-negeri itu dan ia bersemayam di Sri Menanti. Ia menggelarkan dirinya sebagai Yang Dipertuan Besar dan menguasai negeri-negeri Minangkabau itu.
- 3.6 **PEMBENTUKAN NEGERI SEMBILAN.** Dibawah pimpinan Raja Melewar, negeri-negeri Minangkabau itu berpisah daripada Johor. Mereka mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah kesatuan yang mengandungi negeri-negeri tersebut dengan menamakannya Negeri Sembilan, dalam tahun 1771. Kesembilan-sembilan negeri itu terdiri daripada empat buah negeri besar iaitu Sungai Ujung, Rembau, Johol dan Jelebu dan lima buah negeri kecil iaitu Jempul, Ulu Muar, Sri Menanti, Inas dan Gemencheh.
- 3.7 **KEPENTINGANNYA.** Orang-orang Minangkabau memainkan peranan yang penting dalam sejarah Tanah Melayu kerana mereka memperkenalkan Adat Perpatih ke dalam masyarakat Melayu. Kegiatan Raja Kechil mengakibatkan wujudnya pengaruh Bugis di Johor. Orang-orang Minangkabau adalah bertanggungjawab kerana pembentukan Negeri Sembilan.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Orang-orang Minangkabau yang datangnya dari Sumatera ialah petani dan mereka mengamalkan Adat Perpatih.
2. Mereka membuat petempatan di negeri-negeri Naning, Rembau, Sri Menanti, Inas, Jelebu, Sungai Ujung, Johol, Gemencheh, Ulu Muar dan Jempul.
3. Dalam tahun 1511, Naning berada di bawah penguasaan Portugis.

4. Dalam tahun 1641, disebabkan perasaan bermusuhan terhadap Melaka, Naning membantu Belanda menentang Melaka.
 5. Satu perjanjian telah ditandatangani oleh Naning dengan Belanda berjanji akan membayar ufti tahunan dan taat setia. Tetapi, pergaduhan kemudiannya meletus semula. Hubungan menjadi buruk.
 6. Dalam tahun 1680 ufti tahunan itu dikurangkan.
 7. Apabila orang Bugis datang ke Tanah Melayu, orang-orang Minangkabau tidak dapat meluaskan pengaruh mereka lagi.
 8. Negeri-negeri Minangkabau di Tanah Melayu itu mula memerintah secara bebas.
 9. Raja Melewar dari Sumatera dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar kepada negeri-negeri Minangkabau itu.
 10. Dalam tahun 1773 semua negeri-negeri Minangkabau itu kecuali Naning, membentuk sebuah kesatuan dan di namakan Negeri Sembilan.
-

4. Orang-orang Bugis dan pengaruh mereka di Semenanjung Tanah Melayu dalam kurun ke 18.

4.1 SEBAB-SEBAB KEDATANGAN BUGIS KE TANAH MELAYU. Orang Bugis berasal dari pulau Sulawesi. Mereka dikenali sebagai pahlawan dan pedagang. Pelabuhan penting di Sulawesi iaitu Makasar menjadi saingan kepada pelabuhan Belanda di Betawi kerana Makasar ialah pelabuhan bebas. Ia mengancam monopoli rempah-rempah Belanda dan oleh itu dalam tahun 1667 Belanda menakluk Makasar, dan kemudiannya mereka menakluk bahagian selatan Sulawesi iaitu tempat kediaman orang Bugis.

Oleh itu, Bugis mendapat matapencarian mereka tertutup dan juga tanah tumpah darah mereka jatuh ke tangan Belanda. Enggan berada di bawah penguasaan Belanda, mereka meninggalkan Sulawesi untuk mencari tempat kediaman yang baru di bahagian lain Asia Tenggara.

4.2 PETEMPATAN AWAL DI TANAH MELAYU. Menjelang tahun 1600 orang-orang Bugis telah menduduki Tanah Melayu. Mereka membuat petempatan di lembah-lembah Sungai Kelang dan Selangor dan di Melaka. Pantai barat Tanah Melayu terlalu baik untuk menjadi tempat perdagangan dan perlanunian. Daripada sini, orang-orang Bugis meluaskan pengaruh mereka ke negeri-negeri lain dengan campurtangan dalam politik tempatan. Mereka selalu memihak kepada sesuatu pihak dalam pertelingkahan NA

tempatan dan kemudiannya menuntut hadiah untuk usaha-usaha mereka itu. Satu kumpulan Bugis yang termasyhur ialah lima orang putera Daeng Kilaka – Daeng Parani, Daeng Merewah, Daeng Chelak, Daeng Kemboja dan Daeng Merambun.

- 4.3 ORANG-ORANG BUGIS DI JOHOR. Pengaruh politik orang Bugis bermula di Johor, setelah mereka berjaya mengukuhkan kedudukan mereka, dan menjadikan Johor sebagai markas untuk meluaskan pengaruh mereka ke tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu. Raja Kechil dari Siak, seorang putera diraja Minangkabau, menuntut takhta kerajaan Johor dalam tahun 1717. Ia meminta bantuan daripada orang Bugis dan berjanji untuk melantik Daeng Parani sebagai Yam Tuan Muda Johor selepas menakluk negeri Johor. Tetapi, semasa orang Bugis sedang mengumpulkan angkatan perang di Selangor, Raja Kechil menyerang dan menakluk Johor bersendirian. Oleh itu, perselisihan meletus di antara Raja Kechil dan orang Bugis. Untuk membala dendam, Daeng Parani membantu putera Bendahara, Tengku Sulaiman untuk merampas takhta daripada Raja Kechil, yang kemudiannya diusir ke Siak. Orang Bugis kemudiannya menabalkan Tengku Sulaiman sebagai Sultan dan Daeng Merewah menjadi Yam Tuan Muda. Oleh itu pengaruh orang Bugis telah bertapak di Johor dan Pahang. Orang Bugis memegang kuasa sepenuhnya sementara Sultan hanya menjadi pemerintah boneka sahaja. Kemudiannya, Daeng Merewah telah digantikan oleh Daeng Chelak. Untuk mengukuhkan kedudukan mereka, pembesar-pembesar Bugis berkahwin dengan keluarga diraja Johor. Daeng Parani berkahwin dengan adik perempuan Sultan, Tengku Tengah. Kejayaan mereka di Johor menandakan perkembangan pengaruh Bugis di Tanah Melayu.
- 4.4 ORANG BUGIS DI KEDAH. Orang Bugis meluaskan kekuasaan mereka di Kedah dengan campurtangan dalam politik Kedah. Di Kedah berlakunya perebutan takhta kerajaan di antara dua orang putera diraja adik beradik dalam tahun 1723 apabila Sultan mangkat. Putera yang muda cuba merebut takhta kerajaan apabila putera yang tua menjadi Sultan. Sultan yang baru itu meminta bantuan Bugis dan sebagai balasannya berjanji akan membayar 15 bahara bijih timah. Oleh itu perang meletus dalam tahun 1724 dan tamat pada tahun 1726 dengan orang Bugis membantu Sultan dan Raja Kechil membantu putera yang muda. Orang Bugis telah berjaya sungguhpun Daeng Parani terbunuh. Sultan halal dapat membayar 2 bahara bijih timah, sungguhpun baginda berjanji untuk membayar 15 bahara. Oleh itu Kedah berada di bawah penguasaan Bugis.
- 4.5 ORANG BUGIS DI PERAK. Selepas perperangan di Kedah, ramai pahlawan Minangkabau pergi ke Perak dan diberi jawatan-jawatan tinggi. Ini menimbulkan kemarahan orang Bugis yang memang menunggu peluang untuk campurtangan di Perak. Perang saudara meletus di antara Sultan dan adiknya, Muzaffar Shah. Orang Bugis membantu Muzaffar Shah dan

menyerang Perak daripada Bernam. Mereka berjaya menabalkan Muzaffar Shah sebagai Sultan Perak dan oleh itu pengaruh Bugis telah bertapak di Perak. Tetapi Raja Kechil campurtangan semula di Perak dan Daeng Chelak berazam untuk menamatkan campurtangan itu dengan melanggar Perak dalam tahun 1742. Pengaruh Bugis dapat bertapak dengan kukuhnya dan perdagangan bijih timah dapat dikuasai oleh Bugis.

- 4.6 **ORANG BUGIS DI SELANGOR.** Setelah meletakkan semua negeri Melayu di pantai barat yang kaya di bawah penguasaan mereka, orang Bugis berjaya menentang orang Minangkabau dan Melayu. Mereka berbuat demikian dengan menabalkan Sultan yang pertama di Selangor. Dengan itu Kesultanan Selangor yang baru diwujudkan.
- 4.7 **HUBUNGAN BUGIS DENGAN BELANDA.** Orang Belanda terasa diancam oleh pengaruh Bugis. Perdagangan bijih timah berada di tangan orang Bugis dan mereka mendapat diri mereka dikelilingi oleh negeri-negeri yang dikuasai oleh Bugis. Oleh itu, dalam tahun 1755, orang Belanda mengambil langkah-langkah untuk melindungi kepentingan mereka. Dalam tahun 1744, orang Belanda dan Johor menandatangani satu perjanjian di mana Belanda berjanji untuk membantu Johor bagi mengusir keluar orang Bugis. Perselisihan secara terbuka tidak dapat dielakkan dan dalam tahun 1756 peperangan meletus di antara Belanda dan Bugis. Orang Bugis telah ditewaskan di Linggi dalam tahun 1757 dan mereka terpaksa bersetuju untuk memberi hak monopolii dalam perdagangan kepada Belanda. Mereka juga berjanji tidak akan campurtangan di Johor semula. Oleh itu perdamaian dapat diwujudkan tetapi hanya untuk sementara waktu sahaja.
- 4.8 **RAJA HAJI DAN ORANG BELANDA.** Belanda hilang minat di Johor dan Johor berada di bawah kekuasaan Bugis semula dalam tahun 1761. Raja Haji, putera Daeng Chelak menjadi pemimpin orang-orang Bugis. Ia bercadang untuk mengukuhkan penguasaan Bugis di Perak dan Kedah dan meminta ufti daripada negeri-negeri tersebut. Ia melanggar Kedah apabila Sultan enggan membayar 12 bahara bijih timah yang dijanjikan kepada Daeng Parani dalam tahun 1724 dahulu. Perselisihan secara terbuka dengan Belanda meletus dalam tahun 1784. Raja Haji telah terbunuh dan ini menandakan kemerosotan Bugis di Tanah Melayu.
- Orang Belanda mengambil kesempatan ini untuk menindas terus orang-orang Bugis dengan melanggar Selangor dan Pahang. Riau ditawan dan orang Bugis dihalau keluar daripada Tanah Melayu. Mereka balik semula ke Riau apabila Inggeris mengambil tanah jajahan Belanda dalam tahun 1795. Tetapi mereka gagal untuk menegakkan kegemilangan pengaruh mereka semula.
- 4.9 **KESAN-KESAN PENGUASAAN BUGIS.** Orang Bugis telah berjaya untuk selama lebih dari satu kurun dan kesan-kesan pengaruh mereka masih

lagi wujud. Mereka berjaya menyekat perluasan pengaruh Belanda di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka membolehkan orang Inggeris untuk meluaskan pengaruh mereka di Kedah dan Johor dengan melemahkan pengaruh orang Melayu. Mereka bertanggungjawab di atas kemererosotan empayar dan Kesultanan Johor. Satu dinasti baru dibentuk di Selangor. Kehadiran mereka mengakibatkan pembentukan sebuah negeri baru, Negeri Sembilan, yang mengandungi kesatuan 9 buah negeri Minangkabau.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Orang Bugis datang ke Tanah Melayu apabila Makasar ditakluk oleh Belanda dalam tahun 1667.
2. Menjelang tahun 1680 mereka telah membuat petempatan di Sungai-sungai Kelang dan Selangor.
3. Satu kumpulan orang Bugis yang termasyhur ialah lima orang adik beradik, putera-putera kepada Daeng Rilaka.
4. Orang Bugis meluaskan penguasaan mereka di Johor dalam tahun 1722 apabila mereka menabalkan Tengku Sulaiman sebagai Sultan dan mengusir keluar Raja Kechil. Daeng Merewah menjadi Yam Tuan Muda.
5. Pembesar-pembesar Bugis berkahwin dengan keluarga diraja Johor.
6. Di Kedah, orang Bugis mengambil bahagian dalam perang saudara dan menabalkan putera yang tua sebagai Sultan Kedah. Oleh itu Kedah berada di bawah penguasaan Bugis.
7. Orang Bugis campurtangan di Perak juga dan menabalkan Muzaffar Shah sebagai Sultan dengan menggunakan gelaran Yang Dipertuan. Apabila Raja Kechil campurtangan, mereka melanggar Perak dalam tahun 1742 dan mengukuhkan kedudukan serta pengaruh mereka di Perak.
8. Mereka menabalkan Sultan pertama mereka di Selangor.
9. Orang Belanda takutkan pengaruh Bugis berjanji untuk membantu Johor bagi menghalau keluar orang Bugis.
10. Peperangan meletus dalam tahun 1756 dan orang Bugis yang terpaksa memberi hak monopoli perdagangan kepada Belanda serta berjanji tidak akan campurtangan di Johor.
11. Dalam tahun 1761 Johor berada di bawah penguasaan Bugis semula.
12. Raja Haji mengukuhkan penguasaan Bugis ke atas Perak dan Kedah.
13. Dalam tahun 1784 berlakunya perselisihan terbuka di antara Raja Haji dengan Belanda dan Raja Haji telah terbunuh.

14. Kuasa Bugis merosot dan orang Belanda menyerang Selangor, Pahang dan menawan Riau.
 15. Pengaruh Bugis menyekat perluasankuasa Belanda di negeri-negeri Melayu. Mereka bertanggungjawab di atas kemerosotan Johor dan pembentukan Negeri Sembilan.
-

5. Daeng Parani (Bugis).

- 5.1 KEDATANGAN ORANG BUGIS. Orang Bugis datang ke Tanah Melayu dalam kurun ke 17, daripada bahagian selatan Pulau Sulawesi. Di antara mereka ialah putera adik beradik kepada Daeng Rilaka, iaitu Daeng Parani, Daeng Menimbun, Daeng Merewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemboja. Mereka membuat petempatan di Selangor.
- 5.2 DAENG PARANI DAN RAJA KECHIL DARI SIAK DI JOHOR. Raja Kechil dari Siak, menuntut sebagai waris takhta Johor. Ia melanggar Johor. Disebabkan ragu-ragu kepada kekuatannya, ia meminta bantuan Bugis dan berjanji untuk melantik Daeng Parani sebagai Yam Tuan Muda selepas menakluk Johor. Tetapi, semasa Daeng Parani sedang mengumpulkan angkatan perang di Selangor, Raja Kechil menukar fikirannya. Takut bahawa ia mungkin dikuasai oleh Bugis, Raja Kechil melancarkan serangan seorang diri pada 21hb. Mac 1717. Ia berjaya dan enggan melantik Daeng Parani sebagai Yam Tuan Muda.
Disebabkan mungkir janji itu, Daeng Parani terlalu marah kepada Raja Kechil. Ia menunggu peluang untuk membala dendam. Raja Kechil berkahwin dengan puteri bongsu Bendahara. Ini menyebabkan puteri Bendahara yang lebih tua, Tengku Tengah, membuat pakatan sulit dengan Daeng Parani untuk menentang Raja Kechil. Ia berjanji untuk berkahwin dengan Daeng Parani. Tetapi pakatan sulit itu gagal.
- 5.3 PENUBUHAN KUASA BUGIS DI JOHOR. Dalam tahun 1721, Daeng Parani mendapati peluang terbuka untuk mengusir keluar Raja Kechil daripada Johor. Tengku Sulaiman, putera Bendahara, meminta bantuan Bugis untuk merampas semula takhta. Daeng Parani memberinya bantuan dan berjaya meletakkannya di atas takhta. Raja Kechil telah dihalau ke Sumatera. Daeng Merewah (abang tua Daeng Parani) telah dijadikan Yam Tuan Muda. Oleh itu Daeng Parani berjaya menegakkan pengaruh Bugis di Johor. Sultan Sulaiman hanya merupakan pemerintah boneka sahaja.
- 5.4 PERSELISIHAN DENGAN RAJA KECHIL DI KEDAH. Orang Bugis dibawah Daeng Parani mengembangkan pengaruh mereka ke Kedah dengan

campurtangan dalam politik tempatan. Berlakunya perebutan takhta kerajaan di antara dua orang putera diraja adik beradik. Daeng Parani menyokong putera tua menentang putera muda yang dibantu oleh Raja Kechil. Peperangan berlaku di antara tahun 1724 hingga 1726 dan Daeng Parani berjaya dalam peperangan itu. Ia terbunuh dalam tahun 1726 di dalam peperangan itu. Tetapi pengaruh Bugis di Kedah telah dapat dikukuhkan.

- 5.5 **KESIMPULAN.** Daeng Parani ialah salah seorang pahlawan Bugis yang membantu meluaskan pengaruh Bugis ke atas Johor dan Kedah. Dengan kegiatan-kegiatan itu, ia menyekat perluasan pengaruh Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Daeng Parani ialah salah seorang putera Daeng Rilaka, yang tinggal di Selangor bersama-sama dengan adik beradiknya yang lain.
 2. Dalam tahun 1717, Raja Kechil memungkiri janjinya untuk melantik Daeng Parani sebagai Yam Tuan Muda Johor, apabila ia berjaya menawan Johor. Ini menyebabkan Daeng Parani marah.
 3. Dalam tahun 1718 ia membuat pakatan sulit dengan Tengku Tengah untuk menentang Raja Kechil tetapi gagal.
 4. Dalam tahun 1721, ia membantu Tengku Sulaiman menghalau keluar Raja Kechil daripada Johor.
 5. Di Kedah, Daeng Parani membantu putera sulung dalam perebutan takhta kerajaan. Peperangan berlangsung di antara tahun 1724 hingga 1726. Daeng Parani telah terbunuh dalam tahun 1726.
 6. Ia adalah salah seorang pahlawan Bugis yang menolong meluaskan pengaruh Bugis.
-

6. Hubungan Belanda dengan Bugis pada akhir kurun ke 18

- 6.1 **PENDAHULUAN.** Orang Bugis datang ke Tanah Melayu apabila Makasar ditawan oleh Belanda dalam tahun 1667. Menjelang tahun 1680 mereka telah membuat petempatan mereka di kuala Sungai Selangor dan Sungai Kelang. Dengan campurtangan dalam politik tempatan mereka berjaya

meluaskan pengaruh mereka ke negeri-negeri Melayu. Dalam tahun 1740an mereka telah bertapak di **Johor, Pahang, Selangor, Kedah dan Perak**.

- 6.2 **KESAN-KESANNYA KE ATAS BELANDA DI MELAKA.** Pada permulaannya Belanda hanya memerhatikan kegiatan orang-orang Bugis kerana mereka terlalu sibuk di Jawa. Tetapi perkembangan pengaruh Bugis kemudiannya menjadi ancaman kepada Belanda di Melaka. Mereka mendapat diri mereka dikelilingi oleh negeri-negeri yang dikuasai oleh orang Bugis. Mereka menjadi bertambah bimbang apabila Bugis menguasai perdagangan bijih timah di Kedah dan Perak. Melaka terputus dari bekalan bijih timah ini. Oleh itu berlakunya pertelingkahan di antara Belanda dan Bugis untuk menguasai monopoli bijih timah pada akhir kurun ke 18.
- 6.3 **HUBUNGAN BELANDA DENGAN JOHOR.** Minat Bugis di negeri-negeri lain menyebabkan mereka tidak mengutamakan Johor. Oleh itu Sultan Sulaiman mula meminta bantuan Belanda untuk menentang Bugis. Satu perjanjian telah ditandatangani dalam tahun 1745 di mana Johor berjanji akan memberi Siak kepada Belanda dan Belanda akan memberi bantuan untuk mengusir keluar Bugis. Tetapi perjanjian itu tidak dapat dijalankan. Satu lagi perjanjian telah ditandatangani dalam tahun 1755 dan ini menyebabkan perselisihan secara terbuka di antara Belanda dan Bugis tidak dapat dielakkan. Belanda berjanji kepada Sultan Sulaiman untuk mendapatkan semua tanah jajahannya semula. Sebagai balasannya, Belanda akan diberi hak berdagang dengan bebas dan monopoli bijih timah di Selangor, Kelang dan Linggi.
- 6.4 **PERSELISIHAN TERBUKA DI ANTARA BELANDA DAN BUGIS.** Pergaduhan meletus semula dan dalam tahun 1756 orang Bugis menyerang Melaka. Orang Belanda membalaas serangan itu dengan menyerang dan menakluk Lingga. Mereka juga telah diberi Rembau dan Linggi oleh Sultan Johor. Orang Bugis terpaksa menandatangani perjanjian damai dengan Belanda dalam tahun 1758 di mana mereka berjanji untuk membiarkan Johor. Mereka terpaksa memberi Belanda hak monopolii perdagangan. Oleh itu wujudnya keamanan di Johor tetapi hanya untuk sementara waktu. Orang Belanda hilang minat di Johor dan orang Bugis kembali semula ke Johor. Oleh kerana Belanda lemah dan bersetuju untuk mengadakan hubungan berbaik-baik, orang Bugis telah diberi peluang untuk menegakkan semula kuasa mereka di antara tahun 1760 hingga 1780.
- 6.5 **RAJA HAJI.** Raja Haji, salah seorang putera Daeng Chelak, ialah salah seorang pemimpin yang teragung. Ia mengembalikan semula kuasa Bugis di Johor dan juga di negeri-negeri utara. Ia menuntut supaya Sultan Perak membayar ufti kepada Bugis. Disebabkan oleh takut, Sultan terpaksa berbuat demikian. Tetapi Raja Haji menuntut ufti dan pembayaran

hutang sebanyak 12 bahara bijih timah yang masih dihutang oleh Kedah dalam tahun 1726 dahulu. Sultan Kedah enggan memenuhi tuntutan Bugis itu. Oleh itu Kedah telah dilanggar dan diletakkan di bawah kekuasaan Bugis.

- 6.6 RAJA HAJI DAN BELANDA. Dalam tahun 1777, Raja Haji menjadi Yam Tuan Muda Johor. Ia berazam untuk meluaskan kuasa Bugis dan dengan itu menimbulkan perrusuhan dengan Belanda. Orang Belanda takut kepada Riau yang telah menjadi pelabuhan penting dan pusat penyeludupan bijih timah. Tetapi tidak berlakunya perselisihan secara terbuka sehingga tahun 1782 apabila pergaduhan berlaku kerana merebutkan harta rampasan dari sebuah kapal Inggeris yang ditawan dekat Riau. Raja Haji tidak diberi sabahagian daripada harta rampasan kapal itu oleh Belanda.

Marah kepada Belanda, Raja Haji menyerang kapal-kapal Belanda di sepanjang-pantai Selat Melaka. Belanda pula cuba menakluk Riau tetapi tidak berjaya. Dalam tahun 1784, orang Bugis menyerang-balas dan mengepung Melaka. Bantuan Belanda tiba pada masanya dan dalam peperangan seterusnya Raja Haji telah terbunuh. Orang Bugis telah dapat ditewaskan dan ini menandakan kemerosotan kuasa Bugis. Belanda kemudiannya menyerang Bugis di Selangor dan Riau. Sultan Ibrahim dari Selangor berjaya melepaskan diri ke Pahang sementara Johor pula terpaksa menerima seorang Residen Belanda.

- 6.7 KESIMPULAN. Perselisihan Bugis dengan Belanda mengakibatkan kemerosotan Bugis. Tetapi kehadiran Bugis telah dapat menyekat Belanda daripada meluaskan kuasa mereka ke negeri-negeri Melayu.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Menjelang tahun 1740an, Bugis berjaya bertapak di Johor, Pahang, Selangor, Kedah dan Perak.
2. Orang Belanda menjadi bimbang di atas monopoli bijih timah mereka.
3. Dalam tahun 1755 Belanda berjanji untuk membantu Sultan Johor menentang Bugis dan ini mengakibatkan wujudnya peperangan terluka dalam tahun 1756.
4. Orang Bugis telah ditewaskan dan mereka terpaksa berjanji untuk membikarkan Johor dan untuk memberi Belanda hak monopoli.
5. Orang Bugis membina semula kuasa mereka di antara tahun 1760 dan 1780.
6. Raja Haji menguatkan kedudukan Bugis di Johor, Perak dan Kedah.

7. Dalam tahun 1782, Raja Haji berkelahi dengan Belanda mengenai harta rampasan dari sebuah kapal Inggeris. Peperangan meletus dan Raja Haji telah terbunuh dalam tahun 1784.
 8. Kuasa Bugis merosot selepas kematian Raja Haji.
-

EMPAYAR JOHOR DAN ORANG BUGIS

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN

1. Beri satuuraian ringkas mengenai kebangkitan dan kejatuhan Empayar Johor. (Rujuk kepada Tajuk 1).
2. Tuliskan catitan ringkas mengenai perkara-perkara berikut:—
 - a) Raja Kechil dari Siak. (Rujuk kepada Tajuk 2).
 - b) Daeng Parani. (Rujuk kepada Tajuk 5).
 - c) Pembentukan Negeri Sembilan. (Rujuk kepada Tajuk 3).
3. Huraikan peranan yang dimainkan oleh orang Minangkabau di Tanah Melayu dari tahun 1400 hingga 1795. (Rujuk kepada Tajuk 3).
4. Huraikan dengan ringkas mengenai pengaruh Bugis di Tanah Melayu dalam kurun ke 18. (Rujuk kepada Tajuk 4).
5. Beri satuuraian mengenai perselisihan Bugis dengan Belanda pada akhir kurun ke 18. (Rujuk kepada Tajuk 6).



BAB 5. BRITISH DI PULAU PINANG

1. Sebab-sebab British mengambil Pulau Pinang dalam tahun 1786.

1. PENDAHULUAN. Persaingan Inggeris-Belanda untuk perdagangan di Timur menjadi begitu ternyata di Asia Tenggara. Orang Belanda berazam untuk menguasai monopoli rempah-rempah dan dengan perlahan-lahan memaksa British memusuahkan kepentingan mereka di Asia Tenggara. Orang British menarik diri daripada Hindia Timur selepas Pembunuhan Beramai-Ramai di Ambon dalam tahun 1623 dan menumpukan minat mereka di India. Dalam kurun ke 18 Britain mendapatinya perlu untuk membangkitkan semula minatnya di Asia Tenggara. Beberapa sebab boleh diberikan kepada keinginan British untuk mencari sebuah pelabuhan di Timur Teluk Benggala. Sebab-sebab ini boleh digolongkan kepada motif-motif strateji dan ekonomi.
- 1.2 MOTIF STRATEJI. Terjadinya persaingan Inggeris-Peranchis di Timur, terutamanya di India. Kawasan perselisihan mereka ialah di pantai Timur India di mana Syarikat Hindia Timur mempunyai beberapa buah loji yang penting semasa Angin Monsun Timur-Laut bertiup dari bulan Oktober hingga Mei, angkatan laut Inggeris terpaksa belayar ke Bombay kerana laut di situ terlalu bergelora. Oleh itu Madras dan Benggala ditinggalkan tanpa sebarang pertahanan. Oleh itu semasa angkatan laut itu balik semula pada akhir angin monsun, musuhnya mungkin telah dapat menguasai atau menyerang kawasan itu. Bombay adalah terlalu jauh sebagai pengkalan pertahanan.
Orang-orang Peranchis telah mengambil peluang ini dalam tahun-tahun 1758, 1782 dan 1783 untuk mengepung Madras. Di bahagian Barat, mereka mempunyai sebuah pengkalan di Mauritius dari mana angkatan laut mereka boleh datang ke India dengan Angin Monsun Barat-Daya. Di bahagian Timur pula, orang-orang Peranchis bersahabat baik dengan Acheh dan Burma dan mereka boleh berlindung di pelabuhan-pelabuhan yang berdekatan di Acheh, Rangoon, Mergui dan Trincomalee. Menyedari kedudukan mereka, pegawai-pegawai British telah diarahkan untuk mencari sebuah tempat yang sesuai untuk menjadi sebuah pengkalan laut. Ia boleh digunakan untuk melindungi loji-loji mereka di Teluk Benggala semasa Angin Monsun Timur-Laut.
- 1.3 MOTIF PERDAGANGAN: PERDAGANGAN DENGAN CHINA. Syarikat Hindia Timur mempunyai monopoli ke atas perdagangan China yang telah berkembang dengan kadar yang pesat. Perdagangan ini terlalu penting kepada Syarikat kerana ia mendatangkan keuntungan yang lumayan. Menjelangnya pertengahan kurun ke 18, perdagangan ini menjadi terlalu penting kerana permintaan yang terlalu besar terhadap teh di Eropah. Sekatan ke atas perdagangan China itu telah dibatalkan dan ramai orang Eropah telah tertarik hati kepada perdagangan itu. Oleh itu, penguasaan jalan perdagangan di antara India dan China, iaitu Selat

Melaka, adalah terlalu penting. Sebuah pelabuhan di timur India adalah terlalu dikehendaki untuk dapat menguasai jalan perdagangan dan untuk memudahkan perkembangan perdagangan China.

- 1.4 REVOLUSI PERUSAHAAN. Revolusi Perusahaan di England mengakibatkan keperluan kepada bahan-bahan mentah untuk kilang-kilang perusahaan dan juga pasaran untuk menjual barang-barang kilang yang telah siap. Adalah diharapkan bahawa benua Asia dapat menyediakan pasaran yang luas dan bahan-bahan mentah. Oleh itu, keinginan untuk mencari sebuah pengkalan diperhebatkan.
 - 1.5 KESIMPULAN. Motif-motif strateji dan perdagangan mendorongkan Inggeris mencari sebuah pengkalan dalam tahun 1770an. Ia mengakibatkan pengambilan Pulau Pinang oleh Francis Light dalam tahun 1786.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Persaingan Inggeris-Belanda telah menyebabkan British berundur dari Timur dalam tahun 1623.
2. Tetapi dalam kurun ke 18, sebab-sebab strateji dan ekonomi menyebabkannya perlu untuk mencari sebuah pelabuhan di Timur.
3. **Sebab-sebab Strateji**
 - a) Semasa Angin Monsun Timur-Laut apabila angkatan Laut British berlindung di Bombay, Madras dan Benggala telah tertinggal tanpa pertahanan.
 - b) Dalam tahun 1758, 1782 dan 1783 orang-orang Perancis telah mengepung Madras. Mereka bersahabat baik dengan Aceh dan Burma.
4. **Sebab-sebab Ekonomi.**
 - a) Perdagangan China menyebabkan amat perlunya British menguasai Selat Melaka. Oleh itu sebuah pelabuhan di Timur adalah penting.
5. Disebabkan oleh Revolusi Perusahaan, timbulnya keperluan untuk mendapatkan bahan-bahan mentah dan pasaran.
6. Oleh itu Pulau Pinang diambil dalam tahun 1786.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

2. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada pengambilan Pulau Pinang oleh Inggeris dalam tahun 1786.
-
- 2.1 USAHA-USAHA AWAL. Untuk sebab-sebab strateji dan ekonomi, British memerlukan sebuah pengkalan di Timur Teluk Benggala. Loji Inggeris di Benkulen adalah tidak sesuai untuk tujuan-tujuan pertahanan dan perdagangan. Oleh itu, usaha-usaha telah dibuat seawal-awalnya pada tahun 1762 untuk mendapatkan sebuah pelabuhan yang sesuai di Asia Tenggara. Utusan-utusan telah dihantar ke Aceh dalam tahun-tahun 1762 dan 1764 tetapi tidak berjaya. Lain-lain percubaan untuk mendirikan loji-loji di Balambangan, Banjermasin dan Labuan menghadapi kegagalan juga.
- 2.2 FRANCIS LIGHT. Dalam tahun 1772, Syarikat Hindia Timur bertanya kepada Syarikat Jourdain, Sullivan dan de Souza di Madras mengenai sebuah kawasan di Timur Teluk Benggala. Dalam jawapannya, Francis Light memberitahu bahawa Sultan Kedah bersedia membenarkan sebuah pengkalan perdagangan dibuka di Kuala Sungai Kedah untuk mendapatkan perlindungan Inggeris daripada ancaman Bugis. Baginda berada di dalam buangan di Perlis kerana Kedah telah diserang oleh Raja Haji (pemimpin orang-orang Bugis). Apabila Syarikat tidak memberikan jawapannya, Light mendesak dan menulis surat kepada Gabnor-General, Hastings, menyatakan bahawa Sultan bersedia untuk menawarkan Pulau Pinang. Akibatnya, dua utusan telah dihantar, satu ke Aceh di bawah Charles Desvoeux dan satu lagi ke Kedah di bawah Edward Monckton. Kedua-dua utusan itu gagal. Syarikat enggan memberi perlindungan kepada Kedah dan oleh itu Sultan menarik balik tawarannya. Monckton tidak berpengalaman dan tidak pandai berdiplomasi dalam perundingannya.
- 2.3 KEINGINAN UNTUK MENDAPATKAN SEBUAH PENGKALAN. Orang Inggeris membatalkan rancangan mereka untuk mendapatkan sebuah pengkalan untuk sementara waktu sehingga ke tahun 1777 apabila Perang Kemerdekaan Amerika meletus. Perancis membantu tanah jajahan Amerika dan menyerang orang Inggeris di Madras. Oleh itu, sekali lagi, keinginan untuk mendapatkan sebuah pengkalan dihidupkan semula. Riau, Aceh, Trincomalee dan Hugli telah dilawati untuk tujuan yang tersebut di atas. Tetapi kesemua utusan itu gagal.
- Apabila utusan-utusan itu telah dihantar, tiada disebutkan tentang Pulau Pinang atau Kedah. Tetapi apabila mereka gagal, Francis Light telah diberikan tugas khas untuk berbincang dengan Sultan Kedah. Syarikat mendapati terlalu mustahaknya untuk mendapatkan sebuah pengkalan bagi menentang pemulihian kuasa Belanda dan untuk menggantikan kehilangan pasaran Amerika. Sultan Abdullah sanggup berbincang kerana wujudnya ancaman Siam.
- 2.4 KELEBIHAN PULAU PINANG. Pulau Pinang, sebagai sebuah pulau

tidak akan melibatkan orang-orang Inggeris dengan tanahbesar. Ia boleh digunakan untuk mengawal Teluk Benggala dan Selat Melaka bagi menyekat kegiatan-kegiatan Perancis dan Belanda.

- 2.5 **PENUBUHAN PULAU PINANG**. Sultan Kedah bersetuju untuk menyerahkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur dengan syarat baginda diberikan perlindungan daripada sebarang kuasa yang bermusuh yang akan menyerang Kedah. Baginda akan diberi bayaran tahunan sebanyak \$30,000. Tetapi Syarikat tidak memberikan jaminan yang tegas mengenai perlindungan. Francis Light kemudiannya mendarat di pulau itu pada 17hb. Julai 1786. Satu bulan kemudian, ia mengisytiharkan Pulau Pinang sebagai tanah jajahan British dan menamakannya **Pulau Putera Wales**.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Usaha-usaha untuk mendapatkan sebuah pelabuhan yang sesuai di Asia Tenggara telah dilakukan seawal-awalnya pada tahun 1762 tetapi semua usaha itu gagal.
2. Dalam tahun 1772, Francis Light mencadangkan Pulau Pinang, di mana Sultan Kedah sanggup menawarkannya kepada Inggeris dengan syarat Inggeris sanggup memberikan bantuan ketenteraan.
3. Edward Monckton telah dihantar untuk berbincang dengan Sultan Kedah, tetapi ia gagal.
4. Syarikat Hindia Timur membuat usaha yang lebih hebat dan mencari pelabuhan-pelabuhan lain.
5. Apabila utusan-utusan itu gagal, Pulau Pinang telah dipertimbangkan sebagai tempat yang sesuai.
6. Francis Light kemudiannya diberi tugas khas untuk berunding dengan Sultan Kedah. Sultan Kedah bersetuju menyerahkan Pulau Pinang dengan bayaran sebanyak \$30,000 dan menerima perlindungan daripada musuh-musuhnya.
7. Francis Light mendarat di Pulau Pinang pada 17hb. Julai 1786 dan mengisytiharkan Pulau Pinang sebagai tanah jajahan British.

3. Hubungan awal di antara Kedah dan Pulau Pinang dan pengambilan Seberang Perai.

3.1 PENDAHULUAN. Pulau Pinang telah diisytiharkan sebagai tanah jajahan British pada 11hb. Ogos 1786. Soal perlindungan agak samar-samar dan sungguhpun begitu Sultan Kedah masih bersetuju menyerahkan Pulau Pinang kepada British.

3.2 SEBAB-SEBAB TAWARAN SULTAN KEDAH. Tawaran pertama Kedah dalam tahun 1772 adalah disebabkan oleh serangan Bugis. Sultan terpaksa berlindung di Perlis. Oleh itu baginda menawarkan Pulau Pinang kepada Francis Light untuk mendapatkan perlindungan. Tetapi tiada apa-apa perkara yang berlaku.

Dalam tahun 1786, hubungan di antara Kedah dan Siam adalah tidak baik. Siam, selepas pulih semula daripada serangan-serangan Burma menjelang tahun 1782, telah bersiap sedia untuk menyerang Kedah. Memikirkan bahawa Syarikat Hindia Timur akan menunaikan janji-janjinya untuk memberi perlindungan, Sultan sanggup menyerahkan Pulau Pinang kepada British. Baginda juga telah dipengaruhi oleh janji-janji dan jaminan Light.

3.3 PERASAAN PERMUSUHAN SULTAN. Dalam bulan Oktober 1786 apabila Light mengingatkan Syarikat Hindia Timur mengenai janjinya untuk memberi perlindungan kepada Sultan jika berlakunya sebarang serangan, Syarikat enggan menandatangani sebarang perjanjian rasmi. Light memberitahu Sultan mengenai keputusan Gabnor-General itu dalam tahun 1788. Sultan menjadi marah kerana perdagangannya merosot disebabkan persaingan daripada perdagangan Pulau Pinang. Juga, baginda berasa bahawa baginda telah ditipu oleh Inggeris.

3.4 USAHA-USAHA UNTUK MENDAPATKAN PULAU PINANG. Dalam tahun 1791, baginda memutuskan untuk merampas semula Pulau Pinang dengan kekerasan, jika perlu. Tetapi, sebelum baginda dapat melancarkan serangan, Light telah menyerang angkatan perang Melayu dan memaksanya untuk berundur.

3.5 PERJANJIAN TAHUN 1791. Satu perjanjian damai telah ditandatangani dalam tahun 1791. Syarikat bersetuju membayar Sultan \$6,000 setahun kerana penyerahan Pulau Pinang sepenuhnya. Tetapi tidak dinyatakan mengenai perlindungan dari segi ketenteraan, sungguhpun Sultan berpuashati.

3.6 PENGAMBILAN SEBERANG PERAI. Pulau Pinang berkembang dengan cepatnya dan semakin bertambahnya bilangan penduduknya ia semakin bergantung kepada Kedah untuk mendapatkan bekalan makanannya. Ini bukannya merupakan satu dasar yang bijak kerana hubungan di antara kedua-dua buah negeri itu tidak begitu baik. Dalam tahun 1797, Kolonel Wellesley mencadangkan pengambilan Seberang Perai, berhadapan dengan

Pulau Pinang, untuk tujuan-tujuan pertahanan dan ekonomi. Pengambilan Seberang Perai membolehkan Inggeris untuk mengawal kedua-dua belah Selat Melaka. Ia juga boleh digunakan untuk menanam padi bagi bekalan makanan Pulau Pinang.

Dalam tahun 1800 satu perjanjian telah ditandatangani dengan Sultan kerana penyerahan Seberang Perai. Bayaran gantirugi Sultan ditambah kepada \$10,000 setahun.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Apabila Pulau Pinang diambil dalam tahun 1786, tiada dinyatakan mengenai bantuan ketenteraan.
 2. Sultan Kedah bersetuju menyerahkan Pulau Pinang kerana baginda berharap untuk mendapatkan perlindungan Inggeris disebabkan hubungannya dengan Siam tidak baik dalam tahun 1786.
 3. Apabila ternyata Syarikat Hindia Timur tidak bercadang untuk membantu baginda, Sultan menjadi marah.
 4. Dalam tahun 1791, baginda melengkapkan satu angkatan perang untuk merampas semula Pulau Pinang. Tetapi, Light telah menyerangnya dan menyuraikan angkatan perang itu.
 5. Satu perjanjian damai telah ditandatangani dan Sultan telah diberi bayaran gantirugi tahunan sebanyak \$6,000. Tetapi tidak juga dinyatakan mengenai perlindungan ketenteraan.
 6. Dalam tahun 1800, seberang Perai telah diambil untuk tujuan-tujuan pertahanan dan ekonomi.
 7. Saguhati Sultan telah ditambah kepada \$10,000 setahun.
-

4. Kemajuan dan kemerosotan Pulau Pinang dari tahun 1786 hingga 1816.
-

- 4.1 PENDAHULUAN. Pulau Pinang telah diasaskan oleh Francis Light dalam tahun 1786. Ia telah dilantik sebagai Pengusaha Pulau Pinang yang pertama dan bertanggungjawab sepenuhnya di atas kemajuannya.
- 4.2 PENTADBIRAN DI PULAU PINANG. Light telah diberikan arahan “untuk memelihara undang-undang di petempatan” itu tetapi ia tidak

diberitahu jenis pentadbiran yang patut diperkenalkannya. Sungguhpun ia tidak berpengalaman, ia mendapati dirinya boleh menyelesaikan semua masalah pentadbiran. Ia kekurangan pembantu-pembantu yang terlatih.

Undang-undang ditadbirkan oleh Light dengan dibantu oleh dua orang Penolongnya, sungguhpun kes-kes yang berat terpaksa dirujuk ke Benggala.

- 4.3 **TARAF PELABUHAN BEBAS.** Francis Light membuat cadangan bahawa Pulau Pinang patut diberikan taraf pelabuhan bebas. Ia yakin bahawa dengan cara ini Pulau Pinang dapat menarik lebih banyak perdagangan. Oleh itu, dalam tahun 1788 Pulau Pinang menjadi sebuah pelabuhan bebas. Terdapat berjenis-jenis barang di Pulau Pinang, misalnya, kain baju dan candu daripada India dan Britain, rempah-rempah, bijih timah dan gading daripada Burma, Siam, Tanah Melayu dan Sumatera dan teh daripada China.
- 4.4 **PERTAMBAHAN PENDUDUK.** Penduduk bertambah dengan pesatnya dari 8,000 orang dalam tahun 1794 kepada 12,000 orang dalam tahun 1804. Terdapat banyak bangsa seperti Melayu, India, China, Bugis dan Eropah. Tanah boleh didapati dengan senang dan murah di pulau itu.
- 4.5 **KEMAJUAN EKONOMI DAN SOSIAL.** Tanah diterangkan untuk penanaman lada hitam, bunga cengklik, buah pala dan kayu manis. Ini untuk menolong Pulau Pinang mengeluarkan rempah-rempah yang cukup. Lain-lain tanaman termasuk padi, kopi dan gambir telah ditanam. Petempatan itu tidak dimajukan secara bersistem kerana Light memberikan tanah terlalu bebas dan murah. Tetapi kawasan-kawasan hutan telah diterangkan dan jalanraya-jalanraya dibina. Parit-parit dibina untuk mengalirkan kawasan-kawasan hutan.
- 4.6 **PENGAMBILAN SEBERANG PERAI.** Pulau Pinang telah diambil oleh Syarikat Hindia Timur dengan tujuan utamanya kerana sebab-sebab perdagangan. Oleh itu, ia tidak dianggap sebagai pengambilan yang kekal sehingga ia digunakan sebagai pengkalan untuk pertahanan Teluk Benggala dalam persaingan Inggeris-Perancis. Kemudiannya telah diputuskan untuk mengambil sekeping tanah berhadapan dengan Pulau Pinang. Seberang Perai digunakan untuk menanam padi bagi Pulau Pinang dan untuk mengawal kedua-dua belah Selat Melaka.
- 4.7 **TARAF KEPRESIDENAN.** Pulau Pinang, daripada masa pengasasannya, telah diletakkan di bawah pengawalan Benggala. Tetapi, dalam tahun 1855 ia dijadikan sebuah Wilayah Kepresidenan, menyamakannya dengan Benggala, Madras dan Bombay. Ia juga diberikan pentadbiran yang mewah dengan diketuai oleh seorang Gabenor.

Malangnya Pulau Pinang gagal menunaikan peranannya, sungguhpun ia telah beroleh kejayaan dan kemajuan awalnya. Ia mula merosot dari segi perdagangan dan tidak berguna lagi sebagai sebuah pengkalan laut.

- 4.8 KEMEROSOTAN KEWANGAN. Semenjak awalnya, Pulau Pinang tidak berjaya membiayai pentadbirannya. Ia terpaksa merayu kepada India untuk menutup hutang tahunannya. Selepas tahun 1805 kedudukannya menjadi bertambah buruk kerana pentadbiran semakin menelan belanja yang banyak. Untuk mendapatkan hasil yang lebih, cukai sebanyak lima peratus ke atas barang-barang impot dan eksport telah diperkenalkan. Tetapi ini menyebabkan Pulau Pinang tidak dapat menarik perhatian saudagar-saudagar yang datang ke situ hanya kerana taraf pelabuhan bebasnya. Kapal-kapal mula mengelakkan Pulau Pinang dan singgah di Betawi dan ini menyebabkan hasil pendapatan Pulau Pinang merosot.
- 4.9 KELEMAHAN PULAU PINANG. Dari segi ilmu alam, Pulau Pinang terlalu jauh ke utara untuk perdagangan rempah-rempah. Ia terletak di hujung kawasan perdagangan rempah-rempah. Betawi terletak di tempat yang lebih sesuai lagi. Tambahan pula, Pulau Pinang tidak dapat menguasai Selat Melaka kerana ia tidak terletak di dalam jalan perdagangan itu. Ia tidak dapat digunakan sebagai pengkalan laut kerana kekurangan kayu balak dan pekerja-pekerja yang mahir untuk membuat kapal-kapal perang. Ia mempunyai pelabuhan yang terbaik tetapi kurangnya tukang-tukang yang mahir dan jurutera-jurutera untuk membina limbungan-limbungan. Ia juga merupakan tempat yang tidak sihat kerana paya-paya yang terdapat di situ menjadi tempat-tempat pembiakan nyamuk.
- 4.10 KESIMPULAN. Oleh kerana Pulau Pinang tidak dapat menuaikan peranannya seperti yang dikehendaki, maka rancangan-rancangan telah dibuat untuk mencari sebuah pelabuhan yang lain. Ini membawa kepada pembukaan Singapura dalam tahun 1819 dan Pulau Pinang bertambah merosot dan tidak penting lagi.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Light telah dilantik sebagai Pengusaha Pulau Pinang dalam tahun 1786.
2. Ia mengawal semua segi pentadbiran kerana kekurangan pembantu-pembantu yang terlatih. Pentadbirannya terlalu mudah.
3. Dalam tahun 1788, Pulau Pinang menjadi sebuah pelabuhan besar. Terdapat berjenis-jenis barang dagangan di Pulau Pinang.
4. Penduduknya bertambah dengan terlalu pesatnya.
5. Pulau Pinang juga maju dari segi ekonomi dan sosialnya.
6. Dalam tahun 1800, Seberang Perai diambil.
7. Dalam tahun 1805, Pulau Pinang menjadi sebuah Wilayah Kepresidenan.
8. Tetapi ia mula merosot. Ia mempunyai hutang tahunan setiap tahun.

9. Untuk menambahkan pendapatannya, cukai sebanyak lima peratus di perkenalkan tetapi ini melibatkan kemerosotan perdagangan.
 10. Pulau Pinang tidak berada di dalam kawasan perdagangan rempah-rempah. Ia kekurangan kayu balak dan buruh-buruh mahir. Ia juga tidak sihat.
 11. Ia gagal dari segi perdagangan dan tidak berguna sebagai pengkalan laut.
 12. Dengan pembukaan Singapura dalam tahun 1819, Pulau Pinang semakin merosot.
-

5. Francis Light dan kejayaan-kejayaannya.

- 5.1 PENDAHULUAN. Francis Light telah dilahirkan di Suffolk, England dalam tahun 1740. Ia menjadi keptan Syarikat Jourdain, Sullivan dan de Souza di Madras. Ia selalu belayar ke Kedah dan belajar bertutur bahasa-bahasa Melayu dan Siam.
- 5.2 LIGHT DAN SULTAN KEDAH. Light bersahabat baik dengan Sultan Kedah. Dalam tahun 1771 apabila Kedah di serang oleh orang Bugis, Sultan meminta Light memberikan perlindungan daripada Syarikat-Hindia Timur. Baginda menawarkan sebuah pelabuhan kepada Inggeris di kuala Sungai Kedah. Light melihat kemungkinan Pulau Pinang menjadi sebuah pelabuhan perdagangan kerana pelabuhannya yang terlindung. Dalam tahun 1772, apabila Syarikat Hindia Timur sedang mencari sebuah pelabuhan di Timur Teluk Benggala, Light mencadangkan Pulau Pinang. Apabila tidak diberi jawapan, ia menulis surat kepada Warren Hastings memberitahu kemungkinan Pulau Pinang yang cerah. Ia mendesak Syarikat supaya menerima tawaran yang baik itu.
- 5.3 PEMBUKAAN PULAU PINANG. Percubaan Light dalam tahun 1772 itu menemui kegalanannya dan oleh itu ia belayar serta berdagang dengan Ujung Salang (Junk Ceylon). Dalam tahun 1784, ia memperbaharui perdagangannya dengan Semenanjung Tanah Melayu. Sultan Kedah yang baru sanggup memperbaharui tawarannya dalam tahun 1771 dafli lu. Apabila percubaan-percubaan Syarikat untuk mendapatkan pelabuhan lain gagal, Light telah diarahkan untuk berunding dengan Kedah. Akibatnya, Light menubuhkan petempatan British di Pulau Pinang dalam tahun 1786. Ia membuat perjanjian dengan Sultan tetapi tidak menyatakan tentang bantuan ketenteraan.

- 5.4 PENTADBIRAN LIGHT. Light dilantik sebagai Penguasa Pulau Pinang. Ia bertanggungjawab di atas kemajuan pulau itu sungguhpun ia terpaksa

menghadapi banyak kesulitan. Ia tidak mempunyai pentadbir-pentadbir yang terlatih dan berpengalaman tetapi telah diarahkan oleh Syarikat untuk “memelihara undang-undang dan keamanan di petempatan itu dengan seberapa dayanya”. Ia tidak dihalangi dan dapat menunjukkan kebolehannya seorang diri kerana ia bertanggungjawab dalam semua aspek pentadbiran. Ia juga tidak mempunyai pembantu-pembantu yang terlatih. Tetapi ia dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang baik.

5.5 **UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN.** Untuk menjalankan pentadbiran undang-undang, Light mendapati ia hanya mempunyai sedikit kuasa. Untuk memudahkan tugasnya, Light melantik “kapitan-kapitan” untuk mengawasi penduduk-penduduk di Pulau Pinang mengikut bangsa. Tidak terdapat pasukan polis awam untuk memelihara peraturan.

5.6 **LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENARIK PENDUDUK-PENDUDUK.** Light berazam untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah pelabuhan persinggahan. Ia mengambil langkah-langkah untuk menarik penduduk-penduduk ke situ. Mereka dibenarkan menduduki seberapa banyak tanah. Ia membantu mereka membina rumah-rumah dan untuk memulakan ladang-ladang pertanian. **Pembahagian tanah** tidak secara sistem tetapi petempatan itu telah dapat dimajukan.

Ia menyedari bahawa Pulau Pinang tidak dapat menarik penduduk-penduduk dan saudagar-saudagar kecuali ia menjadi pelabuhan bebas. Oleh itu ia mencadangkan taraf pelabuhan bebas dan sebagai pelabuhan bebas yang makmur, Pulau Pinang menarik perhatian ramai orang-orang asing ke situ. Penduduknya bertambah dari 8,000 orang kepada 12,000 orang dalam tahun 1804. Perdagangan juga berkembang seimbang dengan perkembangan penduduk.

5.7 **KESIMPULAN.** Sungguhpun terdapat kesulitan-kesulitan, Light berjaya memajukan Pulau Pinang. Ia bertanggungjawab di atas perkembangan pesat Georgetown. Keazaman dan kesabarannya menolongnya berjaya. Ia mati dalam tahun 1794 akibat penyakit Malaria.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Light seorang keptan Syarikat Jourdain, Sullivan dan de Souza di Madras bersahabat baik dengan Sultan Kedah.
2. Sultan sanggup menawarkan Pulau Pinang dengan syarat Inggeris sanggup memberikan perlindungan daripada musuh-musuhnya.
3. Apabila percubaan-percubaan untuk mencari pelabuhan-pelabuhan lain gagal, Syarikat Hindia Timur meminta Light berunding untuk mendapatkan Pulau Pinang dalam tahun 1784.

4. Ia menjadikan Pulau Pinang tanah jajahan Inggeris dalam tahun 1786.
 5. Light menjadi Penguasa Pulau Pinang.
 6. Sungguhpun ia menghadapi banyak kesulitan, ia berjaya mentadbir dan memajukan pulau itu.
 7. Ia menarik perhatian penduduk-penduduk ke situ dengan membahagi-bahagikan serta menjual tanah dengan harga yang murah. Ia menjadikan Pulau Pinang pelabuhan bebas.
 8. Ia mati dalam tahun 1794.
-

6. Hubungan Inggeris-Belanda di Tanah Melayu dan negara-negara jiran di antara tahun-tahun 1795 hingga 1824.

- 6.1 **SURAT-SURAT KEW.** Perang Napoleon di Eropah mempunyai kesannya di Asia Tenggara. Dalam tahun 1795, apabila Netherland ditakluk oleh Napoleon, Raja Belanda menubuhkan kerajaan dalam buangan di England. Perancis menuntut haknya menguasai tanah jajahan Belanda. Bimbangkan perkara ini, Belanda dan Inggeris membuat perjanjian di mana semua tanah jajahan Belanda akan diserahkan kepada Inggeris untuk menghalangnya daripada jatuh ke tangan Perancis. Selepas perang tanah jajahan itu hendaklah dipulangkan kepada Belanda. Arahan-arahan ini yang dikenali sebagai **Surat-surat Kew** telah dihantar kepada semua pegawai Belanda untuk menyerahkan tanah jajahan mereka kepada Inggeris.
- 6.2 **PENDUDUKAN INGGERIS DI MELAKA DAN STAMFORD RAFFLES.** Berdasarkan kepada Surat-surat Kew, Inggeris menduduki Melaka dalam tahun 1795 dan memerintahnya sehingga tahun 1818. Pentadbiran yang diwujudkan di Melaka ialah pentadbiran bersama Inggeris-Belanda tetapi Belanda hanya memainkan peranan yang kecil sahaja.

Inggeris tidak mempunyai niat untuk memulihkan semula kemasyhuran Melaka. Sebaliknya mereka merancang untuk memusnahkan kota A Famosa dan untuk memindahkan perdagangan ke Pulau Pinang. Terpi ketibaan Stamford Raffles pada masanya telah dapat menyelamatkan pemusnahan itu. Ia berminat kepada kepentingan kebudayaan dan sejarah A Famosa, oleh itu ia telah menentang pemusnahan itu. Ia mengemukakan kemungkinan Melaka jatuh ke tangan lain-lain kuasa Eropah sekiranya Inggeris tidak berminat terhadapnya. Adalah tidak adil untuk memindahkan penduduknya ke Pulau Pinang. Oleh itu pihak berkuasa telah menukar fikirannya dan terus memerintah Melaka sehingga tahun 1818.

- 6.3 PENDUDUKAN INGGERIS DI JAWA. Inggeris mendapatinya perlu menggunakan kekerasan untuk menakluk Jawa. Ini disebabkan Gabnor-General Belanda, Daendals, pro-Perancis. Raffles telah dilantik oleh Lord Minto, Gabnor-General India, untuk menyerang Jawa. Dalam tahun 1811, serangan itu berlaku dan Jawa berada di bawah penguasaan Inggeris. Raffles dilantik sebagai Naib-Gabnor Jawa. Jawa dipulangkan semula kepada Belanda dalam tahun 1816.
- 6.4 BELANDA KEMBALI SEMULA KE ASIA TENGGARA. Apabila Belanda kembali semula ke Asia Tenggara dalam tahun 1816, mereka mengukuhkan semula kedudukan mereka di Asia Tenggara. Mereka menguasai semula monopoli perdagangan mereka dan menguasai semula perdagangan Asia Tenggara. Mereka bermusuh dengan saudagar-saudagar Inggeris yang hanya dibenarkan bermiaga di Betawi. Cukai yang tinggi dikenakan ke atas mereka.
- Inggeris menggalakkan pemulihhan semula kuasa Belanda di Eropah dan Asia Tenggara kerana Holland ialah negeri penampang di antara Britain dan Perancis. Negara Holland yang bersahabat dan kuat akan menguntungkan Inggeris sekiranya berlaku lagi serangan Perancis pada masa yang akan datang.
- 6.5 PENGAMBILAN SINGAPURA. Kegiatan-kegiatan Belanda kemudianya membimbangkan pegawai-pegawai Inggeris di Asia Tenggara. Mereka takut mereka akan dihalau keluar dari Asia Tenggara. Tambahan pula, Pulau Pinang telah gagal sebagai pelabuhan untuk perdagangan rempah-rempah. Oleh itu Raffles mendesak supaya dasar Inggeris ditukarkan. Tetapi ia telah diberi amaran oleh pihak yang berkuasa supaya jangan membangkitkan permusuhan Belanda. Raffles mula mencari sebuah pelabuhan lain untuk menggantikan Pulau Pinang dan akhirnya ia membuka petempatan di Singapura. Ia mendapati Singapura mempunyai kedudukan yang stratejik dan oleh itu ia pun menubuhkan petempatan Inggeris di situ. Satu perjanjian ditandatangani dengan Sultan Johor mengesahkan pengambilan British pada 6hb. Februari 1819.
- 6.6 PERSAINGAN INGGERIS-BELANDA. Belanda bertindak balas dengan hebatnya menentang pendudukan Inggeris di Singapura. Mereka menegaskan bahawa oleh kerana Riau berada di bawah penguasaan mereka, Singapura juga menjadi hak milik mereka kerana Johor ialah negri lindungan Riau. Oleh itu meletuslah perang dingin di antara Britain dan Holland.

Di antara tahun 1819 dan 1824 Singapura terbukti berjaya. Ia berkembang dengan terlalu pesatnya dan menjadi pelabuhan Inggeris yang utama di Asia. Belanda menentangnya kerana ia terbukti menjadi saingan kepada Betawi.

- 6.7 PERJANJIAN INGGERIS-BELANDA 1824. Apabila Inggeris menyaksikan perkembangan Singapura, mereka enggan mengalah kepada tuntutan Belanda. Oleh itu perkara ini berlanjutan tanpa sebarang penyelesaian yang memuaskan sehingga tahun 1820. Inggeris terlalu ingin untuk menyelesaikan perbalahan itu kerana peristiwa-peristiwa di Eropah. Belanda juga ingin menyelesaikan perbalahan itu apabila didapatinya Inggeris tetap mempertahankan Singapura. Mereka bersedia untuk berunding selagi Singapura tidak digunakan sebagai pengkalan untuk meluaskan pengaruh mereka di Asia Tenggara.

Dalam bulan Disember 1823, perundingan diadakan semula di London. Dalam tahun 1824, Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani untuk menyelesaikan perselisihan Inggeris-Belanda di Timur.

- 6.8 SYARAT-SYARAT PERJANJIAN INGGERIS-BELANDA TAHUN 1824. Syarat-syarat perjanjian boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu syarat-syarat mengenai tanah jajahan dan perdagangan.

A. Syarat-Syarat Mengenai Tanah Jajahan:

1. Semua loji Belanda di India diserahkan kepada Inggeris.
2. Melaka diserahkan kepada Inggeris oleh Belanda untuk ditukar dengan Benkulen.
3. Belanda mengiktiraf pendudukan Inggeris di Singapura.
4. Jika Britain atau Holland ingin meninggalkan mana-mana satu tanah jajahannya, kuasa yang lagi satu akan diberi keutamaan untuk menduduki tanah jajahan yang ditinggalkan itu.
5. Dua kawasan pengaruh telah diwujudkan oleh satu garisan politik yang membahagikan Selat Melaka dan Selat Singapura. Kawasan yang terletak di utara garisan itu ialah kawasan pengaruh Inggeris dan kawasan di selatannya ialah Belanda.
6. Kedua-duanya berjanji tidak akan campurtangan dalam kawasan pengaruh kuasa yang lagi satu.

B. Syarat-Syarat Mengenai Perdagangan:

1. Kedua-dua kuasa bersetuju tidak akan campurtangan dalam perdagangan kuasa yang lagi satu.
2. Mereka bersetuju untuk membenarkan kapal-kapal mana-mana kuasa itu untuk singgah di mana-mana pelabuhan mereka dengan membayar cukai yang ditetapkan.
3. Mereka juga berjanji untuk menindas kegiatan-kegiatan laluan.

- 6.9 KESIMPULAN. Perjanjian Inggeris-Belanda menolong mengurangkan perselisihan dan konflik kepentingan-kepentingan Inggeris-Belanda. Dua kawasan pengaruh yang tegas itu menolong menjamin keadaan ini.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Disebabkan oleh Perang Napoleon, Surat-surat Kew telah dihantar kepada pegawai-pegawai Belanda di Timur mengarahkan mereka menyerahkan tanah jajahan mereka kepada Inggeris.
 2. Dalam tahun 1795 Melaka berada di bawah penguasaan Inggeris.
 3. Mereka membuat rancangan untuk memusnahkan A Famosa dan untuk memindahkan perdagangan dan penduduknya ke Pulau Pinang.
 4. Stamford Raffles menentang rancangan itu dan oleh itu Inggeris terus memerintah Melaka sehingga tahun 1818.
 5. Inggeris menduduki Jawa dalam tahun 1811 dan memerintahnya sehingga tahun 1816.
 6. Dalam tahun 1816, apabila Belanda kembali semula ke Asia Tenggara, mereka bermusuhan dengan saudagar-saudagar Inggeris.
 7. Pihak berkuasa Inggeris mengamalkan dasar persahabatan kerana keinginannya untuk berbaik-baik dengan Holland di Eropah.
 8. Raffles mencari sebuah pelabuhan lain apabila Pulau Pinang gagal. Ia membuka Singapura dalam tahun 1824.
 9. Belanda menentang tetapi Singapura terlalu berjaya sehingga Inggeris enggan meninggalkan pulau itu.
 10. Perundingan-perundingan mula diadakan dalam tahun 1820 dan Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani dalam tahun 1824.
 11. Perjanjian Inggeris-Belanda menolong mengurangkan konflik Inggeris-Belanda di Asia Tenggara.
-

ORANG INGGERIS DI PULAU PINANG

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN

1. Apakah sebab-sebab utama yang mempengaruhi Syarikat Hindia Timur Inggeris membuka petempatan di Pulau Pinang dalam tahun 1786?
(Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Apakah peristiwa-peristiwa yang membawa kepada pembukaan Pulau Pinang dalam tahun 1786.
(Rujuk kepada Tajuk 2)
3. Dengan ringkasnya huraiakan hubungan-hubungan awal di antara Kedah dengan Inggeris semasa ketibaan Francis Light di Pulau Pinang. Mengapa-kah Inggeris mengambil Seberang Perai?
(Rujuk kepada Tajuk 3)
4. Huraikan perundingan-perundingan di antara tahun-tahun 1776 – 1786 yang membawa kepada utusan Inggeris dihantar ke Pulau Pinang dan galurkan sejarah petempatan itu sehingga tahun 1805.
(Rujuk kepada Tajuk 4)
5. Beri satu huraian mengenai perkembangan dan kemerosotan Pulau Pinang dalam tahun-tahun 1786 – 1816.
(Rujuk kepada Tajuk 4)
6. Beri satu huraian mengenai Francis Light dan kejayaannya.
(Rujuk kepada Tajuk 5)
7. Dengan ringkasnya huraiakan sejarah hubungan Inggeris-Belanda di Tanah Melayu dan negara-negara jiran di antara tahun-tahun 1795–1824.
(Rujuk kepada Tajuk 6)



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BAB 6 BRITISH DI MELAKA DAN SINGAPURA

1. Pendudukan Syarikat Hindia Timur di Melaka dalam tahun 1795.

1.1 PERISTIWA-PERISTIWA YANG MEMBAWA KEPADA PENDUDUKAN. Sebelum meletusnya Revolusi Perancis, Britain dan Holland telah menandatangani **satu perjanjian** di mana salah satu dari kuasa itu akan menduduki tanah jajahan yang lagi satu, sebagai satu langkah untuk menentang musuh yang sama, jika perang meletus. Perancis berperang menentang Britain dan Holland dalam tahun 1793 dan menjelang awal tahun 1795 ia telah menakluk Holland. Sebagai langkah untuk menyekat Perancis daripada merampas tanah-tanah jajahan Belanda, William V yang berada dalam buangan, menandatangani **Surat-surat Kew** di mana ia memberi kuasa kepada askar-askar Inggeris untuk mengambil-alih tanah-tanah jajahan Belanda, sementara **peperangan berlangsung**. Selepas keamanan dipulihkan, tanah-tanah jajahan itu akan **dikembalikan semula** kepada Belanda. Berdasarkan Surat Kew itu, Syarikat Hindia Timur mengambil Tanjung Pengharapan, loji-loji Belanda di India dan pantai barat Sumatera serta Melaka.

1.2 INGGERIS MENGAMBIL MELAKA. Askar-askar Inggeris menduduki Melaka dalam bulan Ogos 1795. Kolonel Farquhar dilantik sebagai Residen British di Melaka. Pada masa pengambilan, Melaka hanya sebuah bandar yang mempunyai penduduknya tidak melebihi 15,000 orang, dan tidak penting dari segi perdagangan. Orang Belanda hanya tertumpu ke Betawi dan menggunakan Melaka sebagai sebuah pelabuhan luar untuk mengawal kemasukan saudagar-saudagar yang lalu di Selat Melaka.

1.3 DASAR PEMUSNAHAN. Pihak berkuasa Inggeris, setelah menduduki Melaka, membuat keputusan untuk **memusnahkan** bandar itu kerana beberapa sebab. Pendudukannya di Melaka hanya untuk sementara waktu sahaja dan apabila ia dipulangkan semula kepada Belanda, ia boleh digunakan oleh mereka untuk menyaingi Pulau Pinang. Dengan cara ini, Inggeris akan **menamatkan** **kepentingan** Melaka sebelum memulangkannya kepada Belanda. Pengambilan Melaka tanpa sebarang tentangan dan Syarikat menyedari hakikat bahawa untuk menakluk Melaka bukannya sebegitu mudah. Oleh itu untuk menamatkan kekebalannya, A Famosa dimusnahkan dari tahun 1806–1807, diikuti dengan memindahkan penduduk bandar itu ke Pulau Pinang dan juga untuk memindahkan perdagangan ke Pulau Pinang.

1.4 CAMPURTANGAN RAFFLES. Raffles bimbang melihat pemusnahan Melaka berjalan dengan lancarnya semasa ia melawat Melaka dalam tahun 1808. Ia mendapatinya perlu untuk campurtangan, dan membuat satu **lapuran** dengan kuatnya **menentang** rancangan pemusnahan itu. Ia memberitahu pihak yang berkuasa bahawa mereka perlu memelihara **kepentingan sejarahnya** dan lagi Syarikat tidak perlu mengeluarkan banyak

belanja untuk mentadbir Melaka. Untuk memindahkan penduduknya bukanlah merupakan satu pendapat yang praktikal kerana tentulah penduduknya enggan meninggalkan Melaka. Akhirnya, jika Melaka dimusnahkan, kuasa lain juga mungkin mendudukinya dan menggunakan untuk mengancam perdagangan Pulau Pinang.

- 1.5 **PEMULANGAN MELAKA.** Napoleon ditewaskan apabila perang dengan Perancis tamat dalam tahun 1815. Negara-negara penting di Eropah mengadakan persidangan di Vienna dalam tahun 1815 untuk menyekat dasar penjajahan Perancis. Kebimbangan ini masih wujud bahawa Perancis boleh menggunakan Holland, yang letaknya di pantai untuk menyerang Britain. Untuk menguatkan kedudukan Holland di Eropah, Britain mendapatinya perlu memulangkan hak milik Belanda yang diperintahnya dahulu. Menurut Perjanjian Amiens tahun 1802, Melaka akan dipulangkan kepada Belanda tetapi hanya pada tahun 1818 barulah ia dipulangkan kepada Belanda.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Britain dan Holland telah terlebih dahulu menandatangani satu perjanjian di mana salah satu kuasa itu akan menguasai tanah jajahan kuasa yang lagi satu, jika salah satu kuasa itu ditewaskan dalam Perang Eropah.
2. Dalam tahun 1795, Holland ditewaskan oleh Perancis, William V yang berada dalam buangan, mengeluarkan Surat Kew, di mana Inggeris diberi kuasa untuk mengambil-alih semua tanah jajahan Belanda di Timur.
3. Inggeris menduduki Melaka dalam bulan Ogos 1795 dan Kolonel Farquhar dilantik sebagai Residen British di Melaka.
4. Inggeris menjalankan dasar memusnahkan Melaka untuk menyekat saingan selanjutnya kepada Pulau Pinang, apabila Belanda mengambilnya semula.
5. Raffles campurtangan untuk menyekat British daripada memusnahkan Melaka.
6. Apabila Perancis ditewaskan dalam tahun 1815, Britain mendapatinya perlu untuk memulangkan Melaka kepada Holland. Tetapi hanya dalam tahun 1818 baru Melaka dipulangkan semula kepada Netherland.

2. Petempatan Inggeris di Singapura dan perkembangannya sehingga tahun 1824.
- 2.1 AM. Sementara Pulau Pinang mengecewakan Syarikat Hindia Timur kerana ia gagal memenuhi harapan Syarikat sebagai pengkalan laut, pusat perdagangan untuk Kepulauan Melayu dan pelabuhan persinggahan di dalam jalan perdagangan China, pembukaan Singapura merupakan kejayaan yang segera.
- SEBAB-SEBAB PEMBUKAAN SINGAPURA: DARI SEGI PERDAGANGAN DAN STRATEJI.**
- 2.2 MOTIF-MOTIF PERDAGANGAN. Motif-motif perdagangan dalam pembukaan Singapura ternyata dengan jelasnya jika ditinjau dari segi perdagangan dengan China pada pertengahan kedua kurun ke 18. Perdagangan teh tidak sahaja membawa keuntungan kepada Syarikat tetapi juga mendatangkan hasil pendapatan kepada Kerajaan Inggeris dalam bentuk cukai ke atas impot teh. Di antara 1823–33 impot teh ialah £30 juta setahun hitung panjangnya. Perdagangan teh dan cendol merupakan perdagangan yang terpenting kepada kepentingan Inggeris di Timur. Kegagalan Pulau Pinang sebagai pengkalan laut tidak lagi mustahak dengan tamatnya ancaman Perancis pada akhir Perang Napoleon. Syarikat mendapati Pulau Pinang tidak lagi merupakan petempatan perdagangan yang menguntungkan. Ia terletak terlalu jauh ke barat dan utara serta terkeluar dari kawasan Pulau-pulau Rempah dan dari pusat perdagangan yang penting. Dari segi ilmu alam, Betawi lebih disukai. Ini menyebabkan perlunya dicari sebuah pelabuhan baru bagi menggantikan Pulau Pinang.
- 2.3 SEBAB-SEBAB STRATEJI. Keperluan strateji untuk menghalang amalan-amalan monopoli Belanda tidak patut diperkecilkkan. Betawi, yang digunakan oleh Inggeris, dan bukannya Pulau Pinang, semasa Perang Napoleon, telah mendatangkan keuntungan kepada Inggeris di antara tahun-tahun 1811–1816, apabila persaingan Belanda ditamatkan untuk sementara waktu. Jawa dipulangkan kepada Belanda dalam tahun 1816 dan Melaka dalam tahun 1818. Belanda kemudiannya menegakkan semula monopoli mereka di Hindia Timur dengan menyingsirkan semua perkapalan Inggeris daripada semua pelabuhan di Kepulauan, kecuali Betawi. Mereka dengan itu menguasai kedua-dua pintu masuk ke Selat Sunda dan Selat Melaka. Raffles, terlalu cepat untuk melihat betapa perlunya menegakkan semula sebuah pelabuhan yang dikuasai oleh Inggeris sebagai langkah untuk memecahkan monopoli perdagangan Belanda. Petempatan ini membuat terletak dekat dengan pintu masuk ke Selat Melaka untuk dapat menjadi saingan kepada Betawi.
- 2.4 MENCARI PETEMPATAN INGGERIS. Dengan pemulangan semula tanah-tanah jajahan Belanda, Raffles dan Kolonel Farquhar, berusaha mencari petempatan baru. Cadangan Raffles untuk meletakkan seluruh Sumatera di bawah penguasaan Inggeris tidak diterima. Dalam tahun 1818,

Farquhar cuba mencari petempatan di Pantai Timur Pulau Borneo tetapi telah digagalkan oleh Belanda kerana mereka telah berada di Pontianak. Raffles pergi ke Calcutta dalam tahun 1808 dan mengemukakan rancangannya secara kasar kepada kerajaan. Ia berjaya mempengaruhi Lord Hastings, Gabnor-General, yang memberi arahan kepadanya untuk meneruskan rancangannya bagi menegakkan sebuah petempatan yang boleh menguasai pintu masuk ke Selat Melaka. Raffles meninggalkan Calcutta dalam tahun 1818 dan dengan Farquhar, ia pergi ke Riau, yang telah pun diduduki oleh Belanda. Ia juga belayar ke Pulau-pulau Karimun dan Siak di Sumatera Utara, di mana kedua-duanya tidak mempunyai pelabuhan yang sesuai. Akhirnya, tempat yang dicari ialah Singapura, di mana Raffles mendarat di situ pada 28hb. Januari 1819. Ia mempunyai pelabuhan yang baik dan kedudukan yang sesuai dari segi ilmu alam.

- 2.5 PETEMPATAN SYARIKAT DI SINGAPURA. Sultan Mahmud dari Johor mangkat dalam tahun 1812, dan digantikan oleh puteranya yang muda, Tengku Abdul Rahman, raja yang dilantik oleh orang Bugis. Waris takhta yang sah, Tengku Hussein berada di Pahang ketika ayahnya mangkat dahulu dan gagal untuk menaiki takhta kerajaan. Untuk mendapatkan pengiktirafan yang sah mengenai pendudukan Singapura, dan juga oleh kerana Belanda tidak menduduki Singapura, Raffles membawa Hussein dari Riau dan menabalkannya sebagai Sultan Johor di Singapura. Satu perjanjian permulaan telah ditandatangani pada 30hb. Januari 1819 di antara Syarikat, Sultan Hussein dan Temenggung. Singapura diserahkan kepada Syarikat dengan bayaran tahunan sebanyak \$ 5000/= kepada Sultan Hussein dan \$ 3,000/= kepada Temenggung Abdul Rahman.
- 2.6 PERKEMBANGAN SINGAPURA. Singapura, pada masa pengambilannya oleh Raffles, mempunyai penduduknya kira-kira 80 Orang Laut dan 40 orang China. Di bawah Residen Britishnya yang pertama, William Farquhar, ia memperlihatkan kemajuannya yang pesat dari segi perdagangan dan penduduk. Menjelang akhir tahun 1820 penduduknya bertambah kepada kira-kira 10,000 orang, sementara hasil perdagangannya menjelang tahun 1825 dianggarkan berjumlah \$22,185,000. Taraf pelabuhan bebasnya merupakan faktor utama kepentingan perdagangannya. Dalam lawatan Raffles yang kedua dari bulan Oktober 1822 ke Jun 1923, masaalah-masaalah utama seperti kekurangan tenaga-manusia dan penjenayah-penjenayah diselesaikan. Ia melantik dua belas orang Majistret, mengadakan Kod undang-undang dan menubuhkan satu pasukan polis. Peraturan-peraturan juga telah diluluskan mengenai pencegahan perdagangan hamba, institusi pelajaran dan daftar tanah. Menurut Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824, orang Belanda mengiktirafnya sebagai petempatan Inggeris. Perjanjian kedua telah ditandatangani di mana Singapura menjadi sebuah petempatan Inggeris yang kekal. Sebagai balasannya, Syarikat membayarkan saguhati kepada Sultan Hussein sebanyak \$33,200 dan bayaran pence-

sebanyak \$1,300 sebulan untuk seumur hidup dan Temenggung pula mendapat \$20,000 serta pencen \$700 sebulan untuk seumur hidup.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Syarikat Hindia Timur sedang mencari sebuah pelabuhan baru untuk menggantikan Pulau Pinang.
 2. Betawi, yang diambil oleh Inggeris dalam tahun 1811 telah dipulangkan kepada Belanda dalam tahun 1816. Belanda menggunakan Betawi sebagai saingan kepada perdagangan Pulau Pinang, dan untuk memperbaharui monopolii perdagangan mereka. Inggeris memerlukan sebuah pelabuhan baru untuk menentang amalan-amalan monopolii Belanda.
 3. Raffles tiba di Singapura pada 28hb. Januari 1819. Singapura mempunyai kedudukan yang baik dan sesuai dari segi ilmu alam dan pelabuhan yang elok. Raffles membuat cadangan untuk menetap di Singapura.
 4. Untuk mendapatkan hak sebenarnya bagi Singapura, Raffles menandatangani satu perjanjian dengan Hussein, mengiktiraf Hussein sebagai pemerintah Johor. Singapura diserahkan kepada Syarikat dengan bayaran \$ 5,000 kepada Hussein dan \$ 3,000 kepada Temenggung.
 5. Singapura berkembang dengan pesatnya. Penduduknya bertambah dan hasil pendapatan perdagangannya ialah kira-kira \$ 23 juta menjelang tahun 1825, terutamanya disebabkan oleh taraf pelabuhan bebasnya.
 6. Raffles mengemukakan Kod undang-undang, memperkenalkan sistem keadilan yang baru, pasukan polis dan daftar tanah yang baru.
 7. Perjanjian kedua ditandatangani dalam tahun 1824 dengan Temenggung dan Hussein untuk petempatan kekal Inggeris di Singapura.
 8. Menurut Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824, Singapura diiktiraf sebagai petempatan Inggeris oleh Belanda.
-

3. Riwayat hidup dan kerjaya Sir Stamford Raffles.

- 3.1 KERJAYA AWALNYA. Dalam sejarah Singapura dan juga dalam perkembangan empayar British di Timur, tiada lain tokoh yang dapat dibanggakan selain daripada Sir Thomas Stamford Raffles. Anak kepada

seorang keptan laut, ia dilahirkan di dalam sebuah kapal dalam tahun 1781, dan ketika berumur empatbelas tahun, ia digaji oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris sebagai seorang kerani. Dalam tahun 1805, Syarikat Hindia Timur Inggeris menaikkan taraf Pulau Pinang kepada Wilayah Kepresidenan keempat dan Raffles dihantar ke Pulau Pinang sebagai Penolong Setiausaha kerajaan, suatu jawatan pegawai yang kurang penting. Di situdah ia mempelajari bahasa, adat resam, sejarah dan kebudayaan Melayu.

- 3.2 **LAWATAN RAFFLES KE MELAKA.** Dari Pulau Pinang, Raffles melawat ke Melaka dalam tahun 1808 untuk menyembuhkan sakitnya. Lawatannya itu tepat pada masanya, kerana pada masa itu, kerajaan Inggeris, yang baru saja mengambil Melaka daripada Belanda dalam tahun 1795, telah memulakan rancangan memusnahkan bandar itu. Raffles campurtangan dengan membuat satu lapuran untuk menyelamatkan bandar tua yang bersejarah itu. Sekiranya Syarikat memusnahkannya, satu kuasa lain mungkin mengambilnya dan menjadikannya saingan kepada Pulau Pinang. Oleh kerana pentadbiran Melaka hanya menelan perbelanjaan yang sedikit bagi Syarikat dan juga berdasarkan kepada perdebatannya, Syarikat Hindia Timur membuat keputusan untuk mengekalikan Melaka.
- 3.3 **PERMULAAN KERJAYA YANG CEMERLANG.** Lapuran Raffles mempunyai keistimewaan yang lebih, selain daripada mengekalkan Melaka. Lapuran itu menyebabkannya terkenal kepada pengetahuan Lord Minto, Gabnor-General India. Ia amat tertarik hati kepada pengetahuan dan minat Raffles yang istimewa mengenai dunia Melayu. Peluang untuk menjawat jawatan yang lebih penting timbul apabila Lord Minto melantiknya menjadi Wakilnya di Negeri-negeri Melayu dalam tahun 1810. Perlantikan ini ialah permulaan kepada kerjayanya yang lebih cemerlang yang membawanya terkenal sebagai pengasas Singapura.
- 3.4 **RAFFLES DI JAWA 1811–1816.** Lord Minto meminta Raffles melengkapkan satu angkatan untuk menakluk Jawa. Ini dilakukannya dengan berjayanya dalam tahun 1811. Dalam tahun yang sama, Raffles dilantik menjadi Naib-Gabnor bagi tanah jajahan baru itu. Memerintah Jawa selama lima tahun, ia memperkenalkan beberapa pembaharuan. Yang terpenting ialah sistem sewa tanah. Kerajaan diisytiharkan memiliki sepenuhnya semua tanah dan menerima sewa dalam bentuk cukai dari penyewa-penyewanya yang menggunakan tanah itu untuk bercucuk-tanam. Raffles juga menghapuskan perdagangan hamba abdi, dan mengadakan perubahan-perubahan dalam bidang pentadbiran dan kehakiman di Jawa. Ketika berada di Jawa, Raffles berharap untuk menjadikan Jawa milik yang kekal. Ia merancangkan sebuah empayar Inggeris yang bermula dari Selat Melaka ke Jepun dan Jawa boleh menjadi pusat semula jadinya. Dengan keamanan diwujudkan di Eropah, Jawa dipulangkan semula kepada Belanda dalam tahun 1816. Impian Raffles hancur untuk sementara waktu.

- 3.5 RAFFLES DI BENKULEN – MERANCANGKAN RANCANGAN BARU. Setelah gagal membentuk empayar Inggeris, Raffles pulang ke England dalam tahun 1816 tetapi balik semula ke Timur dengan mendapat jawatan baru sebagai Naib-Gabnor Benkulen dalam tahun 1817. Benkulen ialah sebuah pelabuhan yang tidak penting dan tidak dapat menunaikan harapan kepada cita-cita Raffles untuk meluaskan kuasa Inggeris. Sementara itu Belanda yang menduduki Jawa dan Melaka serutla, mengembalikan amalan serta meluaskan dasar monopolii mereka. Dengan cepatnya Raffles menyedari betapa perlunya mencari sebuah petempatan Inggeris yang terletak “di antara pintu-pintu masuk” empayar Belanda. Perluasan kuasa Inggeris ke atas seluruh Sumatera telah juga dicadangkan tetapi dasar ini tidak dipersetujui di London. Dalam 1818, Raffles berada di Calcutta dan ia merangkakan rancangannya itu kepada Gabnor India. Jawapan yang menggalakkan dari Gabnor-General, Lord Hastings, memberinya kebenaran untuk menujuhkan sebuah petempatan Inggeris, berdekatan dengan Selatan Semenanjung Tanah Melayu.
- 3.6 PEMBUKAAN SINGAPURA. Dalam usahanya untuk mencari sebuah petempatan yang sesuai, beberapa tempat telah dicuba. Riau telah pun diduduki oleh Belanda. Pulau-pulau Karimun tidak mempunyai pelabuhan yang sesuai dan begitu juga dengan Siak di utara Sumatera. Akhirnya, tempat yang dipersetujui oleh Raffles ialah Singapura, di mana ia mendarat pada 18hb. Januari 1819. Singapura mempunyai pelabuhan yang baik dan juga mempunyai kedudukan ilmu alam yang unggul. Untuk mendapatkan pengiktirafan mengenai pendudukan di pulau itu, Raffles mengambil kesempatan daripada keadaan politik Johor. Ia mendapati bahawa Tengku Hussein telah diketepikan apabila takhta kerajaan jatuh ke tangan adiknya, Tengku Abdul Rahman, ketika kemangkatan Sultan Mahmud dalam tahun 1812. Ia membantu Tengku Hussein untuk mendapatkan takhtanya. Satu perjanjian ditandatangani pada 30hb. Januari 1819 dengan Temenggung dan Tengku Hussein. Menurut perjanjian ini, Singapura diserahkan kepada Syarikat yang membayar gantirugi kepada Temenggung dan Sultan Hussein serta Sultan Hussein ditabalkan sebagai pemerintah Johor.
- 3.7 PERKEMBANGAN SINGAPURA. Singapura berkembang dengan pesatnya selepas pembukaannya. Penduduknya bertambah dan menjelang tahun 1820 hasil perdagangannya dianggarkan melebihi \$4 juta. Dalam lawan keduanya ke Singapura dari bulan Oktober 1822 hingga Jun 1823, Raffles mengeluarkan peraturan untuk melantik dua belas orang majistret, Kod undang-undang, pasukan polis, dan pencegahan perdagangan hamba abdi. Kejayaan segera Singapura menyebabkan Belanda menentangnya dengan hebat dan sehingga Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 barulah Belanda menarik balik tuntutannya terhadap Singapura.
- 3.8 KEMATIANNYA. Raffles mati di England dalam tahun 1826 tetapi ia masih diingati kerana memberikan taraf pelabuhan bebas kepada Singapura

dan lain-lain sumbangannya yang menyebabkan kejayaan Singapura. Kejayaannya menempatkannya dalam sejarah sebagai salah seorang pembina empayar bagi Britain.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Sir Stamford Raffles mula bekerja sebagai seorang kerani dalam Syarikat Hindia Timur Inggeris.
2. Ia kemudiannya dihantar ke Pulau Pinang sebagai Penolong Setiausaha kepada Kerajaan di situ.
3. Ia melawat Melaka dalam tahun 1808. Dari situ, ia menentang keputusan Inggeris untuk memusnahkan Melaka.
4. Lapurannya telah mempengaruhi Lord Minto, Gabnor-General India. Ia kemudiannya dilantik sebagai Wakil Lord Minto di Negeri-negeri Melayu dalam tahun 1810.
5. Ia menakluk Jawa dalam tahun 1811, di mana ia dilantik sebagai Naib-Gabnor.
6. Beberapa pembaharuan telah diperkenalkan olehnya. Yang terpenting ialah sistem sewa tanah dan penghapusan perdagangan hamba abdi di Jawa.
7. Apabila keamanan dipulihkan semula di Eropah, Jawa dipulangkan semula kepada Belanda dalam tahun 1816.
8. Raffles kemudiannya dilantik sebagai Naib-Gabnor Benkulen dalam tahun 1817.
9. Ia diberi kebenaran oleh Lord Hastings untuk mencari sebuah petempatan Inggeris yang lebih baik. Ia mendarat di Singapura pada 23hb. Januari 1819. Singapura adalah unggul kerana kedudukan ilmu alam dan pelabuhannya yang elok.
10. Satu perjanjian ditandatangani pada 30hb. Januari 1819 dengan Temenggung dan Tengku Hussein. Menurut Perjanjian ini, Tengku Hussein dan Temenggung berjanji untuk menyerahkan Singapura kepada Syarikat Hindia Timur.
11. Singapura berkembang dan maju dengan pesatnya di bawah pentadbiran Sir Stamford Raffles.
12. Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 kemudiannya ditandatangani, di mana Belanda bersetuju mengiktiraf Singapura sebagai hak milik Inggeris yang sah.

13. Sir Stamford Raffles mati di England dalam tahun 1826. Ia diingati kerana mengasaskan Singapura yang menikmati taraf pelabuhan bebas.
-

4 Peristiwa-peristiwa, kesan-kesan dan pentingnya Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824.

PERISTIWA-PERISTIWA YANG MEMBAWA KEPADA TERTANDATANGAN-NYA PERJANJIAN.

- 4.1 **PERSAINGAN INGGERIS-BELANDA.** Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani di antara Britain dan Holland untuk menamatkan semua permusuhan dan perselisihan di antara mereka. Holland dan Britain masing-masing bersaing dalam hal perdagangan semenjak Syarikat Hindia Timur Inggeris menghantar utusan pertamanya ke Timur dalam tahun 1602. Inggeris menentang monopoli perdagangan Belanda di Hindia Timur dan perselisihan perdagangan yang berlanjut di antara mereka mengakibatkan Pembunuhan Beramai-ramai di Pulau Ambon (1623). Oleh itu Syarikat Hindia Timur Inggeris kemudiannya membuat keputusan untuk menarik diri dari Hindia Timur ke India.
- 4.2 **SURAT-SURAT KEW.** Satu Perjanjian Inggeris-Belanda telah ditandatangani dalam tahun 1788 di mana salah satu kuasa itu akan mengambil alih semua tanah jajahan kuasa yang lagi satu, sebagai langkah untuk menentang musuh yang sama, sekiranya perang Eropah meletus. Perancis menakluk Holland semasa Perang Napoleon dan William V yang berada dalam buangan menandatangani Surat-surat Kew dalam tahun 1795 membenarkan Inggeris mengambil-alih tanah-tanah jajahan Belanda untuk menghalang mereka daripada dirampas oleh Perancis. Syarat telah juga dibuat untuk memulangkan semula tanah-tanah jajahan itu apabila keamanan dipulihkan.
- 4.3 **PENDUDUKAN INGGERIS DI TANAH-TANAH JAJAHAN BELANDA.** Dengan Surat-surat Kew, Inggeris menduduki Ambon, Pulau Banda, Pulau Moluku, Melaka dan lain-lain loji Belanda di pantai barat Sumatera. Langkah pertama Syarikat Hindia Timur Inggeris mengambil Melaka dalam tahun 1795 ialah untuk memusnahkan A Famosa dan menghancurkan kemasyhuran Melaka serta memindahkan perdagangan Melaka ke Pulau Pinang. Ini untuk menjamin Melaka tidak berguna lagi kepada Belanda kelak apabila ia dipulangkan kepada mereka. Penentangan Raffles terhadap pemusnahan itu mempengaruhi pihak berkuasa Inggeris untuk memberhentikan rancangan pemusnahan itu.

- 4.4 PEMBUKAAN SINGAPURA. Pemulangan semula Jawa (1816) dan Melaka (1818) kepada Belanda memberikan mereka peluang untuk menegakkan semula amalan-amalan monopoli mereka yang lama. Perdagangan Inggeris sekali lagi **disekat** kerana semua pelabuhan Belanda di Kepulauan ditutup kepada Inggeris, kecuali Betawi. Raffles yang memandang ke hadapan untuk menduduki Jawa selama-lamanya telah mengasaskan pembukaan Singapura dengan tujuan untuk meluaskan kuasa Inggeris di Kepulauan Melayu.
- 4.5 PENENTANGAN BELANDA DAN PERUNDINGAN-PERUNDINGAN. Orang Belanda **menentang** tindakan Raffles dan dengan itu perang-dingin pun bermula. Sementara itu, Singapura berkembang dengan pesatnya dan oleh kerana ia menunjukkan masa hadapannya yang cerah, kerajaan Inggeris akhirnya yakin untuk tidak mahu menyerahkannya kepada Belanda. Inggeris terlalu ingin untuk **mengekalkan persahabatan dengan Netherland** sebagai langkah pertahanan menentang Perancis dan banyak kali pentadbir-pentadbir Inggeris telah diberi amaran supaya jangan menimbulkan kemarahan Belanda. Untuk mengelakkan meletusnya perang dan menyelesaikan segala perselisihan, perundingan-perundingan diadakan dan akhirnya membawa kepada tertandatangannya **Perjanjian Inggeris-Belanda pada 17hb. Mac 1824.**
- 4.6 SYARAT-SYARAT PERJANJIAN. Dengan perjanjian ini, satu garisan dibuat di Selat Melaka untuk **membahagikan dua kawasan pengaruh yang berasingan**. Belanda dikhaskan kepada kawasan di selatan dan barat garisan ini, sementara kawasan pengaruh Inggeris berada di utara dan timur garisan itu. Pembahagian ini tamat sepenuhnya dengan Inggeris menukar Benkulen dengan Melaka di bawah Belanda. Inggeris mendapatkan **pengiktirafan Belanda** terhadap pendudukannya di Singapura. Sementara itu Inggeris menyerahkan semua hak miliknya di Sumatera kepada Belanda, dan Belanda pula menyerahkan semua lojinya di India kepada Inggeris serta membayar hutang-hutangnya sebanyak £100,000. Kedua-dua pihak tidak akan membuat sebarang perjanjian dengan mana-mana pemerintah di kawasan pengaruh masing-masing, yang akan merugikan perdagangan pihak yang lagi satu. Satu lagi akibat penting ialah **pemisahan empayar Johor** kepada dua iaitu Sultan di Riau memerintah di bawah pengaruh Belanda, dan Temenggung pula memerintah Johor serta Bendahara di Pahang.

PENTINGANYA PERJANJIAN.

- 4.7 TAMATNYA PERSELISIHAN. Semua perselisihan telah dapat ditamatkan dengan menyekat kuasa-kuasa itu di dalam kawasan pengaruh masing-masing. Belanda tidak banyak rugi kerana menyerahkan Melaka dan loji-loji mereka di India yang tidak mempunyai masa depan yang cerah. Dengan terkeluarnya Belanda dari Melaka mendatangkan keuntungan kepada Inggeris kerana ia menyekat perluasan kuasa Belanda ke Negeri-negeri

• Melayu tetapi Inggeris terpaksa mencari peluang untuk membina sebuah empayar di Kepulauan Melayu.

- 4.8 PERPECAHAN EMPAYAR JOHOR. Perpecahan empayar Johor adalah istimewa kerana perpecahannya adalah kekal. Sultan Johor di Riau tidak dapat mengawal empayarnya di Johor dan Pahang.
 - 4.9 PEMERINTAH YANG BARU. Satu keluarga pemerintah yang baru wujud di Johor, keturunan dari Temenggung Tuntutan Ali, putera Sultan Hussein, untuk menaiki takhta kerajaan Johor tidak diterima dan telah diselesaikan oleh kerajaan Inggeris dalam tahun 1855 apabila Ali diberi penceran dan sekeping tanah di antara Sungai Muar dan Sungai Kesang, dan Temenggung Ibrahim diberi kuasa serta kedaulatan sepenuhnya ke atas Johor.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

A. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada tertandatangannya Perjanjian.

1. Wujudnya persaingan perdagangan di antara Inggeris dan Belanda di Timur sejak kurun ke 17.
2. Dengan Surat-surat Kew, Pulau Ambon, Pulau Banda, Pulau Moluku, Melaka dan lain-lain petempatan Belanda di pantai barat Sumatera dikuasai oleh Inggeris.
3. Pemulihan amalan monopoli Belanda telah mengancam perdagangan Inggeris di Timur. Raffles kemudiannya menubuhkan petempatan Inggeris di Singapura.
4. Kejayaan dan kemajuan pesat Singapura mengancam kedudukan Belanda di Timur.
5. Untuk menamatkan semua perselisihan dan permusuhan, perundingan-perundingan dimulakan dan Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani pada 17hb. Mac 1824.

B. Kesan-kesan Perjanjian.

1. Perjanjian itu mengakibatkan wujudnya satu garisan yang membahagi dua kawasan pengaruh iaitu di bawah Inggeris dan Belanda. Tanah-tanah jajahan ditukar.

2. Belanda juga mengiktiraf hak Inggeris menduduki Singapura.

3. Empayar Johor berpecah dua.

C. Pentingnya Perjanjian.

1. Semua perselisihan di antara Belanda dan Inggeris dapat ditamatkan.

Inggeris menguasai Kepulauan Melayu sementara Belanda pula menguasai Hindia Timur.

2. Perpecahan empayar Johor adalah kekal. Satu keluarga pemerintah wujud di Johor, dari keturunan Temenggung. Temenggung Ibrahim diberi kuasa dan kedaulatan sepenuhnya ke atas Johor.
-

5. Syarat-syarat penting Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 dan kesan-kesannya di Tanah Melayu.
-

SYARAT-SYARAT PENTING PERJANJIAN INGGERIS-BELANDA.

- 5.1 **PERSELISIHAN INGGERIS-BELANDA DAN TERTANDATANGANNYA PERJANJIAN TAHUN 1824.** Hubungan di antara Netherland dan Britain tidak begitu baik. Kedua-duanya mempunyai saingen perdagangan di Timur. Belanda memonopoli perdagangan Hindia Timur sementara Inggeris pula berasa bahawa mereka juga mempunyai hak yang sama dengan Belanda. Hubungan mereka bertambah buruk dengan pendudukan Singapura dan perang-dingin berikutnya di mana Belanda menentang dengan kerasnya kepada kerajaan Inggeris, di atas tindakan Raffles itu. Perundingan-perundingan bermula dalam tahun 1820 dan ditamatkan apabila Perjanjian pada 17hb. Mac 1824 itu ditandatangani. Perjanjian Inggeris-Belanda mengandungi syarat-syarat mengenai tanah-tanah jajahan dan perdagangan yang penting.
- 5.2 **SYARAT-SYARAT PERJANJIAN MENGENAI TANAH-TANAH JAJAHAN.** Sebagai langkah untuk menamatkan permusuhan dan perselisihan yang berpanjangan, perjanjian ini menyediakan pembahagian tanah jajahan yang jelas di antara kawasan-kawasan pengaruh Belanda dan Inggeris. Belanda menyerahkan semua loji-loji mereka di India dan juga Melaka serta membayar £100,000 untuk menyelesaikan segala hutang-hutangnya. Sebagai tukarannya, Inggeris menyerahkan Benkulen dan semua hak miliknya di Sumatera kepada Belanda. Oleh itu ternyata bahawa pengaruh Inggeris dihadkan dengan tegasnya di Semenanjung Tanah Melayu sementara pengaruh Belanda pula ialah di selatan dan barat Selat Melaka. Akhirnya Belanda mengiktiraf pendudukan Inggeris di Singapura. Inggeris juga berseruju tidak akan menubuhkan sebarang petempatan atau menandatangani sebarang perjanjian di Sumatera, Pulau Karimun, Pulau Riau dan Lingga atau “di lain-lain pulau di selatan Selat Singapura”. Jika salah satu kuasa itu bercadang hendak memusnahkan sesuatu tanah jajahannya, maka pihak yang lagi satu diberi kebenaran untuk mendudukinya. Akhirnya, adalah dipersetujui bahawa tidak ada sebarang petempatan baru dibenarkan ditubuhkan tanpa kebenaran pihak yang lagi satu.

- 5.3 **SYARAT-SYARAT PERJANJIAN MENGENAI PERDAGANGAN.** Layanan yang paling istimewa dipersetujui oleh kedua-dua pihak mengenai India, Ceylon dan Kepulauan Melayu. Kedua-dua pihak tidak akan menandatangani sebarang perjanjian dengan mana-mana pemerintah tempatan untuk merugikan perdagangan pihak yang lagi satu. Belanda tidak dibenarkan mengamalkan monopoli perdagangan di Kepulauan Melayu, kecuali di Pulau-pulau Moluku saja. Kedua-dua negeri itu membuat ketetapan mengenai banyaknya cukai yang mesti dibayar dan kedua-dua pihak itu berjanji untuk bekerjasama menindas kegiatan lanun.
- KESAN-KESAN PERJANJIAN KE ATAS TANAH MELAYU.**
- 5.4 **TIADANYA PERSAINGAN ANTARABANGSA DI TANAH MELAYU.** Kesan perjanjian yang paling penting ialah pembahagian Kepulauan Melayu kepada dua kawasan pengaruh yang berasingan. Dengan terkeluarnya Belanda dari Melaka bermakna tiada wujud lagi persaingan dalam di Tanah Melayu. Terdapat juga setengah kurun yang aman dalam persaingan menjajah. Ini bermakna dasar tidak campurtangan dalam halehwal Negeri-negeri Melayu dijalankan. Sungguhpun terdapat satu atau dua kejadian campurtangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu, tetapi penukaran dasar yang sebenarnya iaitu campurtangan rasmi hanya dijalankan dalam tahun 1874.
- 5.5 **PERKEMBANGAN SINGAPURA.** Selepas perjanjian, Singapura berada di bawah kekuasaan penuh kerajaan Inggeris, yang bertindak hanya untuk menambahkan kepentingan perdagangan. Zaman ketenangan persaingan menjajah tidak dapat digunakan untuk Singapura kerana pada zaman itu, selepas tertandatangannya perjanjian hingga pertengahan kurun itu, ialah zaman perkembangan yang pesat bagi Singapura.
- 5.6 **PEMBAHAGIAN YANG KEKAL BAGI EMPAYAR JOHOR.** Perjanjian itu mengakibatkan pembahagian yang kekal bagi Empayar Johor. Empayar Johor yang dahulunya mengandungi Kepulauan Riau-Lingga, Johor dan Pahang telah berpecah. Sultan Johor di Riau memerintah di bawah kawasan pengaruh Belanda, oleh itu baginda tidak dapat menegakkan kedaulatannya ke atas Johor yang diperintah oleh Temenggung atau Pahang yang diperintah oleh Bendahara.
- 5.7 **KELUARGA PEMERINTAH YANG BARU WUJUD.** Dengan perpecahan empayar Johor, satu keluarga pemerintah yang baru muncul di Johor, yang berasal dari Keturunan Temenggung. Ia membawa kepada tertandatangannya satu lagi perjanjian dalam tahun 1855 yang menamatkan tuntutan Ali, putera Sultan Hussein yang menuntut takhta kerajaan ayahnya dahulu. Temenggung Ibrahim, putera Temenggung diberi hak dan kedaulatan sepenuhnya ke atas Johor dan Ali diberi penceن serta sekeping tanah di antara sungai Muar dan Sungai Kesang.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

A. SYARAT-SYARAT PENTING PERJANJIAN.

1. Perjanjian Inggeris-Belanda telah ditandatangani pada 17hb. Mac 1824 untuk menyelesaikan perselisihan-perselisihan mengenai tanah jajahan dan perdagangan.
2. Belanda menyerahkan semua loji mereka di India, Melaka dan membayar £100,000 hutangnya kepada Inggeris.
3. Inggeris menyerahkan Benkulen dan semua hak milik mereka di Sumatera kepada Belanda.
4. Belanda akhirnya mengiktiraf pendudukan Inggeris di Singapura.
5. Kedua-dua pihak tidak akan menandatangani sebarang perjanjian dengan mana-mana raja tempatan di India, Ceylon dan Kepulauan dengan tujuan untuk merugikan perdagangan pihak yang lagi satu.
6. Belanda tidak akan mengamalkan monopoli perdagangan di Kepulauan Melayu, kecuali di Pulau Moluku.
7. Peraturan-peraturan am mengenai cukai pelabuhan ditetapkan oleh kedua-dua pihak. Mereka juga berjanji untuk bekerjasama bagi menindas kegiatan-kegiatan lanun.

B. KESAN-KESAN PERJANJIAN KE ATAS TANAH MELAYU.

1. Kesan perjanjian yang terpenting kepada Tanah Melayu ialah pembahagian Kepulauan Melayu kepada dua kawasan pengaruh yang berasingan.¹ Tiada lagi wujudnya persaingan antarabangsa di kawasan itu.
2. Inggeris boleh menumpukan perhatian untuk memajukan Singapura.
3. Empayar Johor berpecah kepada dua bahagian.
4. Satu keluarga pemerintah yang baru bagi Johor muncul. Temenggung Ibrahim diberi kuasa dan kedaulatan sepenuhnya ke atas Johor.



INGGERIS DI MELAKA & SINGAPURA

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN

1. Mengapa dan bagaimakah Syarikat Hindia Timur mengambil Melaka dalam tahun 1795? (Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Huraikan peristiwa-peristiwa yang membawa kepada pembukaan Singapura. Bagaimakah Singapura berkembang dari tahun 1819 hingga 1824? (Rujuk kepada Tajuk 2)
3. Beri satu huraian mengenai riwayat hidup dan kejayaan-kejayaan penting Stamford Raffles. (Rujuk kepada Tajuk 3)
4. Apakah peristiwa-peristiwa, kesan-kesan dan pentingnya Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824? (Rujuk kepada Tajuk 4)
5. Huraikan syarat-syarat penting dan kesan-kesan Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824. (Rujuk kepada Tajuk 5)

BAB 7 NEGERI-NEGERI MELAYU PADA AWAL KURUN KE 19.

- ✓ 1. Hubungan Inggeris dengan Siam dalam kurun ke sembilanbelas dan tertandatangannya Perjanjian Burney tahun 1826.

- 1.1 PEMULIHAN SIAM SELEPAS PENYERANGAN BURMA. Ahmad Tajuddin menyerahkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur untuk mendapatkan bantuan ketenteraan. Siam telah terlibat dalam perang yang berlanjutan dengan Burma dalam kurun-kurun ke 16, 17 dan 18. Menjelang akhir kurun ke 18, Siam yang telah pun disatukan di bawah dinasti Chakri, mula pulih semula selepas perangannya dengan Burma. Raja-raja Chakri berjaya mengukuhkan negeri Siam dari segi ketenteraan dan mula memperbaharui tuntutan Siam ke atas negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.
- 1.2 SERANGAN SIAM KE ATAS KEDAH. Dalam tahun 1818 Sultan Kedah diperintahkan oleh Siam untuk menyerang Perak dan memaksa rajanya supaya menghantar Bunga Mas ke Bangkok. Perintah itu tidak dapat dijalankan kerana Siam tidak mempunyai hak di Perak. Akhirnya Siam mendapat peluang untuk berurusan dengan Kedah apabila dalam tahun 1821 ia memerintahkan Ahmad Tajuddin ke Bangkok untuk menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepadanya, termasuk membuat pakatan dengan Burma. Berikutan daripada keengangan Sultan untuk pergi ke Bangkok, tanpa amaran Siam menyerang Kedah. Sultan dan pengikut-pengikutnya terpaksa melarikan diri dan berlindung di Pulau Pinang dan Seberang Perai.
- 1.3 DASAR SYARIKAT HINDIA TIMUR TERHADAP SIAM. Tindak-tanduk Inggeris untuk tidak memberikan bantuan kepada Siam adalah didorongkan oleh dua sebab. Mereka mempunyai hubungan yang tegang dengan Burma dan berkehendakkan Siam bukan saja sebagai sahabat tetapi juga untuk menghalang daripada terbentuknya satu pakatan di antara Siam dan Burma. Keduanya, penaklukan Kedah oleh Siam melibatkan bekalan makanan Pulau Pinang. Sungguhpun percubaan-percubaan telah dibuat untuk menjadikan Pulau Pinang tidak bergantung kepada sesiapa, tetapi Pulau Pinang masih bergantung kepada Kedah untuk bekalan makanannya. Ia juga bergantung kepada perdagangan bijih timah dengan Perak, Patani dan Junk Ceylon, kesemuanya adalah negeri-negeri lindungan Siam. Untuk mengelakkan daripada menentang Siam dan kemungkinan meletusnya perang dengan mereka, Syarikat tidak mahu membantu Ahmad Tajuddin. Sebaliknya mereka menghantar satu utusan ke Bangkok untuk berbincang serta menyelesaikan beberapa masalah yang timbul.
- 1.4 UTUSAN CRAWFURD. Utusan Crawfurd ke Bangkok ialah untuk berbincang dan mengumpulkan seberapa banyak maklumat yang dapat mengenai Siam. Ia gagal meminta Siam membatalkan sekatan perdagangannya terhadap perdagangan Inggeris dan untuk menabalkan semula Ahmad Tajuddin ke atas takhtanya. Apa yang dapat diperolehinya ialah mak-

lumat mengenai kelemahan pertahanan Siam, tidak seperti yang disangka oleh Inggeris dan mereka semestinya jangan takut kepada orang-orang Siam di Kedah.

- 1.5 **AMARAN FULLERTON KEPADA SIAM.** Perang Inggeris-Burma meletus dalam tahun 1824. Pihak berkuasa Pulau Pinang gagal untuk mendapatkan bantuan Siam di Ligor untuk menentang Burma. **Raja Ligor** pada masa itu cuba meletakkan semula Perak dan Selangor di bawah kekuasaan Siam. Gabnor Fullerton bercadang untuk campurtangan kerana ia tidak ingin melihat Negeri-negeri Melayu jatuh ke tangan Siam. Berita mengenai Raja Ligor melengkapkan satu angkatan perang yang terdiri daripada 300 buah perahu di Kuala Sungai Trang sampai kepada Fullerton. Ia memberi amaran kepada Raja Ligor bahawa Inggeris akan campurtangan. Dengan amaran itu angkatan perang tersebut dibatalkan. Keptan Henry Burney, kemudiannya dihantar kepada Raja Ligor. Burney memujuk Raja Ligor supaya menandatangani satu perjanjian permulaan di mana ia berjanji untuk membiarkan Sultan Perak membuat pilihan samada ingin menghantar Bunga Mas ke Bangkok atau tidak.
- 1.6 **UTUSAN BURNEY KE BANGKOK.** Gembira dengan kejayaan Gabnor Fullerton dan Crawfurd, Kerajaan India menghantar Burney sebagai utusan Inggeris, untuk utusan keduanya ke Bangkok dalam tahun 1825. Arahan-arahan yang diberi kepada Burney ialah untuk mendapatkan konsensi-konsensi perdagangan, di samping mengukuhkan kedudukan politik dengan memberi jaminan kepada Siam bahawa Inggeris tidak mempunyai niat yang buruk terhadap mereka. Inggeris tidak juga ingin meluaskan pengaruh mereka ke atas negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Burney tinggal di Bangkok sehingga bulan Jun 1826 dan selepas beberapa perbincangan, akhirnya perjanjian tahun 1826 yang penting itu ditandatangani.
- 1.7 **PERJANJIAN BURNEY.** Ketegasan Burney berbanding dengan Crawfurd, telah menyemaikan benih ketakutan terhadap kemungkinan serangan Inggeris. Siam menegaskan untuk merangkakan perjanjian itu tetapi perkataan-perkataannya adalah terlalu samar. Disebabkan oleh kekuatan wataknya, Burney berjaya mendapatkan syarat-syarat perjanjian perdagangan yang lebih menguntungkan daripada apa yang diperolehi oleh Crawfurd.
- 1.8 **SYARAT-SYARAT PERJANJIAN.** Kedua-dua pihak mengiktiraf **ke-**merdekaan Perak dan bersetuju tidak akan menyerangnya. Inggeris berjanji tidak akan menghalang Sultan Perak daripada menghantar Bunga Mas sekiranya baginda ingin berbuat demikian. Mengenai Kedah pula, Burney tidak berjaya menabalkan semula Sultan Kedah ke atas takhtanya. Inggeris bersetuju tidak akan campurtangan dalam hubungan Kedah dengan Siam dan tidak akan membenarkan Ahmad Tajuddin tinggal di Pulau Pinang, Seberang Perai, Perak atau mana-mana daerah Burma. Sultan Kedah

dipindahkan ke Melaka. Kedudukan Terengganu dan Kelantan masih tinggal di dalam samar-samar, tetapi Siam tidak akan campurtangan ke atas perdagangan Inggeris di situ sementara Inggeris pula tidak akan cuba menyerang kedua-dua buah Negeri itu.

- 1.9 KESAN-KESAN PERJANJIAN. Sungguhpun perjanjian itu telah ditandatangani, Gabnor Fullerton masih ragu-ragu terhadap kejayaannya pada masa depan. Ini ternyata apabila Siam memungkiri perjanjian itu tidak lama selepas kepulangan Burney ke Pulau Pinang. Pencabulan perjanjian mengenai Perak mengakibatkan campurtangan Inggeris di situ dan satu perjanjian ditandatangani di antara Keptan Low dengan Perak dalam tahun 1826.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Siam berminat untuk menegakkan semula kuasanya ke atas Negeri-negeri Melayu apabila peperangannya dengan Burma tamat.
2. Siam menyerang Kedah dalam tahun 1821 apabila Sultan enggan pergi ke Bangkok. Sultan melarikan diri ke Pulau Pinang untuk mendapatkan bantuan Inggeris.
3. Inggeris berkehendakkan persahabatan dengan Siam untuk menentang Burma. Mereka bergantung kepada Kedah untuk mendapatkan bantuan makanan dan perdagangan bijih timah dengan negeri-negeri lindungan Siam. Oleh itu Syarikat tidak membuat percubaan untuk membantu Sultan Kedah.
4. Crawfurd telah dihantar ke Siam untuk mendapatkan konsensi perdagangan tetapi tidak berjaya. Ia mendapati bahawa Siam lebih lemah kuasanya daripada Inggeris.
5. Dalam tahun 1825 Burney pergi ke Bangkok dengan harapan untuk mendapatkan lebih banyak konsensi perdagangan. Ia menandatangani Perjanjian Burney dalam tahun 1826.
6. Kedua-dua buah negara itu mengiktiraf kemerdekaan Perak dan berjanji untuk tidak menyerangnya.
7. Inggeris tidak akan campurtangan dalam hubungan Kedah dengan Siam dan Siam pula tidak akan campurtangan dalam perdagangan Inggeris dengan Kelantan dan Terengganu.
8. Siam enggan menabalkan semula Sultan Kedah ke atas takhtanya.

2. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada tertandatangannya Perjanjian Low dengan Perak dalam tahun 1826 dan syarat-syarat penting perjanjian tersebut.
-
- 2.1 PERKEMBANGAN POLITIK SIAM. Menjelang akhir kurun ke 18 dan awal kurun ke 19 perkembangan politik Siam semakin nyata. Ia mula menegakkan semula kekuasaannya ke atas Negeri-negeri Melayu utara di mana negeri-negeri itu sedang menikmati kelonggaran kekuasaan Siam pada masa Siam sibuk berperang dengan Burma. Rancangan perluasan kuasanya termasuk perluasan kuasa Siam ke atas negeri-negeri utara, tengah dan kemudiannya ke selatan Tanah Melayu.
- 2.2 SERANGAN KE ATAS KEDAH 1821. Selepas menegakkan kekuasaannya ke atas Kedah, Siam menaruh hati ke atas Perak dengan memerintahkan Ahmad Tajuddin dari Kedah menyerang Perak dan memaksanya menghantar ufti tahunan yang berupa Bunga Mas ke Siam. Perintah itu dituruti, tetapi masih tidak dapat menjamin kemerdekaan Kedah. Ahmad Tajuddin gagal pergi ke Kedah untuk berunding dengan Siam di atas perintah Siam. Dengan cepatnya Siam menyerang Kedah dalam tahun 1821. Sultan dan pengikut-pengikutnya melarikan diri ke Pulau Pinang dan Seberang Perai di mana mereka meminta bantuan daripada Syarikat Hindia Timur.
- 2.3 DASAR INGGERIS TERHADAP SIAM. Bertindak untuk kepentingannya sendiri, Syarikat Hindia Timur tidak campurtangan untuk membantu Kedah. Syarikat mendapatinya tidak bijak untuk campurtangan di Kedah dan menyebabkan tercetusnya perperangan dengan Siam. Kerajaan India bermusuh dengan Burma dan inginkan Siam bukan saja sebagai negeri penampungan, tetapi juga untuk menyekat Siam daripada bersahabat dengan Burma. Syarikat juga bergantung kepada Kedah untuk bekalan makannya. Percubaan untuk mewujudkan hubungan perdagangan yang menguntungkan dengan Siam adalah mustahak kerana Syarikat juga mempunyai perdagangan bijih timah yang penting dengan negeri-negeri lindungan Siam seperti Perak, Patani dan Junk Ceylon. Inggeris akan menghadapi kemungkinan terputusnya bekalan makanan dan perdagangan bijih timah sekiranya Inggeris menentang Siam.
- 2.4 CRAWFURD DI BANGKOK. Berdasarkan kepada tujuan-tujuan itu, Crawfurd dihantar ke Bangkok dalam tahun 1822 dengan arahan untuk membuat perundingan dan untuk mencari maklumat mengenai kekuatan Siam. Utusan itu gagal kecuali ia dapat mengetahui bahawa Siam bukanlah suatu kuasa yang kuat yang mereka sangkakan.
- 2.5 TERTANDATANGANNYA PERJANJIAN BURNEY. Perjanjian Burney merupakan satu peristiwa yang penting yang membawa kepada tertandatangannya Perjanjian Low dengan Perak dalam tahun 1826. Utusan Burney ke Bangkok dalam tahun 1825 ialah untuk mendapatkan ke-

istimewaan-keistimewaan perdagangan dan penabalan semula Sultan Kedah ke atas takhtanya. Di dalam perjanjian yang dibuat di antara Burney dan Siam, kedua-dua pihak itu mengiktiraf Perak sebagai sebuah negeri yang merdeka.

- 2.6 **TEKANAN SIAM KE ATAS PERAK.** Siam tidak perlu menunggu dengan lebih lama lagi untuk memungkiri syarat-syarat Perjanjian Burney. Raja Ligor menghantar satu utusan dengan satu angkatan laut yang kecil ke Perak tetapi telah digagalkan oleh Fullerton dengan menghantar Keptan Low dengan satu angkatan laut yang kecil ke Perak untuk memberi jaminan kepada baginda bahawa baginda tidak perlu lagi menghantar Bunga Mas sekiranya baginda tidak ingin berbuat demikian. Inggeris memberikan jaminannya untuk memberi bantuan ketenteraan dalam bulan September 1826.
- 2.7 **PERJANJIAN LOW.** Sultan Abdullah dari Perak mengalu-alukan bantuan Inggeris dengan menegaskan perlunya membuat satu perjanjian bertulis, setelah baginda mengingatkan kembali peristiwa yang telah terjadi kepada Sultan Kedah dahulu. Sultan Abdullah telah pun berasa bimbang dengan kehadiran angkatan perang Siam dan wujudnya perasaan proSiam di dalam istananya. Sebagai langkah untuk mengusir keluar orang Siam, Low bersetuju membuat satu perjanjian yang ditandatangani pada 18hb. Oktober 1826.
- 2.8 **SYARAT-SYARAT PERJANJIAN.** Kedudukan Perak berhubung dengan hubungannya dengan Siam telah diselesaikan. Inggeris berjanji untuk membantu Sultan sekiranya kemerdekaan baginda diancam oleh sesiapa pada bila-bila masa. Sebagai balasan kepada perlindungan Inggeris, Sultan tidak akan membuat sebarang hubungan politik dengan Siam, Ligor, Selangor atau mana-mana Negeri Melayu, dan tidak akan menghantar Bunga Mas atau lain-lain bentuk ufti ke Siam. Sultan juga menyerahkan Pulau Dinding, Pangkor dan lain-lain pulau dekat dengan pantai Perak kepada Inggeris.
- 2.9 **PENTINGNYA PERJANJIAN.** Perjanjian Low merupakan satu perlanggaran/penyelwengan dasar tidak campurtangan Syarikat. Ia telah menggembirakan Fullerton dengan tindakannya itu. Syarikat telah lama ingin mendapatkan Pangkor sebagai pengkalan untuk menguasai perdagangan bijih timah Perak dan untuk menindas kegiatan-kegiatan lanun. Low telah menolong menyelamatkan kemerdekaan Perak.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Pada awal kurun ke 19 Siam sedang meluaskan kekuasaannya ke atas Negeri-negeri Melayu di Semenanjung.

2. Siam menyerang Kedah dalam tahun 1821 apabila Sultan enggan pergi ke Bangkok. Sultan dan pengikut-pengikutnya mlarikan diri dan berlindung di Pulau Pinang serta meminta bantuan Inggeris.
 3. Inggeris tidak membantu Sultan kerana mereka tidak ingin bermusuhan dengan Siam.
 4. Crawfurd pergi ke Bangkok dalam tahun 1822 dan mendapati bahawa Siam sebenarnya adalah lebih lemah daripada Inggeris.
 5. Dalam tahun 1826 Burney menandatangani perjanjian dengan Siam. Perak diiktiraf sebagai negeri yang merdeka oleh kedua-dua pihak.
 6. Selepas perjanjian Burney, Raja Ligor menghantar satu angkatan ke Perak. Ia telah diberi amaran. Apabila lebih banyak aduan terhadap Raja Ligor telah dibuat oleh Perak, Low dihantar ke Perak.
 7. Sultan Perak meminta supaya perjanjian dibuat yang ditandatangani dalam bulan Oktober 1826. Perlindungan Inggeris ke atas Perak dijamin dan Perak berjanji tidak akan menghantar ufti ke Siam atau membuat sebarang perundingan politik dengan Siam atau lain-lain Negeri Melayu.
 8. Sebagai balasannya ke atas jaminan kemerdekaan, Sultan menyerahkan Pulau Dinding dan Pangkor kepada Inggeris.
 9. Dengan Perjanjian Low, Inggeris telah memecahkan dasar tidak campur-tangannya yang rasmi. Mereka juga dapat menguasai perdagangan bijih timah Perak dengan mengambil Pulau Pangkor.
-

3. Hubungan di antara Siam, Britain dan Negeri-negeri Melayu di antara tahun-tahun 1818–64.

- 3.1 PERLUASAN KUASA SIAM. Satu ciri yang nyata di Negeri-negeri Melayu, selepas zaman Kesultanan Melaka, ialah percubaan Siam untuk meletakkan mereka di bawah kekuasaannya. Pengaruh Siam di Negeri-negeri Melayu bersamaan dengan penubuhan Inggeris di Pulau Pinang dan oleh itu menyulitkan lagi keputusan Kerajaan India untuk tidak melihat diri dalam politik Tanah Melayu. Diancam oleh negeri jiran yang kuat dan menceroboh, pegawai-pegawai di Negeri-negeri Selat mendapatinya mustahak dari masa ke semasa, untuk **melonggarkan** dasar tidak campur-tangannya.
- 3.2 SERANGAN SIAM KE ATAS KEDAH. Pengaruh Siam, yang telah mulai pudar untuk sementara waktu, disebabkan oleh peperangannya dengan Burma, telah **dipulihkan** semula pada pertengahan pertama kurun ke 19, dengan percubaan-percubaan mereka untuk menelan Negeri-negeri Melayu.

utara. Sultan Kedah menyerahkan Pulau Pinang dengan tujuan untuk mendapatkan perlindungan daripada Siam tetapi Syarikat telah mengambil pulau itu tanpa janji yang jelas untuk memberi bantuan. Usaha untuk mengambil hati Siam dengan melanggar Perak di atas suruhan Siam tidak menyebabkan Kedah tidak dikuasai oleh Siam. Dalam tahun 1821, Kedah telah diserang dan menjadi negeri yang dikuasai oleh Siam, menyebabkan Sultan mencari perlindungan di Pulau Pinang. Penyerangan Siam menyebabkan kecemasan di Pulau Pinang. Pengekspotan bahan-bahan makanan dari Kedah diberhentikan. Sultan yang kecewa dan pengikut-pengikutnya meneruskan percubaan mereka untuk merampas semula negeri mereka secara perang gerila.

- 3.3 **ANCAMAN SIAM DI PERAK DAN SELANGOR.** Dalam tahun 1822, Perak dengan bantuan Selangor mengusir Siam daripada negerinya. Dalam tahun 1825 Raja Ligor bersiap sedia untuk menyerang dan membawa Perak dan Selangor di bawah kuasa Siam. Ia telah diberi amaran oleh Gabnor baru, Fullerton, bahawa Inggeris mungkin akan campurtangan. Apabila sebuah kapalperang dihantar oleh Inggeris, Raja Ligor menamatkan serangannya ke atas Selangor dan Perak, yang mana Inggeris menuntut haknya kerana kedua-duanya terletak di bawah kawasan pengaruh mereka menurut Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824.
- 3.4 **PERJANJIAN BURNEY.** Berikutan dengan meletusnya Perang Inggeris-Burma I dalam tahun 1824, adalah mustahak untuk Inggeris bersahabat baik dengan Siam. Tambahan pula, Inggeris boleh memujuk Siam untuk menghantar satu angkatan laut menentang Burma. Selanjutnya, Perjanjian Burney ditandatangani di Bangkok 1826. Ia berjaya menyekat kuasa Siam untuk berkembang ke selatan Kedah dan mendapatkan pengiktirafan Burma mengenai pendudukan Inggeris di Pulau Pinang. Perak dan Selangor diisyiharkan merdeka daripada penguasaan Inggeris dan Siam. Siam juga dipujuk untuk membiarkan Sultan Perak membuat keputusan sendiri samada akan menghantar Bunga Mas ke Bangkok ataupun tidak.
- 3.5 **PERJANJIAN LOW.** Berhubung dengan Perak, Siam tidak menepati syarat-syarat Perjanjian Burney. Fullerton menghantar satu angkatan perang yang kecil di bawah pimpinan Low untuk menamatkan ancaman Siam. Sebagai langkah untuk tidak menghadapi keadaan yang sama dengan Sultan Kedah, Sultan Perak meminta supaya satu perjanjian bertulis dibuat, dan Perjanjian Low ditandatangani dalam tahun 1826. Sultan Perak bersetuju untuk menamatkan campurtangan politik Siam dan Selangor di negeri baginda dan Syarikat pula bersetuju untuk memberikan bantuan dan perlindungan. Perjanjian ini dapat mengekalkan kemerdekaan Perak dan selepas tahun 1827 pengaruh Siam hanya wujud di Kedah saja.
- 3.6 **PEMULANGAN TAKHTA KERAJAAN KEDAH.** Sultan Kedah yang menjadi orang pelarian terus membuat percubaan untuk mendapatkan semula negerinya. Siam mendapatkan bantuan Inggeris untuk mengusir

keluar orang-orang Melayu dan untuk memusnahkan lanun-lanun. Bantuan yang tidak ternilai telah diberikan kepada Siam dalam tahun-tahun 1831, 1836 dan 1838. Siam akhirnya merasa bosan dengan serangan-serangan Sultan Kedah itu. Satu tolakansur telah tercapai selepas kematian Raja Ligor. Sultan Kedah ditabalkan semula ke atas takhtanya selepas baginda meletakkan negeri Kedah sebagai negeri naungan Siam dalam tahun 1842. Sebahagian daripada negeri Kedah telah dipisahkan oleh Siam untuk membentuk negeri Perlis. Selepas tahun 1842, hubungan di antara Kedah dan Pulau Pinang pada keseluruhannya adalah berjalan dengan baik dan hubungan perdagangan berjalan terus. Tiada perselisihan meletus selagi Siam dibenarkan menegakkan kuasanya di Kedah.

- 3.7 PERLUASANKUASA SIAM DI TERENGGANU. Sementara itu kegiatan-kegiatan Siam semakin berkembang di Kelantan dan Terengganu, tetapi Kelantan dibiarkan berada dalam aman dalam tahun 1842. Pada masa yang sama perang saudara meletus di Pahang di antara Wan Ahmad dan Wan Mutahir dalam tahun 1857. Wan Ahmad telah diusir keluar dan melarikan diri ke Bangkok di mana ia telah disertai oleh seorang pelarian yang lain iaitu Mahmud, bekas Sultan Lingga (Sultan Johor) yang juga menuntut takhta Pahang. Siam memutuskan untuk melantik Wan Ahmad dan Mahmud sebagai pemerintah-pemerintah boneka. Mereka merancangkan untuk melantik Mahmud sebagai pengganti Sultan Terengganu yang semakin popular dan untuk membantu Wan Ahmad bagi mendapatkan takhta daripada Mutahir. Dalam tahun 1862 berita mengenai kedatangan Mahmud dan Wan Ahmad berserta dengan satu angkatan perang ke Terengganu tiba kepada Kolonel Cavanagh tetapi Siam memberi jaminan kepada Inggeris bahawa utusan itu hanya untuk lawatan saja.
- 3.8 CAMPURTANGAN INGGERIS DI TERENGGANU. Akhirnya disedari bahawa Siam sedang menunggu Mahmud untuk menegakkan kuasanya di Terengganu. Cavanagh menghantar satu angkatan perang untuk mengugut Sultan Terengganu supaya menyerahkan Mahmud dan berhenti daripada membantu Wan Ahmad. Kapalperang Inggeris membedil kubu Sultan apabila ugutan Cavanagh itu tidak dihiraukan. Tetapi tiada keputusan yang jelas diperolehi daripada peristiwa itu. Akhirnya dalam tahun 1863 Siam menarik balik Mahmud dan tidak lagi membuat sebarang percubaan untuk meletakkan Terengganu di bawah kekuasannya. Perang di Pahang tamat dengan kematian Wan Mutahir dan perlantikan Wan Ahmad sebagai Bendahara dalam tahun 1864. Selepas peperangan, pengaruh politik Siam di Negeri-negeri Melayu bertambah mundur.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Pada pertengahan pertama kurun ke 19, Siam mula menghidupkan semula usahanya untuk meletakkan Negeri-negeri Melayu Utara di bawah kekuasaannya. Kerajaan Inggeris mendapatinya mustahak untuk campurtangan di Negeri-negeri Melayu pada sesuatu masa, berikutan daripada pencerobohan Siam di situ.
2. Dalam tahun 1821 Siam menyerang Kedah. Serangan itu mengendalakan bekalan makanan Pulau Pinang. Sultan dan pengikut-pengikutnya melarikan diri ke Pulau Pinang dan Seberang Perai di mana mereka meneruskan serangan-serangan ke atas Siam di Kedah.
3. Dalam tahun 1825 Raja Ligor cuba menegakkan kuasa Siam di Perak dan Selangor. Ia menamatkan serangannya selepas Fullerton menghantar sebuah kapalperang untuk menakutkannya.
4. Burney menandatangani satu perjanjian dengan Siam di Bangkok. Kuasa Siam disekat hanya kepada sempadan selatan negeri Kedah. Perak dan Selangor diiktiraf merdeka.
5. Siam terus mengancam Perak dan Low telah dihantar untuk memberi jaminan kepada Perak bahawa baginda adalah merdeka daripada penguasaan Siam dan akan menerima bantuan sepenuhnya daripada Inggeris.
6. Dalam tahun 1842 Siam memulangkan semula takhta kepada Sultan Kedah, tetapi Kedah terus menjadi negeri naungan Siam.
7. Perang Saudara di Pahang memberi peluang kepada Siam untuk campurtangan. Mereka ingin membantu Wan Ahmad menentang Mutahir dan juga ingin menabalkan bekas Sultan Lingga (Sultan Johor) ke atas takhta Terengganu.
8. Sultan Terengganu diminta untuk menyerahkan Mahmud. Kegagalannya untuk berbuat demikian menyebabkan Inggeris membedil kubu baginda. Akhirnya Mahmud dibawa balik ke Bangkok dan campurtangan Siam di Terengganu tamat.

4. Perang Naning.

- 4.1 NANING—SEBUAH NEGERI MINANGKABAU. Satu peristiwa bersejarah akibat daripada penyelewengan dasar tidak campurtangan Inggeris ialah Perang Naning dalam tahun-tahun 1831–32. Naning, terletak di antara Rembau dan Melaka, pada keseluruhannya didiami oleh orang-orang Minangkabau. Ia merupakan salah sebuah negeri yang membentuk per gabungan negeri-negeri yang dikenali sebagai Negeri Sembilan.

- 4.2 NANING SEBAGAI NEGERI NAUNGAN MELAKA. Perang meletus akibat daripada kekeliruan mengenai tarafnya yang sebenar. Naning terus menjadi negeri naungan Melaka di bawah Belanda. Ia dipaksa oleh Belanda untuk membayar ufti tahunan yang berupa 1/10 daripada hasil tanamannya. Dalam tahun 1765 Belanda memutuskan untuk menamatkan pungutan cukai ke atas Naning tetapi Naning dikehendaki membayar ufti tahunan sebanyak 400 gantung padi saja. Satu lagi keistimewaan yang diperolehi Belanda ke atas Naning ialah haknya untuk melantik pembesar-pembesar Naning.
- 4.3 SEBAB MELETUSNYA PERANG. Selepas mengambil Melaka dari tangan Belanda, Inggeris menegaskan bahawa mereka mewarisi hak-hak Belanda di Naning. Pembesar Naning, Abdul Said bersetuju untuk terus membayar ufti 400 gantung padi tetapi enggan membayar cukai apabila Syarikat memutuskan untuk mengambil-alih pungutan cukai Naning. Abdul Said kemudian bersedia untuk berperang selepas keengganannya untuk bertemu dengan Gabnor Inggeris yang berada di Melaka dalam bulan Oktober 1829.
- 4.4 SERANGAN INGGERIS KE ATAS NANING. Apabila usaha untuk berunding dengan Abdul Said gagal, Syarikat memutuskan untuk menyerang Naning dalam bulan Julai 1831 dengan satu angkatan perang yang terdiri daripada 150 orang supai. Kempen ketenteraan ini mendatangkan kerugian yang besar kepada Inggeris. Mereka bukan saja ditewaskan oleh orang-orang Melayu Naning dan Rembau yang besar bilangannya tetapi juga mengalami banyak kesukaran melalui hutan belantara dan tindakan askar-askarnya yang tersilap.
- 4.5 KEKALAHAN NANING. Dalam perang, Naning dibantu oleh Rembau tetapi persahabatannya dengan Rembau itu tidak lama. Persahabatan itu terputus apabila Syarikat mengiktiraf Rembau sebagai jajahan yang merdeka dan memberi jaminan kepada Rembau bahawa Syarikat tidak berniat buruk terhadapnya. Oleh itu dalam kempen perang yang kedua dalam tahun 1832, Naning bertahan bersendirian dan tewas dalam peperangan itu, di mana Rembau telah membantu Inggeris.
- 4.6 AKIBAT PERANG. Tawaran untuk menyerahkan Naning kepada Rembau ditolak. Oleh itu Naning dijadikan sebahagian daripada negeri Melaka dan penceburan bulanan diberikan kepada Abdul Said. Ia digantikan dengan seorang Pengusaha, di mana bersama-sama dengan 15 orang ketua kampung dibentadbirkan undang-undang dan peraturan serta memungut cukai. Perbelanjaan peperangan yang besar menyebabkan Syarikat lebih enggan untuk tidak campurtangan di Negeri-negeri Melayu.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Naning, sebuah negeri Minangkabau, ialah negeri naungan Melaka di bawah Belanda, yang membayar ufti tahunan.
 2. Inggeris selepas mengambil Melaka dari tangan Belanda menegaskan hak-hak Belanda ke atas Naning, tetapi Naning enggan membayar cukai kepada Inggeris.
 3. Inggeris menyerang Naning dalam tahun 1831 tetapi gagal. Naning dibantu oleh Rembau.
 4. Dalam tahun 1832 Naning tewas dalam perang. Ia kehilangan persahabatan dengan Rembau yang membantu Inggeris.
 5. Naning menjadi sebahagian daripada negeri Melaka dengan ditadbirkan oleh seorang Pengusaha. Abdul Said diberi pencen. Perang itu menelan belanja yang besar kepada Inggeris.
-

5. Perang Saudara Pahang.

- 5.1 PERTELINGKAHAN DI PAHANG. Selepas pembahagian empayar Johor dalam tahun 1824 dengan tertandatangannya Perjanjian Inggeris-Belanda, Pahang diperintah dengan bebasnya oleh Bendahara Ali. Wan Mutahir, putera sulung, diberi kuasa untuk meremaja Pahang lama sebelum kematian ayahnya. Tetapi dalam tahun 1856, ayahnya menyerahkan daerah-daerah Endau dan Kuantan kepada adiknya, Wan Ahmad. Inilah punca pertelingkahan di antara kedua-dua orang adik beradik itu pada masa kematian Bendahara dalam tahun 1857.
- 5.2 SERANGAN KE ATAS PAHANG. Wan Ahmad kehilangan daerah-daerah yang diserahkan kepadanya apabila Bendahara yang baru, Wan Mutahir, enggan mengiktiraf tuntutannya. Meninggalkan Pahang menuju ke Terengganu, dan kemudiannya ia menyerang Pahang dari Kemaman dalam tahun 1857. Oleh itu Pahang menjadi medan perang selama 6 tahun. Terengganu telah diberi amaran oleh Gabnor Inggeris, Kolonel Cavanagh supaya jangan campurtangan. Sementara itu, Wan Mutahir gagal mendapat bantuan daripada Temenggung Johor. Kolonel Cavanagh enggan memberi kebenaran kepada Temenggung untuk campurtangan dalam pertelingkahan itu.
- 5.3 CAMPURTANGAN SIAM. Wan Mutahir mengusir Wan Ahmad keluar daripada Pahang yang kemudiannya melarikan diri ke Bangkok untuk mendapatkan bantuan. Siam mengambil peluang ini untuk meluaskan

kuasanya ke atas Negeri-negeri Melayu dan bertindak untuk campurtangan. Mahmud Shah, bekas Sultan Lingga (Sultan Johor), juga menuntut takhta kerajaan Pahang kerana ia juga adalah keturunan daripada Sultan Abdul Rahman yang mewarisi takhta Johor. Siam membuat keputusan untuk menabalkan samada Wan Ahmad atau Mahmud ke atas takhta sebagai pemerintah boneka. Mereka bercadang hendak menggulingkan Sultan Terengganu yang cuba memerintah dengan merdeka tanpa campurtangan Siam. Wan Ahmad, Mahmud Shah dan satu angkatan perang Siam tiba di Terengganu pada tahun 1862.

- 5.4 **PEMBEDILAN TERENGGANU.** Kolonel Cavanagh, melihat bahawa tindakan ini merupakan satu lagi ancaman Siam ke atas kemerdekaan Negeri-negeri Melayu. Tambahan pula, dalam tahun 1862, sebuah Syarikat Singapura telah membuat aduan kepada mereka bahawa perperangan di Pahang itu telah mengganggu perlombongan bijih timah mereka di Kuantan. Didorongkan oleh desakan-desakan daripada saudagar-saudagar di Singapura, Gabnor bertindak dengan segera dengan menghantar satu katadua kepada Sultan Terengganu dengan 2 buah kapalperang supaya Sultan menyerahkan Mahmud dalam masa 24 jam, dan jangan memberikan sebarang bantuan kepada Wan Ahmad. Terengganu dibedil apabila Sultan gagal menyerahkan Mahmud kepada Inggeris.
- 5.5 **TAMATNYA PERANG PAHANG.** Tiada apa-apa kesan daripada pembedilan itu. Akhirnya dalam tahun 1863 Siam berhenti daripada campurtangan dan membawa Mahmud balik ke Bangkok. Wan Mutahir mangkat dan Wan Ahmad menjadi pemerintah Pahang dengan bantuan pembesar-pembesar Pahang dalam tahun 1874.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Sebelum kemangkatan Bendahara Ali, ia telah menyerahkan kuasa pemerintah Pahang kepada Wan Mutahir. Dalam tahun 1856 ia menyerahkan daerah-daerah Endau dan Kuantan kepada putera mudanya, Wan Ahmad.
2. Bendahara Ali telah digantikan oleh Wan Mutahir sebagai Bendahara. Ia enggan mengiktiraf tuntutan Ahmad ke atas daerah-daerahnya.
3. Wan Ahmad menyerang Pahang dari Terengganu. Ia telah diusir keluar oleh Wan Mutahir, pergi ke Bangkok dan berjumpa Mahmud yang juga menuntut Pahang.
4. Siam campurtangan. Mereka bercadang untuk menggulingkan Sultan Terengganu dan menabalkan Mahmud ke atas takhta.
5. Inggeris campurtangan dan oleh kerana mereka gagal memindahkan Mahmud daripada Terengganu, membedil kubu-kubu di Terengganu.

6. Campurtangan Siam tamat apabila Mahmud dibawa balik ke Bangkok. Apabila Tun Mutahir mangkat, Wan Ahmad menjadi pemerintah Pahang.
-

6. Gabnor Fullerton.

- 6.1 PERLANTIKAN SEBAGAI GABNOR NEGERI-NEGERI SELAT. Robert Fullerton yang berkebolehan dan bertenaga menjadi Gabnor Negeri-negeri Selat dalam tahun 1824, pada masa kerajaan India sedang menghadapi masalah perhubungannya dengan Siam. Ia dengan kuatnya mencadangkan bahawa pengaruh dan perlindungan Inggeris hendaklah diperluaskan ke Negeri-negeri Melayu, yang pada masa itu sedang diancam oleh perluasan kuasa Siam. Dasar antiSiamnya tidak dapat mengubah sikap Syarikat untuk berpindah dari ketidaksediaannya kepada penglibatan dalam politik Tanah Melayu.
- 6.2 AMARAN KEPADA SIAM. Dalam tahun 1822, Sultan Selangor membantu Sultan Perak mengusir Siam keluar dari negerinya. Berita mengenai orang Siam di bawah Raja Ligor cuba menyerang dan membawa balik Perak dan Selangor ke bawah kekuasaan Siam tiba kepada Fullerton dalam tahun 1825. Tindakan pertamanya ialah menghantar amaran bahawa Inggeris akan campurtangan kerana Perak dan Selangor berada di bawah kawasan pengaruh Inggeris menurut Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824. Amaran itu tidak dipedulikan dan sebuah kapalperang dihantar untuk mengusir keluar angkatan perang Siam daripada Perak dan Selangor.
- 6.3 PERJANJIAN PERMULAAN INGGERIS. Fullerton mendapatinya bijak untuk menghantar satu utusan ke Ligor. Untuk tujuan ini, Burney telah dihantar sebelum utusan rasmi dibuat. Burney dihantar ke Ligor apabila ia mendapati bahawa Siam sedang menghantar satu angkatan darat untuk "membantu" Sultan Perak. Raja Ligor diberi amaran sekali lagi dan didesak supaya menandatangani satu perjanjian permulaan di mana ia bersetuju untuk tidak menyerang Perak atau Selangor.
- 6.4 PERTELINGKAHAN SEMPADAN NEGERI DI ANTARA PERAK DAN SELANGOR. Sungguhpun perjanjian itu merupakan satu penyelewengan dasar tidak campurtangan Syarikat, ia menerima sokongan sepenuhnya daripada Fullerton. Satu pertelingkahan sempadan negeri meletus di antara Perak dan Selangor dan Fullerton dengan segeranya menghantar John Anderson untuk menyelesaikan perselisihan itu. Ia menetapkan Sungai Bernam sebagai sempadan negeri di antara kedua-dua negeri itu.

- 6.5 PERJANJIAN LOW. Perjanjian Burney yang ditandatangani dalam tahun 1826 tidak dipatuhi oleh Siam. Perak diancam lagi oleh Siam. Fullerton tidak ragu-ragu lagi untuk menghantar Keptan Low untuk menawarkan perlindungan Inggeris dan menjamin kemerdekaan Perak daripada gangguan Siam. Sungguhpun Low berjaya mengambil Pulau Pangkor dan Pulau Dinding untuk hak milik Inggeris, ia sekali lagi telah mengingkari dasar tidak campurtangan Inggeris.
- 6.6 KESAN-KESAN PERJANJIAN LOW. Sebelum Kerajaan India dapat mengesahkan Perjanjian Low, ia telah menggantungkan perkhidmatan Low. Raja Ligor mengadu bahawa orang-orang Inggeris di bawah Low ketika menangkap Nakhoda Udin, seorang ketua lanun di Kurau, telah masuk ke dalam negeri Kedah. Tetapi Fullerton menggunakan lapuran Burney untuk membuktikan bahawa Kurau di dalam jajahan Perak. Kerajaan berdasarkan kepada perbahasan Fullerton yang begitu meyakin-kan, bersetuju untuk menarik balik penggantungan jawatan Low. Ketegasan Fullerton menolong mengekalkan kemerdekaan Perak. Selepas tahun 1827 penguasaan Siam hanya terhad kepada Kedah dan negeri-negeri di utara saja.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Fullerton telah dilantik sebagai Gabnor Negeri-negeri Selat dalam tahun 1824. Ia menentang dengan kerasnya terhadap perluasan kuasa Siam di Negeri-negeri Melayu.
2. Burney telah dihantar ke Siam apabila angkatan perang Siam dihantar ke Perak. Satu perjanjian permulaan ditandatangani.
3. Apabila Perak dan Selangor bertelingkah mengenai sempadan negeri, Fullerton menghantar Anderson untuk menyelesaikan pertelingkahan itu.
4. Siam memungkiri perjanjian Burney tahun 1826. Fullerton campur tangan dengan menghantar Low ke Perak dan satu perjanjian ditandatangani.
5. Perjanjian Low dan ketegasan Fullerton menyebabkan Siam tidak lagi campurtangan di Perak dan Selangor.



7. Wan Ahmad.

- 7.1 PERMUSUHAN DENGAN MUTAHIR. Wan Ahmad, salah seorang yang menuntut takhta Pahang, ialah putera muda Bendahara Ali, Pahang. Semasa pemerintahannya, Bendahara Ali telah memberi kuasa pentadbiran kepada putera tuanya, Wan Mutahir, untuk memerintah Pahang. Sebelum kemangkatannya, ia telah menyerahkan daerah-daerah Endau dan Kuantan kepada Wan Ahmad. Wan Mutahir menggantikan ayahnya apabila ayahnya mangkat dalam tahun 1857 tetapi enggan mengiktiraf tuntutan Ahmad ke atas daerah-daerahnya. Oleh itu permusuhan timbul di antara mereka.
- 7.2 SERANGAN KE ATAS PAHANG. Gagal untuk mendapatkan bantuan daripada Blundell, Gabnor Negeri-negeri Selat, Wan Ahmad melarikan diri ke Terengganu dan dari situ ia menyerang Pahang dalam tahun 1857. Ia telah diusir keluar ke Terengganu semula. Satu lagi serangan ke atas Pahang dilancarkan dalam tahun 1861 dan ia berjaya menawan Endau. Diusir keluar sekali lagi, ia melarikan diri ke Bangkok, di mana ia berjumpa Mahmud, bekas Sultan Lingga (Sultan Johor), yang juga sedang menuntut takhta Pahang. Kedua-dua mereka mendapat bantuan Siam.
- 7.3 KENAIKAN TAKHTA. Terengganu telah diberi amaran oleh Kolonel Cavanagh supaya jangan membantu Wan Ahmad. Selepas pembedilan kubu-kubu di Terengganu, Siam menamatkan percubaannya untuk membawa Terengganu di bawah kekuasaannya. Pembedilan Terengganu tidak menakutkan Wan Ahmad yang terus mara ke hadapan dengan rancanganinya. Ia mendapat sokongan daripada pembesar-pembesar Pahang dan apabila Mutahir mangkat dalam tahun 1833, Wan Ahmad dilantik sebagai Bendahara Sriwa Raja dalam tahun 1864. Inggeris tidak menentang di atas perlantikan Wan Ahmad itu.
- 7.4 PERLANTIKAN SEORANG RESIDEN INGGERIS. Dalam tahun 1868 satu pemberontakan meletus oleh putera-putera saudaranya, putera-putera Mutahir. Pemberontakan itu dapat ditindas. Sebagai pemerintah, ia gagal untuk menguasai pembesar-pembesar di bahagian kuala sungai dalam tahun 1880an, dan juga ia menghadapi kekurangan hasil pendapatan. Masaalah ini diatasi dengan menyerahkan tanah kepada warganegara-warganegara Inggeris dan ini menimbulkan kebimbangan kepada Inggeris bahawa pajakan-pajakan tanah yang serupa mungkin diberikan kepada saudagar-saudagar Jerman atau Perancis. Dalam tahun 1887 Wan Ahmad menerima seorang Wakil Inggeris. Dengan berlakunya banyak kakaubilau di Pahang, Inggeris meminta Wan Ahmad menerima seorang Residen Inggeris dalam tahun 1888. Pahang menjadi negeri naungan Inggeris yang keempat.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Wan Ahmad diserahkan Kuantan dan Endau tetapi tidak mendapat tuntutan itu apabila ayahnya mangkat dalam tahun 1857.
 2. Ia menyerang Pahang dalam tahun 1857 dan 1861.
 3. Dengan bantuan pembesar Pahang, ia menjadi Bendahara apabila Mutahir mangkat dalam tahun 1863.
 4. Wujudnya kacaubilau dalam negeri Pahang. Ia tidak dapat menyekat pembesar-pembesarnya daripada menyerahkan tanah kepada orang-orang asing.
 5. Kacaubilau semakin menjadi-jadi dan ini memaksanya menerima perlindungan dan seorang Residen Inggeris.
-

8. Sultan Tajuddin.

- 8.1 MENYERAHKAN PULAU PINANG KEPADA INGGERIS. Ahmad Tajuddin (Kedah) yang masih muda telah menyerahkan Pulau Pinang kepada Inggeris dengan tujuan utamanya ialah untuk mendapatkan bantuan ketenteraan bagi menentang Siam. Apabila Inggeris enggan mempertahankan Kedah, baginda berazam untuk merampas semula Pulau Pinang dengan melengkapkan angkatan perang untuk menyerangnya dalam tahun 1791. Setelah gagal, Ahmad Tajuddin terpaksa berpuas hati dengan menerima bayaran tahunan sebanyak \$6,000/= daripada syarikat dalam perjanjian yang ditandatangani dengan Syarikat dalam tahun 1791.
- 8.2 SERANGAN DARIPADA SIAM. Dalam tahun 1800 Sultan menyerahkan Seberang Perai kepada Syarikat dengan mendapat bayaran tambahan sebanyak \$4,000/= setahun. Pada ketika itu, Siam cuba menegakkan kuasanya ke atas Negeri-negeri Melayu. Ahmad Tajuddin telah menyerang Perak bagi pihak Siam dan memaksa Sultannya menghantar Bunga Mas dalam tahun 1818. Malangnya baginda terpaksa pergi ke Bangkok kerana diperintahkan oleh Siam untuk menghadapi beberapa tuduhan yang dilemparkan ke atasnya. Keengannanya berbuat demikian menyebabkan Kedah diserang oleh Siam dalam tahun 1821. Ini diikuti oleh satu zaman yang tidak menyenangkan kerana Sultan mencuba untuk mendapatkan semula takhtanya daripada Siam tanpa menerima bantuan daripada Inggeris.
- 8.3 PERCUBAAN-PERCUBAAN UNTUK MENDAPATKAN SEMULA KEDAH. Inggeris cuba campurtangan bagi pihak Sultan untuk mendapatkan semula takhtanya apabila Crawfurd dan Burney dihantar ke Bangkok.

tetapi Inggeris tidak mendesak lagi apabila Siam enggan menabalkan semula Sultan. Disebabkan oleh serangan yang berturut-turut oleh Ahmad Tajuddin, Siam pula terpaksa meminta bantuan daripada Inggeris. Tiga lagi percubaan telah dilakukan untuk menawan semula Kedah dalam tahun 1831, 1836 dan 1838 tetapi kesemua serangan itu telah dihancurkan oleh Siam dengan bantuan Inggeris.

- 8.4 **PEMULANGAN SEMULA KEDAH.** Percubaan-percubaan Ahmad Tajuddin yang gagal itu untuk mendapatkan Kedah dengan kekerasan, meyakinkan baginda bahawa Kedah hanya dapat diperolehi balik dengan mengadakan perundingan dengan Siam. Perundingan-perundingan dengan Siam dilakukan oleh Tunku Daik, putera sulung Ahmad Tajuddin. Akhirnya Siam menabalkan Tunku Daik ke atas takhta Kedah dalam tahun 1842 sebagai Ahmad Tajuddin II. Menjelang masa itu Kedah telah dikecilkan wilayahnya, kerana sebahagian daripada wilayahnya telah dipisahkan oleh Siam untuk menujuhkan Perlis. Kedah masih lagi menjadi negeri naungan Siam.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Ahmad Tajuddin menyerahkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan harapan untuk mendapatkan perlindungan bagi menentang Siam.
2. Ia bercadang untuk mendapatkan semula Pulau Pinang apabila ia tidak mendapat sebarang bantuan daripada Inggeris. Dalam tahun 1791 ia menyerang Pulau Pinang tetapi gagal. Ia menandatangani satu perjanjian dengan Syarikat dan bersetuju menerima bayaran tahunan sebanyak \$6000/= kerana menyerahkan Pulau Pinang kepada Inggeris.
3. Ia menyerahkan Seberang Perai kepada Syarikat dalam tahun 1800 dengan mendapat bayaran tambahan sebanyak \$4,000/= setahun.
4. Ia menerima arahan daripada Siam supaya menyerang Perak dalam tahun 1818 dan memaksa Sultannya menghantar Bunga Mas ke Siam. Kedah diserang dalam tahun 1821 apabila Ahmad Tajuddin enggan pergi ke Bangkok.
5. Beberapa percubaan telah dibuat untuk mendapatkan semula Kedah dan dalam percubaan-percubaan itu Inggeris membantu Siam.
6. Akhirnya dalam tahun 1842 Siam memulangkan semula Kedah kepada puteranya, Tunku Daik, dengan Kedah masih kekal sebagai negeri naungan Siam.

9. Utusan Crawfurd ke Siam.

- 9.1 **SERANGAN SIAM KE ATAS KEDAH.** Dalam tahun 1818 Sultan Kedah diperintahkan supaya hadir di Bangkok untuk menjawab beberapa tuduhan yang dibuat ke atasnya. Salah satu tuduhan itu ialah pakatan Kedah dengan Burma untuk menyerang Siam dalam tahun 1819. Sultan enggan pergi ke Siam. Siam bertindak dengan cepatnya dengan menyerang Kedah tanpa memberi amaran lagi dalam tahun 1821.
- 9.2 **AKIBAT SERANGAN.** Berikutan daripada serangan itu, beribu-ribu orang pelarian Kedah melarikan diri daripada penganiayaan Siam ke Seberang Perai. Askar-askar Siam telah mara mengejar mereka hingga ke Seberang Perai tetapi telah dipaksa berundur semula ke Kedah apabila Syarikat menghantar supai-supai untuk menyekat kemaraan mereka. Inggeris enggan menyerahkan Sultan Kedah kepada Siam. Serangan ke atas Kedah mengakibatkan Inggeris berada di dalam keadaan yang sukar. Mereka bergantung kepada bekalan makanan dari Kedah dan pada ketika yang sama menjalankan perdagangan bijih timah dengan Patani, Junk Ceylon dan Perak iaitu negeri-negeri lindungan Siam. Pada masa yang sama juga Inggeris sedang berusaha untuk mendapatkan konsensi-konsensi perdagangan daripada Siam.
- 9.3 **UTUSAN CRAWFURD.** Inggeris mendapatinya perlu untuk mengadakan hubungan persahabatan dengan Siam dan untuk tujuan ini, John Crawfurd dihantar ke Siam dalam tahun 1822. Ia telah pun berkhidmat di bawah Raffles di Jawa. Crawfurd telah diberi arahan supaya mendapatkan pengiktirafan Siam ke atas pendudukan Inggeris di Pulau Pinang, untuk mendapatkan konsensi-konsensi perdagangan, untuk mendapatkan maklumat mengenai kekuatan pertahanan Siam dan untuk menabalkan semula Sultan Kedah ke atas takhtanya.
- 9.4 **KESAN DARI UTUSAN CRAWFURD.** Pada keseluruhannya, utusan itu gagal. Siam enggan memberi Inggeris sebarang keistimewaan dalam perdagangan dan tidak mahu menarik balik sekatan mereka ke atas perdagangan Inggeris tetapi yang pentingnya, ia telah mengetahui maklumat bahawa Siam bukanlah sebuah kuasa yang kuat seperti yang dipercayai oleh Inggeris.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Dalam tahun 1821 serangan Siam ke atas Kedah melibatkan bekalan makanan Syarikat dan perdagangan bijih timah di antara Syarikat dengan negeri-negeri lindungan Siam. Dengan tujuan untuk tidak membangkitkan kemarahan Siam, Syarikat tidak mempertahankan Kedah menentang Siam.

2. Sebaliknya Syarikat memutuskan untuk menjamin persahabatan dengan Siam, dan mengharapkan Siam akan dapat memberi keistimewaan-keistimewaan dalam perdagangan.
 3. Crawfurd dihantar ke Siam dalam tahun 1822.
 4. Ia gagal mendapatkan konsensi-konsensi perdagangan dan untuk menabalkan semula Sultan Kedah.
 5. Siam mengiktiraf pendudukan Inggeris di Pulau Pinang dan Crawfurd mendapat maklumat bahawa Siam bukanlah sebuah kuasa yang kuat.
-

NEGERI-NEGERI MELAYU DALAM KURUN KE 19

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN

1. Huraikan hubungan Inggeris dengan Siam di antara tahun-tahun 1818–1826. (Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Apakah peristiwa-peristiwa yang membawa kepada tertandatangannya Perjanjian Burney dalam tahun 1826? Berikan syarat-syaratnya. (Rujuk kepada Tajuk 1)
3. Apakah keadaan-keadaan yang membawa kepada Perjanjian Low dengan Perak? Terangkan syarat-syarat penting perjanjian itu. (Rujuk kepada Tajuk 2)
4. Apakah sifat dasarnya persahabatan di antara Britain, Siam dan Negeri-negeri Melayu di antara tahun-tahun 1818–1864? (Rujuk kepada Tajuk 3)
5. Bagaimanakah Siam mempengaruhi halehwal Negeri-negeri Melayu? (Rujuk kepada Tajuk 3)
6. Berikan huraian mengenai TIGA daripada yang berikut:
 - a) Perang Naning (Rujuk kepada Tajuk 4)
 - b) Perang Saudara Pahang (Rujuk kepada Tajuk 5)
 - c) Gabnor Fullerton (Rujuk kepada Tajuk 6)
 - d) Wan Ahmad (Rujuk kepada Tajuk 7)
 - e) Sultan Ahmad Tajuddin (Rujuk kepada Tajuk 8)
 - f) Utusan Crawfurd ke Siam (Rujuk kepada Tajuk 9)

BAB 8 PENDUDUKAN INGGERIS DI NEGERI-NEGERI SELAT.

1. Pembentukan Negeri-negeri Selat dan masaalah-masaalahnya sebelum tahun 1867.

- 1.1 PEMBENTUKAN NEGERI-NEGERI SELAT. Menjelang tahun 1824 tiga petempatan Inggeris telah terbentuk di Tanah Melayu. Seorang Residen telah dilantik di Singapura, bertanggungjawab kepada Kerajaan dan Majlis Syarikat yang berpusat di India, tetapi menerima arahan-arahan secara langsung daripada Raffles di Benkulen. Selepas Raffles pulang ke England dalam tahun 1824, Residen Singapura dihubungkan secara langsung ke India. Kedua-dua buah petempatan Inggeris yang lain iaitu Melaka dan Pulau Pinang juga ditadbirkan daripada Pejabat India. Dalam tahun 1826, Melaka dan Singapura dijadikan jajahan takluk kepada Residensi Pulau Pinang, yang menjadi ibunegeri Negeri-negeri selat yang mengandungi ketiga-tiga buah negeri tersebut. Dalam tahun 1832, ibunegeri Negeri-negeri Selat dipindahkan ke Singapura. Tahun-tahun di antara 1826 hingga 1867 memperlihatkan perkembangan yang nyata, di samping masaalah-masaalah yang wujud kepada Negeri-negeri Selat.
- 1.2 PERLANUNAN. Perairan Tanah Melayu menjadi tempat perlindungan yang disukai oleh lanun-lanun dan Orang Laut dari Selatan Johor. Perlanunan merupakan ancaman yang besar dan beberapa buah sarang lanun telah dijumpai di Pulau Pinang, Perak, Singapura dan Selangor. Perkembangan petempatan-petempatan itu tidak akan berlaku dengan pesatnya sekiranya perlanunan tidak ditindas. Kegiatan-kegiatan lanun yang bertambah selepas tahun 1825 menjadi ancaman yang bertambah besar kepada perdagangan di Negeri-negeri Selat. Beberapa rayuan telah dihantar kepada Kerajaan India untuk menindas kegiatan-kegiatan lanun itu. Kerajaan Negeri-negeri Selat telah menghantar Keptan Chads dengan 3 buah kapalpembedil dan 2 buah kapalperang dalam tahun 1836 untuk memusnahkan beberapa buah sarang lanun. Dalam tahun 1837 kapalapi "Diana" telah menghancurkan beberapa buah sarang lanun dengan mudahnya. Selepas tahun 1849 perlanunan di Negeri-negeri Selat menjadi tidak penting lagi.
- 1.3 KEMASUKAN BERAMAI-RAMAI ORANG CHINA. Penubuhan Negeri-negeri Selat diikuti oleh kemasukan beramai-ramai orang China. Orang-orang China itu memberi sumbangan yang penting kepada perdagangan dan perkembangan Pulau Pinang. Mereka menjadi tenaga buruh yang penting di dalam lombong-lombong bijih dan di dalam semua jenis pekerjaan, samada sebagai buruh yang mahir ataupun tidak mahir. Kerajaan Negeri-negeri Selat menghadapi masaalah untuk menindas kegiatan kongsi-kongsi gelap China dan pergaduhan-pergaduhan.
- 1.4 KONGSI-KONGSI GELAP CHINA. Kongsi-kongsi gelap China dikecam kerana pergaduhan dan rusuhan yang kerap berlaku di antara mereka.

Rusuhan-rusuhan yang besar berlaku di Pulau Pinang dan Singapura, menyebabkan **kemusnahan** yang banyak kepada ladang-ladang pertanian dan lombong-lombong bijih. Sungguhpun kerajaan cuba menyelesaikan masaalah kongsi-kongsi gelap China ini, tetapi tidak berhasil kerana kekurangan tenaga-manusia dan maklumat, dan juga masaalah bahasa untuk berhubung dengan orang-orang China itu.

- 1.5 **PERDAGANGAN KULI.** Orang-orang China datang ke Tanah Melayu sebagai penumpang yang membayar sendiri tambang mereka atau "Sinkeh", dan kadang-kadang dikenali sebagai "Kuli". Bayaran tambang seorang Sinkeh dibayar oleh seorang broker, oleh itu ia adalah di bawah perkhidmatan broker itu. Ia hanya dapat membebaskan dirinya dengan membayar semula tambangnya dan juga keuntungan broker itu. Dengan perkembangan perdagangan kuli, Negeri-negeri Selat terpaksa menghadapi masaalah kuli-kuli itu yang dilayan dengan amat zalimnya dan bekerja dalam keadaan yang buruk. Perdagangan kuli berjalan tanpa sekat sungguhpun terdapat banyak keburukannya.
- 1.6 **PERBELANJAAN YANG BERTAMBAH.** Sungguhpun ekonomi Negeri-negeri Selat telah berkembang dengan pesatnya dengan perkembangan pesat dan pentingnya Singapura, tetapi Pulau Pinang menjadi beban kepada kerajaan dari segi kewangan. Pulau Pinang kehilangan kepentingannya kerana kemajuan Singapura dan tidak berguna sebagai sebuah pengkalan laut. Gabnor-General India mendapatinya mustahak untuk mengurangkan bilangan pegawai-pegawaiannya yang bergaji besar. Pengurangan bilangan pegawai bermakna memberatkan pegawai-pegawai lain dengan tugas-tugas yang lebih. Ini melibatkan kecekapan seseorang pegawai itu.
- 1.7 **MASAALAH TANAH DI MELAKA.** Setelah menduduki Melaka, Inggeris mendapati bahawa beberapa orang perseorangan, terutamanya Belanda, sedang menuntut hak mutlak mereka ke atas sebahagian besar daerah di luar Melaka, selain daripada Naning. Tetapi ketiadaan rekod menyebabkan Inggeris berasa sukar untuk mengesan pemilik daerah-daerah itu, dengan tujuan untuk memungut cukai daripada mereka. Gabnor Frederick Weld kemudian mengemukakan Sistem Torrens yang berkehendakkan semua tanah yang dibeli itu didaftarkan. Ketidakcekapan pendaftaran tanah juga membawa masaalah tanah di Pulau Pinang dan Singapura.
- 1.8 **MASAALAH-MASAALAH LAIN.** Singapura hanya satu-satunya petempatan yang dapat membiayai perbelanjaannya. Pulau Pinang tidak dapat menandingi Singapura dan kemerosotan kepentingan perdagangannya menyebabkan kekurangan hasil pendapatannya. Melaka juga tidak dapat pulih daripada kemerosotan perdagangannya dalam kurun ke 18. Ia hanya bertugas sebagai pengumpul dan pembahagi barang-barang daripada Pulau Pinang dan Singapura. Tambahan pula, disebabkan oleh kecuaian, kerajaan

gagal menyediakan sistem keadilan yang sempurna. Akhirnya, petempatan-petempatan itu digunakan sebagai tempat pembuangan orang-orang salah selepas tahun 1824.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Negeri-negeri Selat telah ditubuhkan dalam tahun 1826 dengan ibu-negerinya di Pulau Pinang. Selepas tahun 1832 ibunegerinya dipindahkan ke Singapura.
 2. Perlanungan menjadi ancaman kepada perdagangan Negeri-negeri Selat. Kerajaan berjaya menindas perlanungan dengan menggunakan kapalapi "Diana" dan perkhidmatan Keptan Chads.
 3. Rusuhan-rusuhan dan pergaduhan-pergaduhan berlaku dengan kerapnya di kalangan kongsi-kongsi gelap. Berbagai-bagi masaalah timbul berhubung dengan kongsi-kongsi gelap itu.
 4. Satu lagi masaalah ialah perdagangan kuli. Kuli-kuli itu dilayan dengan zalimnya dan diperas tenaganya. Tiada tindakan diambil untuk menguasai perdagangan kuli.
 5. Negeri-negeri Selat menghadapi beban perbelanjaan pentadbiran, terutamanya di Pulau Pinang, yang tidak mendatangkan banyak hasil pendapatan.
 6. Sistem keadilan tidak lengkap. Pulau Pinang dan Melaka merosot perdagangannya dan orang-orang salah dibuang ke Negeri-negeri Selat.
-

2. Sebab-sebab pemisahan Negeri-negeri Selat dari India dalam tahun 1867.
-

- 2.1 RAYUAN UNTUK PEMISAHAN. Di antara 1824–1867, Negeri-negeri Selat dikuasai oleh Kerajaan India. Dalam tahun 1855 saudagar di Negeri-negeri Selat mula mendesak supaya Negeri-negeri Selat dipisahkan dari India. Satu rayuan yang mengandungi kesulitan-kesulitan mereka bagi pemisahan daripada India telah dihantar kepada parlimen Inggeris dalam tahun 1857. Kesulitan-kesulitan di Negeri-negeri Selat itu adalah banyak dan adalah wajar untuk pemisahan tersebut.
- 2.2 KEKURANGAN PERHATIAN DARIPADA KERAJAAN INDIA. Kebanyak saudagar Negeri-negeri Selat berasa bahawa mereka diketepikan

oleh pihak berkuasa India yang berada terlalu jauh untuk menyedari masaalah-masaalah dan kehendak-kehendak mereka. Kurangnya perhatian terhadap Negeri-negeri Selat itu menjadi bertambah nyata selepas Syarikat kehilangan monopolinya dengan perdagangan China dalam tahun 1833. Oleh itu banyak masaalah-masaalah pentadbiran dan kemasyarakatan tidak diselesaikan. Perlanunan bermaharajalela dan kegiatan kongsi-kongsi gelap China menjadi ancaman yang besar kepada keamanan dan perdagangan Negeri-negeri Selat. Kerajaan Negeri-negeri Selat telah dikecam kerana keengganannya menindas perlanunan. Pentadbiran tempatan terlalu tidak cekap yang menyebabkan ia tidak berdaya menyelesaikan kegiatan kongsi-kongsi gelap. Rusuhan-rusuhan dan pergaduhan-pergaduhan meletus dengan kerapnya yang menambahkan lagi tidak selamatnya Negeri-negeri Selat.

- 2.3 GANGGUAN DALAM PERDAGANGAN DAN MATAWANG. Kemerosotan kepentingan perdagangan Melaka dan Pulau Pinang telah menambahkan lagi perbelanjaan pentadbiran Kerajaan India. Kerajaan menghadapi kekurangan hasil pendapatan untuk membiayai perbelanjaan pentadbirannya. Untuk mengatasi kekurangan itu di antara 1833–34, Kerajaan India mencadangkan untuk mengenakan cukai ke atas perdagangan, dan mengenakan Cukai Pelabuhan untuk membiayai pembinaan rumah-rumah api, pelampung-pelampung dan pengkalan-pengkalan dalam tahun 1856. Masyarakat pedagang membantah dengan hebatnya terhadap pencukaian itu kerana kemakmuran mereka bergantung kepada taraf pelabuhan-bebas Singapura. Bantahan-bantahan selanjutnya telah dibuat dalam tahun 1855 dan 1856 apabila Undang-undang Matawang diluluskan yang berkehendakkan rupee digunakan sebagai matawang yang rasmi di Negeri-negeri Selat bagi menggantikan ringgit Selat. Saudagar-saudagar itu yang telah biasa dengan penggunaan wang ringgit tidak bersedia untuk menuarkannya dengan rupee. Disebabkan oleh bantahan-bantahan itu, penggunaan rupee dibatalkan dan Cukai Pelabuhan ditarik balik.
- 2.4 KEPERLUAN KEPADA CAMPURTANGAN INGGERIS. Semenjak penubuhan Negeri-negeri Selat, Kerajaan India telah mengikuti dasar tidak campurtangan yang ketat. Saudagar-saudagar Selat menghalakan perhatian mereka kepada Negeri-negeri Melayu sebagai tempat-tempat yang elok untuk melaburkan modal mereka. Negeri-negeri Melayu itu kaya dengan bijih timah dan keperluan kepada bijih timah semakin bertambah pada akhir 1860an, terutamanya dengan perkembangan perusahaan mengetin. Keadaan huruhara di Negeri-negeri Melayu itu membahayakan modal saudagar-saudagar itu yang telah ditanam dalam perusahaan bijih timah. Mereka yang telah menanam modal mereka di Selangor dan Sungai Ujung berasa modal mereka tidak selamat. Mereka mula meminta Inggeris meluaskan pengaruh mereka di Negeri-negeri Melayu untuk melindungi modal-modal mereka.

- 2.5 PEMBUANGAN ORANG-ORANG SALAH. Kerajaan India mula menghantar orang-orang salah dari Benkulen dan India ke Negeri-negeri Selat untuk menjalani hukuman kerja berat, terutamanya untuk membuat kerjaraya. Saudagar-saudagar membantah tindakan Kerajaan India menggunakan Negeri-negeri Selat sebagai tempat pembuangan orang-orang salah. Mereka menganggap perbuatan ini sebagai satu penghinaan kepada petempatan-petempatan itu.
- 2.6 KETIDAKCEKAPAN SISTEM KEADILAN. Bantahan-bantahan juga dibuat mengenai ketidakcekapan sistem keadilan. Hanya terdapat seorang Pendaftar Mahkamah saja di Pulau Pinang untuk menyelesaikan kesalahan-kesalahan jenayah, sementara kes-kes awam dijalankan oleh Gabnor dan Majlisnya. Untuk menseimbangkannya dengan pertambahan bilangan penduduk, Kerajaan India melantik dua orang hakim lagi dalam tahun 1856 selepas rayuan dihantar ke Parlimen, tetapi pegawai-pegawai keadilan masih belum mencukupi.
- 2.7 KEPERLUAN KEPADA SEBUAH MAJLIS PERUNDANGAN. Masyarakat pedagang merasa bahawa pegawai-pegawai Kerajaan India tidak tahu mengenai halehwal dan masaalah-masaalah tempatan, oleh itu mereka tidak mengambil berat terhadap Negeri-negeri Selat. Mereka berkehendakkan sebuah Majlis Mesyuarat Undangan ditubuhkan di Singapura di mana mereka dapat menyuarakan pendapat mereka. Majlis itu dapat mewakili penduduk-penduduk tempatan supaya mereka dapat mengeluarkan pendapat atau suara terhadap sesuatu pembentukan undang-undang untuk Negeri-negeri Selat.
- 2.8 PEMINDAHAN KUASA. Penghantaran rayuan untuk pemisahan berterusan dengan meletusnya Dahagi India. Selepas Dahagi tahun 1858, Syarikat Hindia Timur telah dihapuskan dan India diletakkan secara langsung di bawah kawalan Kerajaan Inggeris di London. Kerajaan India bersetuju di atas pemisahan Negeri-negeri Selat itu kerana ini akan meringankan beban perbelanjaan pentadbiran Negeri-negeri Selat. Dalam tahun 1867 pengawalan ke atas Negeri-negeri Selat dipindahkan ke Pejabat Tanah Jajahan di London.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Dalam tahun 1857 saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat membuat rayuan kepada Parlimen Inggeris untuk memisahkan Negeri-negeri Selat dari India.
2. Dalam rayuan itu, berbagai-bagai sebab telah dikemukakan terhadap betapa perlunya pemisahan itu. Mereka berasa Kerajaan India yang letak

nya terlalu jauh dari Negeri-negeri Selat telah mula hilang minatnya ke atas petempatan-petempatan tersebut.

3. Disebabkan kekurangan hasil pendapatan, cukai-cukai mula diperkenalkan, yang melibatkan taraf pelabuhan-bebas Singapura. Saudagar-saudagar juga membantah terhadap langkah kerajaan untuk memperkenalkan matawang rupee.
 4. Keperluan kepada campurtangan Inggeris juga dinyatakan. Dengan wujudnya pengaruh Inggeris di Negeri-negeri Melayu, tanaman modal saudagar-saudagar dalam perusahaan bijih timah dapat dilindungi.
 5. Satu cadangan telah dikemukakan untuk menubuhkan Majlis Mesyuarat Undangan di Singapura bagi menyuarakan pendapat-pendapat penduduk tempatan.
 6. Saudagar-saudagar juga membantah penggunaan Negeri-negeri Selat sebagai tempat buangan orang-orang salah, dan berasa tidak banyak telah dijalankan untuk mengatasi masaalah ketidakcekapan sistem keadilan.
 7. Dalam tahun 1858 Syarikat Hindia Timur dihapuskan dan akhirnya Negeri-negeri Selat dipisahkan dari India dalam tahun 1867.
-

3. Perkembangan Kongsi-kongsi gelap China dan kegiatan-kegiatan mereka di Negeri-negeri Selat dalam kurun ke 19.

- 3.1 KEMASUKAN BERAMAI-RAMAI ORANG-ORANG CHINA KE NEGERI-NEGERI SELAT. Negeri-negeri Selat merupakan pusat-pusat penting kemasukan orang-orang China secara beramai-ramai selepas pertengahan kurun ke 19, dengan pembukaan lombong-lombong bijih timah di Larut. Beberapa keadaan yang sesuai telah wujud di petempatan-petempatan itu menjadi sebab-sebab penting terhadap kemasukan beramai-ramai imigran-imigran China. Peluang-peluang baik untuk berjaya boleh didapati dengan mudahnya kerana perkembangan perdagangan yang pesat dan kekurangan tenaga buruh. Undang-undang dan peraturan juga memberi perlindungan kepada mereka. Kongsi-kongsi gelap merupakan sebuah jan daripada kegiatan-kegiatan yang penting bagi orang-orang China di Negeri-negeri Selat.
- 3.2 TUJUAN DAN CIRI-CIRI KONGSI-KONGSI GELAP. Akibat yang penting daripada kemasukan beramai-ramai orang China ialah pertumbuhan kongsi-kongsi gelap. Kongsi-kongsi gelap China semuanya berasal dari kongsi gelap Thien Te Hui. Pada permulaannya, kongsi-kongsi gelap itu merupakan persatuan-persatuan kebajikan untuk memajukan sesuatu suku

atau persatuan-persatuan ugama, yang kemudiannya menukarkan perjuangan mereka kepada kegiatan politik untuk menjatuhkan Kerajaan Manchu. Di Tanah Melayu, kongsi-kongsi gelap ini, di mana sebahagian besar daripada ahlinya terdiri daripada petani-petani yang jahat, penjenayah-penjenayah dan orang-orang miskin, yang kemudiannya bertukar menjadi pertubuhan-pertubuhan yang bercorak jenayah. Kongsi-kongsi gelap ini mengawal ahli-ahlinya dengan kawalan-kawalan yang ketat dengan cara bersumpah dan mengaku taat setia yang tidak boleh dipersoalkan. Ahli-ahlinya mungkin didenda dengan membunuohnya kerana melanggar undang-undang atau tidak mematuhi arahan ketua-ketuanya.

- 3.3 **PENUBUHAN KONGSI-KONGSI GELAP DI TANAH MELAYU.** Tidak lama selepas penubuhan kongsi gelap Thien Te Hui di Tanah Melayu, beberapa buah kongsi gelap yang bertentangan telah ditubuhkan. Dalam tahun 1829 sudah terdapat empat kumpulan kongsi gelap yang bertentangan di Pulau Pinang — Ghee Hin, Hai San, Ho Seng dan Wah Seng. Pada tahun 1826 kongsi gelap Thien Te Hui di Melaka mempunyai ahli-ahlinya seramai 4,000 orang dengan beribupejabatkan Lukut, kawasan perlombongan bijih. Di Singapura terdapat tiga buah kongsi gelap dalam tahun 1830 dan lain-lain kongsi gelap muncul pada tahun-tahun 1840 dan 1841.
- 3.4 **PERSELISIHAN DI ANTARA KONGSI-KONGSI GELAP.** Rusuhan-rusuhan dan pergaduhan-pergaduhan merupakan ciri yang terpenting dalam pergerakan kongsi-kongsi gelap itu di Tanah Melayu. Kumpulan bertentangan yang terpenting di Tanah Melayu ialah Ghee Hin, kebanyakannya ahlinya terdiri daripada suku Cantonese dan Hai San, kebanyakannya Hakka. Pergaduhan-pergaduhan selalu terjadi di antara kedua-dua kongsi gelap itu mengenai tuntutan hakmilik ke atas lombong-lombong bijih dan penguasaan ke atas jalan-jalan sungai. Ghee Hin juga bersaing dengan Hai San di atas monopoli pajakan cukai, terutamanya di Larut. Di Negeri-negeri Selat, pergaduhan-pergaduhan secara terbuka kadang-kadang menjadi rusuhan yang hebat. Ketua-ketua mereka menggunakan kongsi-kongsi gelap mereka untuk mengadakan rusuhan-rusuhan bagi mengusir keluar saingannya daripada perniagaan, rumah pelacuran, rumah perjudian, pasar gelap dan perasugut.
- 3.5 **RUSUHAN-RUSUHAN KONGSI-KONGSI GELAP.** Di Melaka, pembunuhan-pembunuhan dan perbuatan-perbuatan jenayah dilakukan oleh puak Ghee Hin dalam tahun 1834 apabila peti wang mereka di Lukut dirampas oleh orang-orang Melayu daripada Sungai Ujung dalam tahun 1828. Rusuhan-rusuhan meletus di Singapura dalam tahun 1826 dan 1846. Satu pembunuhan beramai-ramai telah dilakukan ke atas orang-orang Roman Katolik di Singapura dalam tahun 1851 di mana seramai 500 orang telah dibunuh. Berdasarkan perlunya tindakan diambil terhadap kongsi-kongsi gelap itu, pendaftaran dikuatkuasakan dalam tahun 1870 di

Singapura, berikutan daripada satu lagi kejadian pergaduhan selama seminggu dalam tahun 1863.

- 3.6 PERANG-PERANG LARUT. Satu pergaduhan mengenai haluan-air meletus menjadi Perang Larut Pertama di antara puak Ghee Hin dengan puak Hai San dalam tahun 1861. Perselisihan-perselisihan lain telah mengakibatkan meletusnya Perang Larut Kedua dalam tahun 1867 dan Perang Larut Ketiga dalam tahun 1873. Rusuhan-rusuhan itu merebak ke Pulau Pinang dan seberang Perai, melibatkan ramai orang-orang Melayu dan China. Lombong-lombong bijih timah di Larut merupakan punca perselisihan di antara Ghee Hin dan Hai San.
- 3.7 KESAN RUSUHAN. Berikutan daripada rusuhan di Pulau Pinang dalam tahun 1867, satu langkah sementara telah diambil iaitu Ordinan Pemeliha-raan Keamanan tahun 1867 diluluskan. Satu lagi kesannya ialah penubuhan sebuah Suruhanjaya “untuk menyiasat mengenai kongsi-kongsi gelap itu” dan untuk membuat cadangan bagi mengawalnya. Kerajaan Negeri-negeri Selat mendapatinya sukar untuk menindas kegiatan kongsi-kongsi gelap itu, terutamanya disebabkan oleh kekurangan tenaga manusia dan beberapa halangan. Tiada terdapatnya pasukan polis yang tertentu, hanya 18 orang polis saji terdapat di Singapura untuk mengawasi 16,000 orang penduduk. Pegawai-pegawai di Negeri-negeri Selat tidak mengetahui adat istiadat orang China dan terutamanya bahasa China, oleh itu perlunya diadakan jurubahasa-jurubahasa China tidak dapat diabaikan.
- 3.8 ORDINAN PERTUBUHAN. Semua kongsi gelap dikehendaki didaftarkan dalam tahun 1869 tetapi langkah ini tidak berkesan. Dalam tahun 1889 Ordinan Pertubuhan diluluskan mengisyiharkan kongsi-kongsi gelap adalah haram di sisi undang-undang. Tetapi Ordinan ini tidak dapat menghapuskan kongsi-kongsi gelap itu kerana kebanyakannya bergerak di bawah tanah. Perjuangan menentang kongsi-kongsi gelap ini diteruskan dan bilangannya beransur-ansur berkurangan. Menjelang tahun 1920an, parti-parti politik mula muncul dengan nafas baru iaitu perjuangan politik.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Semenjak pertengahan kurun ke 19, orang-orang China berpindah-masuk beramai-ramai ke Negeri-negeri Selat. Wujudnya permintaan yang besar terhadap tenaga buruh China, terutamanya di lombong-lombong bijih timah dan peluang untuk mencari kekayaan di Negeri-negeri Selat kerana perkembangan perdagangannya yang pesat.
2. Akibat penting daripada kemasukan orang-orang China ialah penubuhan kongsi-kongsi gelap, yang berasal dari kongsi gelap Thien Te Hui. Ramai A

pendatang-pendatang dipaksa menjadi ahli dan terpaksa mengikut undang-undang pertubuhan itu.

3. Selepas Kongsi gelap Thien Te Hui ditubuhkan, lain-lain kongsi-kongsi gelap yang bertentangan ditubuhkan – empat buah di Pulau Pinang dan lain-lain di Melaka dan Singapura.
 4. Dua buah kongsi gelap yang terpenting di Tanah Melayu ialah Ghee Hin dan Hai San yang selalu berselisih, bergaduh untuk menguasai lombong-lombong bijih, haluan-haluan air dan monopoli ke atas pajakan cukai, yang selalunya mengakibatkan meletusnya rusuhan-rusuhan.
 5. Rusuhan-rusuhan meletus di Melaka dan Singapura. Di Singapura rusuhan yang paling hebat sekali terjadi dalam tahun 1851 mengakibatkan kematian 500 orang.
 6. Pergaduhan di antara puak Ghee Hin dan puak Hai San menyebabkan meletusnya tiga Perang Larut di Perak dalam tahun-tahun 1861, 1867 dan 1873.
 7. Langkah-langkah telah diambil untuk menindas kegiatan kongsi-kongsi gelap itu dalam tahun 1867 tetapi hanya langkah sementara saja.
 8. Dalam tahun 1869 semua kongsi gelap dikehendaki didaftarkan dan dalam tahun 1889, kongsi-kongsi gelap itu diisyiharkan haram. Tetapi banyak kongsi-gelap terus bergerak di bawah tanah.
-
-

PENDUDUKAN INGGERIS DI NEGERI-NEGERI SELAT.

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN.

1. Huraikan secara ringkas mengenai penubuhan Negeri-negeri Selat. Apakah masaalah-masaalah penting yang dihadapinya sebelum tahun 1867?
(Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Mengapakah Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan dalam tahun 1867?
(Rujuk kepada Tajuk 2)
2. Beri satu huraian mengenai kongsi-kongsi gelap China dan kegiatannya di Negeri-negeri Selat dalam kurun ke 19.
(Rujuk kepada Tajuk 3).

BAB 9 CAMPURTANGAN INGGERIS DI NEGERI-NEGERI MELAYU.

1. Sebab-sebab Campurtangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu dalam tahun 1874.

- 1.1 PERTUKARAN DASAR INGGERIS. Semenjak pengambilalihan kuasa Negeri-negeri Selat dalam tahun 1867, Syarikat Hindia Timur mengamalkan dasar tidak campurtangan dalam halehwal politik di Negeri-negeri Melayu. Tetapi dasar itu tidak diikuti sepenuhnya. Terdapat beberapa kejadian campurtangan oleh pegawai-pegawai Negeri-negeri Selat tanpa kebenaran daripada Kerajaan Inggeris, seperti peristiwa yang telah berlaku di Kedah dan Terengganu. Tetapi mesti diingat bahawa tujuan tidak campurtangan secara rasmi ialah sebagai langkah untuk menyekat kuasa lain daripada menegakkan pengaruhnya di Semenanjung Tanah Melayu, dan juga untuk menjamin bahawa campurtangan asing tidak akan menyengkirkan atau merugikan perdagangan Inggeris. Tahun 1873 merupakan permulaan zaman baru dalam sejarah Tanah Melayu di mana dasar Inggeris telah bertukar. Pejabat Tanah Jajahan kemudiannya melibatkan diri secara langsung dalam halehwal Negeri-negeri Melayu menyebabkan se suatu tindakan tegas dapat dijalankan. Terdapat beberapa sebab mengapa Kerajaan Tanah Jajahan menjalankan Dasar Mara Ke hadapan ini.
- 1.2 KEPERLUAN KEPADA BAHAN-BAHAN MENTAH DAN PASARAN. Britain, selepas Revolusi Perusahaan, terlalu memerlukan bahan-bahan mentah dan mula mencari tanah jajahan baru yang dapat menjamin bekalan bahan-bahan mentah yang banyak. Tanah-tanah jajahan itu juga dapat menjadi pasaran kepada barang-barang kilang Inggeris.
- 1.3 BERTAMBAHNYA PERMINTAAN TERHADAP BIJIH TIMAH. Keperluan kepada bahan-bahan mentah semakin bertambah penting dengan wujudnya perkembangan perusahaan mengetin, dan penggunaan yang bertambah terhadap kepingan-kepingan bijih timah. Sebelum tahun 1873, lombong-lombong bijih di Cornwall merupakan pembekal bijih timah yang utama kepada Britain tetapi kemudiannya bekalannya tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah terhadap bijih timah. Minat Inggeris kemudiannya diarahkan ke Semenanjung Tanah Melayu yang mempunyai hasil bijih timah yang kaya.
- 1.4 TAKUT KEPADA PERTANDINGAN DARIPADA KUASA-KUASA ASING. Britain tidak akan membuat keputusan untuk campurtangan sekiranya kuasa-kuasa Eropah yang lain tidak menunjukkan minat penjajahan mereka. Sebahagian besar daripada Asia Tenggara telah dijajah, Perancis di Indo-China, Belanda di Indonesia dan Sepanyol di Filipina. Saudagar-saudagar Inggeris mula takut bahawa peluang-peluang perniagaan mungkin tertutup kepada mereka, dan sekarang perlumbaan untuk mendapatkan tanah jajahan disertai pula oleh satu kuasa baru, Jerman.

Sekiranya Inggeris tidak mengambil peluang untuk mengambil Semenanjung Tanah Melayu, kuasa-kuasa lain mungkin mengambilnya.

- 1.5 PERTUKARAN KERAJAAN. Dalam tahun 1873 Disraeli dan Parti Konservatifnya mula berkuasa semula di Britain. Parti Liberal mula kehilangan kuasanya dan di bawah pemerintahan Disraeli serta Kerajaan barunya, dasar perkembangan perdagangan diterima sepenuhnya. Oleh itu, Andrew Clarke, Gabnor Negeri-negeri Selat yang baru dilantik, telah diarahkan untuk “menyiasat dan membuat lapuran” mengenai kemungkinan untuk menamatkan keadaan huru hara di Negeri-negeri Melayu.
- 1.6 KEADAAN HURUHARA DI NEGERI-NEGERI MELAYU. Politik di Negeri-negeri Melayu selalu membangkitkan perang saudara dan perebutan takhta Kerajaan. Kerajaan Inggeris mendapatinya perlu untuk menamatkan keadaan huru hara di Negeri-negeri Melayu itu. Keadaan huru hara telah pun wujud lama sebelum tahun 1873. Tetapi Inggeris hanya campurtangan ketika “keadaan-keadaan yang terganggu” ini, terutamanya pergaduhan di antara kongsi-kongsi gelap China, mengancam pelaburan modal mereka di Negeri-negeri Melayu, kadang-kadang menyebabkan kehilangan modal mereka. Golongan pedagang Inggeris inginkan pentadbiran yang stabil yang dapat melindungi nyawa dan harta benda mereka. Rayuan-rayuan daripada saudagar-saudagar itu sebahagiannya telah mempengaruhi keputusan kerajaan tanah jajahan untuk menamatkan keadaan huru hara yang sedang berlaku di Negeri-negeri Melayu. Inggeris juga takut sekiranya tiada sesuatu tindakan yang dapat dijalankan oleh mereka, negeri-negeri itu mungkin meminta bantuan daripada kuasa asing.
- 1.7 PEMBUKAAN TERUSAN SUEZ. Pembukaan Terusan Suez dalam tahun 1869 mengakibatkan perluasan minat Eropah di seberang laut, bersama-sama dengan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Perjalanan Timur-Barat dipendekkan, kapal-kapalapi tidak lagi terhad kepada membawa barang-barang muatan tetapi juga membawa penumpang-penumpang. Jalan perdagangan yang pendek itu ialah dengan melalui Selat Melaka, yang menjadi jalan lalu-lintas yang penting di antara Timur dan Barat.
- 1.8 CAMPURTANGAN INGGERIS DI NEGERI-NEGERI MELAYU. Dalam tahun 1873, Andrew Clarke telah diberi arahan untuk mencari jalan bagi mengembalikan keamanan di Negeri-negeri Melayu. Beberapa keadaan yang wujud di Negeri-negeri Melayu seperti Perak, Selangor, Sungai Ujong dan Pahang menyebabkan Clarke, terpaksa bertindak terkeluar daripada arahan yang telah diberikan dan campurtangan secara aktif di negeri-negeri itu.

Perebutan takhta di antara tiga orang raja yang menuntut takhta kerajaan dan pergaduhan di antara kongsi-kongsi gelap China ialah keadaan huru hara di Perak. Surat dari Raja Abdullah, salah seorang raja yang menuntut takhta kerajaan, kepada Andrew Clarke menjadi alasan semerta campur-

1874

tangan. Ini membawa kepada tertandatangannya Perjanjian Pangkor, menjadikan Abdullah sebagai Sultan Perak dan baginda pula menerima Birch sebagai Residen Inggeris. *J W W. Bush.*

Di Selangor, perang saudara di kalangan pembesar-pembesar Melayu untuk menguasai kawasan bijih timah dan Perlanunuan mengakibatkan campurtangan Inggeris. Pergaduhan di Sungai Ujung di antara pembesar-pembesar Melayu telah diselesaikan apabila Inggeris campurtangan dalam tahun 1874. Pahang merupakan negeri yang terakhir dimasukkan ke dalam Sistem Residen apabila Wan Ahmad gagal menamatkan keadaan kekacauan di negerinya.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Tahun 1874 memperlihatkan pertukaran dasar Inggeris daripada tidak campurtangan kepada campurtangan.
2. Pertukaran itu berlaku disebabkan oleh keperluan Britain terhadap bahan-bahan mentah dan pasaran. Perusahaan-mengetin dan keperluan kepada kepingan-kepingan timah menambahkan lagi permintaan terhadap bijih timah, dan bijih timah hanya boleh didapati daripada Negeri-negeri Melayu.
3. Ini juga zaman penjajahan dan Britain takut bahawa kuasa asing yang lain mungkin mengambil Negeri-negeri Melayu yang belum dikuasai oleh mana-mana kuasa, terutamanya Jerman yang sedang menjadi saingan hebat kepada kuasa-kuasa Eropah yang lain untuk mencari tanah-tanah jajahan.
4. Dalam tahun 1873 Parti Liberal diganti oleh Parti Konservatif yang menyukai perkembangan penjajahan. Keadaan huruhara di Negeri-negeri Melayu menyebabkan penanaman modal tidak selamat kepada saudagar-saudagar Inggeris. Disraeli mengarahkan Clarke supaya menyiasat dan membuat lapuran mengenai keadaan di Negeri-negeri Melayu.
5. Pembukaan Terusan Suez dalam tahun 1869 juga mengakibatkan perluasankuasa asing ke seberang laut.
6. Keadaan-keadaan yang wujud di Negeri-negeri Melayu membawa kepada perluasankuasa Inggeris secara beransur-ansur di situ. Kuasa Inggeris pada mulanya diperluaskan ke Perak berikutan daripada perselisihan di antara orang-orang Melayu dan juga wujudnya rusuhan di kalangan orang-orang China. Keadaan yang hampir-hampir serupa wujud di Selangor, Sungai Ujung dan Pahang yang membawa kepada campurtangan Inggeris.

2. Keadaan-keadaan yang membawa kepada campurtangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu.

PERAK

- 2.1 PERSENGKETAAN PERWARISAN TAKHTA.** Keadaan huruhara di Perak, di samping kekacauan akibat daripada kegiatan kongsi-kongsi gelap China yang bertentangan, juga berbentuk persengketaan di kalangan pembesar-pembesar atau putera-putera diraja untuk merebut takhta. Di Perak, perwarisan ke atas takhta tidak secara otomatis tetapi secara bergilir. Tiga jawatan penting di Perak ialah Sultan, Raja Muda (bakal Sultan) dan Raja Bendahara. Putera Sultan hanya boleh menjadi Sultan selepas menegang dua jawatan penting itu, iaitu Raja Bendahara dan kemudiannya Raja Muda. Dalam kurun ke 19, sistem bergilir untuk menaiki takhta ini telah terganggu sewaktu kemangkatan Sultan Abdullah dalam tahun 1857. Puteranya, Raja Yusof tidak dilantik sebagai Raja Bendahara; sebaliknya jawatan itu diserahkan kepada Raja Ismail, seorang raja yang disayangi oleh Sultan Jaafar, Sultan Perak yang baru itu.
- 2.2 KEKUSUTAN SELANJUTNYA MENGENAI PENGGANTIAN SULTAN.** Kemangkatan Sultan Jaafar dalam tahun 1868 mengusutkan lagi keadaan, kerana Raja Ismail tidak layak menjadi Raja Muda disebabkan ia bukannya keturunan diraja dan Raja Yusof sekali lagi diketepikan. Dalam tahun 1871, selepas kemangkatan Sultan Ali, Raja Yusuf sepatutnya ditabalkan menjadi Sultan baru, tetapi Raja Ismail pula yang menaiki takhta kerajaan Perak. Raja Ismail disokong oleh Menteri Larut, yang mempunyai kuasa yang kuat kerana kekayaan yang diperolehnya daripada perlombongan bijih timah. Raja Muda Abdullah telah diketepikan daripada menjadi Sultan. Alasan yang diberikan ialah baginda tidak hadir pada masa permakaman Sultan Ali. Oleh itu timbulah tiga orang penuntut takhta Perak iaitu Raja Ismail, Raja Yusof dan Raja Abdullah.
- 2.3 PEPERANGAN DI LARUT.** Perak juga ialah tempat pergaduhan di antara dua Kongsi Gelap China, iaitu Ghee Hin dan Hai San. Di dalam pergaduhan itu, pembesar-pembesar Melayu di Perak melibatkan diri mereka dengan menyebelah mana-mana satu pihak menentang pihak yang lagi satu. Dalam tahun 1861 dalam Perang Larut Pertama, puak Ghee Hin telah ditewaskan dan diusir keluar daripada lombong-lombong bijih mereka. Perselisihan dan pergaduhan meletus lagi dalam tahun-tahun 1865 dan 1872 yang mengakibatkan Perang Larut Kedua dan Perang Larut Ketiga. Raja Abdullah menyedari bahawa satu-satunya jalan untuk merebut takhta kerajaan ialah dengan menewaskan Menteri Ngah Ibrahim. Oleh itu baginda melibatkan diri dalam kekacauan itu dengan membantu puak Ghee Hin yang tewas untuk menentang puak Hai San, yang dibantu oleh Menteri. Ini mengakibatkan meletusnya Perang Larut Keempat dalam tahun 1873.

2.4 CAMPURTANGAN OLEH CLARKE. Dalam tahun 1873, Perang Larut merebak ke Pulau Pinang, ibu pejabat dan juga pembekal senjata kepada kongsi-kongsi gelap itu. Banyak harta benda telah musnah, banyak nyawa terkorban dan perdagangan bijih timah terganggu. Dalam tahun yang sama, 248 orang saudagar China membuat rayuan kepada Kerajaan Inggeris meminta perlindungan untuk melindungi perdagangan mereka. Sementara itu, Raja Abdullah mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Perak dengan bantuan pembesar-pembesar dari Hilar Perak, dan pada masa yang sama juga Raja Ismail telah diisytiharkan sebagai Sultan oleh pembesar-pembesar dari Hulu Perak. Selepas mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan, Abdullah menulis surat kepada Andrew Clarke, Gabnor baru, untuk meminta bantuan. Dalam satu mesyuarat yang diadakan di antara pembesar-pembesar Perak di Pangkor, Clarke mengiktiraf Raja Abdullah sebagai Sultan dan merundingkan Perjanjian Pangkor dalam bulan Januari 1874 di mana seorang Residen Inggeris, J.W.W. Birch dilantik di Perak.

SELANGOR

2.5 PERANG SAUDARA. Perang Saudara di Selangor tidak disebabkan oleh perselisihan untuk merebut takhta kerajaan tetapi pergaduhan di antara beberapa orang pembesar untuk menguasai lembah-lembah sungai dan kawasan perlombongan. Keuntungan dari segi kewangan daripada penguasaan ke atas sesebuah sungai dapat dilihat daripada hasil pendapatan Raja Jumaat yang menerima \$15,000 setahun daripada Lukut dalam tahun 1850an dan Lukut bukannya kawasan bijih yang terpenting. Raja Mahadi sedang menuntut untuk menguasai Kelang daripada Raja Abdullah, yang telah dilantik sebagai pembesar daerah itu. Tidak puashati terhadap elaun bulanan yang dibayar oleh Raja Abdullah kepadanya, Raja Mahadi mengambil peluang untuk menguasai daerah itu apabila seorang Mendeling dibunuh oleh seorang Bugis. Dengan bantuan daripada orang-orang Mendeling, Raja Mahadi menyerang dan menawan Kelang dalam tahun 1867.

2.6 PERANG SAUDARA DISERTAI OLEH TENGKU KUDIN. Sultan Abdul Samad tidak berjaya menyelesaikan pergaduhan di antara pembesar-pembesarnya. Sementara itu Raja Mahadi tidak membayar ufti bulanan kepada Sultan. Oleh itu Sultan telah melantik manantunya, Tengku Kudin, sebagai Wakil Raja di Selangor dan mengambil keputusan untuk membiarkan Tengku Kudin menyelesaikan persengkataan di antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah. Gagal untuk memujuk Raja Mahadi supaya menyerahkan semula tuntutannya kepada Raja Abdullah, Tengku Kudin menyebelahi musuh Raja Mahadi, Raja Abdullah, dan menawan semula Kelang.

2.7 PERGADUHAN DI ANTARA PELOMBONG-PELOMBONG CHINA
Orang-orang China di Selangor juga berpecah belah mengikut kongsi-kongsi

gelap masing-masing dan pergaduhan di antara kongsi-kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San berlaku dalam tahun-tahun 1869 dan 1870. Yap Ah Loy yang takut bahawa perang saudara itu mungkin akan memberi kesan kepada perlombongan bijih di Kuala Lumpur, mengambil keputusan untuk memberi Tengku Kudin senjata-senjata apabila Raja Mahadi menawan Kuala Lumpur dalam tahun 1872. Peperangan itu tamat selepas Kuala Lumpur ditawan semula dalam tahun 1873.

- 2.8 PERLANUNAN. Keadaan kekacauan di Selangor menjadi sebab kepada perkembangan kegiatan lanun. Alasan untuk campurtangan di Selangor ialah serangan lanun-lanun ke atas sebuah kapal Melaka dalam tahun 1873. Ia mengakibatkan kematian beberapa orang rakyat Inggeris yang berada dalam kapal Melaka itu. Berikutan daripada peristiwa ini ialah satu lagi serangan lanun-lanun ke atas rumahapi di Cape Rechado dalam tahun 1874.
- 2.9 CAMPURTANGAN INGGERIS. Masaalah perlanunan telah diselesaikan. Andrew Clarke memerintahkan pantai Selangor dikepung dan dengan keizinan Sultan, lanun-lanun yang terlibat itu dihukum. Campurtangan Inggeris bermula apabila Sultan dipaksa menerima seorang penasihat Inggeris, dan Clarke telah melantik J.G. Davidson sebagai Residen dan F. Swettenham sebagai Penolong Residen.
- ### NEGERI SEMBILAN
- 2.10 SEMBILAN BUAH NEGERI. Negeri Sembilan mengandungi sembilan buah negeri yang dahulunya berada di bawah pemerintahan Johor. Ia kemudiannya mencapai taraf kemerdekaannya di bawah pemerintahan Raja Melewar, seorang raja Minangkabau dari Sumatera. Pelombong-pelombong China di Sungai Linggi semakin ditindas oleh pembesar-pembesar Melayu yang memungut cukai secara haram di sepanjang-panjang sungai itu. Keadaan ini dan pergaduhan di antara pembesar-pembesar Melayu menyebabkan Inggeris campurtangan di Sungai Ujung dalam tahun 1874.
- 2.11 KEKACAUAN DI REMBAU. Perselisihan penggantian juga mengakibatkan kekacauan di daerah-daerah Rembau dan Sungai Ujung. Selepas kematian Penghulu Rembau pada akhir tahun 1872, pergaduhan meletus di antara dua orang pembesar yang menuntut jawatan itu, iaitu Haji Mustapha dan Dato' Perba.

- 2.12 PERGADUHAN DI SUNGAI UJUNG. Di Sungai Ujung sendiri, berlakunya pergeseran dan perpecahan. Kedua-dua Dato' Kelana dan Dato' Bandar cuba menguasai Sungai Linggi. Sungai itu penting kerana dua sebab, iaitu sebagai alat perhubungan kepada lombong bijih timah Rasah, dan sebagai sumber hasil pendapatan yang penting. Secara kebetulan, kedua-dua Dato' Kelana dan Dato' Bandar membantu 2 orang pembesar yang menuntut jawatan Penghulu Rembau.

- 2.13 PERJANJIAN DENGAN INGGERIS. Dato' Kelana dari Sungai Ujung menandatangani satu perjanjian dengan Andrew Clarke dalam bulan April 1874 untuk menerima perlindungan Inggeris dan Inggeris pula akan membantunya dalam pergaduhannya dengan Dato' Bandar. Clarke kemudian memerintahkan supaya memusnahkan kubu-kubu yang telah dibina di Sungai Linggi.
- 2.14 CAMPURTANGAN INGGERIS DI NEGERI SEMBILAN. Peristiwa persepakatan di antara Raja Mahadi dengan Dato' Bandar menyebabkan Dato' Kelana meminta bantuan Inggeris semula, kali ini meminta seorang Residen Inggeris. Dato' Bandar telah ditewaskan dan keamanan akhirnya dipulihkan apabila Keptan Tatham dilantik sebagai Penolong Residen di Sungai Ujung. Dalam tahun 1885 Jelebu menerima perlindungan Inggeris, diikuti oleh Rembau dalam tahun 1887. Perluasan kuasa Inggeris di Negeri Sembilan tamat menjelang tahun 1895 apabila Martin Lister dilantik sebagai Residen Inggeris bagi Gabungan Negeri Sembilan.
- PAHANG**
- 2.15 PERBALAHAN SEMPADAN. Perang saudara Pahang tamat dalam tahun 1857 apabila Wan Ahmad menjadi pemerintah Pahang (Bendahara). Hubungannya dengan pembesar-pembesarnya tidak baik. Ia tidak mempunyai kuasa ke atas pembesar-pembesar di hulu sungai, oleh itu ia tidak mendapat sumber pendapatan yang banyak. Oleh itu Wan Ahmad mula menjualkan konsessi-konsessi tanah kepada orang-orang asing. Ini bukan saja merugikan Pahang dari segi hasil pendapatannya tetapi menyebabkan Inggeris takut bahawa konsessi tanah yang sedemikian itu akan diperolehi oleh Jerman atau Perancis. Dalam tahun 1885, Frank Swettenham telah diminta untuk menyelesaikan satu perbalahan sempadan di antara Pahang dengan Jelebu. Disebabkan oleh peristiwa ini, Swettenham telah mengemukakan cadangan supaya Inggeris melantik seorang Wakil Inggeris di Pekan.
- 2.16 CAMPURTANGAN INGGERIS. Dalam tahun 1887, Wan Ahmad telah dipujuk untuk menerima Hugh Clifford sebagai Wakil Inggeris, dan meletakkan halehwal luar Pahang di bawah penguasaan Inggeris. Pada masa itu, keadaan di Pahang masih lagi buruk. Masih terdapat lagi pungutan cukai yang berat ke atas rakyat dan wujudnya hamba berhutang.
- 2.17 PERLANTIKAN RESIDEN INGGERIS. Dalam tahun 1888 seorang Cina rakyat Inggeris telah dibunuh di Pahang. Frederick Weld, Gabenor Negeri negeri Selat telah memaksanya Sultan Pahang (dahulunya bergelar Bendahara) menerima seorang Pegawai Inggeris. J.P. Rodger dilantik sebagai Residen Inggeris yang pertama di Pahang. Pahang merupakan negeri yang terakhir diletakkan di bawah kekuasaan Inggeris.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

A. PERAK

1. Satu perebutan takhta muncul dalam tahun 1871 pada masa kemangkatan Sultan Ali, di antara 3 orang penuntut takhta iaitu Raja Yusof, Raja Abdullah dan Raja Ismail.
2. Pergaduhan hebat meletus di antara puak Ghee Hin dengan puak Hai San. Rusuhan itu merebak ke Pulau Pinang yang melibatkan perdagangan bijih timah. Saudagar-saudagar China mula meminta kerajaan Inggeris untuk campurtangan dan melindungi harta benda mereka.
3. Sementara itu pembesar-pembesar di Hulu Perak, terutamanya Menteri Larut, telah mengisyiharkan Raja Ismail sebagai Sultan. Raja Abdullah mengambil keputusan untuk menewaskan Menteri dan merebut takhta. Baginda menyertai Perang Larut dalam tahun 1873 dengan membantu puak Ghee Hin menentang puak Hai San yang dibantu oleh Menteri.
4. Abdullah mengisyiharkan dirinya sebagai Sultan Perak dan menulis surat kepada Clarke meminta sokongan dan pengiktirafan sebagai Sultan.
5. Clarke bertindak untuk campurtangan dan mengadakan Perjanjian Pangkor. Abdullah dilantik sebagai Sultan Perak dan baginda pula menerima perlantikan Birch sebagai Residen Inggeris di Perak.

B. SELANGOR

1. Perang saudara meletus di antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah untuk menguasai Kelang. Raja Mahadi menakluk Kelang dalam tahun 1867.
2. Sultan Abdul Samad melantik Tengku Kudin sebagai Wakil Sultan Selangor untuk menyelesaikan perang saudara itu.
3. Pergaduhan meletus di antara kongsi-kongsi gelap China. Yap Ah Loy bimbang bahawa pergaduhan itu mungkin melibatkan Kuala Lumpur. Ia membantu Tengku Kudin menentang Raja Mahadi.
4. Raja Mahadi menawan Kuala Lumpur. Yap Ah Loy memberi Tengku Kudin senjata dan angkatan perang, dan Kuala Lumpur telah ditawan semula dalam tahun 1873. Kekalahan Raja Mahadi menamatkan perang itu.
5. Apabila lanun-lanun membunuh beberapa orang rakyat Inggeris di dalam sebuah kapal Melaka, Inggeris campurtangan. Lanun-lanun itu dihukum. Sultan Abdul Samad tidak menerima seorang Penasihat Inggeris seperti yang diminta oleh baginda, tetapi sebaliknya menerima seorang Residen Inggeris. J.G. Davidson telah dilantik.

C. NEGERI SEMBILAN

1. Pelombong-pelombong bijih China ditindas oleh pemungut-pemungut cukai di sepanjang-panjang Sungai Linggi.

2. Di Rembau, terdapat 2 orang pembesar yang menuntut jawatan Penghulu.
3. Satu percaduhan meletus di antara Dato' Kelana dengan Dato' Bandar untuk menguasai Sungai Linggi.
4. Andrew Clarke membantu Dato Kelana dengan senjata dan askar untuk menewaskan Dato' Bandar.
5. Keamanan dipulihkan dengan Dato' Kelana menerima Keptan Tatham sebagai Penolong Residen di Sungai Ujung. Menjelang tahun 1895 seluruh Negeri Sembilan menjadi negeri naungan Inggeris.

D. PAHANG

1. Wan Ahmad gagal memungut cukai daripada pembesar-pembesar di hulu sungai yang tidak dapat dikuasainya.
 2. Ia mula menjualkan tanah-tanah di Pahang. Inggeris takut bahawa Jerman atau Perancis mungkin mendapat tanah di Pahang.
 3. Swettenham telah menyelesaikan satu perbalahan sempadan di antara Pahang dengan Jelebu, dan mencadangkan perlantikan seorang Wakil Inggeris di Pahang.
 4. Wan Ahmad menerima Hugh Clifford sebagai Wakil Inggeris di Pekan.
 5. Dalam tahun 1888, seorang China rakyat Inggeris telah dibunuh di Pahang. Sultan akhirnya menerima J.P. Rodger sebagai Residen Inggeris.
-

3. Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Pangkor dalam tahun 1874 dan syarat-syarat utama serta kesan-kesan Perjanjian.

PERISTIWA-PERISTIWA YANG MEMBAWA KEPADA PERJANJIAN PANGKOR DALAM TAHUN 1874.

- 3.1 PERANG SAUDARA DI PERAK. Perak tercebur dalam perang saudara disebabkan oleh perbalahan perwarisan takhta. Sultan Ali mangkat dalam tahun 1871 dan diikuti oleh perebutan takhta. Terdapat 3 orang raja yang menuntut takhta, tiap-tiap seorang disokong oleh Pembesar-pembesar Melayu yang berlainan. Dalam perbalahan itu, pembesar-pembesar di Hulu Perak melantik Raja Ismail sebagai Sultan tetapi Raja Abdullah telah bertindak balas dengan mengisyiharkan dirinya sebagai Sultan.
- 3.2 PERSENGKETAAN DI ANTARA KONGSI-KONGSI GELAP. Penemuan lombong-lombong bijih timah yang kaya di Larut dalam tahun 1848 telah

menarik ramai orang-orang China ke situ. Persengketaan di antara dua kongsi gelap, **Ghee Hin** dan **Hai San** menyebabkan meletusnya Perang-perang Larut. Peperangan-peperangan itu merebak ke Pulau Pinang, ibu-pejabat dan sumber senjata kongsi-kongsi gelap itu. Pergaduhan yang hebat berlaku dalam tahun 1873 dan keadaan menjadi bertambah rumit dengan adanya campurtangan orang-orang Melayu menyebelahi satu-satu pihak yang bermusuh-musuhan itu.

- 3.3 **PENGLIBATAN ORANG-ORANG MELAYU DALAM PERANG-PERANG LARUT.** Menteri Larut, Ngah Ibrahim membantu Raja Ismail, dengan tujuan untuk menjadi pemerintah Perak yang sebenarnya dengan Raja Ismail sebagai Sultan boneka. Akhirnya perang meletus -di antara Raja Abdullah yang membantu Ghee Hin dengan Menteri Larut pula membantu Hai San, dalam tahun 1873. Peperangan itu akhirnya ditamatkan dengan kekalahan puak Ghee Hin.
- 3.4 **BANTUAN INGGERIS DIPEROLEHI.** Pergaduhan berterusan, sungguhpun usaha-usaha perdamaian dibuat oleh Naib-Gabnor Anson dari Pulau Pinang, untuk menamatkan pergaduhan itu. Raja Abdullah yang kecewa, telah menghantar surat kepada Gabnor Andrew Clarke untuk mengiktirafnya sebagai Sultan dan mengembalikan keamanan di Perak supaya pengikut-pengikutnya dapat “berlindung di bawah bendera Inggeris.”
- 3.5 **PERJANJIAN PANGKOR.** W.A. Pickering telah di hantar untuk menemui pemimpin-pemimpin China yang bermusuh-musuhan dan akhirnya ia berjaya menyelesaikan pergaduhan di antara mereka. Sementara itu, satu mesyuarat di antara **Pembesar-pembesar Perak**, kebanyakannya penyokong-penyokong Raja Abdullah, Raja Abdullah sendiri dan **Menteri Larut**, berjalan dengan lancar di Pulau Pangkor. Mesyuarat itu telah dikelolakan oleh Andrew Clarke. Keistimewaan mesyuarat itu ialah masaalah yang wujud di Perak itu telah dapat diselesaikan secara hitam putih dalam dua dokumen yang penting. Dokumen yang pertama ialah mengenai **Perang Larut** di mana orang-orang China yang bermusuh-musuhan bersetuju untuk meletakkan senjata, dan mengekalkan keamanan. Dokumen yang kedua ialah **Perjanjian Pangkor** yang menyelesaikan persengketaan perwarisan takhta Perak.
- SYARAT-SYARAT PERJANJIAN PANGKOR.**
- 3.6 **ABDULLAH MENJADI SULTAN.** Raja Abdullah diiktiraf sebagai Sultan yang sah dan bekas-Sultan Ismail, yang sekarang telah diturunkan menjadi Raja Muda, diberi bayaran pencen bulanan sebanyak \$1000/-.
- 3.7 **RESIDEN INGGERIS.** Sebagai balasan kepada pengiktirafan Sultan oleh Inggeris, Sultan Abdullah terpaksa “menerima dan menyediakan sebuah tempat kediaman yang sesuai untuk seorang Pegawai Inggeris, yang akan dikenali sebagai Residen”. Di samping menasihati Sultan di atas semua perkara kecuali yang mengenai ugama dan adat istiadat orang Melayu,

Residen juga akan menguruskan pemungutan dan pengawalan hasil dengan menggunakan nama Sultan. Dipersetujui juga bahawa gaji Residen hendaklah dibayar oleh Sultan. Satu lagi syarat tambahan perjanjian itu ialah perlantikan Keptan Speedy sebagai Penolong Residen di Larut.

- 3.8 PENYERAHAN PULAU PANGKOR DAN DINDING. Akhirnya, penyerahan Pulau Pangkor dan Dinding kepada Inggeris, sebagaimana yang dipersetujui dalam Perjanjian Low, telah disahkan.

KESAN-KESAN PERJANJIAN

- 3.9 LANGKAH PERTAMA CAMPURTANGAN INGGERIS DI NEGERI-NEGERI MELAYU. Sungguhpun Andrew Clarke telah bertindak melebihi arahan-arahannya sendiri ketika merangka Perjanjian Pangkor, tetapi perjanjian itu telah memulakan langkah pertama kepada campurtangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu. Tindakannya itu disahkan oleh Kerajaan Disraeli. Orang-orang China pula tidak menentang perjanjian itu. Dengan tercapainya keamanan, perdagangan dapat diteruskan tanpa gangguan.
- 3.10 RAJA ABDULLAH DIKETEPIKAN SEBAGAI PEMERINTAH. Tindakan berani Clarke mengiktiraf Raja Abdullah sebagai Sultan dan menurunkan kedudukan Menteri sebagai pemerintah Larut yang merdeka, menambahkan lagi kekacauan. Ia meletakkan Inggeris dalam keadaan yang serba salah. Menteri Larut dan Sultan Ismail tidak menghiraukan Sultan Abdullah sebagai pemerintah dan mereka terus memegang jawatan masing-masing di Hulu Perak. Sultan Ismail terus dianggap oleh pembesar-pembesar Melayu sebagai Sultan Perak yang sah kerana baginda masih mempunyai alat-alat diraja Perak.
- 3.11 PERGESERAN DENGAN BIRCH. Perjanjian Pangkor seperti yang tertulis di atas kertas tidak dapat dijalankan. Sultan Abdullah sedar bahawa baginda telah menyerahkan kemerdekaannya untuk mendapatkan takhta Kerajaan. Peranan Residen Inggeris iaitu memberi nasihat bertukar menjadi pemerintah yang sebenarnya. Bukti-bukti dapat dilihat daripada tindakan terburu-buru Birch menuntut hak memungut cukai dari tangan Sultan dan campurtangannya untuk menghapuskan sistem hamba ber-hutang. Pergeseran di antara Birch dengan Sultan Abdullah mengakibatkan pembunuhan Birch dalam tahun 1875. Sultan Abdullah, Sultan Ismail dan Menteri Larut dibuang negeri ke Pulau Seychelles kerana terlibat dalam pembunuhan Birch. Raja Yusof dilantik sebagai Sultan dengan Hugh Lo sebagai Residen Perak.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Perak berada dalam keadaan huru hara kerana pergolatan untuk mewarisi takhta Perak dalam tahun 1871. Keadaan menjadi bertambah sulit apabila pembesar-pembesar Perak memihak kepada Raja-raja yang bermusuhan-musuhan itu, iaitu Raja Abdullah, Raja Ismail dan Raja Yusof.
2. Pembesar-pembesar Melayu melantik Raja Ismail sebagai Sultan Perak tetapi Raja Abdullah mengisyiharkan dirinya sebagai Sultan di Hilir Perak.
3. Menteri Larut, penyokong Sultan Ismail, dan Raja Abdullah, terlibat dalam pergaduhan di antara kongsi-kongsi gelap China. Tiap-tiap seorang daripada mereka memihak kepada salah satu daripada dua kongsi gelap itu. Ini mengakibatkan meletusnya pergaduhan yang hebat di Larut dalam tahun 1874.
4. Clarke, Gabnor baru, menerima sepucuk surat daripada Raja Abdullah yang menyatakan kesanggupannya untuk menerima perlindungan Inggeris sekiranya ia diisyiharkan sebagai Sultan.
5. Perjanjian Pangkor dirundingkan.
6. Syarat-syarat perjanjian itu ialah:
 - a) Perak menjadi Negeri Melayu yang pertama menerima perlindungan Inggeris.
 - b) Seorang Residen Inggeris dilantik.
 - c) Residen itu akan menasihati Sultan dan menguruskan pungutan cukai.
 - d) Raja Abdullah diiktiraf sebagai Sultan dan Sultan Ismail diberikan penceن bulanan serta diturunkan jawatannya menjadi Raja Muda.
 - e) Orang-orang China bersetuju menamatkan pergaduhan mereka.
7. Perjanjian itu mengakibatkan penubuhan kuasa Inggeris di Negeri-negeri Melayu. Ia memuaskan hati orang-orang China yang tujuan utama mereka ialah pentadbiran yang kukuh.
8. Hanya orang-orang Melayu saja yang tidak puas hati. Sultan Abdullah mendapati kuasanya semakin berkurangan kerana diambilalih oleh Residen.
9. Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Melayu telah membuat pakatan dan akhirnya berjaya membunuh Birch.
10. Sultan Abdullah, Sultan Ismail dan Menteri Larut dibuang negeri ke pulau Seychelles kerana bersabahat dalam pembunuhan Birch.



4. Raja Abdullah.

- 4.1 MENUNTUT TAKHTA PERAK. Raja Abdullah, putera kepada Sultan Jaafar telah dilantik sebagai Raja Muda semasa kemangkatan ayahnya dalam tahun 1865. Sebagai Raja Muda, ia tidak disukai oleh pembesar-pembesar di Hulu Perak kerana ia takut belseyar mudik ke hulu sungai ke Kuala Kangsar untuk menghadiri upacara permakaman Sultan Ali dalam tahun 1871 dan untuk menuntut alat-alat kebesaran diraja. Oleh itu pembesar-pembesar di Hulu Perak mengisyiharkan Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak. Dalam tahun 1872, Raja Abdullah bertindak balas dengan mengistiharkan dirinya sebagai Sultan. Ia mendapat dirinya tidak selamat selagi Menteri Ngah Ibrahim, penyokong kuat Sultan Ismail, masih berkuasa. Dengan harapan untuk menjatuhkan Menteri, Raja Abdullah menyertai Perang Larut dalam tahun 1873 dengan memihak kepada Ghee Hin menentang Menteri yang memihak kepada Hai San.
- 4.2 MEMINTA PERLINDUNGAN INGGERIS. Raja Abdullah yang kecewa, cuba mendapatkan pengiktirafan Inggeris sebagai Sultan Perak. Ia menulis surat kepada Andrew Clarke, Gabenor Negeri-negeri Selat, untuk memulihkan peraturan dan undang-undang di Perak. Perjanjian Pangkor dirundingkan dan Raja Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak. Memerintah di Hilir Perak, baginda hanya mendapat sokongan yang kecil saja di Perak, sementara itu alat-alat kebesaran diraja masih di dalam tangan Sultan Ismail yang lebih disukai oleh pembesar-pembesar.
- 4.3 PERGESERAN DI ANTARA SULTAN ABDULLAH DENGAN BIRCH. Pergeseran di antara Sultan Abdullah dengan Birch tidak dapat dielakkan. Di antara bulan Januari 1874, selepas tertandatangannya Perjanjian Pangkor sehingga ketibaan Residen Inggeris yang pertama, James Birch, Sultan Abdullah memajakkan pungutan cukai di Perak kepada seorang China dari Singapura sebanyak \$26,000 setahun. Baginda menghabiskan kebanyakan daripada wangnya dengan berjudi, menghisap madat, berlaga ayam dan lain-lain urusan peribadi. Permusuhan di antaranya dengan Birch timbul apabila Birch cuba menyekat keborosan Abdullah dan melibatkan diri untuk menghapuskan sistem hamba berhutang. Sultan Abdullah kemudiannya membuat aduan kepada Clarke mengenai tindakan Birch itu dan meminta penggantian Birch.
- 4.4 PAKATAN UNTUK MENYINGKIR BIRCH. Di bawah tekanan, Sultan Abdullah menandatangani dua pucuk surat dalam tahun 1875, memberi kuasa kepada Inggeris untuk memungut cukai dan membernarkan penguasaan Inggeris secara langsung. Disebabkan tindakan Birch itu, Sultan Abdullah bekerjasama dengan Sultan Ismail untuk menentang Birch. Dalam satu mesyuarat di antara pembesar-pembesar di hulu dan di hilir sungai, baginda membenarkan kesanggupan Maharaja. Lela untuk membunuh Birch.

- 4.5 PEMBUNUHAN BIRCH DAN KESAN-KESANNYA. Pada 2hb. November 1875, Birch telah dibunuh di Pasir Salak oleh Maharaja Lela. Akibat daripada pembunuhan Birch itu, Maharaja Lela dan 3 orang pengikutnya telah digantung, Sultan Abdullah, Sultan Ismail dan Menteri Larut dibuang negeri ke Pulau Seychelles. Raja Yusof, yang telah diketepikan dua kali untuk menaiki takhta kerajaan dan tidak mengambil bahagian dalam pembunuhan Birch, dilantik sebagai Sultan Perak yang baru oleh Inggeris.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Raja Abdullah gagal menaiki takhta kerajaan Perak apabila Sultan Ali mangkat dalam tahun 1871. Sebaliknya Raja Bendahara Ismail telah dilantik sebagai Sultan Perak.
 2. Ia menulis surat kepada Andrew Clarke meminta perlindungan Inggeris dan Perjanjian Pangkor ditandatangani dalam tahun 1874.
 3. Raja Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak oleh Inggeris dan menerima seorang Residen Inggeris di Perak.
 4. Birch, Residen Inggeris yang pertama, campurtangan dalam adat istiadat orang Melayu. Ia tidak disukai oleh Sultan Abdullah kerana ia cuba melibatkan diri dalam urusan peribadi Sultan dan cuba menguasai Perak secara langsung.
 5. Sultan Abdullah bersubahat dengan pembesar-pembesar Melayu untuk membunuh Birch.
 6. Birch telah dibunuh oleh Maharaja Lela dan Abdullah dibuang negeri ke Pulau Seychelles oleh Inggeris.
-

5. Sir Andrew Clarke.

- 5.1 LATARBELAKANGNYA. Sir Andrew Clarke dilantik sebagai Galor Negeri-negeri Selat secara rasmi pada 4hb. November 1873. Seorang pentadbir yang cekap dan berhati-hati, menyebabkan Pejabat Tanah Jajahan bersetuju dengan perlantikannya. Ia mempunyai latarbelakang pengalaman yang luas dalam Perkhidmatan Kejuruteraan Diraja, berkhidmat di Australia dan New Zealand, dan dalam Angkatan Laut. Sebagai seorang penjajah yang kuat, Clarke sendiri mengambil bahagian yang cergas dalam campurtangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu. Menjelang

akhir perkhidmatannya di Tanah Melayu, ia telah meluaskan penguasaan Inggeris di Perak, Selangor dan Sungai Ujung.

- 5.2 **CAMPURTANGAN DI PERAK.** Selepas perlantikannya sebagai Gabnor, ia diberi arahan khas untuk “menyiasat dan melapurkan” keadaan hulu-hara di Negeri-negeri Melayu. Sebaliknya, sebagai seorang pentadbir yang bertindak tegas, ia **campurtangan secara cergas** di Negeri-negeri Melayu dengan membuat keputusannya sendiri. Kunci yang diberi kepadanya untuk membuka pintu masuk ke Semenanjung Tanah Melayu ialah sepucuk surat yang ditandatangani oleh Raja Abdullah meminta Kerajaan Inggeris campurtangan. **Perjanjian Pangkor** adalah akibatnya. Clarke mengiktiraf Raja Abdullah sebagai Sultan dan perjanjian itu memperuntukkan perlantikan seorang Residen Inggeris. Ia membawa keamanan kepada ketua-ketua China yang bermusuh-musuhan dan persetujuan mereka untuk meletakkan senjata. Apabila keputusan telah tercapai di Pangkor, Clarke pulang ke Singapura dan meherangkan tindakannya dengan bijak kepada Setiausaha Tanah Jajahan. Dewan Perniagaan Singapura mendesak supaya tindakan selanjutnya diambil bagi memperluaskan pengaruh Inggeris di Negeri-negeri Melayu.
- 5.3 **CAMPURTANGAN DI SELANGOR.** Kemudian Clarke pergi ke Selangor. **Perlanunian** di pantai Selangor sedang berleluasa dan alasan untuk campurtangan Clarke ialah serangan lanun ke atas sebuah kapal Melaka dan pembunuhan 3 orang rakyat Inggeris. Perjumpaan Clarke dengan Sultan diikuti dengan perundingan-perundingan dan Sultan terpaksa menghukum lanun-lanun Melayu itu. Clarke berjaya mendesak Sultan menerima J.G. Davidson sebagai **Residen Inggeris**.
- 5.4 **CAMPURTANGAN DI SUNGAI UJUNG.** Peristiwa yang serupa telah berlaku apabila perpecahan dan pergaduhan meletus di Sungai Ujung dan Rembau. Clarke memberi bantuan kepada Dato Kelana menentang musuhnya Dato Bandar di Sungai Ujung, dengan harapan untuk mewujudkan kuasa Inggeris di situ. Pergaduhan yang meletus sekali lagi di Sungai Ujung menyebabkan Dato Kelana meminta Clarke menghantar seorang pegawai Inggeris. Selepas mengamankan Sungai Ujung dan menjadikan Dato Kelana **pemerintah yang sebenarnya** di Sungai Ujung, Clarke meninggalkan satu pasukan askar dan Keptan Tatham sebagai Residen tidak rasmi di Sungai Ujung. Menjelangnya perkhidmatan William Jervois menggantikan Clarke, Residen-residen Inggeris telah dilantik di negeri di pantai barat Tanah Melayu. Saudagar-saudagar mengharapkan satu zaman kemakmuran yang panjang di situ.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Sir Andrew Clarke dilantik sebagai Gabnor Negeri-negeri Selat pada 4hb. November 1873.
 2. Diberi arahan untuk menyiasat keadaan huruhara di Negeri-negeri Melayu, tetapi Clarke secara rasmi campurtangan di Perak selepas menerima surat daripada Raja Abdullah.
 3. Perjanjian Pangkor ditandatangani dalam tahun 1874 dan Sistem Residen diperkenalkan di Perak.
 4. Perlanunyan berleluasa di Selangor. Lanun-lanun menyerang sebuah kapal dari Melaka dan membunuh 3 orang rakyat Inggeris.
 5. Clarke menjadikan serangan lanun itu sebagai alasan untuk campurtangan di Selangor.
 6. Sultan Abdul Samad bersetuju menerima Davidson sebagai Residen Inggeris di Selangor.
 7. Clarke menjalankan tindakan akhir dengan campurtangan di Sungai Ujung. Ia menyokong Dato Kelana menentang Dato Bandar.
 8. Clarke melantik Keptan Tatham sebagai Residen tidak rasmi di Sungai Ujung.
-

6. Keptan Speedy.

- 6.1 TUGASNYA DENGAN MENTERI. Dalam bulan Julai 1873, Keptan Speedy, Penolong Penguasa Polis di Pulau Pinang, meninggalkan pekerjaannya untuk berkhidmat dengan Menteri Larut. Ia diberi gaji yang lumayan dan satu perempat daripada hasil di Larut, sebagai hadiah untuk menamatkan kekacauan orang-orang China di Larut dan untuk menawannya semula bagi Menteri. Speedy pergi ke India untuk mengambil satu pasukan askar yang terdiri daripada orang-orang Punjab untuk mengawal Larut.
- 6.2 PERLANTIKAN SEBAGAI RESIDEN. Sebagaimana yang telah dipersejua dalam Perjanjian Pangkor, Speedy dilantik sebagai Penolong Residen di Larut. Jajahan yang dikuasai oleh Speedy diduduki oleh 26,000 orang China, sungguhpun ia merupakan sebuah Negeri Melayu tetapi kebanyakannya diduduki oleh orang China, Speedy memerintah dengan bebasnya tanpa merujuk kepada Menteri. Ia merupakan diktator tunggal di Larut dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai Eropah dan ketua-ketua kongsi gelap China.

- 6.3 PEMBAHARUAN-PEMBAHARUAN SPEEDY. Pembaharuan-pembaharuan Speedy termasuk pentadbiran keadilan. Kanun Pidana India digunakan dan sebuah Mahkamah Majistret ditubuhkan di Taiping. Undang-undang dan peraturan dikekalkan dengan bantuan satu pasukan polis yang diambil dari India. Tabungnya yang sentiasa kekurangan wang telah digunakan untuk membina dan membaiki jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan, serta pembinaan rumah-rumah bagi penduduknya yang semakin bertambah dan rumah-rumah Kerajaan.
- 6.4 BERPINDAH KE HILIR PERAK. Tetapi Speedy telah dikecam kerana pemberosannya terhadap wang Kerajaan. Pejabat Tanah Jajahan mendapati kesalahannya kerana penggunaan wang yang membazir dan keadaan jalanraya-jalanraya serta parit-parit yang tidak memuaskan. Apabila Hugh Low menjadi Residen Perak, ia mengambil alih kuasa di Larut dan Speedy dipindahkan ke Durian Sebatang di Hilir Perak. Speedy juga telah dipotong gaji dengan banyaknya. Pada akhir tahun 1877 ia meletakkan jawatannya.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Keptan Speedy meninggalkan jawatannya sebagai Penolong Penguasa Polis di Pulau Pinang untuk berkhidmat dengan Menteri Larut, menolongnya menamatkan kekacauan orang-orang China di situ.
 2. Sebagai Penolong Residen di Larut, ia mengadakan satu pasukan polis untuk menegakkan undang-undang dan peraturan.
 3. Speedy memperkenalkan Sistem Keadilan dengan menggunakan Kanun Pidana India dan menubuhkan sebuah Mahkamah Majistret di Taiping.
 4. Ia kemudiannya dipindahkan ke Hilir Perak tetapi mendapati tugasnya tidak memuaskan hatinya, iapun meletakkan jawatannya.
-

7. Sultan Abdul Samad, Selangor.

- 7.1 MENJADI SULTAN. Sultan Abdul Samad, menantu kepada Sultan Muhammad, Selangor, menuntut takhta Kerajaan daripada Raja Muda Mahmud, pada masa kemangkatan Sultan Muhammad dalam tahun 1857. Baginda terpaksa menghadapi keadaan yang tidak menyenangkan. Selangor berpecah disebabkan perang saudara di antara pembesar-pembesar Melayu yang bermusuh-musuhan. Sultan Abdul Samad memilih untuk tinggal dekat dengan muara Sungai Langat, meninggalkan puteranya sendiri, Raja Musa menguasai Sungai Selangor.

- 7.2 SEBAGAI SULTAN SELANGOR. Pada keseluruhannya, Abdul Samad berjaya mengekalkan kedudukan dan hubungan berbaik-baik dengan pembesar-pembesarnya, selagi mereka membayar cukai yang ditetapkan. Sebenarnya, pembesar-pembesarlah yang memerintah daerah-daerah mereka, dan Sultan tidak menaruh minat yang mendalam dalam pentadbiran negeri. Tidak lama kemudian, baginda tidak lagi menerima bayaran bulanan sebanyak \$500/= di atas hasil Kelang daripada Raja Mahadi. Oleh itu Sultan membatalkan pertunungan puterinya dengan Raja Mahadi dan mengahwinkan puterinya itu dengan Tengku Kudin, seorang putera diraja dari Kedah. Tindakan baginda itu telah menimbulkan lebih banyak kekacauan di Selangor.
- 7.3 KEKACAUAN DI SELANGOR. Dalam tahun 1867 Sultan Abdul Samad melantik Tengku Kudin sebagai Wakilnya dan memberinya kuasa untuk berunding di antara Raja Mahadi dengan musuhnya Raja Abdullah. Pada masa pemerintahan Sultan Samad di Selangor, perlanunan berleluasa. Dalam tahun 1873 sebuah kapal dari Melaka telah diserang oleh lanun-lanun menyebabkan kematian beberapa orang rakyat Inggeris. Selepas berunding dengan Clarke, Sultan bersetuju membenarkan Tengku Kudin dan 3 orang pembesar lain untuk membicarakan lanun-lanun yang terlibat dalam serangan itu dan untuk menindas perlanunan. Sultan juga diminta untuk memusnahkan kubu-kubu lanun di sepanjang-pantai Selangor.
- 7.4 CAMPURTANGAN INGGERIS. Dalam bulan Ogos 1874, Clarke meninggalkan Swettenham di Selangor, berikutan daripada khabar angin yang menyatakan bahawa putera Sultan sedang membuat pakatan untuk menggulingkan Sultan. Swettenham berjaya mendapatkan kepercayaan Sultan yang memintanya menjadi penasihatnya. Clarke melantik Davidson sebagai Residen Inggeris di Selangor dan Swettenham sebagai Penolongnya. Apabila Tengku Kudin kembali ke Kedah dalam tahun 1878 Sultan Abdul Samad mempunyai kuasa penuh dalam negerinya. Sikapnya yang tidak mengambil berat terhadap politik memberi peluang kepada Douglas, Residen berikutnya, untuk menguasai pentadbiran negeri secara langsung.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Ia menjadi Sultan Selangor dalam tahun 1857 dan memerintah dari Langat.
2. Perpecahan wujud di Selangor disebabkan persengkataan di antara pembesar-pembesar Melayu.
3. Abdul Samad melantik menantunya, Tengku Kudin, sebagai Wizurai (Wakil Raja) untuk menyelesaikan perbalahan di antara pembesar-pembesar Melayu.

4. Semasa pemerintahannya, lanun-lanun menyerang dan membunuh beberapa orang rakyat Inggeris dalam sebuah kapal dari Melaka.
 5. Selepas peristiwa itu, Sultan Samad bersetuju untuk menerima Davidson sebagai Residen Selangor. Apabila Tengku Kudin kembali ke Kedah, ia memerintah Selangor dengan tenangnya.
-

8. Tengku Kudin.

- 8.1 PERLANTIKAN SEBAGAI WIZURAI. Tengku Kudin atau Ziauddin, seorang pemimpin yang cekap dan berkebolehan, ialah adik kepada Sultan Abdullah dari Kedah. Dalam tahun 1873, perlantikannya sebagai Wizurai Selangor oleh Abdul Samad, menambahkan lagi penentangan daripada pembesar-pembesar Melayu yang tidak suka kepada pentadbiran seorang asing di Selangor.
- 8.2 PEPPERANGAN DENGAN RAJA MAHADI. Dalam usaha untuk mendamaikan perselisihan di antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah, Tengku Kudin gagal memujuk Raja Mahadi supaya menyerahkan tunutannya terhadap Kelang kepada Raja Abdullah. Peperangan berlanjutan dan Tengku Kudin memihak kepada Raja Abdullah menentang Raja Mahadi. Ia juga berjaya mendapatkan bantuan daripada seorang kapitan China yang sangat berpengaruh, Yap Ah Loy. Tengku Kudin dan penyokong-penyeokongnya menawan semula Kelang yang kemudiannya diserahkan kepada mereka sebagai hak peribadinya. Setelah menguatkan kedudukannya di Sungai Kelang, Tengku Kudin berjaya menghidupkan semula perdagangan bijih timah melalui sungai itu.
- 8.3 PENAWANAN SEMULA KUALA LUMPUR. Dalam bulan November 1871, peperangan berlanjutan dan Raja Mahadi menawan Kuala Lumpur dalam tahun 1872. Askar-askar dari Pahang bekerjasama dengan Yap Ah Loy dan mereka berjaya menawan semula Kuala Lumpur. Kejayaan itu menandakan tamatnya Perang Selangor dan kenaikan Tengku Kudin. Dalam tahun 1873 Tengku Kudin menulis surat meminta bantuan Inggeris dengan ugutan untuk meminta bantuan dari kuasa asing sekiranya Inggeris enggan. Serangan lanun-lanun ke atas sebuah kapal dari Melaka mengakibatkan perluasan pengaruh Inggeris di Selangor.
- 8.4 PERSARAANNYA. Tengku Kudin akhirnya meletakkan jawatannya sebagai wizurai dalam tahun 1878 dan bersara ke Pulau Pinang dengan mendapat bayaran saguhati sebanyak \$30,000/= dan pencen bulanan sebanyak \$700/=.

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Seorang putera diraja dari Kedah, Tengku Kudin mengahwini puteri Sultan Abdul Samad dan dilantik sebagai wizurai Selangor dalam tahun 1873.
 2. Kelang ditawan oleh Raja Mahadi, seorang pembesar yang bermusuhan-musuhan di Selangor tetapi dengan bantuan Yap Ah Loy, Tengku Kudin menawan semula Kelang.
 3. Kejayaan Tengku Kudin yang kedua ialah penawanan semula Kuala Lumpur dalam tahun 1872 dengan bantuan Yap Ah Loy dan askar-askar dari Pahang.
 4. Tengku Kudin akhirnya bersara dan tinggal di Pulau Pinang dengan mendapat bayaran saguhati sebanyak \$30,000/= dan pencen bulanan sebanyak \$700/=.
-

9. Sir Hugh Clifford.

- 9.1 LAWATAN KE PAHANG. Pada 31hb. Mei 1886, Sir Hugh Clifford merupakan salah seorang wakil yang terpilih untuk melawat ke Pahang dengan Sir Frederick Weld yang sedang mencuba dengan sedaya upayanya untuk meluaskan pengaruh Inggeris di Pahang. Dalam tahun 1887 Clifford pergi ke Pekan semula Wan Ahmad, pemerintah Pahang, telah menyerahkan kawasan-kawasan tanah yang luas di Kuala Lipis kepada orang-orang Eropah, Arab dan China, tanpa menghiraukan bantahan daripada pembesar-pembesar tempatan.
- 9.2 PERLANTIKAN SEBAGAI WAKIL INGGERIS. Di Pahang Clifford mendapati penindasan berlaku dengan berleluasannya dan pungutan cukai yang berat telah dikenakan. Ia mendesak supaya dibuat satu perjanjian kerana wujudnya keadaan kekacauan di Pahang dan juga keinginan untuk menegakkan undang-undang di Pahang. Tambahan pula, Clifford menerangkan kepada Wan Ahmad bahawa adalah sukar bagi Inggeris untuk menolong Pahang sekiranya berlaku sesuatu serangan tanpa adanya satu perjanjian. Akhirnya Wan Ahmad bersetuju dan Clifford dilantik sebagai Wakil Inggeris di Pahang. Tugas utama Clifford ialah untuk melindungi rakyat dan kepentingan Inggeris di situ dan juga untuk membantu Sultan menamatkan sebarang kekacauan dalam negerinya.
- 9.3 PERLANTIKAN SEBAGAI PENGUASA. Dalam tahun 1888 Sistem Residen diperkenalkan secara rasmi di Pahang di mana J.P. Rodger telah

dilantik sebagai Residennya. Sir Hugh Clifford menjadi Pengusa di Ulu Pahang. Kekacauan di Pahang tidak tamat kerana pembesar-pembesarnya enggan menerima Residen Inggeris. Kedua-dua Clifford dan Rodger menghadapi masalah untuk menyelesaikan kekacauan itu kerana kekurangan hasil. Mereka terpaksa membayar elau yang berpatutan kepada pembesar-pembesar itu daripada hasil pendapatan yang sedikit dan menyediakan sistem pentadbiran yang paling jimat sekali.

- 9.4 **PEMBERONTAKAN BAHAMAN.** Sebagai Pengusa dan Wakil Inggeris, Clifford tidak membuang masa untuk mendapatkan pengetahuan mengenai Negeri Pahang dan penduduknya. Pada tahun 1891 satu pemberontakan secara besar-besaran telah meletus dengan dipimpin oleh Bahaman. Bahaman, pembesar Semantan, menentang sepenuhnya perlantikan Residen Inggeris. Clifford ialah orang yang bertanggungjawab menamatkan “peperangan yang menelan belanja yang mahal” itu. Ia bersama-sama dengan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Siarn, mengejar pemberontak-pemberontak itu sehingga ke Kelantan dan Terengganu.
- 9.5 **GABNOR NEGERI-NEGERI SELAT.** Clifford kembali semula ke Tanah Melayu sebagai Gabnor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Clifford, pertama kali menemani Weld ke Pahang dalam tahun 1886.
2. Pahang berada dalam keadaan kekacauan dan Sultan telah menyerahkan konsesi-konsensi tanah yang luas kepada orang-orang Eropah.
3. Clifford menasihati Sultan untuk meminta bantuan Inggeris. Sultan bersetuju dengan perlantikannya sebagai Wakil Inggeris di Pahang.
4. Dalam tahun 1888 Sistem Residen diperkenalkan di Pahang. Clifford dilantik sebagai Pengusa di Ulu Pahang.
5. Clifford berjaya menamatkan pemberontakan Bahaman dan mengusir pemberontak-pemberontak itu.
6. Ia kemudiannya menjadi Gabnor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.



CAMPURTANGAN INGGERIS DI NEGERI-NEGERI MELAYU

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN

1. Apakah sebab-sebab utama yang mengakibatkan Inggeris campurtangan di Negeri-negeri Melayu dalam tahun 1874?
(Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Huraikan keadaan-keadaan yang membawa kepada campurtangan Inggeris di:—
 - a) Perak. (Rujuk kepada Tajuk 2)
 - b) Selangor. (Rujuk kepada Tajuk 2)
 - c) Negeri Sembilan. (Rujuk kepada Tajuk 2)
 - d) Pahang. (Rujuk kepada Tajuk 2)
3. Apakah peristiwa-peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Pangkor dalam tahun 1874? Berikan syarat-syarat utama dan terangkan kesan-kesan perjanjian itu.
(Rujuk kepada Tajuk 3)
4. Tuliskan huraian mengenai TIGA dari yang berikut:—
 - a) Raja Abdullah. (Rujuk kepada Tajuk 4)
 - b) Sir Andrew Clarke. (Rujuk kepada Tajuk 5)
 - c) Keptan Speedy. (Rujuk kepada Tajuk 6)
 - d) Sultan Abdul Samad, Selangor. (Rujuk kepada Tajuk 7)
 - e) Tengku Kudin. (Rujuk kepada Tajuk 8)



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION

YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BAB 10 SISTEM RESIDEN DAN PERSEKUTUAN.

1. Tugas-tugas dan masaalah-masaalah Residen-Residen Inggeris di Negeri-negeri Melayu sebelum tahun 1896 dan kesan-kesan Sistem Residen.

TUGAS-TUGAS RESIDEN INGGERIS

- 1.1 TAKRIF SISTEM RESIDEN. Tahun-tahun di antara 1874 hingga 1896 di Tanah Melayu dikenali sebagai Sistem Residen. Dengan sistem ini, Negeri-negeri Melayu menjadi negeri naungan Inggeris dengan perlantikan Residen Inggeris, di mana nasihatnya mesti diminta mengenai semua perkara kecuali yang berkenaan dengan ugama dan adat istiadat orang Melayu. Berdasarkan idea pemerintahan secara tidak langsung, Residen Inggeris tidak akan memerintah tetapi memberi cadangan untuk mengadakan pembaharuan-pembaharuan melalui Sultan.
- 1.2 TUGAS-TUGAS RESIDEN INGGERIS. Apabila Residen-residen Inggeris dilantik, tugas utama mereka ialah mengembali dan mengekalkan keamanan melalui kuatkuasa undang-undang dan peraturan. Residen juga dikehendaki memajukan sumber hasil dalam negeri dan memastikan bahawa kekayaannya digunakan dengan jalan yang betul. Tugasnya yang akhir ialah untuk mengadakan sistem percuaiyan yang berkesan dan hasilnya digunakan untuk pembangunan negeri. Oleh kerana Sistem Residen ini tidak pernah dialami oleh pentadbir-pentadbir Inggeris sebelum itu, Residen terpaksa menghadapi banyak masalah.

MASAALAH-MASAALAH RESIDEN-RESIDEN INGGERIS

- 1.3 TIADA DASAR YANG TEGAS. Sungguhpun namanya ialah Sistem Residen, tetapi tiada dasar umum yang diberikan kepada Residen dalam pentadbiran. Oleh itu ia memberi takrif yang berlainan kepada orang yang berlainan. Kepada Setiausaha Tanah Jajahan, ia bermakna nasihat hendaklah diberikan kepada Sultan tetapi kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, ia bermakna nasihat yang diberikan kepada Sultan-sultan itu tidak boleh ditolak dan mesti dipatuhi sepenuhnya.
- 1.4 MASAALAH MEMBERI NASIHAT. Residen terpaksa menghadapi tugas yang berat. Ia dikehendaki memberi nasihat tetapi tidak dibenarkan menggunakan paksaan sekiranya Sultan enggan menerima nasihatnya. Kejayaan atau kegagalannya sebahagian besarnya bergantung kepada pengaruh peribadinya terhadap Sultan. Setengah-setengah nilai yang perlu ada pada Residen ialah pengalaman dan pengetahuan terhadap bahasa dan adat istiadat orang Melayu, dan halehwal tempatan. Ini merupakan nilai-nilai yang berguna yang membolehkan seseorang Residen itu bersefahaman dengan pembesar-pembesar dan Sultan Melayu. Selalu

nya, nasihat itu lebih merupakan pemerintahan secara langsung. Untuk tugas ini, Residen terpaksa lebih berhati-hati dan berdiplomasi supaya tidak ketara sangat bahawa ia, dan bukannya Sultan, ialah pemerintah negeri yang sebenarnya. Akhirnya, sebagai seorang pegawai Inggeris yang tunggal dalam sesebuah negeri Melayu, ia bertanggungjawab kepada apa-apa perkara yang berlaku salah.

KESAN-KESAN SISTEM RESIDEN

- 1.5 **KEGAGALAN DI PERAK.** Di Perak, kekeliruan timbul akibat daripada pertukaran dasar yang dikemukakan oleh William Jervois, yang mencadangkan penghapusan memberi nasihat kepada pemerintahan secara langsung. Birch, Residen Perak yang pertama, tanpa berunding dengan Pejabat Tanah Jajahan, tergesa-gesa melaksanakan penukaran dasar itu. Sikap tergesa-gesa dan ketidak-cekapan Birch untuk berbaik-baik dengan pembesar-pembesar Melayu mengakibatkan pembunuhan dalam bulan November 1875.

KEJAYAAN SISTEM RESIDEN

- 1.6 **PENTADBIRAN DAN KEADILAN.** Kejayaan utama Sistem Residen ialah penegakan undang-undang dan peraturan. Ini membawa kepada pengaliran masuk modal-modal ke dalam negeri dan perkembangan perdagangan yang lain. Pembaharuan yang terpenting dari sistem ini ialah penubuhan Mahkamah Keadilan dan Majlis Negeri oleh Hugh Low yang mengandungi ahli-ahlinya dari Sultan, pembesar-pembesar Melayu, Residen, Penolong Residen dan dua atau tiga orang ketua kaum China. Majlis Negeri Perak membuktikan kejayaannya seperti Majlis-majlis Negeri lain di Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang. Kanun Pidana Negeri-negeri Selat digunakan di Negeri-negeri Melayu. Tiap-tiap negeri dibahagikan kepada daerah-daerah di bawah majistret-majistret Eropah dan Melayu. Daerah pula dibahagikan kepada mukim-mukim atau kampung-kampung di bawah ketua-ketua kampung. Keptan Speedy telah juga menubuhkan pasukan polis, mahkamah majistret dan perkhidmatan Kastam di Larut.

- 1.7 **PEMBENTUKAN PERKHIDMATAN AWAM.** Di samping Majlis Negeri, tiap-tiap negeri menubuhkan Perkhidmatan Awam negeri masing-masing dengan orang-orang Inggeris memegang jawatan-jawatan penting dan orang-orang Nasrani, China, Melayu dan India memegang jawatan-jawatan rendah.

- 1.8 **KEMAJUAN PERHUBUNGAN.** Di Sungai Ujung dan Selangor, sungguhpun keadaan di situ tidak begitu aman, tetapi kemajuan telah juga tercapai. Kebanyakan negeri-negeri naungan Inggeris itu bergantung kepada perlombongan bijih timah dan untuk tujuan ini, Residen-residen telah memajukan sistem pengangkutan. Jalanraya-jalanraya dan keretapi telah dibina menghubungkan kawasan-kawasan pengeluaran bijih dengan bandar-bandar dan pelabuhan-pelabuhan penting. Landasan keretapi yang pertama

telah dibina dari Taiping ke Port Weld dan ini ialah usaha Sir Hugh Low. Frank Swettenham juga bertanggungjawab membina landasan keretapi dari Kelang ke Kuala Lumpur.

- 1.9 PERUBAHAN-PERUBAHAN EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN. Pentadbiran Sir Hugh Low di Perak membawa kepada banyak perubahan-perubahan ekonomi dan kemasyarakatan. Ia menghapuskan hamba ber-hutang dan juga menjelaskan hutang Perak sebanyak \$800,000/-, di samping memenangi kepercayaan rakyat. Perusahaan getah digalakkan dengan mencapai kejayaannya. Hugh Low juga menggalakkan pertanian dengan menanam semua jenis penanaman seperti kopi dan teh. Hasil pendapatan negeri yang bertambah, di samping untuk membiayai pembangunan negeri, juga digunakan untuk mengadakan perkhidmatan yang lebih baik seperti bekalan air, perkhidmatan perubatan dan lain-lain kemudahan. Apa saja kejayaan yang tercapai di Perak juga dilaksanakan oleh Swettenham dan Residen-residen lain di negeri-negeri lain. Perkembangan perusahaan-perusahaan getah dan bijih menyebabkan perkembangan bandar-bandar dan juga penambahan bilangan kemasukan orang China. Kesimpulannya, Sistem Residen merupakan kunci ke arah kemakmuran Negeri-negeri Melayu.
- KESAN-KESAN SISTEM RESIDEN.**
- 1.10 KEHILANGAN KUASA SULTAN-SULTAN DAN PEMBESAR-PEMBESAR. Kesan dari Sistem Residen ini ialah kehilangan kuasa Sultan-sultan dan pembesar-pembesar baginda. Bukan saja mereka kehilangan kuasa politik mereka tetapi juga kehilangan sebahagian besar daripada hasil pendapatan mereka.
- 1.11 TIADA KESERAGAMAN. Sistem Residen tidak mempunyai keseragaman. Ketiadaan Keseragaman dan terlalu banyak kuasa dipegang oleh seorang menyebabkan penubuhan Persekutuan dalam tahun 1896. Pada keseluruhannya, bukannya dasar yang menjadi penting tetapi watak peribadi seseorang Residen itu. Ini ternyata jika dibandingkan watak J.W.W. Birch dengan watak Sir Hugh Low.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

A. SISTEM RESIDEN

1. Sistem Residen ialah satu sistem di mana Negeri Melayu diletakkan di bawah perlindungan Inggeris dengan perlantikan seorang Residen Inggeris.
- 2; Tujuan-tujuan Residen-residen Inggeris ialah:—
 - a) untuk mengembali dan mengekalkan keamanan.

- b) untuk memajukan hasil negeri.
- c) untuk mewujudkan sistem perukaian yang cekap.

B. MASAALAH-MASAALAH YANG DIHADAPI OLEH RESIDEN.

1. Residen-residen tidak mempunyai dasar umum yang dapat diikuti atau dipatuhi oleh mereka.
2. Wujudnya masaalah memberi nasihat tanpa kuasa memaksa sekiranya nasihat itu tidak dipatuhi.
3. Kejayaan atau kegalanannya bergantung kepada pengaruh peribadinya dengan Sultan dan pembesar-pembesar Melayu.
4. Ia bertanggungjawab terhadap apa-apa kesalahan yang berlaku dalam negerinya.

C. KESAN-KESAN SISTEM RESIDEN.

1. Sistem ini gagal di Perak di bawah Birch.
 2. Undang-undang dan peraturan diwujudkan, dengan penubuhan pasukan polis, mahkamah keadilan dan Majlis Negeri.
 3. Jalanraya-jalanraya dan jalan keretapi dibina untuk menghubungkan kawasan-kawasan pengeluaran bijih dan getah dengan bandar-bandar dan pelabuhan-pelabuhan yang penting.
 4. Hamba-ber hutang dihapuskan di Perak dan hutang-hutang Perak diselesaikan oleh Hugh Low.
 5. Perkembangan perusahaan-perusahaan getah dan bijih menyebabkan perkembangan bandar-bandar dan penduduk.
 6. Sultan-sultan kehilangan kuasa dan hasil pendapatan mereka yang lumayan.
-

2. Sir Frank Swettenham.

- 2.1 DATANG KE TANAH MELAYU. Salah seorang pegawai pentadbir yang telah mengubah corak hidup Tanah Melayu ialah Frank Swettenham. Ia mula-mula datang ke Singapura untuk berkhidmat sebagai seorang Pelatih Perkhidmatan Awam dalam tahun 1871 dan kemudiannya mempunyai pengetahuan yang baik terhadap bahasa dan adat istiadat orang Melayu. Ia kemudiannya dilantik sebagai jurubahasa rasmi kepada Sir Harry Ord.
- 2.2 PENASIHAT KEPADA SULTAN SELANGOR. Dalam tahun 1874, Swettenham dihantar oleh Andrew Clarke sebagai penasihat tidak rasmi

kepada Sultan Abdul Samad di Langat, Selangor. Abdul Samad terpengaruh kepada sifat peribadi Swettenham dan meminta Clarke mengantar seorang Residen Inggeris dengan harapan untuk mendapat Swettenham.

- 2.3 **PENOLONG RESIDEN DI LANGAT.** Swettenham kemudian menjadi Penolong Residen di Langat dan hubungan persahabatannya dengan Sultan dan Wizurainya, Tengku Kudin, membolehkan sesuatu masaalah diselesaikan dengan mudah di Selangor. Apabila ia dilantik sebagai Residen dalam tahun 1882, ia berjaya memberi nasihat dan mengadakan perubahan-perubahan di Selangor. Banyak kemajuan berlaku di Selangor di bawah pentadbirannya. Sistem pungutan hasil disusun semula dan hasil itu digunakan untuk membina jalanraya-jalanraya dan jalan keretapi, terutamanya jalan keretapi dari Kelang ke Kuala Lumpur yang dibina dalam tahun 1886. Swettenham menjadikan Kuala Lumpur ibu pejabatnya. Keamanan dan peraturan diwujudkan melalui penubuhan pasukan polis. Ia bertanggungjawab meletakkan batu asas kemakmuran ekonomi Selangor.
- 2.4 **RANCANGAN UNTUK MENUBUHKAN PERSEKUTUAN.** Apabila Swettenham menjadi Residen Perak, rancangan untuk menubuhkan sebuah Persekutuan telah dibuat. Di atas usaha Swettenhamlah, Persekutuan telah ditubuhkan dalam tahun 1896. Persekutuan itu mengandungi negeri-negeri Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang dan menjadikan Frank Swettenham sebagai Residen-Jeneralnya yang pertama. Oleh itu ia menjadi tokoh yang penting di pusat dalam kerajaan pusat di Kuala Lumpur. Sebagai Residen-Jeneral, Swettenham mempunyai terlalu banyak kuasa dan dengan itu mengurangkan kuasa dan pengaruh Sultan-sultan dan Majlis Negeri mereka.
- 2.5 **PESURUHJAYA TINGGI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU.** Dari tahun 1901 hingga 1903 Swettenham memegang jawatan terakhir dan terpenting sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Beliaulah yang mengambil keputusan untuk mengambil Negeri-negeri Melayu di bawah pengaruh Siam dan meletakkannya di bawah pengaruh Inggeris. Rundingannya dengan Siam dalam tahun 1902 membawa kepada perlantikan pegawai-pegawai Inggeris sebagai penasihat-penasihat di Negeri-negeri Melayu di bawah Siam itu. Ini merupakan langkah pertama ke arah pemindahan kuasa negeri-negeri itu kepada penguasaan Inggeris, yang dikuatkuaskan oleh Perjanjian Bangkok tahun 1909, Swettenham bersara dalam tahun 1903 dengan meninggalkan kesan yang penting dalam sejarah Tanah Melayu sebagai salah seorang pentadbir Inggeris yang cekap.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Frank Swettenham ialah seorang pegawai pelatih di Singapura, dan kemudiannya menjadi jurubahasa kepada Harry Ord.
 2. Ia telah dilantik sebagai Penolong Residen kepada Davidson di Selangor dan dapat mengadakan hubungan berbaik-baik dengan sultan dan pem-besar-pembesarnya.
 3. Dalam tahun 1882, ia telah dilantik sebagai Residen dan memperkenalkan beberapa pembaharuan di Selangor.
 4. Ia menjadi Residen-Jeneral Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang pertama dalam tahun 1896.
 5. Sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, ia berjaya mempengaruhi Siam supaya melantik Penasihat-penasihat Inggeris di Negeri-negeri Melayu di bawah Siam.
-

3. Yap Ah Loy.

- 3.1 PENGASAS KUALA LUMPUR. Seorang tokoh China yang penting dalam sejarah Tanah Melayu ialah Yap Ah Loy, seorang pemimpin suku Hakka yang bertenaga dan berkebolehan. Ia menjadi Kapitan China atau ketua orang-orang China di Kuala Lumpur. Juga seorang ketua Hai San, Yap Ah Loy dan lain-lain pelombong China membuat petempatan di tempat pertemuan Sungai Kelang dengan Sungai Gombak. Mereka membuat sebuah kampung kecil. Dibawah pentadbirannya, kampung itu berkembang, bertambah besar dan makmur serta menjadi bandar Kuala Lumpur.
- 3.2 MENYERTAI PERANG SAUDARA. Semasa meletusnya Perang Saudara Selangor, Kuala Lumpur ditawan oleh Raja Mahadi. Yap Ah Loy yang berazam untuk merampas semula Kuala Lumpur, menyertai perang saudara itu. Ia memberikan bantuan dan senjata kepada Wizirai Selangor, Tenku Kudin, dan Kuala Lumpur dapat ditawan semula dalam tahun 18
- 3.3 MENGEMBALIKAN KEMAKMURAN KEPADA SELANGOR. Menjelang awal tahun 1874, Yap Ah Loy mula membawa kemakmuran di Sungai Kelang. Melihat Kuala Lumpur telah dibinasakan oleh perperangan sebanyak 3 kali, Yap Ah Loy berusaha keras untuk membina semula bandar itu dan membuka semula lombong-lombong bijih. Ia memujuk pelombong-pelombong China supaya pulang semula ke kawasan perlombongan Kanching (sekarang Kajang) yang telah ditinggalkan ketika meletusnya

perang saudara itu. Menjelang tahun 1875, lebih 2,000 orang telah tinggal semula di Kanching melalui Kelang. Orang-orang China itu telah membantunya membina semula Kelang dan Kuala Lumpur.

- 3.4 MEMAJUKAN KUALA LUMPUR. Yap Ah Loy telah digantikan oleh seorang pentadbir Eropah dalam tahun 1879. Ia menggalakkan orang-orang Melayu untuk menanam padi di kawasan penanaman padi di Cheras dan Kajang. Yap Ah Loy merupakan tenaga penggerak yang membersihkan Kuala Lumpur daripada sebuah bandar yang kotor kepada sebuah bandar yang bersih, dirancang dengan sempurna dan pusat kepada sistem jalan-raya dan keretapi. Dalam tahun 1884, Kuala Lumpur mempunyai bilangan penduduk seramai 4,000 orang. Ia juga dikenang sebagai pembina sebuah hospital kecil dan sebuah sekolah China. Ia mati pada 15hb April 1885 tetapi masih diingati dalam sejarah sebagai pengasas Kuala Lumpur.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Seorang China dari suku Hakka, Yap Ah Loy ialah seorang Kapitan China yang memajukan sebuah kampung kecil menjadi bandar Kuala Lumpur.
 2. Kuala Lumpur ditawan oleh seorang pembesar Selangor, Raja Mahadi. Yap Ah Loy membantu Tengku Kudin menawan semula Kuala Lumpur dalam tahun 1873.
 3. Selepas perang saudara di Selangor, Yap Ah Loy membuka semula lombong-lombong bijih di Kanching dan menggalakkan pelombongan-pelombongan China balik semula ke situ.
 4. Ia menghabiskan banyak masanya membina semula dan memajukan Kuala Lumpur.
 5. Pengasas Kuala Lumpur ini mati pada 15hb. April 1885.
-

4. Sir Frederick Weld.

- 4.1 DASAR MARA KE DEPAN. Sir Frederick Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat dari tahun 1880–87 ialah seorang pentadbir yang bertenaga yang mempunyai pengalaman politik yang luarbiasa di tanah-tanah jajahan Inggeris di Australia Barat, Tasmania dan New Zealand. Seorang pembina-empar, Weld percaya bahawa perluasankuasa penjajahan adalah menguntungkan kepada kedua-dua pihak iaitu pemerintah dan yang dipen治.

Tinjauan umumnya terhadap keadaan yang wujud di Negeri-negeri Melayu menyebabkannya memilih tiga pilihan yang difikirkannya sesuai, iaitu membiarkan Negeri-negeri Melayu kepada orang-orang Melayu sendiri, menjajahnya, atau meluaskan Sistem Residen. Ia percaya bahawa dasar mara ke depan juga patut diperluaskan ke Negeri-negeri Melayu di selatan Siam. Oleh itu kebanyakan daripada tugas Weld ialah mengukuhkan kuasa Inggeris di Negeri-negeri Melayu.

- 4.2 **SISTEM RESIDEN DI NEGERI SEMBILAN.** Langkah pertama Weld ialah untuk meletakkan negeri-negeri yang bergaduh dekat dengan Sungai Ujung di bawah perlindungan Inggeris. Satu perselisihan di antara Rembau dan Tampin diselesaikan dalam tahun 1880 dengan menetapkan sempadan negeri di antara mereka. Di antara 1882–1886 Rembau dan Jelebu ber-setuju membentarkan Gabnor menyelesaikan perselisihan dan masaalah mereka serta menerima nasihat Inggeris. Menjelang 1887, Weld telah melantik seorang Pemungut Hasil untuk Sri Menanti, Jelebu dan Rembau. Di kawasan-kawasan itu, Residen Inggeris belum lagi dilantik tetapi kemudiannya pembesar-pembesar di situ menyedari faedahnya mengadakan hubungan yang rapat dengan Inggeris. Dalam tahun 1886 Yam Tuan Sri Menanti meminta seorang Residen Inggeris. Secara beransur-ansur kuasa Inggeris diperluaskan ke seluruh Negeri Sembilan dengan Martin Lister sebagai Residen Inggeris.
- 4.3 **CAMPURTANGAN DI PAHANG.** Satu lagi tambahan kepada negeri-negeri naungan Inggeris ialah Pahang, sebuah negeri yang besar dan mundur. Di atas alasan pemerintahan yang kucar-kacir, Weld mendesak Sultannya untuk menerima perlantikan seorang Wakil Konsol Inggeris untuk melindungi Pahang daripada diserang oleh sebarang kuasa ketiga. Hugh Clifford dilantik sebagai Wakil Inggeris dan Inggeris menguasai halehwal luar Pahang. Pembunuhan ke atas seorang China rakyat Inggeris di Pekan dalam tahun 1888 menyebabkan Weld memaksa Sultan menerima perlindungan Inggeris.
- 4.4 **SISTEM TORRENS.** Kerajaan Negeri-negeri Selat menghadapi masaalah kelemahan sistem pendaftaran tanah yang sempurna. Weld mencadangkan perlaksanaan Sistem Torrens terhadap hakmilik tanah, yang telah digunakan di Selatan Australia, untuk menyelesaikan masaalah tanah di Negeri-negeri Selat. Oleh itu pendaftaran tanah di Negeri-negeri Selat adalah berdasarkan Sistem Torrens.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Sir Frederick Weld ialah Gabnor Negeri-negeri Selat dari tahun 1880–87.

2. Ia mengamalkan "dasar mara ke depan" untuk meluaskan Sistem Residen Inggeris.
 3. Weld menyelesaikan perselisihan di antara Rembau dan Tampin dalam tahun 1880. Nasihat Inggeris diterima dan seorang Pemungut Hasil dilantik untuk Rembau, Sri Menanti dan Jelebu.
 4. Sistem Residen kemudiannya diperkenalkan ke seluruh Negeri Sembilan dengan Martin Lister sebagai Residennya.
 5. Weld juga meletakkan Pahang di bawah perlindungan Inggeris dengan Clifford sebagai Wakil Inggeris dan J.P. Rodger sebagai Residen Inggeris dalam tahun 1888.
 6. Weld juga terkenal kerana memperkenalkan Sistem Torrens terhadap hakmilik tanah.
-

5. James W.W. Birch.


- 5.1 LATARBELAKANGNYA. J.W.W. Birch ialah Residen Inggeris yang pertama di Perak, dilantik oleh Clarke. Ia mempunyai pengalaman pentadbiran di Ceylon dan juga sebagai Setiausaha Tanah Jajahan di Negeri-negeri Selat. Di Perak, hubungannya dengan Sultan dan pembesar-pembesar Melayu beransur-ansur menjadi buruk. Kejihilannya terhadap bahasa dan kebudayaan Melayu merugikannya. Sungguhpun ia seorang pegawai yang cekap, ia terlalu degil dan tidak sesuai memegang jawatan itu — satu jawatan yang memerlukan kesabaran, tolak-ansur dan lemah lembut.
- 5.2 KETIBAANNYA KE PERAK. Perlantikannya ialah pada bulan November 1874, sembilan bulan selepas termeterinya Perjanjian Pangkor. Perak berada dalam keadaan yang buruk disebabkan oleh hutang-hutangnya yang banyak dan kekacauan terutamanya dalam pemungutan cukai. Birch telah diberi amaran supaya mengatasi masalah itu secara perlahan-lahan tetapi ia telah bertindak dengan tergesa-gesa. Ia mendapati Abdullah terlalu banyak memboroskan wang. Ia bertindak menyekat pemborongan Sultan itu dengan mengisyiharkan bahawa pemungutan cukai di Kuala adalah haram, dan ini menimbulkan permusuhan dengan sultan.
- 5.3 CAMPURTANGAN BIRCH. Pembesar-pembesar Melayu merasa terperanjat apabila Birch bercadang untuk mengambil alih pungutan cukai dan memberi gantirugi kepada mereka dengan membayar elaun yang ditetapkan. Mereka juga terperanjat apabila Birch mengemukakan cadangannya untuk memperkenalkan Undang-undang Awam dan Undang-undang Jenayahnya sendiri.

- 5.4 PAKATAN UNTUK MEMBUNUH BIRCH. Keadaan menjadi bertambah buruk lagi apabila Birch gagal mematuhi adat istiadat Melayu. Ia menentang amalan hamba-berhutang dan Birch menolong hamba-hamba itu lari dari tuan-tuan mereka. Ia juga melindungi hamba-hamba yang lari itu. Orang-orang Melayu semakin marah apabila Birch meminta mereka menandatangani satu perisyiharan untuk mengambil alih pentadbiran negeri daripada tangan mereka. Satu mesyuarat telah diadakan untuk membunuh Birch.
- 5.5 PEMBUNUHAN DI PASIR SALAK. Pada 2hb. November 1875, semasa lawatan Birch ke Pasir Salak, ia telah dibunuh oleh Maharaja Lela. Akibat daripada pembunuhan itu ialah pembunuh-pembunuhan terpaksa menerima hukuman yang berat. Sultan Abdullah, Menteri Larut dan Sultan Ismail dibuang ke Pulau Seychelles. Maharaja Lela dibicarakan dan digantung. Pembunuhan Birch menjadi satupengajaran kepada Kerajaan Inggeris dan Residen penggantinya yang mempunyai sifat yang bertentangan dengan Birch, berjaya mendapatkan kerjasama dan kepercayaan orang-orang Melayu.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Ia dilantik sebagai Residen pertama di Perak dalam tahun 1874.
 2. Birch mendapati Perak mempunyai hutang-hutang yang banyak dan kekacauan dan cuba mengambil alih secara langsung terhadap pungutan cukai, di samping memperkenalkan undang-undang awam dan undang-undang jenayahnya sendiri.
 3. Campurtangannya terhadap amalan hamba-berhutang menimbulkan kemarahan pembesar-pembesar Melayu yang membuat pakatan untuk membunuhnya.
 4. Birch dibunuh pada 2hb. November 1875 oleh Maharaja Lela ketika ia melawat Pasir Salak.
-

6. Sir Hugh Low.

- 6.1 MENJADI RESIDEN. Sir Hugh Low, salah seorang pentadbir Inggeris yang tercekap, menggantikan Davidson sebagai Residen Inggeris di Perak dalam tahun 1877. Ia dilahirkan pada tahun 1824 dan mempunyai
- 
- PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

pengalaman di Asia Tenggara dengan berkhidmat sebagai **Setiausaha** kepada Kerajaan Labuan. Semasa perkhidmatannya di Labuan, ia berjaya membiasakan diri dengan **bahasa dan adat istiadat tempatan**. Pengetahuan yang sedemikian menguntungkannya dalam pentadbirannya di Perak, berbanding dengan Birch.

- 6.2 **KEBIJAKSANAAN DAN KEPERIBADIANNYA.** Sementara Sistem Residen itu gagal di bawah Birch, ia berjaya di bawah pentadbiran Low. Tidak seperti Birch, Low mudah dihubungi, bersifat persahabatan dan dengan mudahnya memenangi kepercayaan pembesar-pembesar Melayu. Semasa ketibaan Low, Perak baru saja mengalami peperangan dengan Inggeris akibat pembunuhan Birch, dan suasana benci-membenci serta tidak percaya-mempercayai wujud. Ia menggunakan cara yang bijak dengan bekerjasama yang rapat dengan pembesar-pembesar Melayu.
- 6.3 **MASAALAH DI PERAK.** Banyak perubahan dibawa ke Perak di bawah pentadbiran Low selama 12 tahun. Ia terpaksa mengatasi masaalah membayar hutang-hutang Perak yang telah meningkat sebanyak \$800,000 dan kerugian pembesar-pembesar kerana kehilangan **cukai fiudal** mereka dan **kelemahan** pentadbiran setengah-setengah jabatan. Sebuah Majlis Negeri ditubuhkan, mengandungi ahli-ahlinya daripada Sultan, Residen, pembesar-pembesar Melayu dan pedagang-pedagang China yang terkemuka. Peranan Majlis ini ialah untuk membincangkan masaalah-masaalah utama dan untuk meluluskan undang-undang.
- 6.4 **KEADILAN DAN PENTADBIRAN.** Pentadbiran tempatan dibuka kepada orang-orang Melayu dan satu pasukan polis ditubuhkan yang terdiri daripada orang-orang Punjab dan Melayu. Pembesar-pembesar Melayu yang kehilangan hak untuk memungut cukai diberi jawatan-jawatan pentadbiran. Perak dibahagikan kepada beberapa daerah di bawah majistret-majistret Melayu dan Eropah. Daerah-daerah itu pula dibahagikan kepada **kampung-kampung** yang diketuai oleh ketua-ketua kampung, yang bertugas untuk mengekalkan **keamanan** di dalam kampungnya. Mahkamah-mahkamah Keadilan yang dipengerusikan oleh majistret-majistret Eropah dan dibantu oleh majistret-majistret Melayu dibentuk.
- 6.5 **PEMBAHARUAN-PEMBAHARUAN KEMASYARAKATAN DAN EKONOMI.** Mengenai sistem dan amalan hamba-berhutang, Low tidak cuba menghapuskannya dengan paksaan. Ia membernarkan sistem hamba-berhutang itu tamat dengan beransur-ansur. Low juga menyelesaikan hutang Perak dalam masa 6 tahun. Pokok-pokok getah yang mula-mula telah ditanam di perkarian tempat kediamannya di samping membuat percubaan untuk menanam pokok-pokok teh, kopi dan cinchona. Low menggalakkan pembinaan jalanraya-jalanraya dan jalan keretapi untuk memajukan perusahaan-perusahaan getah dan bijih timah. Akibat daripada inisiatifnya, jalan keretapi yang pertama telah dibina dari Taiping ke Port Weld.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Ia menggantikan Davidson sebagai Residen Perak. Sebagai seorang yang mudah dihubungi dan mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap bahasa dan adat istiadat Melayu, ia mendapat kerjasama dan kepercayaan daripada pembesar-pembesar Perak.
 2. Ia memperkenalkan beberapa perubahan di Perak.
 - a) membayar hutang-hutang Perak sebanyak \$800,000.
 - b) menubuhkan Majlis Negeri.
 - c) memperkenalkan sistem pentadbiran dan keadilan yang cekap.
 3. Low juga memajukan negeri dari segi ekonomi dengan menggalakkan penanaman getah dan pembinaan jalan keretapi yang pertama dari Taiping ke Port Weld.
 4. Hamba-berhutang ditamatkan secara beransur-ansur.
-

7. J. G. Davidson.

- 7.1 MENJADI RESIDEN. Dalam tahun 1874, **J. G. Davidson** dilantik sebagai Residen Inggeris yang pertama di Selangor. Sebagai seorang peguam, Davidson ialah seorang yang pendiam dan penyabar. Sebagai sahabat karib dan penasihat kepada Sultan dan Wizurainya, hubungannya dengan mereka dan pembesar-pembesar Melayu adalah berbaik-baik. Di samping mentadbirkan kewangan negeri dengan cekapnya, Davidson juga berhati-hati mencampuri urusan orang-orang Melayu. Pentadbirannya di Selangor adalah berjaya.
- 7.2 PEMULIHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN. Tugasnya yang pertama ialah untuk membuka semula lombong-lombong bijih timah dan mengembalikan undang-undang dan peraturan di kawasan-kawasan yang terlibat dalam perang saudara dahulu. Kepercayaan dan keselamatan diwujudkan di kawasan-kawasan seperti Kuala Selangor melalui perlantikan pegawai-pegawai dan penyelia-penyalia tempatan. Davidson sendiri menggembira ke seluruh negeri untuk memberi jaminan keselamatan dan untuk memujuk orang-orang Melayu supaya menanam semula pokok-pokok kelapa dan sagu. Kedua-dua orang Sultan dan Wizurai mengikut cadangan-cadangan Davidson dengan mudah, dan juga cadangan-cadangan dari Penolongnya, Swettenham. Mereka memberi nasihat yang sebenarnya di Selangor.
- 7.3 KESTABILAN KEWANGAN. Perang Saudara di Selangor mengakibatkan hutang-hutang yang banyak. Davidson dan Tengku Kudin mula mem-

bentuk pembendaharaan kerajaan. Pungutan hasil daripada cukai-cukai impot dan ekspot disusun semula. Kewangan negeri distabilkan.

- 7.4 SEBAGAI RESIDEN PERAK. Selepas pembunuhan Birch, Davidson dipindahkan ke Perak. Ia menerima jawatan itu dengan berat sekali dan meletakkan jawatan tidak lama kemudian untuk memulakan semula pekerjaannya sebagai peguam di Singapura. Perletakan jawatannya disebabkan oleh pertelingkahan di antara dirinya sendiri dengan Singapura di atas soal dasar. Ia juga tidak sanggup mentadbirkan Perak hanya dengan mempunyai kewangan yang terhad, pasukan polis yang tidak mencukupi dan perhubungan yang terhad dengan penduduk-penduduknya.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Ia dilantik sebagai Residen Inggeris yang pertama di Selangor.
2. Undang-undang dan peraturan dipulihkan dan lombong-lombong bijih timah dibuka semula serta diberi jaminan keselamatan.
3. Bersahabat baik dengan Sultan dan Wizurainya, Davidson berjaya memberikan nasihatnya serta diterima oleh mereka.
4. Selangor berada di dalam kedudukan kewangan yang sulit disebabkan oleh meletusnya perang saudara. Davidson menubuhkan sebuah pembendaharaan negeri dan menyusun semula pemungutan cukai.
5. Ia kemudiannya dipindahkan ke Perak untuk mengambil alih jawatan Birch tetapi meletakkan jawatan kemudiannya.

-
8. Faktor-faktor yang membawa kepada pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1896.
-

- 8.1 CAMPURTANGAN INGGERIS SEPENUHNYA DI NEGERI-NEGERI PANTAI-BARAT, Menjelang tahun 1890an, kebanyakan daripada negeri-negeri di pantai-barat semenanjung, yang berada di luar daripada kawasan pengaruh Siam, telah diletakkan di bawah pengaruh Inggeris. Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang mempunyai Residen Inggeris tiap-tiap satunya. Sistem Residen itu sebenarnya adalah berjaya. Undang-undang dan peraturan yang telah dikembalikan di Negeri-negeri Melayu menyebabkan negeri-negeri itu berada di dalam kemakmuran. Tetapi dalam tahun 1895 Sistem Residen ini terpaksa digantikan dengan

Persekutuan yang ditubuhkan dalam tahun 1896. Persekutuan empat buah negeri naungan Inggeris ini ialah langkah pertama dalam kemajuan perlembagaan Tanah Melayu. Terdapat beberapa sebab penubuhan Persekutuan.

- 8.2 KETIADAAN KESERAGAMAN. Di samping mencapai matlamat-matlamatnya, Sistem Residen ternyata mempunyai beberapa kelemahannya yang nyata. Tiap-tiap seorang Residen menjalankan tugasnya secara ber-sendirian. Oleh itu tiap-tiap negeri mempunyai undang-undang, sistem percuaian, sistem perhubungan dan lain-lain hal mengenai pentadbiran yang tersendiri. Tiada wujudnya penyelarasan dalam pentadbiran negeri-negeri itu. Mengkalkan kerajaan yang berasingan bukan sahaja berlebihan tetapi juga membazir. Kemajuan di tiap-tiap negeri mungkin selari tetapi tiada wujudnya keseragaman. Sir Charles Mitchell, Gabnor Negeri-negeri Selat menyedari kenyataan bahawa keempat-empat negeri itu "semakin berjauhan di antara satu dengan lain." Ia menyedari tentang pentingnya diwujudkan sebuah kuasa pusat di mana banyak tugas-tugas dapat dikuasai dengan senang dan menguntungkan.
- 8.3 KUASA RESIDEN YANG SEMAKIN BERTAMBAH. Residen Inggeris telah dilantik di Negeri-negeri Melayu untuk memberi nasihat tetapi akibatnya ialah mereka tidak memberi nasihat, sebaliknya mereka memerintah. Gabnor Negeri-negeri Selat yang mengawasi keempat-empat buah negeri itu berada terlalu jauh untuk menguasai mereka dengan berkesannya. Oleh itu Residen tinggal bebas dalam negeri masing-masing dengan menggunakan cara yang tersendiri. Menjelang tahun 1890an Residen-residen itu menguasai hak pentadbiran. Mereka telah mengambil alih kebanyakan daripada pengaruh Sultan dan Majlis Negeri. Adalah dicadangkan bahawa, sebagai langkah untuk menyekat kuasa Residen yang semakin bertambah, seorang Residen-Jeneral hendaklah dilantik dan diberi kuasa perlaksanaan untuk menyelia dan menguasai pentadbiran tiap-tiap buah negeri itu.
- 8.4 KEPERLUAN NEGERI-NEGERI YANG KAYA MEMBANTU NEGERI-NEGERI YANG MISKIN. Di bawah Sistem Residen, Perak dan Selangor terlalu maju, berbanding dengan Negeri Sembilan dan Pahang, dalam perkembangan ekonomi. Pahang, selepas pemberontakan tahun 1891, mengalami kekurangan hasil dan terpaksa menanggung hutang perang yang banyak. Wang yang diperlukan untuk pembangunan Pahang hanya dapat diambil daripada kelebihan hasil negeri-negeri Perak dan Selangor. Ini hanya dapat diperolehi sekiranya keempat-empat negeri itu disatukan di bawah hasil pendapatan yang sama.
- 8.5 PERHUBUNGAN YANG BURUK. Tiada percubaan dibuat untuk memajukan perhubungan di antara negeri-negeri itu di bawah Sistem Residen. Jalanraya-jalanraya dan landasan-landasan keretapi telah dibina untuk kegunaan tempatan saja. Disebabkan sistem perhubungan yang buruk,

hal-hal yang penting tidak dapat dibincangkan samada di antara Residen itu sesama sendiri ataupun dengan Gabnor Negeri-negeri Selat. Dengan cara ini, Residen dapat menambahkan lagi kuasanya sendiri. Untuk perhubungan yang berkesan di antara negeri-negeri, jalanraya-jalanraya, landasan-landasan keretapi dan taligeraf perlu dipusatkan.

- 8.6 **KADAR KEMAJUAN YANG BERLAINAN.** Disebabkan kurangnya penyelarasan dan keseragaman, keempat-empat negeri itu maju dengan kadar yang berlainan. Untuk menyelaraskan kemajuan, satu Perkhidmatan Awam yang sama untuk seluruh persekutuan akan dapat menyelesaikan masalah. Pakar-pakar seperti doktor, jurutera, pentadbir dan lain-lain boleh dihantar ke Pahang dan Negeri Sembilan di mana mereka sangat diperlukan.
- 8.7 **DASAR INGGERIS.** Gagasan Persekutuan bukannya baru kepada penjajah-penjajah Inggeris tetapi Persekutuan telah pun dibentuk di Australia dan Afrika. Disebabkan kebaikannya, rancangan untuk menubuhkan Persekutuan itu dipersetujui oleh Pejabat Tanah Jajahan untuk empat buah negeri naungan itu.
- 8.8 **PERSEKUTUAN DIBENTUK.** Dalam tahun 1895, Sir Frank Swettenham telah diberi kuasa untuk mendapatkan persetujuan daripada sultan-sultan untuk pembentukan Persekutuan yang mengandungi negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Ini dilakukan dengan mudahnya dan pada 1hb. Julai 1896 selepas tertandatangannya Perjanjian Persekutuan, Negeri-negeri Melayu Bersekutu ditubuhkan.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Pentadbiran Sistem Residen tidak seragam dan selaras.
2. Kerajaan-kerajaan yang berasingan adalah membazir dan berlebihan.
3. Sebuah kerajaan pusat diperlukan untuk menguasai pentadbiran.
4. Gabnor Inggeris berada terlalu jauh untuk menguasai Residen-residen.
5. Seorang Residen-Jeneral diperlukan untuk menguasai dan menyeliakan tugas Residen-residen.
6. Pahang dan Negeri Sembilan tidak berapa maju.
7. Wang yang diperlukan untuk memajukan negeri-negeri yang mundur itu boleh didapati daripada Perak dan Selangor sekiranya keempat-empat buah negeri itu bersatu di bawah sebuah kerajaan yang sama.
8. Jalanraya-jalanraya dan landasan-landasan keretapi tidak dibina untuk menyambungkan keempat-empat buah negeri itu.

9. Tiada wujudnya perhubungan di antara negeri-negeri itu dan masaalah-masaalah yang sama tidak pernah dibincangkan.
 10. Sebuah Perkhidmatan Awam yang sama diperlukan kerana kadar pembangunan yang berlainan.
 11. Pakar-pakar dapat dihantar ke negeri-negeri yang sangat memerlukannya.
 12. Adalah menjadi dasar Inggeris memperkenalkan Persekutuan yang juga telah dibentuk di Australia dan Afrika.
-

9. **Sebab-sebab Pengagihan Kuasa (Desentralisasi), dan langkah-langkah yang diambil untuk mengagihkan kuasa Kerajaan Pusat dalam tahun 1909.**
-

SEBAB-SEBAB PENGAGIHAN KUASA.

- 9.1 **TAKRIF PENGAGIHAN KUASA.** Pengagihan kuasa ialah pembahagian kuasa pentadbiran daripada penumpuan di tangan satu kuasa pusat kepada lain-lain kuasa yang lebih kecil. Oleh itu dalam sebuah kerajaan yang diagihkan, kuasa-kuasa dibahagikan di antara kerajaan-kerajaan pusat dengan tempatan (negeri). Perkara-perkara yang ditinggalkan kepada Negeri adalah banyak dan penting. Persekutuan telah memindahkan kuasa-kuasa Residen ke tangan Residen-Jeneral dan perkara-perkara yang penting diuruskan oleh kerajaan pusat di Kuala Lumpur selepas itu. Keadaan ini tidak dapat diterima dan ia menjadi masaalah politik utama yang dihadapi oleh Kerajaan Pusat di antara 1896–1941.
- 9.2 **PEMUSATAN KUASA YANG KETERLALUAN.** Salah satu sebab kegagalan Persekutuan ialah bahawa Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah menjadi negeri-negeri yang dipusatkan. Tidak terdapatnya pembahagian kuasa yang jelas di antara Negeri-negeri dan Persekutuan. Tiada juga terdapat sebarang pembatasan ke atas apa-apa tugas Kerajaan yang menjadi tanggungjawab Negeri dan kepada Persekutuan. Sebaliknya, semua perkara penting diletakkan di bawah penguasaan kerajaan pusat. Oleh itu Persekutuan telah ditubuhkan di atas dasar “rekaan”. Ia sebenarnya menjadi sebuah kesatuan (union).
- 9.3 **KUASA RESIDEN-JENERAL YANG BERTAMBAH:** Sungguhpun kuasa-kuasa Residen telah dapat disekat, kuasa-kuasa itu telah dipindahkan ke tangan seorang saja – **Residen-Jeneral**. Juga wujudnya hubungan yang tidak tentu di antara Residen-Jeneral dengan Pesuruhjaya Tinggi. Pada prinsipnya,

ia berada di bawah Pesuruhjaya Tinggi tetapi pada amalannya, ia merupakan ketua pentadbiran dan bebas daripada meminta nasihat Pesuruhjaya Tinggi.

- 9.4 **PERKEMBANGAN KEADAAN PENJAJAHAN YANG SEBENARNYA.** Kesan penting Persekutuan ialah pertambahan bilangan pegawai-pegawai Inggeris dalam Perkhidmatan Awam. Orang-orang Melayu hanya mempunyai kuasa yang kecil dalam pentadbiran. Negeri-negeri Melayu Bersekutu mengambil ciri-ciri tanah jajahan yang dikuasai dan ditadbirkan oleh orang-orang Eropah. Tempat-tempat seperti Bukit Fraser dan Tanah Tinggi Cameron menjadi pusat-pusat kegiatan orang-orang Eropah.
- 9.5 **KETIDAKPUASAN HATI SULTAN-SULTAN.** Sultan-sultan negeri-negeri naungan itu bersetuju kepada Persekutuan dengan kepercayaan bahawa kuasa-kuasa yang diambil dari tangan Residen-residen akan diserahkan semula kepada mereka. Sungguhpun ini bukannya keadaan yang sebenarnya, Sultan-sultan berasa puas hati dengan Persekutuan selagi mereka diberi jaminan pendapatan yang lumayan dan kemakmuran ekonomi. Kemerosotan ekonomi tahun 1920 menjadikan keadaan sebaliknya. Sultan-sultan itu mula menyedari bahawa mereka telah menyerahkan banyak kuasa mereka. Mereka menjadi lebih tidak puas hati apabila mereka membandingkan kedudukan mereka dengan Sultan-sultan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Sultan-sultan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu itu bukan saja makmur tetapi juga dapat mengekalkan kedudukan dan kuasa mereka.
- 9.6 **SEBAB-SEBAB CLEMENTI.** Sir Cecil Clementi dalam tahun 1931 mengemukakan pembaharuan-pembaharuan untuk pengagihan kuasa sebagai satu langkah untuk menarik Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu supaya memasuki Persekutuan. Ia menyedari mustahilnya mempunyai tujuh jenis kerajaan dalam sebuah negara yang hanya sebesar Britain — kerajaan Persekutuan, lima buah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat.

LANGKAH-LANGKAH MENGAGIHKAN KUASA KERAJAAN DALAM TAHUN 1909.

- 9.7 **MAJLIS PERSEKUTUAN TAHUN 1909.** Beberapa kumpulan masyarakat inginkan pengagihan kuasa, seperti kumpulan pedagang. Mereka ingin mendapatkan perwakilan dalam kerajaan. Pesuruhjaya Tinggi, John Anderson, membentuk Majlis Persekutuan dalam tahun 1909 dengan harapan untuk mengurangkan kuasa Residen-Jeneral. Majlis ini dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan empat orang Sultan, Residen-Jeneral dan empat orang Residen sebagai ahli-ahlinya serta empat orang ahli tidak rasmi untuk mewakili masyarakat pedagang. Mesyuarat-mesyuarat diadakan di antara Residen-Jeneral di mana gelarannya telah ditukarkan kepada Ketua Setiausaha dengan Residen-residen. Mesyuarat-mesyuarat

itu diadakan untuk memberi maklumat kepada Pesuruhjaya Tinggi mengenai pandangan Sultan-sultan.

- 9.8 KESAN-KESAN PEMBENTUKAN MAJLIS PERSEKUTUAN. Majlis Persekutuan tidak dapat memperbaiki kedudukan Sultan-sultan. Di dalam Majlis, mereka mempunyai taraf yang sama dengan sebarang ahli biasa yang lain. Mereka tidak mempunyai kuasa *veto* (pembatal), atau sebarang suara dalam hal-hal perundangan. Tambahan pula, mereka boleh ditewaskan dengan undi dalam Majlis. Sebenarnya kuasa-kuasa perundangan Sultan-sultan dan Majlis-majlis Negeri terlepas daripada tangan mereka kepada Majlis Persekutuan. Negeri-negeri hanya tinggal perkara-perkara yang kurang penting saja. Ketua Setiausaha masih memegang kuasa-kuasa pelaksanaan.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

A. SEBAB-SEBAB PENGAGIHAN KUASA.

1. Negeri-negeri Melayu Bersekutu mempunyai pemusatkan kuasa yang keterluan.
2. Kuasa kerajaan tidak dibahagikan dengan jelas di antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan.
3. Semua perkara penting dikendalikan oleh kerajaan pusat.
4. Kuasa-kuasa Residen Inggeris diambilalih oleh Residen-Jeneral.
5. Terdapat pertambahan pegawai-pegawai Inggeris dalam Persekutuan yang menjadi tanah jajahan Inggeris.
6. Sultan-sultan berasa tidak puas hati kerana kuasa-kuasa yang diambil dari tangan Residen-residen tidak dipulangkan kepada mereka.
7. Clementi berkehendakkan pengagihan kuasa untuk menggalakkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu menyertai Persekutuan.

B. LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGAGIHKAN KUASĀ KERAJAAN DALAM TAHUN 1909.

1. Sir John Anderson memperkenalkan Majlis Persekutuan dalam tahun 1909. Tujuannya ialah untuk mengurangkan kuasa-kuasa Residen-Jene...
2. Pesuruhjaya Tinggi ialah Pengerusi dan ahli-ahlinya termasuk empat orang Sultan, empat orang Residen dan Residen-Jeneral serta ahli-ahli tidak rasmi.
3. Jawatan Residen-Jeneral digantikan dengan Ketua Setiausaha.
4. Majlis Persekutuan tidak dapat menambahkan kuasa-kuasa Sultan.

10. Pengagihan kuasa dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1909–1941 dan kepentingannya.

- 10.1 MAJLIS PERSEKUTUAN. Dalam tahun 1909, disebabkan pemusatan kuasa yang keterlaluan, Majlis Persekutuan ditubuhkan. Ia mengandungi Pesuruhjaya Tinggi sebagai Presidennya untuk membimbang dan menasihat, dan di bawahnya ialah empat orang Sultan, Residen-Jeneral yang dikenali sebagai Ketua Setiausaha dan empat orang Residen Inggeris sebagai ahli-ahlinya. Terdapat juga empat orang ahli tidak rasmi daripada masyarakat pedagang. Tujuan utamanya ialah untuk memberi peluang kepada pedagang-pedagang menceburkan diri di dalam halehwal pemerintahan. Akibatnya ialah Majlis itu lebih mengurangkan lagi kuasa-kuasa Sultan dan Majlis-majlis Negeri kerana ia mempunyai kuasa perundangan tanpa menghiraukan kehadiran atau ketidakhadiran mereka. Sultan-sultan tidak mempunyai kuasa **veto** dan boleh dikalahkan dengan undi dalam Majlis. Apa yang dilakukan oleh Majlis Persekutuan ialah untuk merompak kuasa-kuasa yang tinggal daripada Sultan-sultan.
- 10.2 CADANGAN-CADANGAN LAWRENCE GUILLEMARD. Satu Jawatan-kuasa yang diketuai oleh George Maxwell, Setiausaha, dalam tahun 1924, mencadangkan bahawa pengagihan kuasa adalah perlu. Apabila Guillemard menjadi Pesuruhjaya Tinggi, Sultan-sultan sekali lagi menyuarakan perlunya diadakan perubahan perlembagaan. Dalam tahun 1925 Guillemard mengemukakan cadangan-cadangan pengagihan kuasanya mencadangkan penghapusan jawatan Ketua Setiausaha, pemindahan setengah-setengah jabatan kepada penguasaan negeri dan bahawa Sultan-sultan akan berhubung secara langsung dengan Pesuruhjaya Tinggi.
- 10.3 KESAN DARI CADANGAN-CADANGAN GUILLEMARD. Cadangannya disokong sepenuhnya oleh Sultan-sultan tetapi masyarakat pedagang China berasa bahawa penguasaan persekutuan yang lemah akan melemahkan kecekapan pentadbiran. Sebagai kesan dari cadangan-cadangan Guillemard, hanya dua perubahan saja yang dapat dilaksanakan dalam tahun 1927. Pertama, Kerajaan Negeri diberi kuasa ke atas dan kebebasan untuk membuat belanjawan negeri. Kedua, Majlis Persekutuan disusun semula. Sultan-sultan menarik diri daripada menjadi ahli tetapi boleh menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis. Semasa Hugh Clifford menjadi Pesuruhjaya Tinggi, Negeri-negeri Melayu Bersekutu masih kekal seperti biasa. Pentadbiran masih lagi dipusatkan sementara itu perkara pengagihan kuasa masih tidak dapat dilaksanakan.
- 10.4 CADANGAN-CADANGAN CLEMENTI. Kemerosotan yang berlaku dan keadaan pentadbiran yang berterusan dalam tahun 1930an menimbulkan kecaman-kecaman lanjut terhadap kerajaan. Sir Cecil Clementi, kemudiannya menghidupkan semula persoalan pengagihan kuasa dalam tahun 1937

di dalam Persidangan Raja-raja tahunan. Ia berasa bahawa pengagihan kuasa adalah mustahak sebagai batu loncatan kepada pembentukan sebuah **Tanah Melayu Bersatu**. Satu-satunya cara menarik Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu untuk menyertai Persekutuan ialah menyerahkan lebih banyak kuasa kepada Kerajaan Negeri. Kerana sebab-sebab ekonomi dan kecekapan, Clementi mencadangkan Perkhidmatan-perkhidmatan **Keretapi**, **Kastam** dan **Pos** yang dipusatkan, sementara itu lain-lain jabatan dipindahkan kepada Negeri. Majlis-majlis Negeri diperbesarkan, diperkuatkan dan diberi setengah-setengah kuasa **perundangan**. Clementi mendapat bahawa Ketua Setiausaha selama ini memegang terlalu banyak kuasa dan ia mencadangkan jawatannya itu dinamakan **Setiausaha Persekutuan**, dan diletakkan di bawah empat orang Residen.

- 10.5 **PENENTANGAN TERHADAP CADANGAN-CADANGAN CLEMENTI.** Cadangan-cadangan Clementi itu **dikritik** oleh semua pihak. Orang-orang China mendapati pengagihan kuasa itu akan mengembalikan semula kuasa-kuasa Sultan, oleh itu mereka akan dikawali oleh sebuah Kerajaan Negeri yang dikuasai oleh orang-orang Melayu. Kebimbangan ini disertai juga oleh ketakutan bahawa tuntutan-tuntutan China akan tidak diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Pedagang-pedagang China dan Eropah menentang Kesatuan Kastam yang akan mengancam perdagangan bebas. Tambahan lagi penghapusan Ketua Setiausaha akan bermakna bertambahnya pemusatan kuasa di Singapura dan penguasaan yang lemah dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Tetapi cadangan-cadangan Clementi itu diterima sepenuhnya oleh Sultan-sultan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- 10.6 **PENYIASATAN WILSON.** Dalam tahun 1932, Pejabat Tanah Jajahan mengambil inisiatif dan memberi kuasa kepada Wilson untuk menyiasat kemungkinan mengadakan pengagihan kuasa. Pandangan Wilson ialah bahawa pengagihan kuasa adalah dikehendaki dari segi pandangan politik. Kerajaan Inggeris kemudiannya membuat keputusan untuk memperkenalkan setengah-setengah pembaharuan perlombongan.
- 10.7 **PENGAGIHAN KUASA SEBENARNYA.** Pengagihan kuasa ke atas Pertanian, Pelajaran, Kehutanan, Perubatan, Perlombongan dan Kerjaya diperkenalkan selama empat tahun. Ini merupakan langkah pertama ke arah pengagihan kuasa secara beransur-ansur. Dalam tahun 1935 Ketua Setiausaha digantikan dengan Setiausaha Persekutuan. Satu lagi perubahan yang penting ialah penguatan dan pembesaran Majlis Negeri, misalnya, Majlis Negeri Perak ditambah ahli-ahlinya kepada 26 orang dan tahun 1937. Clementi juga menambahkan lagi bilangan orang-orang Melayu di dalam Perkhidmatan Awam, dan Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Selat yang berasingan ditubuhkan. Menjelang tahun 1939, enam jabatan telah diagihkan kuasanya dan Majlis-majlis Negeri diberi tanggungjawab-tanggungjawab kewangan dan pentadbiran yang bertambah. Menjelang tahun 1940, pengagihan kuasa telah dilaksanakan dengan pesatnya.

10.8 PENTINGNYA PENGAGIHAN KUASA. Pengagihan kuasa tidak lagi merupakan satu impian. Menjelang tahun 1940 pengaruh dan kuasa-kuasa Sultan telah dikembalikan. Kerajaan-kerajaan Negeri telah diberi pengaruh dan kuasa-kuasa mereka masing-masing. Pertambahan bilangan orang-orang Melayu dalam Perkhidmatan Awam bermakna mereka merupakan masyarakat yang penting dan lebih kukuh kedudukan mereka berbanding dengan kaum pendatang. Dengan terlaksananya pengagihan kuasa dalam tahun 1941, masalah-masalah perlembagaan Semenanjung telah dapat diselesaikan. Tetapi pengagihan kuasa tidak dapat menarik perhatian Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu untuk membentuk sebuah kesatuan. Negeri-negeri itu lebih berpuas hati dapat mengekalkan keperibadian bebas mereka dan pada masa yang sama mendapatkan pegawai-pegawai Inggeris dan nasihat-nasihat mereka apabila dikehendaki.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

A. PENGAGIHAN KUASA 1909—41.

1. Majlis Persekutuan ditubuhkan dalam tahun 1909, tetapi ia telah mengurangkan lebih banyak kuasa Sultan-sultan dan Majlis-majlis Negeri
2. George Maxwell membuat cadangan tentang pentingnya pengagihan kuasa dalam 1924. Lawrence Guillemard mencadangkan beberapa langkah pengagihan kuasa:—
 - a) menghapuskan jawatan Ketua Setiausaha.
 - b) memindahkan setengah-setengah jabatan kepada Negeri.
 - c) Sultan-sultan dibolehkan berhubung secara langsung dengan Pesuruh-jaya Tinggi.
4. Cadangan-cadangan Guillemard itu disokong oleh Sultan-sultan tetapi ditentang oleh pedagang-pedagang China.
5. Dalam tahun 1927 Negeri diberi kuasa ke atas hasil pendapatannya dan Sultan-sultan menarik diri daripada Majlis Persekutuan.
6. Clementi mencadangkan, dalam tahun 1931, lebih banyak kuasa diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan perkhidmatan-perkhidmatan Keretay, Kastam dan Pos yang dipusatkan.
7. Ia berkehendakkan jawatan Ketua Setiausaha itu dinamakan Setiausaha Persekutuan dan ia diletakkan di bawah empat orang Residen.
8. Dalam tahun 1932, penyiasatan Wilson menunjukkan bahawa pengagihan kuasa adalah diperlukan dari segi politik.

B. PENGAGIHAN KUASA SEBENARNYA.

1. Pertanian, Pelajaran, Kehutanan, Perubatan, Perlombongan dan Kerjaraya diagihkan kuasanya kepada Negeri.
2. Ketua Setiausaha digantikan dengan jawatan Setiausaha Persekutuan dalam tahun 1935.
3. Majlis-majlis Negeri diperbesarkan dan diperkuatkan.
4. Perkhidmatan-perkhidmatan Awam yang berasingan ditubuhkan untuk Persekutuan dan Negeri-negeri Selat.

C. PENTINGNYA PENGAGIHAN KUASA.

1. Kuasa-kuasa dan pengaruh Sultan-sultan dikembalikan.
 2. Orang-orang Melayu menjadi masyarakat yang penting.
 3. Semua masaalah perlembagaan sebelum tahun 1941 diselesaikan.
 4. Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu tidak memasuki Persekutuan.
-

11. Sir Cecil Clementi Smith.

- 11.1 **LATARBELAKANG.** Salah seorang tokoh sejarah yang penting dalam sejarah Tanah Melayu di bawah Inggeris ialah Sir Cecil Clementi Smith. Sebelum dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Tanah Melayu dalam tahun 1931, ia telah menjadi Gabnor Negeri-negeri Selat pada akhir kurun ke 19 dan juga Gabnor Hong Kong. Smith diingati dalam sejarah Tanah Melayu kerana usaha-usaha dan cadangan-cadangannya mengenai pengagihan kuasa.
- 11.2 **GABNOR NEGERI-NEGERI SELAT.** Sebagai Gabnor, Smith berkrisis dengan Pickering, Pelindung Orang-orang China, di atas perkara kongsi-kongsi gelap. Smith mengamalkan prinsip untuk menghapuskan semua kongsi gelap China. Ia percaya bahawa semua kongsi gelap China terlibat dalam perjudian dan pelacuran. Sungguhpun mendapat tentangan dari Pickering dan lain-lain, cadangan Smith terhadap penindasan kongsi-kongsi gelap menjadi undang-undang. Dalam tahun 1887, cadangan untuk menubuhkan Persekutuan ke atas negeri-negeri naungan Inggeris telah dibincangkan. Smith menyokong sepenuhnya terhadap rancangan Persekutuan itu dan mencadangkan bahawa kemajuan Pahang dapat dibiayai oleh kelebihan hasil negeri-negeri Perak dan Selangor. Sebelum Persekutuan dibentuk dalam tahun 1895, Smith digantikan oleh Sir Charles Mitchell sebagai Gabnor dalam tahun 1894.

- 11.3 PERLANTIKAN SEBAGAI PESURUHJAYA TINGGI. Dalam tahun 1931, Clementi Smith menggantikan Hugh Clifford sebagai Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perlantikannya bersaingan dengan kemerosotan ekonomi dan juga pada ketika kecaman awam dibuat ke atas soal politik yang wujud di masa itu. Ia mendapati betapa perlunya menghidupkan semula masaalah pengagihan kuasa. Dalam bulan Oktober 1930, ia balik ke London untuk mencadangkan pengagihan kuasa.
- 11.4 CADANGAN-CADANGAN UNTUK PENGAGIHAN KUASA. Dalam cadangannya untuk mengagihkan kuasa, ia mencadangkan penyelarasan pentadbiran, penghapusan jawatan Ketua Setiausaha, perlantikan seorang ketua untuk tiap-tiap jabatan dan pemindahan lebih banyak kuasa serta pembesaran Majlis-majlis Negeri. Termasuk di dalam cadangan pengagihan kuasanya ialah pembentukan Kesatuan Kastam, Keretapi dan Lembaga Pos. Clementi Smith bertujuan untuk menubuhkan sebuah Tanah Melayu Bersatu dan berharap untuk menggalakkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu memasuki Persekutuan dengan menyerahkan lebih banyak kuasa kepada Kerajaan Negeri.
- 11.5 PENENTANGAN DAN KESAN. Clementi Smith mengemukakan cadangannya di dalam Persidangan Raja-raja di Sri Menanti dalam tahun 1931. Di samping mendapat sokongan daripada sultan-sultan Melayu, cadangan-cadangannya itu telah ditentang oleh pihak pedagang, terutama sekali ke atas pembentukan Kesatuan Kastam. Selepas penyiasatan Wilson itu, beberapa cadangannya telah diterima apabila pengagihan kuasa yang sebenarnya dijalankan dalam tahun 1934.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Sir Cecil Clementi Smith telah dilantik menjadi Gabnor Negeri-negeri Selat, Gabnor Hong Kong dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
2. Ia mengambil tindakan tegas untuk menindas kongsi-kongsi gelap China.
3. Sebagai Pesuruhjaya Tinggi, ia mencadangkan pengagihan kuasa untuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
4. Cadangan-cadangan pengagihan kuasanya ditentang oleh masyarakat pedagang tetapi disokong oleh Sultan-sultan Melayu.
5. Pengagihan kuasa yang sebenarnya telah dijalankan dalam tahun 1934.

SISTEM RESIDEN DAN PERSEKUTUAN.

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN.

1. Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan Sistem Residen. Apakah tugas-tugas utama dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Residen-residen Inggeris di Negeri-negeri Melayu sebelum tahun 1896?
(Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Jelaskan tugas Residen-residen di Negeri-negeri Melayu 1874–1896. Apakah kelebihan-kelebihan dan kelemahan-kelemahan tugas-tugas mereka dipandang dari kacamata orang Melayu?
(Rujuk kepada Tajuk 1)
3. Tuliskan huraian mengenai **TIGA** dari yang berikut:—
 - a) Sir Frank Swettenham. (Rujuk kepada Tajuk 2)
 - b) Yap Ah Loy. (Rujuk kepada Tajuk 3)
 - c) Sir Frederick Weld. (Rujuk kepada Tajuk 4)
 - d) James W.W. Birch. (Rujuk kepada Tajuk 5)
 - e) Sir Hugh Low. (Rujuk kepada Tajuk 6)
 - f) J. G. Davidson. (Rujuk kepada Tajuk 7)
 - g) Sir Cecil Clementi Smith. (Rujuk kepada Tajuk 11)
4. Apakah faktor-faktor penting yang membawa kepada penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam tahun 1896?
(Rujuk kepada Tajuk 8)
5. Apakah sebab-sebab pengagihan kuasa? Huraikan langkah-langkah yang diambil untuk mengagihkan kuasa Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1909.
(Rujuk kepada Tajuk 9)
6. Jelaskan perubahan-perubahan perlombagaan yang berlaku di Negeri-negeri Melayu Bersekutu di antara 1909 hingga 1941.
(Rujuk kepada Tajuk 10)
7. Adakah pengagihan kuasa benar-benar terlaksana menjelang tahun 1941? Apakah pentingnya pengagihan kuasa dalam sejarah Tanah Melayu?
(Rujuk kepada Tajuk 10)

BAB 11 NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU.

1. Hubungan Inggeris-Siam berhubung dengan Negeri-negeri Melayu Utara dalam tahun-tahun 1897–1909.

- 1.1 DASAR INGGERIS TERHADAP SIAM. Hubungan Inggeris dengan Siam telah dinyatakan dengan jelasnya dalam Perjanjian Burney tahun 1826. Perjanjian itu mengiktiraf Kedah dan Patani terletak secara langsung di bawah penguasaan Siam, dan juga pengaruh Siam diiktiraf ke atas Kelantan dan Terengganu. Di sepanjang-pajang kurun ke 19, Inggeris tidak mencuba untuk mengambil Negeri-negeri Melayu di bawah pengaruh Siam itu, sungguhpun Sultan-sultannya meminta campurtangan Inggeris dalam tahun-tahun 1880an. Khabar-khabar angin yang menyatakan niat Peranchis untuk membina sebuah terusan menyeberang Segenting Kra menambahkan lagi minat Peranchis di Siam. Oleh itu adalah perlu untuk mengekalkan persahabatan dengan Siam dan mengekalkannya sebagai Negeri Penampan di antara Burma dengan Indo-China. Dasar Inggeris ialah untuk mengiktiraf kedaulatan Siam di Negeri-negeri Melayu Utara selagi Siam tidak cuba untuk meluaskan kekuasaannya keluar daripada negeri-negeri tersebut.
- 1.2 PERJANJIAN (KONVENTSYEN) SULIT INGGERIS-SIAM. Kebangkitan kuasa Jerman dan minatnya yang mendalam ke atas Siam dan Semenanjung Tanah Melayu menyebabkan Inggeris berjaga-jaga. Inggeris menandatangani Perjanjian Sulit Inggeris-Siam dengan Siam dalam tahun 1897. Sebagai balasan kepada perlindungan Inggeris, Siam bersetuju tidak akan menyerahkan sebarang jajahannya di selatan 11° Utara atau memberi sebarang konsensi kepada sebarang kuasa asing tanpa kebenaran Inggeris. Dengan cara ini, campurtangan Peranchis dan Jerman di Siam disekat. Tidak menyedari wujudnya perjanjian sulit itu, Sultan-sultan Negeri-negeri Melayu di bawah Siam mula menyerahkan konsensi tanah. Setengah daripada Sultan-sultan itu pula cuba memerintah dengan bebasnya. Untuk menyelesaikan masalah itu dan untuk menamatkan syak-wasangka Siam mengenai hubungan Inggeris dengan tindakan sultan-sultan tersebut, Perjanjian Sempadan ditandatangani dalam tahun 1899. Britain sekali lagi mengiktiraf Kelantan, Perlis, Kedah dan Terengganu sebagai negeri-negeri yang dikuasai oleh Siam.
- 1.3 TUNTUTAN DUFF. Hubungan Inggeris-Siam sekali lagi terancam dalam tahun 1900 apabila Duff, seorang Inggeris, menuntut sekeping tanah seluas 3,000 batu persegi yang telah diserahkan kepadanya oleh Sultan Kelantan. Siam menganggap perkara itu melanggar syarat-syarat Perjanjian Sulit tahun 1897 dan enggan mengiktiraf tuntutan itu. Sultan Kelantan pula menegaskan bahawa baginda merdeka dan tidak perlu berunding dengan Siam. Duff sendiri mengancam untuk meminta bantuan luar jika Inggeris tidak menyokong tuntutannya. Kerajaan Inggeris memandang

berat di atas perkara itu kerana besar kemungkinannya Duff akan meminta bantuan dari Jerman atau Amerika Syarikat. Siam tentu tidak dapat menentang kuasa-kuasa asing itu.

- 1.4 CADANGAN-CADANGAN SWETTENHAM. Swettenham, Gabnor Negeri-negeri Selat, mencadangkan supaya dilantik Penasihat-penasihat Siam di Negeri-negeri Melayu di bawah Siam itu. Penasihat-penasihat itu hendaklah terdiri daripada orang-orang Eropah yang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Siam. Masaalah-masaalah itu tidak dapat diatasi dengan mudahnya kerana Siam menolak cadangan Swettanham. Sementara itu Sultan Kelantan cuba mendapatkan campurtangan dan perlindungan Inggeris terhadap pertuanan Siam. Di atas ugutan Inggeris untuk mengistiharkan Kelantan dan Terengganu merdeka, Siam bersetuju untuk menandatangani Perisytiharan Inggeris-Siam tahun 1902.
- 1.5 PERISYTIHARAN INGGERIS-SIAM. Perjanjian itu memperuntukkan perlantikan Penasihat-penasihat Inggeris di Kelantan dan Terengganu, yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Siam tetapi menjalankan kuasa dan tugas yang sama seperti Residen-residen Inggeris di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Halehwal luar Kelantan dan Terengganu akan dikuasai dengan lebih tegas lagi oleh Siam. Akhirnya, tiada sebarang konsensi selanjutnya akan diberikan kepada orang-orang asing dan jika hasil negeri-negeri tersebut melebihi \$100,000 Siam akan mendapat 10% daripada hasil yang berlebihan itu.
- 1.6 TAMATNYA PERSELISIHAN INGGERIS-PERANCHIS. Perjanjian tahun 1902 ditandatangani tanpa pengetahuan Negeri-negeri Melayu, oleh itu adalah wajar Terengganu enggan menerima Perjanjian tersebut. Menjelangnya masa itu Perselisihan Inggeris-Peranchis ditamatkan apabila kedua-dua kuasa itu menandatangani Pakatan Inggeris-Peranchis dalam tahun 1904. Siam berasa kecewa kerana tindakan tidak diambil oleh Inggeris apabila Peranchis mengambil sebahagian daripada jajahan Siam di sempadan Siam-Kemboja. Tambahan pula, masaalah kewangan Kedah bertambah buruk. Kegagalan Siam untuk menyelesaikan kesulitan kewangan Kedah dan bantahan yang bertambah terhadap pemerintahan Siam mengakibatkan perundingan-perundingan yang baru dibuat.
- 1.7 PERJANJIAN BANGKOK. Persetujuan untuk memindahkan Negeri-negeri Melayu Utara dari tangan Siam ke tangan Inggeris mengakibatkan tertandatangannya Perjanjian Bangkok tahun 1909. Negeri-negeri Melayu di bawah Siam akhirnya diletakkan di bawah kekuasaan Inggeris, dan Siam pula mendapat pinjaman wang untuk membina landasan keretapinya. Adalah juga dipersetujui, bahawa Kerajaan Siam tidak boleh menyerahkan atau menyewakan sebarang jajahannya di selatan Ratburi kepada kerajaan asing. Britain juga menyerahkan semula hak wilayah-asingannya yang telah diberikan kepadanya dalam tahun 1855 melalui Perjanjian Bowring.

- 1.8 PENTINGNYA PERJANJIAN BANGKOK. Oleh itu menjelangnya tahun 1909 kuasa Inggeris telah diwujudkan ke atas seluruh Semenanjung kecuali Johor yang menerima Penasihat Inggeris hanya dalam tahun 1914. Ia menamatkan sebarang kemungkinan penguasaan asing di Semenanjung. Kepentingan Inggeris di Semenanjung dan di jalan laut ke China dapat dilindungi sewajarnya.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Inggeris mengiktiraf kedaulatan Siam ke atas Negeri-negeri Melayu Utara dalam Perjanjian Burney tahun 1826.
 2. Inggeris dan Perancis inginkan Siam menjadi negeri penampungan di antara Burma dengan Indo-China.
 3. Perjanjian Sulit Inggeris-Siam ditandatangani dalam tahun 1897, di mana Siam berjanji tidak akan membenarkan campurtangan Jerman atau Perancis.
 4. Perjanjian Sempadan ditandatangani dalam tahun 1899 apabila Negeri-negeri Melayu memberikan konsensi-konsensi tanah kepada orang-orang asing.
 5. Duff menuntut ke atas sekeping tanah yang telah diberikan kepadanya oleh Sultan Kelantan dalam tahun 1900, dan mengancam untuk meminta bantuan luar supaya tuntutannya itu tercapai.
 6. Sebagai akibat daripada campurtangan Swettenham, Perisytiharan Inggeris-Siam ditandatangani dalam tahun 1902.
 7. Seorang Penasihat Inggeris dilantik di Kelantan dan Terengganu.
 8. Akhirnya Siam menyerahkan penguasaannya ke atas Negeri-negeri Melayu kepada Inggeris melalui Perjanjian Bangkok tahun 1909.
 9. Penguasaan Inggeris diwujudkan ke seluruh Semenanjung dan ancaman dari kuasa-kuasa asing ditamatkan.
-

2. Perjanjian Sulit Inggeris-Siam tahun 1897.

- 2.1 TIDAK PUAS HATI TERHADAP PEMERINTAHAN SIAM. Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah diiktiraf sebagai Negeri-negeri Melayu yang dikuasai oleh Siam menurut Perjanjian Burney dalam tahun 1826. Men-

jelang akhir kurun ke 19, perlindungan Inggeris telah pun diwujudkan ke negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Pembentukan Sistem Residen dan Persekutuan dalam tahun 1896 membawa keamanan dan kemakmuran ke negeri-negeri di pantai barat itu. Malangnya, kemakmuran ekonomi yang sedemikian itu tidak wujud di Negeri-negeri Melayu di bawah Siam. Pemerintahan Siam tidak diterima dengan baik dan Siam pula tidak membuat apa-apa untuk meninggikan taraf politik dan ekonomi Negeri-negeri Melayu Utara yang mundur itu. Menjelang tahun 1880an, Sultan-sultan negeri-negeri tersebut mula meminta perlindungan Inggeris.

- 2.2 PERISYTIHARAN INGGERIS-PERANCHIS, 1902. Pada masa yang sama, Inggeris tidak sanggup memberikan perlindungan kepada Negeri-negeri Melayu Utara itu. Adalah menjadi niat mereka untuk mengekalkan Siam sebagai negeri penampang di antara Burma di bawah Inggeris dengan Indo-China di bawah Peranchis. Inggeris berhati-hati supaya tidak menimbulkan kemarahan Siam selagi Siam menghadkan penguasaannya hanya ke atas Negeri-negeri Utara saja. Britain, pada masa itu, hanya berminat untuk menyekat minat Peranchis yang semakin bertambah di wilayah Siam. Tetapi termaktubnya Perisytiharan Inggeris-Peranchis dalam tahun 1902 di mana kedua-dua negara itu bersetuju untuk mengiktiraf Kemerdekaan Lembah Sungai Menam tidak menamatkan kebimbangan Inggeris terhadap campurtangan Peranchis di Siam. Khabar-khabar angin yang baru mula tersebar mengenai rancangan Peranchis untuk membina sebuah terusan menyeberangi Segenting Kra dan Inggeris bimbang bahawa rancangan tersebut mungkin mengancam perdagangan dan kedudukan Singapura.
- 2.3 PERJANJIAN SULIT INGGERIS-SIAM. Minat Jerman yang bertambah terhadap Semenanjung Tanah Melayu dan pembinaan angkatan lautnya menyebabkan Inggeris berasa bimbang. Ia mula bertindak menyekat campurtangan Peranchis dan Jerman di Negeri-negeri Melayu di bawah Siam dengan menandatangani satu perjanjian sulit dengan Siam. Perjanjian Sulit Inggeris-Siam itu ditandatangani dalam bulan April 1897. Perjanjian ini mempunyai 3 syarat yang penting.
- a) Yang paling penting ialah persetujuan Siam tidak akan menyerahkan sebarang wilayah kepada sebarang kuasa asing, yang terletak di selatan 11° Utara.
 - b) Siam tidak boleh membuat konsessi-konsessi perdagangan atau tanah kepada sebarang kuasa asing, tanpa berunding terlebih dahulu dan mendapatkan kebenaran Kerajaan Inggeris.
 - c) Akhirnya Inggeris sekali lagi mengiktiraf kedaulatan Siam ke atas Negeri-negeri Melayu Utara dan berjanji untuk melindungi Siam daripada sebarang serangan asing.
- 2.4 KESAN PERJANJIAN ITU. Menurut Perjanjian Sulit itu, Inggeris diberi jaminan bahawa campurtangan asing di Siam atau di Negeri-negeri Melayu

Utara akan disekat. Tetapi perjanjian itu memberi kesempatan kepada perselisihan selanjutnya. Sultan-sultan itu, tidak menyedari wujudnya perjanjian sulit tersebut, mula menyerahkan konsessi-konsessi tanah dan perdagangan kepada kuasa-kuasa asing. Ketidak sefahaman di antara Siam dengan Britain dan kebimbangan di antara mereka menyebabkan hubungan di antara mereka semakin buruk.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Britain mengamalkan dasar tidak campurtangan di Negeri-negeri Melayu di bawah Siam.
 2. Ia memerlukan Siam sebagai sahabatnya dengan menjadikannya negeri penampang di antara Burma dengan Indo-China.
 3. Wujudnya khabar-khabar angin yang kuat bahawa Peranchis akan membina sebuah terusan menyeberangi Segenting Kra.
 4. Sementara itu Jerman semakin berminat terhadap Semenanjung Tanah Melayu.
 5. Untuk menyekat campurtangan Peranchis dan Jerman, Britain menandatangani Perjanjian Sulit Inggeris-Siam dalam tahun 1897.
 6. Siam bersetuju tidak akan menyerahkan sebarang konsessi tanah atau perdagangan kepada sebarang kuasa asing, sementara Britain pula mengiktiraf kedaulatan Siam ke atas Negeri-negeri Melayu Utara.
-

3. Pemberontakan Kelantan, 1914–1915.

- 3.1 **KELANTAN.** Kelantan ialah salah sebuah negeri naungan Siam. Dalam tahun 1902, apabila Perisyiharan Inggeris-Siam ditandatangani, Kelantan menerima seorang Penasihat Inggeris. Inggeris secara rasminya menguasai Kelantan apabila Perjanjian Bangkok ditandatangani dalam tahun 1909. Semenjak itu ia menjadi negeri naungan Inggeris dengan janji Inggeris tidak akan campurtangan dalam urusan dalam negerinya, selagi keamanan dapat dikekalkan.
- 3.2 **KEKACAUAN DI JERAM.** Jeram, sebuah daerah di Kelantan, terletak di bawah penguasaan Engku Besar Tun Ahmad. Kekacauan bermula di Jeram dengan wujudnya perjudian dan perlagaan ayam dan lembu di Pasir Putih. Sebagai langkah untuk mengembalikan semula undang-undang dan

peraturan, Sultan Kelantan menubuhkan sebuah **balai polis** dan melantik Encik Latiff dari Singapura sebagai Pegawai Daerah, dengan kuasa untuk memungut cukai. Ini menimbulkan kemarahan pembesar-pembesar di Jeram yang membantah perlantikan Latiff, seorang yang bukan rakyat Kelantan.

- 3.3 **MELETUSNYA PEMBERONTAKAN.** Pemberontakan bermula berikutan daripada perintah untuk menangkap Haji Wan Hassan, salah seorang pembesar di Jeram, yang telah membunuh seorang sarjan di balai polis itu. Haji Wan Hassan, yang terkenal dengan gelaran **To' Janggut**, bertindak balas dengan menyerang dan menawan Pasir Putih. Ia memulakan Pemberontakan Kelantan.
- 3.4 **CAMPURTANGAN INGGERIS.** Sultan Kelantan kemudiannya meminta bantuan dari **Gabnor Inggeris** di Singapura. Ini diikuti dengan penghantaran satu pasukan tentera ke Jeram. "The Malay States Guides" juga dihantar dari Taiping. Dengan mudahnya, Pasir Putih ditawan semula. To' Janggut dan pengikut-pengikutnya melarikan diri, tetapi mencuba satu serangan lagi sebulan kemudian. Ia dapat ditawan dan dibunuh. Pemberontakan itu ditamatkan dengan pemulihan keamanan di Kelantan.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Wujudnya kekacauan di Pasir Putih di Jeram dengan adanya perjudian dan perlagaan ayam dan lembu.
 2. Encik Latiff yang dilantik sebagai Pegawai Daerah di Pasir Putih, memberi perintah untuk menangkap To' Janggut yang telah membunuh seorang sarjan polis.
 3. To' Janggut bertindak balas dengan menawan Pasir Putih dan ini merupakan permulaan Pemberontakan Kelantan.
 4. Keamanan dipulihkan dengan bantuan Inggeris.
 5. Pasir Putih ditawan semula dan To' Janggut ditawan serta dibunuh.
-

4. Perisyntahan Inggeris-Siam, 1902.

- 4.1 **TUNTUTAN DUFF.** Dalam tahun 1900, Duff, seorang Inggeris diberikan sekeping tanah di Kelantan oleh Sultan Kelantan. Siam enggan mengiktiraf

tuntutan Duff itu dengan alasan tuntutan itu tidak sah dan diserahkan tanpa kebenarannya. Duff mengugut untuk meminta bantuan dari sebarang kuasa Eropah yang lain sekiranya Inggeris tidak menyokong tuntutannya itu. Inggeris berasa bimbang sekiranya Duff meminta campur-tangan Jerman dalam perkara itu.

- 4.2 **CADANGAN SWETTENHAM.** Duff telah pun memburukkan hubungan di antara Inggeris dengan Siam. Inggeris juga berasa bimbang terhadap ketidakupayaan Siam untuk menentang sebarang kuasa asing jika ia terlibat dalam tuntutan Duff. Frank Swettenham, kemudiannya mengemukakan cadangan bahawa Negeri-negeri Melayu di bawah Siam, dilakukan di bawah perlindungan Inggeris melalui perlantikan Penasihat-penasihat Inggeris di Kelantan dan Terengganu. Cadangan itu ditolak oleh Siam dan Inggeris memberikan katadua kepada Siam. Bantahan selanjutnya akan mengakibatkan Inggeris mengisyiharkan Kelantan dan Terengganu merdeka. Berhadapan dengan ancaman itu, Siam dipaksa menandatangani Perisyiharan Inggeris-Siam tahun 1902.
- 4.3 **PERISYIHARAN INGGERIS-SIAM.** Kedaulatan Siam ke atas Negeri-negeri Melayu Utara diiktiraf. Siam akan menguasai dengan lebih tegas lagi terhadap halehwal luar Kelantan dan Terengganu. Pegawai-pejawai Inggeris dilantik di Kelantan dan Terengganu sebagai Penasihat-penasihat, menasihatkan Sultan-sultan mengenai semua perkara kecuali yang berhubung dengan ugama dan adat istiadat Melayu. Masaalah mengenai hasil pendapatan disentuh. Jika hasilnya melebihi \$100,000, Siam akan mendapat 10% daripada hasil yang berlebihan itu.
- 4.4 **KESAN-KESAN PERISYIHARAN.** Perjanjian itu tidak memuaskan hati sepenuhnya. Sungguhpun Kelantan menerima Penasihat dalam tahun 1903, perjanjian itu tidak diterima oleh Terengganu. Inggeris sendiri tidak puas hati kerana Penasihat yang dilantik di Kelantan itu ialah dari Perkhidmatan Awam Siam, dan bukannya dari Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perisyiharan itu hanya bertujuan untuk menyekat campurtangan asing di Negeri-negeri Melayu Utara dan di Siam.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Duff menuntut sekeping tanah yang telah diserahkan kepadanya oleh Sultan Kelantan dalam tahun 1900.
2. Siam enggan mengiktiraf tuntutannya. Duff mengugut untuk mendapatkan bantuan asing sekiranya Inggeris tidak menyokong tuntutannya itu.
3. Frank Swettenham takutkan bahawa Siam tidak akan menentang

campurtangan asing di Negeri-negeri Melayu Utara, mencadangkan perlantikan Penasihat-penasihat Inggeris di situ.

4. Disebabkan ugutan untuk mengisyiharkan Kelantan dan Terengganu merdeka, Siam menandatangani Perisyiharan Inggeris-Siam dalam tahun 1902.
 5. Pegawai-pegawai Inggeris telah dilantik di Kelantan dan Terengganu sebagai Penasihat-penasihat dan kedaulatan Siam ke atas Negeri-negeri Melayu Utara diiktiraf.
 6. Kelantan menerima seorang Penasihat Inggeris dalam tahun 1903.
-

5. Sistem Kangchu.

- 5.1 PERPINDAHAN ORANG-ORANG CHINA KE JOHOR. Johor, pada awal kurun ke 19, merupakan sebuah negeri yang mundur dan mempunyai jumlah penduduk yang sedikit. Di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar yang moden dan berkebolehan, lebih banyak tanah telah dibuka untuk penanaman lada hitam dan gambir. Johor sangat sesuai untuk pertanian dan ini telah menarik ramai orang China dari Singapura. Kemasukan beramai-ramai orang China ini adalah disebabkan oleh galakan dari Abu Bakar. Baginda memperkenalkan Sistem Kangchu.
- 5.2 TAKRIF SISTEM KANGCHU. Imigran-imigran China, setelah masuk ke Johor, terpaksa meminta kebenaran yang sah untuk memulakan sesuatu petempatan. Selalunya, salah seorang dari mereka, yang dikenali sebagai Kangchu atau "Tuan Sungai", akan diberikan sekeping dokumen yang dipanggil Surat Sungai sebagai kebenaran yang rasmi untuk tinggal di sepanjang-panjang tebing sungai. Daripada sini petempatan orang-orang China berkembang. Tidak lama kemudian, beberapa buah petempatan China ditubuhkan di sepanjang-panjang tebing sungai di Johor.
- 5.3 KANGCHU. Kangchu atau ketua kampung itu mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas petempatannya sendiri; dengan mempunyai tanggungjawab untuk mengangkut, mengimpor dan mengekspor barang-barang makuan dan lain-lain bekalan. Di bawah perintah Sultan, ia dikehendaki ngekalikan undang-undang dan peraturan. Selalunya, Kangchu merupakan seorang yang kaya. Ia mungkin memiliki sebuah kedai atau perahu-perahu untuk mengangkut barang-barang, atau mungkin juga menjadi ketua kepada lebih daripada satu petempatan. Kabanyakan daripada Kangchu-kangchu itu mendapat harta kekayaan mereka daripada monopoli ke atas perjudian awam, kedai pajak atau penjualan setengah-setengah bahan-

bahan makanan seperti daging babi, candu atau arak dan kamsen daripada ekspot dan impot.

- 5.4 **FAEDAH DARIPADA SISTEM KANGCHU.** Sistem Kangchu berlangsung sehingga ke tahun 1917. Ia dijalankan dengan berjayanya, kerana semakin banyak kawasan-kawasan yang mundur di Johor dibuka dan diterangkan untuk pertanian oleh orang-orang China. Selain daripada menolong mengekalkan undang-undang dan peraturan, ia dapat menambahkan lagi sumber hasil bagi negeri Johor. Kangchu-kangchu itu terpaksa membayar cukai-cukai yang ditetapkan kepada kerajaan kerana mendapat hakmilik yang rasmi dan penguasaan ke atas petempatan-petempatan mereka.
- 5.5 **PENGHAPUSANNYA.** Sungguhpun Johor maju melalui Sistem Kangchu, ia menjadi tidak sesuai lagi dan terpaksa dihapuskan dalam bulan Disember 1917. Salah satu kerugiannya ialah kawasan-kawasan tanah yang luas ditinggalkan kerana tidak digunakan, disebabkan oleh ketidaksuburannya. Kurangnya penguasaan kerajaan ke atas Kangchu-kangchu itu menyebabkan mereka melalaikan tugas mereka dan kebanyakan mereka terpaksa ber hutang banyak apabila harga lada hitam dan gambir turun. Orang-orang China yang tidak berjaya lagi mencari keuntungan yang lumayan, mula meninggalkan Johor untuk pergi ke tempat lain. Kerajaan menamatkan sistem ini dengan membayar gantirugi kepada Kangchu-kangchu itu.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Sistem ini diperkenalkan akibat daripada kemasukan orang-orang China ke Johor untuk memulakan pertanian lada hitam dan gambir.
2. Kangchu diberikan satu dokumen yang sah untuk memulakan sesuatu petempatan. Ia bertanggungjawab terhadap peraturan dan kebijakan petempatannya.
3. Kangchu itu menjadi kaya raya kerana monopoli ke atas setengah-setengah bahan makanan atau memiliki harta-harta persendirian yang lain.
4. Banyak kawasan yang mundur di Johor telah dibuka, dan ini menambahkan lagi hasil negeri Johor.
5. Ia ditamatkan dalam tahun 1917 apabila Kangchu-kangchu itu melalaikan tugas-tugas mereka dan banyak kawasan tanah yang luas ditinggalkan dan tidak dimajukan kerana tidak subur.

6. Sultan Abu Bakar.

- 6.1 **ABU BAKAR MENJADI PEMERINTAH.** Sultan Abu Bakar menggantikan Temenggung Ibrahim dalam tahun 1862. Mendapat pelajaran Inggeris dari Reverend Keasberry (seorang paderi Inggeris), ia mempunyai pandangan dan pemikiran yang moden serta progresif. Di sepanjang-panjang pemerintahannya selama 33 tahun, ia telah meletakkan batu asas Johor moden dan merupakan salah seorang pemerintah yang terpenting dan termaju pada masa itu. Sebagai pemerintah, ia mengekalkan hubungan persahabatan dengan Inggeris dan tidak membantah untuk menerima nasihat Inggeris bagi memodenkan negeri Johor.
- 6.2 **PENGEMBARAANNYA.** Abu Bakar ialah seorang pemgembira yang terkenal. Dalam lawatan pertamanya ke England dalam tahun 1866, ia menjadi tetamu dan dikurniakan pingat oleh Queen Victoria. Dalam tahun 1868, ia telah diberikan gelaran Maharaja oleh Inggeris. Maharaja Abu Bakar menjadi orang tengah yang berguna untuk mendamaikan di antara orang-orang Inggeris dengan Melayu berikut dengan pembunuhan Birch dalam tahun 1875.
- 6.3 **PEMODENAN JOHOR.** Sebagai pemerintah, Abu Bakar memainkan peranan yang penting, bukan saja dalam halehwal Negerinya tetapi juga dalam perkembangan ekonomi negeri Johor. Ia menambahkan lagi kekayaan perbandarharaan negeri. Ia menggunakan cara pentadbiran Inggeris, menubuhkan Mahkamah-mahkamah undang-undang dan membentuk pasukan-pasukan tentera dan polis. Perhubungan di Johor diperbaiki dengan pembinaan jalanraya-jalanraya dan seluruh negeri dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan Pos, Perubatan, Pelajaran dan Kerjaryaya. Seorang pemerintah yang ganjilesa, ia tidaklah lambat untuk menerima dan mengamalkan pemikiran-pemikiran Barat dan untuk memodenkan negeri Johor. Sungguhpun ugama Islam dijadikan ugama rasmi di Johor, tetapi ugama-ugama lain dibenarkan serta dilindungi. Abu Bakar juga menggalakkan serta menubuhkan sekolah-sekolah Inggeris dan bangunan-bangunan kerajaan yang moden.
- 6.4 **SISTEM KANGCHU.** Orang-orang China berpindah masuk ke Johor dan dengan itu Sistem Kangchu diperkenalkan. Abu Bakar menggalakkan orang-orang China untuk membuka serta menerangkan sungai-sungai dan menubuhkan petempatan-petempatan di sepanjang-panjang tebingnya. Petempatan-petempatan orang China berkembang maju dan bergantung kepada kemakmuran penanaman lada hitam dan gambir. Sistem Kangchu telah membuka dan memajukan kawasan-kawasan yang mundur di Johor.
- 6.5 **PERJANJIAN DENGAN INGGERIS.** Dalam tahun 1866, Abu Bakar memindahkan ibunegeri Johor ke Tanjung Puteri, sekarang dikenali

sebagai Johor Baharu. Dalam tahun 1885, ia sekali lagi melawat ke London dan berjaya merundingkan satu perjanjian dengan Inggeris. Johor diberi kuasa sepenuhnya untuk menguasai halehwal dalam negerinya tetapi halehwal luarnya dikuasai oleh Inggeris. Inggeris mengiktiraf Abu Bakar sebagai Sultan dan meletakkan Johor di bawah perlindungan Inggeris. Sebagai balasannya, Abu Bakar menerima seorang Wakil Konsul Inggeris.

- 6.6 PERLEMBAGAAN BARU. Abu Bakar menjadikan Johor ganjilesa dengan mengisyiharkan satu perlembagaan bertulis yang baru dalam bulan April 1895, yang ditulis dalam kedua-dua bahasa Inggeris dan Melayu. Ia mengandungi satu Jemaah Menteri dan satu Majlis Negeri. Jemaah Menteri mengandungi ahli-ahlinya orang Melayu dan bertugas untuk menasihatkan Sultan dan Menteri Besar. Majlis Negeri mengandungi ahli-ahlinya dari rakyat Johor saja dan tugas utamanya ialah untuk membuat undang-undang. Perlembagaan penting ini masih lagi menjadi Perlembagaan negeri Johor sekarang. Abu Bakar mangkat pada tahun 1895 di London dan digantikan oleh puteranya, Ibrahim.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Abu Bakar menjadi pemerintah dalam tahun 1862 dan ialah pengasas Johor Moden.
2. Abu Bakar telah dikurniakan pingat oleh Queen Victoria semasa lawatannya ke England dalam tahun 1866.
3. Ia memodenkan negeri Johor dengan beberapa cara:—
 - a) menubuhkan mahkamah-mahkamah undang-undang.
 - b) menubuhkan pasukan tentera dan polis.
 - c) memperbaiki perhubungan.
 - d) menggunakan cara-cara pentadbiran Inggeris.
 - e) memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan dan awam.
 - f) membenarkan kebebasan berugama.
 - g) menggalakkan kemasukan orang-orang China melalui Sistem Kangch
4. Abu Bakar menandatangani satu perjanjian dengan Britain pada tahun 1885 menyerahkan halehwal luar negeri Johor kepada perlindungan dan kawalan Inggeris.
5. Seorang Wakil Konsul Inggeris dilantik di Johor dalam tahun 1895. Ia juga menubuhkan sebuah Jemaah Menteri dan sebuah Majlis Negeri.
6. Abu Bakar telah digantikan oleh puteranya, Ibrahim.

7. Sultan Ibrahim.

- 7.1 **MENJADI SULTAN.** Sultan Ibrahim, putera Abu Bakar ialah salah seorang Sultan yang lama memerintah di Johor, memerintah dari tahun 1895 hingga 1959. Seperti ayahnya, ia merupakan seorang yang moden dan memerintah Johor mengikut perlembagaan tahun 1895. Sultan Ibrahim meneruskan peranan ayahnya untuk memoden dan memajukan negeri Johor.
- 7.2 **PINDAAN PERLEMBAGAAN.** Pentingnya pemerintahan Sultan Ibrahim ialah pindaan perlembagaan yang dilakukannya dalam tahun 1912. Ini ialah untuk memenuhi keperluan bilangan penduduk yang bertambah dan kemajuan ekonomi yang pesat. Ia menambahkan satu badan yang ketiga kepada perlembagaan itu, iaitu Majlis Mesyuarat Kerja. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerja dilantik oleh Sultan sendiri. Ia akan bersidang pada tiap-tiap minggu dengan dipengerusikan oleh Sultan Ibrahim dan mempunyai peranan yang terlalu luas. Pada umumnya, ia bertanggungjawab terhadap tugas-tugas pentadbiran harian, mencadangkan undang-undang baru dan lain-lain perkara yang mustahak. Lebih tegas lagi ialah tugasnya untuk menimbangkan permohonan-permohonan terhadap tanah-tanah pertanian dan perlombongan, dan juga terhadap perjanjian-perjanjian dan tawaran-tawaran untuk Kerjaya.
- 7.3 **PERUBAHAN DALAM TAHUN 1914.** Berhadapan dengan masaalah perkembangan ekonomi dan penduduk yang pesat, Sultan Ibrahim menandatangani satu lagi perjanjian dengan Inggeris yang menyediakan perubahan perlembagaan selanjutnya. Sultan akan menerima seorang pegawai Inggeris di mana nasihatnya hendaklah diminta apabila perlu tetapi Sultan masih terus memerintah dengan bebasnya. Satu lagi perubahan ialah keanggotaan Majlis Negeri dibuka kepada pegawai-pegawai Inggeris dan tidak lagi terhad kepada rakyat Johor saja. Tambahan lagi orang-orang Eropah dan Melayu yang berkhidmat di Johor akan diberikan layanan yang sama. Tetapi Sultan Ibrahim memberi keistimewaan kepada orang-orang Melayu yang berkelayakan sekiranya ada untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Johor. Oleh itu ia memainkan peranan yang penting dalam sejarah negeri Johor dan hubungannya yang rapat dengan negara-negara Eropah.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Sultan Ibrahim memerintah Johor dari tahun 1895 hingga 1959.
2. Ia meminda Perlembagaan Johor dalam tahun 1912 dengan menambahkan

Majlis Mesyuarat Kerja kepada dua buah Majlis yang telah sedia ada.

3. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerja dilantik oleh Sultan sendiri.
 4. Dalam tahun 1914, Sultan Ibrahim bersetuju untuk menerima seorang Penasihat Inggeris.
 5. Ia merupakan seorang Sultan yang penting kerana mengekalkan hubungan rapat dengan Britain.
-

NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU.

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN.

1. Gariskasarkan peristiwa-peristiwa dari tahun 1897 dan seterusnya sehingga membawa kepada Perjanjian tahun 1909 dengan Thailand dan berikan syarat-syaratnya. (Perjanjian Bangkok, 9hb. Julai 1909)
(Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Berikan satu huraian mengenai hubungan Inggeris-Siam terhadap Negeri-negeri Melayu Utara dari tahun 1897 hingga 1909.
(Rujuk kepada Tajuk 1).
3. Tuliskan catitan-catitan mengenai DUA dari yang berikut:—
 - a) Perjanjian Sulit Inggeris-Siam, 1897. (Rujuk kepada Tajuk 2)
 - b) Pemberontakan Kelantan, 1914–1915. (Rujuk kepada Tajuk 3)
 - c) Perisytiharan Inggeris-Siam, 1902. (Rujuk kepada Tajuk 4)
 - d) Sistem Kangchu. (Rujuk kepada Tajuk 5).
4. Berikan catitan mengenai perkara-perkara berikut:—
 - a) Sultan Abu Bakar. (Rujuk kepada Tajuk 6)
 - b) Sultan Ibrahim, Johor. (Rujuk kepada Tajuk 7)
5. Berikan catitan mengenai perjalanan hidup Sultan Abu Bakar di Johor dengan menunjukkannya mengapa ia dikenali sebagai “Bapa Johor moden.”
(Rujuk kepada Tajuk 6).

BAB 12 TANAH MELAYU: PERUBAHAN-PERUBAHAN EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN.

1. Perkembangan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu sehingga tahun 1956.

- 1.1 PENEMUAN BIJIH TIMAH. Perlombongan bijih timah merupakan perusahaan yang tertua sekali di Tanah Melayu. Ia merupakan galakan yang terpenting terhadap perkembangan petempatan-petempatan di Tanah Melayu pada pertengahan kedua kurun ke 19. Perebutan bijih timah yang pertama bermula dengan penemuan bijih di Larut oleh Long Jaffar dalam tahun 1848, diikuti dengan kemasukan beramai-ramai pelombong-pelombong China. Lombong-lombong bijih di Larut menjadi tempat perperangan di antara kongsi-kongsi gelap China. Tidak lama kemudian, kawasan-kawasan lombong yang kaya telah dibuka di Perak dan Selangor. Menjelang akhir kurun ke 19, modal-modal Inggeris dan lain-lain pemodal Eropah telah ditanam di dalam perusahaan ini.
- 1.2 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA PERKEMBANGAN PERUSAHAAN BIJIH TIMAH. Beberapa faktor bertanggungjawab terhadap perkembangan perusahaan bijih. Wujudnya keadaan politik yang sesuai apabila campur tangan Inggeris telah dapat mengekalkan undang-undang dan peraturan di Negeri-negeri Melayu. Perkembangan Revolusi Perusahaan dan perkembangan ke arah pembandaran menyebabkan permintaan yang bertambah terhadap bijih timah, terutamanya di Eropah dan Amerika. Bijih timah sangat-sangat diperlukan untuk keperluan kepingan-timah, mengetin dan pembalutan-timah. Buruh senang didapati dari kemasukan beramai-ramai orang China. Tambahan pula, cara-cara melombong yang moden seperti bomba-palung, kapal korek dan kemudahan-kemudahan perkapalan yang bertambah baik menolong memajukan perusahaan bijih timah. Sistem Residen telah membawa kepada perkembangan dalam bidang perhubungan. Jalanraya-jalanraya dan jalan keretapi dibina untuk menghubungkan kawasan-kawasan perlombongan dengan bandar-bandar utama dan pelabuhan-pelabuhan, seperti Taiping ke Port Weld dan Kelang ke Kuala Lumpur.
- 1.3 PENGELOLAAN DAN CARA-CARA MELOMBONG BIJIH TIMAH. Apabila lombong-lombong bijih mula-mula dibuka, orang-orang Melayu dan orang-orang China yang awal terpaksa berpuas hati dengan cara melombong yang lama seperti "mendulang." Dengan permintaan yang bertambah terhadap bijih timah di Eropah dan Amerika, orang-orang China memperkenalkan perlombongan terbuka tetapi mereka terpaksa menghadapi masaalah banjir. Masaalah ini diatasi dengan menggunakan pam-rantai, mengempang anak-anak sungai dan mengadakan pengaliran

air tiruan. Dalam tahun 1879 Sir Hugh Low memperkenalkan pam-wap yang lebih baik, selamat dan berkesan. Perkembangan perusahaan bijih bertambah pesat dengan pengenalan cara-cara melombong yang lebih baik seperti pam-air dan bomba-palung. Dalam tahun 1912, orang-orang Eropah memperkenalkan penggunaan kapalkorek, satu lagi kemajuan dalam lapangan perusahaan bijih timah.

- 1.4 PERKEMBANGAN PERUSAHAAN BIJIH TIMAH. Sejarah perusahaan bijih timah di Tanah Melayu tidak begitu penting selepas tahun-tahun 1930an, terutamanya kerana ketidakstabilan pasaran dan harganya. Harga bijih timah turun naik dengan banyaknya kerana ia bergantung kepada permintaan dan penawaran bijih. Tahun-tahun 1870–1900 merupakan zaman perkembangan pesat perusahaan bijih timah. Menjelang tahun 1909, Tanah Melayu telah mengeluarkan 39.4% pengeluaran bijih dunia. Ia mengeluarkan 50,754 tan bijih dari sejumlah 115,400 tan bijih dunia. Dengan pengenalan kapalkorek, perlombongan bijih yang selama ini dikuasai oleh orang-orang China, disertai oleh orang-orang Eropah yang melaburkan modal yang banyak dalam perusahaan itu. Lembah Kinta merupakan daerah bijih yang terkaya sekali. Disebabkan harga bijih melambung naik di sekitar tahun 1880, lebih ramai orang China masuk ke Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Pengeluaran bijih bertambah, selaras dengan permintaan terhadapnya. Dalam tahun 1875, hasil pendapatan kerajaan didapati terutamanya daripada ketiga-tiga negeri yang kaya dengan bijih ini. Orang-orang Eropah mula menggiatkan kegiatan perlombongan mereka dan beransur-ansur menggantikan orang-orang China menjelang tahun-tahun 1920an. Dengan demikian Tanah Melayu mengeluarkan satu pertiga daripada pengeluaran bijih dunia.
- 1.5 KEJATUHAN HARGA BIJIH TIMAH. Perusahaan bijih timah terus berkembang maju. Selepas Perang Dunia Pertama, dengan pengeluaran bijih dunia yang berlebihan oleh negara-negara lain seperti Bolivia dan Nigeria, harga bijih timah terancam. Harganya jatuh dengan teruknya pada masa Kemelesetan tahun 1929–32, berikutan daripada simpanan bijih yang berlebihan. Harga hitungpanjangnya jatuh daripada £227 satu tan dalam tahun 1928 kepada £118 dalam tahun 1931. Dalam tahun 1931 satu rancangan pembatasan dibentuk untuk menyekat pengeluaran dan untuk meninggikan harganya. Ia berjaya menaikkan sedikit harganya tetapi gagal menahan harganya yang sentiasa turun naik. Negara-negara pengeluar yang sedikit seperti Siam dan Indo-China tidak menyertai rancangan pembatasan itu.
- 1.6 PERJANJIAN BIJIH TIMAH ANTARABANGSA. Harga bijih timah naik untuk sementara waktu ketika berlakunya Perang Korea tetapi jatuh semula apabila pengeluaran bijih yang berlebihan mula berlaku. Satu lagi Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa yang baru ditandatangani dalam tahun 1956 oleh negara-negara pengeluar yang utama seperti Tanah

Melayu, Indonesia, Bolivia, Congo di bawah Belgium, Nigeria dan Thailand. Menurut Perjanjian ini, pengeluaran dan ekspot bijih timah diletakkan di bawah kawalan, bermula dari bulan Disember 1957. Ini menjamin harga yang lebih stabil. Tanah Melayu terus mengeluarkan satu pertiga daripada pengeluaran bijih dunia.

- 1.7 KESAN-KESAN PERUSAHAAN BIJIH TIMAH. Pada umumnya, sumbangan bijih timah terhadap ekonomi negara adalah banyak. Ia menyebabkan pertambahan bilangan penduduk dan penubuhan bandar-bandar baru. Kuala Lumpur, Port Swettenham dan Taiping ialah bandar-bandar yang ada hubungannya dengan bijih timah. Penambahan lombong-lombong bijih mengakibatkan pembentukan kilang-kilang melebur bijih di Butterworth dan Singapura. Perusahaan bijih timah dapat menampung bilangan penganggur-penganggur yang bertambah disebabkan oleh pertambahan penduduk. Hasilnya digunakan untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan dan ekonomi di seluruh negara.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Bijih timah dijumpai oleh Long Jaffar dalam tahun 1848. Ia mengakibatkan kemasukan beramai-ramai pelombong-pelombong China ke Larut.
2. Faktor-faktor yang menyebabkan bijih timah penting ialah:—
 - a) Keadaan politik yang sesuai kerana wujudnya undang-undang dan peraturan.
 - b) Bijih timah sangat-sangat diperlukan untuk dijadikan kepingan-kepingan timah dan mengetin selepas Revolusi Perusahaan.
 - c) Orang-orang China menyediakan buruh-buruh untuk perlombongan bijih timah.
 - d) Cara-cara melombong yang moden diperkenalkan.
 - e) Perkembangan perhubungan, seperti pembinaan jalanraya-jalanraya dan jalan keretapi.
2. Pada mulanya “mendulang” merupakan cara melombong bijih timah yang terawal sekali.
4. Pam-rantai, pam-wap dan bomba-palung diperkenalkan.
5. Dalam tahun 1912, orang-orang Eropah memperkenalkan kapalkorek.
6. Dalam tahun 1909 Tanah Melayu mengeluarkan 39.4% bijih dunia.
7. Harga bijih timah meningkat dengan pesatnya di sekitar tahun 1880 dan orang-orang Eropah menanam lebih banyak modal dalam perusahaan bijih timah.
8. Semasa Kemelesetan 1929–32, harga bijih jatuh dan satu rancangan

pembatasan diperkenalkan tetapi ia tidak begitu berjaya.

9. Dalam tahun 1956 Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa ditandatangani dan harga bijih timah menjadi lebih stabil.
 10. Perusahaan bijih timah menyebabkan pertambahan bilangan penduduk dan bandar-bandar serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Ia menambahkan lagi hasil negara yang digunakan untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan dan ekonomi.
-

2. Perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu dan pentingnya dalam kemajuan ekonomi Tanah Melayu.

2.1 PENGENALAN GETAH KE TANAH MELAYU. Penanaman getah di Tanah Melayu bermula pada akhir kurun ke 18. Secara ringkasnya, biji-biji getah telah dihantar oleh Henry Wickham dari Brazil ke Taman Kew di mana biji-biji getah itu kemudiannya dihantar ke kawasan tropika. 22 batang anak getah itu pula dibawa ke Singapura dalam tahun 1877. Setengah daripadanya ditanam di Taman Bunga di Singapura, sementara itu beberapa batang lagi ditanam di perkarangan rumah Sir Hugh Low di Kuala Kangsar di Perak. Oleh itu Perusahaan Getah Tanah Melayu bermula.

2.2 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA PENTINGNYA GETAH. Getah dimajukan sebagai tanaman percubaan pada akhir tahun-tahun 1880an dan 1890an. Beberapa faktor memberikan sumbangan yang penting ke atas perkembangan perusahaan getah di Negeri-negeri Melayu. Tanaman Kopi merosot, harganya jatuh dan pokok-pokok kopi diserang oleh sejenis penyakit. Setengah-setengah peladang cuba menanam getah dengan perasaan bimbang dan takut-takut. Perkembangan yang cepat dalam perusahaan getah bolehlah dikatakan bergantung kepada usaha-usaha yang gigih dari H.N. Ridley. Ia telah dilantik sebagai Pengarah Taman Bunga dalam tahun 1888 dan bertanggungjawab menggalakkan penanaman getah di Tanah Melayu. Menjalankan percubaan-percubaan, Ridley mencipta cara menoreh getah yang lebih baik dan sempurna dan menggalakkan minat yang mendalam terhadap penanaman getah. Permintaan terhadap getah mula bertambah dengan perkembangan perusahaan motokar. Getah juga penting kerana banyak kegunaannya. Ia digunakan untuk membuat kasut, barang-barang rumah, perkakas-perkakas rumah, kelengkapan elektrik dan perubatan. Sistem perhubungan yang baik membolehkan perkembangan yang pesat terhadap kawasan-kawasan tanah yang luas di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu untuk tanaman getah.

- 2.3 HARGA GETAH MELONJAK NAIK. Penanaman getah semakin pesat apabila permintaan terhadap getah mengakibatkan kenaikan harganya kepada lebih \$2.50 satu paun dalam tahun 1906 dan 1909. Harga getah melonjak sampai ke puncaknya dalam tahun 1910 apabila harganya meningkat kepada hampir \$5.50 satu paun. Harga itu kekal dari tahun 1910 hingga 1912. Dengan itu kawasan yang ditanam dengan getah meningkat kepada 290,000 ekar dalam tahun 1909. Masa inilah telah menarik banyak penanaman modal. Pelopor-pelopor penanaman getah di kalangan orang-orang Eropah dan China ini kemudiannya disertai oleh pekebun-pekebun kecil Melayu untuk menanam getah. Dalam tahun 1919, Tanah Melayu mengekspot hampir-hampir 200,000 tan getah iaitu kira-kira setengah jumlah ekspot dunia.
- 2.4 KEMUNDURAN DALAM PERUSAHAAN GETAH. Dalam tahun-tahun 1920–22, harga getah turun dengan banyaknya disebabkan oleh pengeluaran yang berlebihan dan kemelesetan selepas perang. Harga getah turun sehingga serendah-rendahnya 20 sen satu paun. Dalam tahun 1922 Rancangan Pembatasan Stevenson diperkenalkan untuk menyekat dan mengawal pengeluaran getah di Tanah Melayu dan Ceylon. Rancangan ini masih diteruskan sehingga ke tahun 1928 dan berjaya menaikkan harga hitungpanjangnya kepada 47 sen satu paun dalam tahun 1924. Tanah Melayu yang mengeluarkan 70% pengeluaran getah dunia terpaksa menyekat pengeluarannya kepada 52% saja. Rancangan Stevenson gagal mendapat kerjasama dari Kerajaan Belanda, oleh itu pengeluaran getah dari tanah jajahan Belanda bertambah dengan pesatnya.
- 2.5 RANCANGAN PERATURAN GETAH ANTARABANGSA. Akibat dari turunnya harga getah dalam tahun 1932 menyebabkan satu lagi rancangan untuk mengawalnya diperkenalkan, kali ini dengan persetujuan Belanda untuk bekerjasama. Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa ditandatangani dalam tahun 1934 oleh Inggeris, Belanda, Perancis dan Thai, sebagai langkah untuk mengawal pengeluaran getah dan menstabilkan harganya. Selepas menyekat ekspot getah, harganya mula meningkat. Tetapi penanaman getah di Tanah Melayu telah disekek. Dasar kerajaan ialah untuk tidak menggalakkan penanaman baru. Walau bagaimanapun kawasan penanaman getah masih terus meningkat — dalam tahun 1940 terdapat 3,481,000 ekar.
- 2.6 KEMAJUAN GETAH SELANJUTNYA. Selepas Perang Dunia II, perusahaan getah menghadapi ancaman tidak selamat. Getah Simpanan Amerika menyebabkan harganya turun naik. Orang Amerika mula mengeluarkan getah tiruan, apabila Tanah Melayu dan lain-lain negara pengeluar getah berada di bawah pemerintahan Jepun. Untuk menandingi persaingan daripada getah tiruan, penyelidikan teknikal telah dijalankan oleh Institiut Penyelidikan Getah yang ditubuhkan dalam tahun 1926. Institiut ini bertujuan untuk memperbaiki mutu getah asli, merendahkan

harga pengeluaran, menambahkan penghasilan bagi setiap ekar dan mencari kegunaan-kegunaan baru bagi getah.

- 2.7 PENTINGNYA KEPADA EKONOMI. Getah dan bijih timah menjadi tiang utama ekonomi negara dan mendatangkan hasil utama negara. Ekonomi Tanah Melayu beruntung kerana mendapat hasil pendapatan yang berlebihan dari perusahaan getah. Hasil itu digunakan untuk membiayai projek memperbaiki perhubungan dan perkhidmatan kemasyarakatan. Sebagai salah satu sumber kekayaan yang penting, perkembangan perusahaan getah membawa kepada kemajuan ekonomi. Ramai bilangan orang-orang India dibawa masuk untuk bekerja di ladang-ladang, menyebabkan pertambahan bilangan penduduk. Pembukaan tanah untuk penanaman getah dan juga pembinaan kilang-kilang menolong menyelesaikan masalah pengangguran. Lebih penting lagi, perusahaan ini mengakibatkan lebih banyak pembinaan jalanraya-jalanraya dan jalan keretapi dan pertumbuhan bandar-bandar serta petempatan-petempatan.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Biji-biji getah mula-mula dibawa oleh Henry Wickham daripada Brazil ke Taman Bunga Kew. Setengah-setengah daripada biji getah itu ditanam di Taman Bunga di Singapura dan di Kuala Kangsar.
2. Faktor-faktor yang menyebabkan penanaman getah itu penting ialah:—
 - a) Kemerosotan pengeluaran kopi.
 - b) Galakan oleh Ridley.
 - c) Cara menoreh yang lebih baik diperkenalkan oleh Ridley.
 - d) Perkembangan perusahaan motokar.
 - e) Banyak kegunaan getah.
3. Dari 1910–1912 harga getah telah sampai kepada kemuncaknya — ia mencapai harga \$5.50 satu paun.
4. Penanaman modal dalam perusahaan getah di kalangan orang-orang Eropah, China dan Melayu bertambah.
5. Dalam tahun 1919 Tanah Melayu mengeluarkan setengah daripada pengeluaran getah dunia.
6. Dalam tahun 1920an harga getah merosot. Rancangan Pembatasan Stevenson diperkenalkan dalam tahun 1922 untuk menyekat dan mengawal pengeluaran. Belanda tidak menyertai rancangan ini.
7. Dalam tahun 1934 Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa diperkenalkan untuk menyekat kemerosotan harga getah.
8. Getah tiruan bersaing dengan getah asli. Institiut Penyelidikan Getah

ditubuhkan untuk memperbaiki perusahaan getah.

9. Getah memberi sumbangan kepada ekonomi negara dengan beberapa cara:—
 - a) Memberikan hasil pendapatan negara.
 - b) Hasil itu digunakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan dan memperbaiki perhubungan.
 - c) Membawa kepada pertambahan bilangan penduduk.
 - d) Pertumbuhan bandar-bandar dan petempatan-petempatan.
 - e) Menolong menyelesaikan masaalah pengangguran.
 - f) Pembinaan lebih banyak jalanraya-jalanraya dan jalan keretapi.
-

3. Kemajuan pelajaran di Tanah Melayu di antara tahun-tahun 1816 dan 1962.

- 3.1 **PERINGKAT-PERINGKAT DAN JENIS-JENIS PELAJARAN.** Dalam kemajuan pelajaran di Tanah Melayu di antara 1816 dan 1962 terdapat dua peringkat pelajaran — pelajaran awal di zaman Inggeris dan pelajaran selepas perang. Beberapa faktor menpengaruhi jenis pelajaran yang terdapat di Tanah Melayu pada zaman Inggeris. Disebabkan latarbelakang masyarakat yang berbilang bangsa, sistem pelajaran yang berbeza timbul. Ugama merupakan faktor yang penting menggalakkan badan-badan ugama membuka dan mengelolakan sekolah-sekolah. Tugas printis dalam bidang pelajaran merupakan tugas badan-badan **persendirian**, terutamanya orang-orang persendirian dan pertubuhan-pertubuhan mualigh. Semasa zaman Inggeris, wujudnya dua jenis sekolah, terutamanya sekolah-sekolah tempatan untuk orang-orang Melayu, China dan India dan sekolah-sekolah aliran Inggeris.
- 3.2 **SEKOLAH-SEKOLAH INGGERIS.** Sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu berasal dari sekolah-sekolah swasta yang ditubuhkan oleh badan-badan mualigh atau orang-orang persendirian. Sekolah yang pertama ialah Penang Free School yang ditubuhkan oleh Reverend R.S. Hutchings; “free” dalam soal ia bebas menerima kemasukan murid-murid dari pelbagai bangsa. Ditubuhkan berdasarkan kepada bantuan kewangan daripada Syarikat Hindia Timur Inggeris, sekolah ini menjadi sekolah kerajaan hanya dalam tahun 1920. Singapore Free School dibuka dalam tahun 1837 yang kemudiannya menukarkan namanya kepada Raffles Institution. Sekolah-sekolah Inggeris yang penting dalam kurun ke 19 dan awal kurun ke 20 ialah Malacca Free School 1826, Victoria Institution 1894 dan Sekolah King Edward VII 1906. Sekolah-sekolah ini dikuasai oleh kerajaan.

terletak di kawasan-kawasan bandar dan dihadiri oleh bangsa-bangsa pendatang, terutamanya orang-orang China yang lebih menyukai sekolah-sekolah aliran Inggeris kerana bahasa Inggeris ialah bahasa perdagangan. Sekolah Inggeris Kerajaan yang pertama telah ditubuhkan di Kuala Lumpur dalam tahun 1890.

- 3.3 SEKOLAH MELAYU. Sekolah-sekolah Melayu terletak kebanyakannya di kawasan-kawasan luar bandar di mana orang-orang Melayu banyak terdapat. Sekolah Melayu yang pertama ialah **Sekolah Melayu Glugor** ditubuhkan dalam tahun 1816. Sekolah-sekolah Melayu berdasarkan kepada sekolah-sekolah **Quran** dengan mendapat kebenaran dari kerajaan. Pelajaran-pelajaran tertumpu kepada **pengajaran Melayu** di sebelah pagi dan **pengajaran Quran** di sebelah petang. Prasangka dan bantahan terhadap anak-anak perempuan dihantar ke sekolah menyebabkan bilangan murid-murid perempuan di sekolah-sekolah Melayu kecil. Di Selangor, kanak-kanak lelaki Melayu diberi pelajaran rendah percuma dalam tahun 1819. Untuk menyediakan sekolah bagi anak-anak bangsawan dan keluarga diraja Melayu, **Maktab Melayu Kuala Kangsar** ditubuhkan dalam tahun 1905.
- 3.4 SEKOLAH CHINA. Sekolah-sekolah China ditubuhkan dan **disokong** oleh orang-orang China sendiri. Sekolah-sekolah China di Negeri-negeri Selat menggunakan **Bahasa Kebangsaan China (Kuo-Yu)** sebagai bahasa pengantar, dan guru-gurunya diambil dari negeri China. Dalam tahun 1923 sistem bantuan kewangan diperkenalkan untuk sekolah-sekolah China yang sanggup menerima lawatan dari kerajaan. Dalam tahun 1924 kerajaan mengambil perhatian terhadap pelajaran China dan melantik seorang **Nazir Sekolah-sekolah China** dari Jabatan Pelindung China.
- 3.5 SEKOLAH TAMIL. Pelajaran Tamil di Tanah Melayu berhubung rapat dengan penanaman getah. **Undang-undang Buruh tahun 1912** menegaskan penubuhan sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang getah untuk kanak-kanak India. Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar dan menerima sedikit **bantuan kewangan** daripada kerajaan. Dalam tahun 1930 kerajaan melantik seorang **Nazir Inggeris** untuk Sekolah-sekolah Tamil.
- 3.6 KEMAJUAN PELAJARAN. Pelajaran terus mendapat perhatian daripada badan-badan mubaligh sehingga tahun 1919 apabila kerajaan menubuhkan lebih banyak sekolah-sekolah. **Pendaftaran** di sekolah-sekolah ini naik meningkat. Tidak lama kemudian **bantuan kewangan** diberikan kepada sekolah-sekolah mubaligh dan sekolah-sekolah bukan-kerajaan. Sekolah-sekolah itu menjadi sebahagian yang penting dalam sistem pelajaran. Pelajaran di peringkat awal bertujuan untuk mengajar kanak-kanak membaca, menulis Inggeris dan juga mengira. Kemudiannya, sekolah-sekolah itu melengkapkan kanak-kanak sekolah untuk mendapatkan pekerjaan. Pelajaran Inggeris terbagi kepada dua peringkatan **pelajaran rendah** selama

enam tahun dan pelajaran menengah selama lima tahun untuk menduduki Peperiksaan Tempatan Cambridge. Sijil Persekolah Cambridge menjadi paspot untuk mendapatkan kerja yang bergaji lumayan. Terdapat juga peruntukan bagi pelajaran tinggi selama 2 tahun untuk mendapatkan Sijil Tinggi Persekolah. Sebahagian daripada sukanan pelajaran sekolah ialah trengkas, ilmu menyimpangkira dan menaip yang diajar di sekolah Inggeris. Pelajaran vokesyenal yang demikian membawa kepada kelayakan perdagangan, dengan itu menyediakan kanak-kanak sekolah kepada pekerjaan-pekerjaan “berkolar putih”.

- 3.7 **LATIHAN PERGURUAN.** Latihan Perguruan merupakan bahagian pelajaran yang penting. Guru-guru yang terlatih diperlukan dengan pembukaan sekolah-sekolah kerajaan. Maktab Perguruan Sultan Idris yang ditubuhkan di Tanjung Malim dalam tahun 1932 melatih guru-guru untuk sekolah-sekolah Melayu. Latihan untuk guru-guru sekolah Inggeris diberikan seawal-awalnya pada tahun 1907. Selepas perang, dengan penekanan yang lebih terhadap pelajaran, guru-guru dilatih di seberang laut dan juga di dalam negeri di Maktab Latihan Guru di Pulau Pinang. Guru-guru siswazah juga diberikan kursus Diploma Pendidikan di Universiti Malaya. Untuk sekolah-sekolah rendah, beberapa buah Pusat Latihan Harian telah ditubuhkan di seluruh negara.
- 3.8 **PELAJARAN TINGGI.** Dalam tahun 1905 Maktab Perubatan King Edward VII ditubuhkan. Satu lagi pusat pelajaran tinggi ialah Raffles College di Singapura, ditubuhkan pada tahun 1928 untuk aliran-aliran Sastera dan Sains. Dalam tahun 1949 Universiti Malaya ditubuhkan di Singapura dengan mencantumkan Raffles College dengan Maktab Perubatan. Universiti Malaya yang berasingan kemudiannya ditubuhkan di Kuala Lumpur dalam tahun 1962.
- 3.9 **PELAJARAN TEKNIK.** Pelajaran teknik tidak ketinggalan. Sekolah Perguruan Teknik dibuka di Kuala Lumpur dalam tahun 1906 untuk melatih juruteknik-juruteknik bagi Kerjaraya; Jabatan-jabatan Keretapi dan Ukur. Ia kemudiannya menjadi Maktab Teknik. Di samping Maktab Teknik, ditubuhkan juga Maktab Pertanian Serdang dalam tahun 1931.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Pada masa Inggeris terdapat 2 jenis sekolah – sekolah-sekolah tempatan dan sekolah-sekolah Inggeris.
2. Sekolah-sekolah Inggeris pada mulanya ditubuhkan oleh badan-badan mubaligh. Sekolah-sekolah itu ialah:
 - a) Penang Free School.

- b) Singapore Free School.
 - c) Malacca Free School.
 - d) Victoria Institution.
 - e) Sekolah King Edward VII.
3. Sekolah Inggeris Kerajaan yang pertama ditubuhkan di Kuala Lumpur dalam tahun 1890.
 4. Sekolah-sekolah Melayu telah ditubuhkan untuk orang-orang Melayu. Sekolah-sekolah Melayu yang penting ialah Sekolah Melayu Glugor dan Maktab Melayu Kuala Kangsar.
 5. Kanak-kanak lelaki di Selangor diberi pelajaran rendah percuma dalam tahun 1891.
 6. Sekolah-sekolah China telah diajar oleh guru-guru dari negeri China dan menerima sedikit bantuan kewangan daripada kerajaan.
 7. Sekolah-sekolah Tamil ditubuhkan di ladang-ladang getah dan menerima bantuan kewangan yang serupa daripada kerajaan.
 8. Dua buah Maktab Perguruan telah ditubuhkan — Maktab Perguruan Sultan Idris untuk guru-guru Sekolah Melayu dan Maktab Latihan Guru di Pulau Pinang.
 9. Pusat-pusat Latihan Harian telah ditubuhkan untuk melatih guru-guru sekolah rendah.
 10. Pusat-pusat pelajaran tinggi ialah Maktab Perubatan King Edward VII, Raffles College dan Universiti Malaya.
 11. Latihan teknik diberikan oleh Maktab Teknik.
 12. Maktab Pertanian Serdang ditubuhkan dalam tahun 1931.
-

4. Kemajuan Landasan-landasan Keretapi dan Jalanraya-jalanraya di Tanah Melayu.

4.1 PERMULAAN PENGANGKUTAN MODEN. Ubahansur sistem pengangkutan Malaysia boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama ialah pengangkutan yang menggunakan sungai dan peringkat kedua pengangkutan moden seperti keretapi, jalanraya dan pengangkutan udara. Sebelum kurun ke 19, bandar-bandar tidak didiami oleh ramai penduduk kerana penduduk-penduduknya tinggal berselerak di sepanjang panjang tebing sungai. Sungai menjadi alat perhubungan yang penting. Hanya dengan wujudnya campurtangan Inggeris dalam tahun 1874 barulah batu asas pengangkutan moden seperti keretapi dan jalanraya diletakkan.

- 4.2 PERMULAAN KERETAPI. Permulaan keretapi di Tanah Melayu ialah akibat daripada dayausaha Residen-residen Inggeris. Pembinaan landasan-landasan keretapi berlaku dalam 2 zaman iaitu 1885–1895 dan 1895–1910. Landasan-landasan keretapi yang awal adalah pendek-pendek dan menghubungkan kawasan-kawasan perlombongan bijih timah dengan pelabuhan-pelabuhan. Landasan keretapi yang pertama dibina di Tanah Melayu oleh Sir Hugh Low dalam tahun 1895 menghubungkan **Port Weld** dengan **Taiping**. Kemudiannya **Kuala Lumpur** dihubungkan dengan **Kelang** dalam tahun 1890 untuk memberi perkhidmatan kepada perlombong-pelombong bijih di Lembah Kelang. Beberapa batu lagi landasan Keretapi telah dibina untuk kawasan-kawasan perlombongan bijih, misalnya dari **Port Dickson** ke **Seremban** dalam tahun 1891 dan **Teluk Anson** ke **Tapah** dan **Ipooh** ke **Batu Gajah** dalam tahun 1893.
- 4.3 KEMAJUAN KERETAPI. Langkah selanjutnya dalam kemajuan keretapi ialah pembinaan landasan-landasan keretapi antara-negeri. Selepas pembentukan Persekutuan dalam tahun 1896, dayausaha yang besar telah diambil untuk menyambungkan sistem-sistem keretapi di negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Landasan keretapi utama dari Utara ke Selatan telah dibina. Pembinaan landasan keretapi antara-negeri mula dijalankan dalam tahun 1903 apabila **Prai** disambungkan dengan landasan keretapi dengan **Seremban**. Landasan itu seterusnya dilanjutkan sehingga ke **Gemas** dan kemudiannya ke **Johor Baharu** dalam tahun 1918.
- 4.4 SISTEM KERETAPI YANG LENGKAP. Menjelangnya zaman selepas perang, sistem keretapi untuk seluruh negara telahpun hampir-hampir lengkap. **Landasan Keretapi Utara-Selatan** kemudiannya dipanjangkan ke utara sehingga ke Sempadan Siam di **Padang Besar** dalam tahun 1918. Sambungan ke barat dibuat ke atas landasan ini apabila ia menghubungkan **Seberang Perai** daripada **Bukit Mertajam**. Landasan itu kemudiannya dipanjangkan ke selatan dalam tahun 1923 apabila **Tambak Johor** dibina untuk menghubungkan Singapura dengan Semenanjung Tanah Melayu. Sementara itu pembinaan landasan keretapi di pantai timur juga sedang dilancarkan. Pantai Timur disambungkan dengan landasan keretapi ke Barat dengan memanjangkan landasan itu dari **Gemas** ke utara melalui **Pahang** ke **Tumpat** di **Kelantan**. Landasan keretapi Tumpat itu akhirnya dihubungkan dengan Keretapi Siam dalam tahun 1931.
- 4.5 JALANRAYA-JALANRAYA YANG PERTAMA. Perlombongan bijih timah dan penanaman getah juga menyebabkan kemajuan jalanraya-jalanraya. Ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih timah pada mulanya dihubungkan dengan pelabuhan-pelabuhan penting oleh lorong-lorong kecil dan kemudiannya lorong-lorong itu dimajukan menjadi jalanraya-jalanraya yang bertar dan tidak bertar. Jalanraya menjadi penting dengan pengenalan motokar, pada awal kurun ke 20. Jalanraya-jalanraya

yang awal adalah pendek dan pembinaan jalanraya-jalanraya yang panjang dan baik bertambah dengan pesatnya, terutamanya selepas pengenalan Sistem Residen. Pembinaan jalanraya-jalanraya kebanyakannya dijalankan oleh Jabatan Kerjaya di tiap-tiap buah negeri.

- 4.6 **PEMBINAAN JALANRAYA SELANJUTNYA.** Persekutuan juga membawa kemajuan kepada jalanraya-jalanraya dengan menghubungkan kawasan-kawasan luarbandar dengan landasan-landasan keretapi. Jalanraya utama telah dibina di antara Prai dengan Melaka. Sebatang lagi jalanraya menghubungkan Kuantan dengan Barat. Menjelang tahun 1928, terdapat beberapa batang jalanraya menghubungkan negeri-negeri Melayu utara seperti Kedah dan Perlis dengan negeri Johor di selatan. Di Pantai Timur, jalanraya-jalanraya telah dibina di sekitar Kota Baharu.
- 4.7 **KEMAJUAN JALANRAYA.** Menjelang tahun 1906, terdapat kira-kira 1,600 batu jalanraya yang bertar dan 270 batu jalanraya yang tidak bertar di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sistem jalanraya bertambah panjang, terutamanya di Pantai Barat dan di Pantai Timur. Menjelang tahun 1938, terdapat sebatang jalanraya menghubungkan Terengganu dengan Kelantan. Dalam tahun 1955, jalanraya Temerloh-Maran telah siap dibina menghubungkan jalanraya utama Timur-Barat dengan melalui bandar-bandar Bentong, Raub dan Kuala Lipis. Jalanraya utama Timur-Barat ini merupakan jalanraya yang terpenting menghubungkan Pantai Barat ke Pahang di Kuantan dan kemudiannya bercantum dengan negeri-negeri Terengganu dan Kelantan di timur-laut, sehingga ke Kota Baharu.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Landasan-landasan keretapi dan jalanraya-jalanraya telah dibina setelah Sistem Residen Inggeris diperkenalkan.
2. Residen-residen Inggeris memainkan peranan yang penting membina landasan-landasan Keretapi yang awal.
3. Landasan keretapi yang awal ialah:—
 - a) dari Taiping ke Port Weld — 1885.
 - b) Kuala Lumpur ke Kelang — 1890.
 - c) Port Dickson ke Seremban — 1891.
 - d) Teluk Anson ke Tapah dan Ipoh ke Batu Gajah — 1893.
4. Selepas pembentukan Persekutuan, sistem landasan keretapi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah disambungkan.
5. Dalam tahun 1903, landasan keretapi telah dibina dari Seremban ke Prai.
6. Ia dilanjutkan ke Gemas dan Johor Bahru dalam tahun 1918.

7. Landasan keretapi Utara-Selatan dipanjangkan ke Padang Besar dalam tahun 1918.
 8. Di Panitia Timur, landasan keretapi itu dihubungkan ke Tumpat dan kemudiannya ke Sempadan Thai dalam tahun 1931.
 9. Jalanraya-jalanraya menjadi penting selepas pengenalan motokar.
 10. Jalanraya-jalanraya yang awal adalah dalam bentuk lorong-lorong kecil yang kemudiannya berkembang menjadi jalanraya yang bertar dan juga tidak bertar.
 11. Selepas pembentukan Persékutuan, sistem jalanraya dimajukan dan dipanjangkan.
 12. Jalanraya utama telah dibina dari Prai ke Melaka.
 13. Dalam tahun 1906, terdapat 1,600 batu jalanraya yang bertar dan 270 batu jalanraya yang tidak bertar.
 14. Dalam tahun 1955, jalanraya utama dari Timur ke Barat siap dibina.
-

TANAH MELAYU: PERUBAHAN-PERUBAHAN EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN.

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN.

1. Jelaskan perkembangan Perusahaan Bijih Timah di Tanah Melayu sehingga tahun 1956. Apakah kesan-kesan perusahaan bijih timah ke atas ekonomi Tanah Melayu?
(Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Jelaskan dengan ringkasnya perkembangan Perusahaan Getah di Tanah Melayu dan sumbangannya kepada ekonomi negara.
(Rujuk kepada Tajuk 2)
3. Apakah faktor-faktor yang memberi sumbangan terhadap pentingnya perusahaan getah di Tanah Melayu? Jelaskan kebangkitan dan kemerosotan perusahaan ini.
(Rujuk kepada Tajuk 2)
4. Jelaskan kemajuan pelajaran di Tanah Melayu di antara 1816 dengan 1962.
(Rujuk kepada Tajuk 3)
5. Berikan catitan ringkas mengenai kemajuan keretapi dan jalanraya di Tanah Melayu.
(Rujuk kepada Tajuk 4)

BAB 13 PENDUDUKAN JEPUN DAN DARURAT DI TANAH MELAYU.

1. Pendudukan Jepun dan kesan-kesannya ke atas Tanah Melayu sehingga tahun 1948.

- 1.1 PENYERANGAN JEPUN KE ATAS TANAH MELAYU. Di Tanah Melayu, askar-askar Jepun mendarat di Kota Baharu pada 8hb. Disember 1941. Mereka mara ke selatan, dan pada 15hb. Februari 1942, perperangan yang hebat berlaku di Singapura. Serangan Jepun itu tamat dengan penyerahan kalah Jeneral Percival kepada Pemerintah Jepun.
- 1.2 PENUBUHAN PENTADBIRAN JEPUN. Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu dijalankan dengan kejamnya. Sebagai langkah untuk mengekalkan keamanan dan undang-undang, pentadbiran tentera yang kejam dijalankan, dengan meletakkan Tanah Melayu dan Sumatera di bawah seorang Presiden, iaitu Gunseikan. Singapura diberi nama Syonan, dan ditadbirkan oleh seorang datuk bandar tentera Jepun. Dalam tahun 1943, satu perubahan dilakukan apabila Sumatera dipisahkan daripada Tanah Melayu, yang diletakkan di bawah nama New Malai. Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Siam. Di bawah pemerintahan Jepun, Sultan kekal menjadi ketua negeri masing-masing. Pasukan polis kekal di bawah pentadbiran Kempeitai dan pengelolaan kehakiman diletakkan di bawah Gunseikan.
- 1.3 KEZALIMAN PEMERINTAHAN JEPUN. Pemerintahan Jepun selama tiga tahun setengah menyebabkan wujudnya perasaan benci di kalangan penduduk-penduduk tempatan. Sebuah mahkamah tentera ditubuhkan untuk membicarakan semua kes, menurut ordinan dan undang-undang tentera menyebabkan timbulnya ketakutan di kalangan penduduk tempatan. Pembunuhan beramai-ramai dan penyiksaan dilakukan dengan sewenang-wenangnya terutama kepada orang-orang China dan kepada sesiapa yang menentang pemerintahan Jepun. Paling zalim ialah tindakan Jepun mendapatkan buruh paksa dan melakukan keganasan ke atas mereka. Yang paling nyata ialah pembinaan “Landasan Keretapi Maut” menyambungkan Burma Selatan dengan Bangkok. Hanya sebilangan kecil saja pekerja-pekerjanya yang terselamat daripada maut ketika membangun landasan keretapi itu.
- 1.4 MEMBEZA-BEZAKAN BANGSA. Orang-orang China dilayan dengan kejamnya oleh Jepun kerana mereka tidak dikehendaki dari segi politik. Mereka dipaksa memberi derma sebanyak \$50,000,000 untuk pentadbiran Jepun. Orang-orang Nasrani juga menerima layanan buruk tetapi Jepun lebih bertimbangrasa kepada orang-orang Melayu. Mereka cuba menaikkan semangat kebangsaan orang Melayu untuk kepentingan mereka sendiri.

- 1.5 KEADAAN EKONOMI. Dasar secukup-hidup Jepun mengakibatkan kekurangan barang-barang makanan. Tidak terdapatnya impot barang-barang dan beras juga tidak mencukupi, dan terpaksa digantikan dengan ubi kentang dan ubikayu. Pengeluaran getah dan bijih timah terhenti dan inflasi matawang menyebabkan matawang Jepun tidak bernilai lagi. Oleh itu kilang-kilang baru didirikan untuk mengatasi masaalah kekurangan barang-barang makanan dan akhirnya kilang-kilang itu diletakkan di bawah penguasaan firma-firma Jepun seperti Mitsui dan Mitsubishi.
- 1.6 PENJEPUNAN. Jepun memaksakan penggunaan bahasa Jepun dan memperkenalkan pelajaran Jepun di Tanah Melayu. Mereka menitikberatkan penggunaan bahasa Nippun sebagai bahasa rasmi dan pentadbiran yang tunggal. Lagu-lagu kemegahan Jepun diwajibkan nyanyi dan penduduk-penduduk Tanah Melayu dilatih supaya taat setia kepada Jepun. Bahasa Jepun menggantikan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.
- 1.7 WABAK PENYAKIT DAN PENENTANGAN TERHADAP PEMERINTAHAN JEPUN. Pengabaian perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan menyebabkan berlakunya wabak penyakit yang meluas terutamanya malaria. Kebuluran dan kekurangan zat makanan menambahkan kadar kematian. Golongan-golongan penentang ditubuhkan untuk menentang Jepun di mana-mana. Akibat penting dari pergerakan bawah tanah ini ialah wujudnya Komunis China. Mereka menubuhkan Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun (M.P.A.J.A.) yang bersembungi di kawasan-kawasan hutan dan mengadakan hubungan dengan pihak berikat, menerima bantuan senjata dan alat-alat kelengkapan perang yang digugurkan dari udara. Kumpulan-kumpulan penentang yang ditubuhkan di kalangan orang-orang Melayu ialah Bintang Tiga dan Wataniah.
- KESAN-KESAN PEMERINTAHAN JEPUN.**
- 1.8 KETIADAAN UNDANG-UNDANG. Sungguhpun kekalahan Jepun dalam tahun 1945 menamatkan zaman keganasan dan kekejaman, pendudukan Jepun meninggalkan banyak masaalah. Ketiadaan undang-undang dan perbuatan-perbuatan jenayah semasa Pendudukan Jepun dahulu menyebabkan kerajaan Inggeris terpaksa mengembalikan semula keamanan dengan segera. Kekejaman dan pembunuhan yang disebabkan oleh perrusuhan perkauman bermula selepas penyerahan kalah Jepun dan wujudnya kekosongan politik. Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun keluar dari hutan untuk mengambil alih pentadbiran.
- 1.9 KEKACAUAN EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN. Kemusnahan yang meluas berlaku ke atas lombong-lombong bijih timah dan ladang-ladang getah. Pengangguran besar-besaran wujud dan terdapatnya kekurangan tenaga buruh yang mahir. Tugas membina semula ekonomi negara menelan belanja yang besar. Pengeluaran bahan-bahan pertanian

perlu diperluaskan. Semua jenis bangunan dan harta benda telah musnah. Penutupan sekolah-sekolah terpaksa dibuka semula. Kadar kematian yang tinggi terpaksa diatasi dan kekurangan kelengkapan moden dan bekalan perubatan mesti juga diatasi. Perkhidmatan kesihatan awam memerlukan pembaruan.

- 1.10 PERKEMBANGAN SEMANGAT KEBANGSAAN MELAYU. Semasa Pendudukan Jepun, kesedaran politik orang-orang Melayu telah berkembang dengan pesatnya dan tidak dapat dilihat sebelumnya. Ini terbukti dari penentangan mereka terhadap Rancangan Malayan Union. Parti-parti politik Melayu muncul seperti Persatuan Islam Se Tanah Melayu (PAS) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).
- 1.11 KEJATUHAN MARUAH INGGERIS. Pendudukan Jepun menyebabkan kejatuhan maruah Inggeris. Ia menamatkan kepercayaan bahawa kekuasaan Inggeris tidak dapat dijatuhkan. Penduduk-penduduk tempatan hilang kepercayaan kepada perlindungan Inggeris dan kemenangan Jepun memberi mereka harapan baru terhadap pembebasan kebangsaan.
- 1.12 PENGUKUHAN FAHAMAN KOMUNIS DI TANAH MELAYU. Komunis Tanah Melayu mengambil peluang, semasa Pendudukan Jepun untuk menujuhkan Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun dan melatih mereka untuk kegiatan gerila. Mereka telah membuat rancangan untuk menujuhkan "Repablik Rakyat Melayu" selepas perang. Sungguhpun M.P.A.J.A. diharamkan oleh Inggeris, tetapi mereka terus bergerak di bawah tanah. Komunis Tanah Melayu mengadakan pemberontakan terbuka dalam tahun 1948.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

A. PENDUDUKAN JEPUN.

1. Menjelangnya 15hb. Februari 1942, Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun.
2. Pentadbiran Tentera Jepun ditubuhkan. Tanah Melayu dan Sumatera diletakkan di bawah Gunseikan.
3. Singapura, dinamakan Syonan, dikuasai oleh seorang datuk bandar Jepun.
4. Dalam tahun 1943, Tanah Melayu dipisahkan dari Sumatera dan dinamakan New Malai. Pasukan polis dikuasai oleh Kempeitai.
5. Terdapatnya pembunuhan beramai-ramai dan penyiksaan yang berleluasa, dan ramai yang mati kerana dipaksa bekerja untuk membina "Landasan Keretapi Maut".
6. Orang-orang China dan Nasrani dilayan dengan kejamnya.

7. Makanan berkurangan, pengeluaran getah dan bijih timah terhenti dan berlakunya inflasi matawang.
8. Bahasa Jepun dijadikan bahasa wajib.
9. Kebuluran berleluasa, kekurangan zat makanan dan kadar kematian yang tinggi adalah akibat daripada kegagalan perkhidmatan kesihatan di bawah Jepun.
10. Kumpulan-kumpulan penentang ditubuhkan untuk menentang Jepun, seperti M.P.A.J.A., Bintang Tiga dan Wataniah.

B. KESAN-KESAN PEMERINTAHAN JEPUN.

1. Terdapatnya ketiadaan undang-undang dan perbuatan-perbuatan jenayah yang berleluasa seperti keganasan dan pembunuhan.
 2. Terdapatnya kekacauan dalam lapangan kemasyarakatan dan ekonomi. Makanan berkurangan, keadaan kesihatan bertambah buruk dan banyak kemusnahan berlaku ke atas bangunan-bangunan dan harta benda.
 3. Semangat kebangsaan orang-orang Melayu digalakkan. Mereka menu buhkan PAS dan UMNO untuk menentang Malayan Union.
 4. Inggeris kehilangan maruah apabila ditewaskan oleh Jepun.
 5. Pendudukan Jepun menambah dan menguatkan lagi aktiviti komunis. Ia menyebabkan meletusnya pemberontakan komunis dalam tahun 1948.
-

2. Pergerakan Menentang Jepun di Tanah Melayu.

- 2.1 PEMERINTAHAN JEPUN. Kekejaman dan penderitaan di bawah pemerintahan Jepun menyebabkan munculnya pergerakan menentang Jepun. Kebanyakan penduduk yang menentang pemerintahan Jepun ialah orang-orang China. Mereka menu buhkan pergerakan-pergerakan di bawah tanah, melatih diri mereka dalam peperangan gerila dan menggunakan hutan-rimba sebagai tempat persembunyian mereka. Kebanyakan daripada mereka ialah komunis-komunis yang telah dibebaskan oleh kerajaan tidak lama sebelum penyerahan kalah Inggeris. Mereka bekerjasama dengan askar-askar Pihak Berikat. Askar-askar Inggeris, terutamanya Pasukan 136, memutuskan untuk menggunakan komunis bagi mengalahkan Jepun.
- 2.2 KUMPULAN-KUMPULAN PENENTANG. Banyak kumpulan-kumpulan penentang telah ditubuhkan dan bekerja rapat dengan pihak berkuasa Pihak Berikat. Mereka menerima senjata-senjata daripada askar-askar

Inggeris dan membuat persediaan untuk menewaskan Jepun. Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun mengandungi ahli-ahlinya terutama daripada Parti Komunis Tanah Melayu. Pasukan 136 diketuai oleh Spencer Chapman. Orang-orang Melayu menubuhskan Bintang Tiga dan Wataniah. Ahli-ahli Kuomintang menubuhskan Tentera Pertahanan-Diri Orang-orang China Seberanglaut Malaya.

- 2.3 PERGERAKAN PENENTANGAN. Pergerakan penentangan mempunyai pimpinan yang cekap di bawah Lim Bo Seng. Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun merupakan kumpulan yang terkuat sekali dan mempunyai kira-kira 8 rejimen menjelang akhir perang. Mereka menjalankan tindakan keganasan tetapi tidak mengadakan perang terbuka dengan Jepun. Mereka bekerjasama dengan Pihak Berikat untuk menewaskan Jepun dan M.P.A.J.A. juga berharap untuk mengambil alih pemerintahan negara selepas kekalahan Jepun. Mereka gagal dan kemudian mereka mengadakan pemberontakan terbuka dalam tahun 1948.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Pergerakan menentang Jepun bermula di Tanah Melayu untuk menentang pemerintahan Jepun.
 2. Kebanyakan daripada kumpulan penentang itu terdiri daripada orang-orang China dan Komunis yang berharap untuk menubuhskan sebuah Repablik Komunis di Tanah Melayu.
 3. Kumpulan penentang yang terpenting sekali ialah Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun (MPAJA). Lain-lain kumpulan ialah Bintang Tiga dan Wataniah.
 4. Kumpulan-kumpulan penentang itu bekerjasama dengan askar-askar Pihak Berikat yang menubuhskan Pasukan 136.
 5. Ketua kumpulan penentang ialah Lim Bo Seng. Tetapi M.P.A.J.A. gagal mengambil alih pemerintahan negara ini.
-
3. Perkembangan Parti Komunis Malaya sehingga kepada Perisytiharan Darurat dalam tahun 1948.
-
- 3.1 KEDATANGAN FAHAMAN KOMUNIS KE TANAH MELAYU. Fahaman komunis tiba di Tanah Melayu hanya pada akhir 1920an, terutamanya kerana ketiadaan satu kelas masyarakat yang terlalu menderita. Fahaman

komunis merebak ke Tanah Melayu melalui cawangan Kuomintang yang telah ditubuhkan. Beransur-ansur, ajaran Komunis meresap masuk ke dalam sekolah-sekolah China dan kelas-kelas malam melalui guru-guru yang berfaham kiri. Mereka dengan mudahnya mempengaruhi murid-murid sekolah yang masih muda itu.

- 3.2 **PEMBENTUKAN PARTI KOMUNIS MALAYA.** Selepas tahun 1925, Kuomintang diisyiharkan haram di Tanah Melayu. Dalam tahun 1927, Chiang Kai Shek, membataalkan perikatan di antara Kuomintang dengan Parti Komunis China, dan Komunis tidak dapat menggunakan cawangan-cawangan Kuomintang di Tanah Melayu. Oleh itu, satu pertubuhan yang berasingan dinamakan **Parti Komunis Nanyang** ditubuhkan untuk Asia Tenggara. Dalam tahun **1930**, **Parti Komunis Malaya (PKM)** ditubuhkan di Singapura, dikuasai oleh Badan Penyeliaan Komunis Antarabangsa yang dikenali sebagai **Comintern**.
- 3.3 **KEGIATAN-KEGIATAN AWAL PARTI KOMUNIS MALAYA.** Pada tahun-tahun awal penubuhannya, ia selalu melancarkan pemogokan-pemogokan. PKM mendakwahkan proganda melalui kesatuan-kesatuan sekerja yang kecil dan kelab-kelab belia. Pemogokan-pemogokan itu tidak berjalan dengan lama kerana tindakan polis dan tiada sokongan dari orangramai. Penangkapan Dueroux, seorang Wakil Komunis dan pengakuan-nya menyebabkan polis dapat bertindak dengan segera. Sehingga tahun 1933 PKM masih lagi lemah, tidak berkesan dan hampir-hampir tidak wujud. Ia kekurangan pimpinan daripada Comintern dan tidak mempunyai kewangan yang cukup.
- 3.4 **KESAN KEMELESETAN.** Kemelesetan Dunia tahun 1930 melibatkan pergerakan Komunis. Di bawah keadaan ekonomi yang merosot, apabila harga getah dan bijih timah jatuh, penduduk Tanah Melayu dengan mudahnya terpengaruh kepada idea-idea Komunis. Oleh itu, PKM mengambil peluang untuk meresap masuk ke dalam masyarakat yang tertindas dari segi ekonomi. Kegiatan-kegiatannya bertambah, keahlian parti bertambah dan parti itu sendiri disusun semula.
- 3.5 **KEGIATAN-KEGIATAN SELANJUTNYA.** Pemogokan di Batu Arang tahun **1935** diilhamkan oleh Komunis. Mereka mengambil lombong-lombong yang selama ini membekalkan tenaga kepada banyak kilang dan keretapi. Satu pasukan polis yang terdiri daripada 300 orang polis menghancurkan pemogokan itu. Satu lagi pemogokan yang berhaluan diri melibatkan 30,000 orang buruh dalam perusahaan mengetin dan nenas. Pemogokan-pemogokan berterusan dalam tahun-tahun sebelum perang. Kerajaan Inggeris menggunakan langkah-langkah menindas seperti mengharamkan PKM, menangkap, memenjara dan membuang negeri ahli-ahlinya yang cergas ke negeri China. Dalam tahun-tahun **1936** dan **1937**, banyak pemogokan terjadi dan ramai pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja di-

tangkap. Kegiatan Komunis kemudiannya bertambah lemah disebabkan kemerosotan pengaruh dan popularnya.

- 3.6 **PENJAJAHAN JEPUN DAN KESANNYA KE ATAS FAHAMAN KOMUNIS.** Meletusnya perperangan di antara Jepun dan China dalam tahun 1937 membangkitkan perasaan anti Jepun di negeri China. Kerjasama di antara Komunis dengan pergerakan-pergerakan anti Jepun mempengaruhi PKM. Ia mengambil lebih ramai ahli di kalangan orang-orang China di Tanah Melayu, terutamanya melalui paksaan. Sebagai sebuah pertubuhan yang dikuasai sepenuhnya oleh orang-orang China, ia tidak mempunyai pengaruh yang besar ke atas orang-orang India dan Melayu. Lebih banyak pemogokan dan kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja terjadi di antara 1939–1940. Menjelang tahun 1939, terdapat kira-kira 37,000 orang Komunis di Tanah Melayu dan Singapura.
- 3.7 **PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU.** PKM bekerjasama dengan Inggeris menentang Jepun di Tanah Melayu. Semasa Pendudukan Jepun, PKM memperkenalkan dirinya sebagai juara rakyat melalui Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun (MPAJA). PKM membuat satu rancangan untuk menubuhkan sebuah Repablik Rakyat di Tanah Melayu selepas perang. Sementara itu, MPAJA bekerjasama dengan Inggeris dan mendapat senjata-senjata dan lain-lain kelengkapan perang melalui udara. Cawangan-cawangan sulit MPAJA ditubuhkan di bawah arahan Loi Tak, Setiausaha Agung. Cawangan-cawangan sulit ini bersembunyi dalam hutan-rimba untuk membuat persiapan bagi mengambil alih Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun. Selepas Jepun menyerah diri, akhirnya Inggeris memujuk MPAJA untuk menyerahkan senjata-senjata mereka. Tetapi, tidak semua senjata telah diserahkan.
- 3.8 **PERISTIWA-PERISTIWA YANG MEMBAWA KEPADA DARURAT.** PKM dilemahkan oleh perselisihan di dalam parti itu sendiri. Dalam tahun 1947, Loi Tak, yang telah belot dengan menyerahkan ahli-ahli partinya kepada Jepun semasa Pendudukan Jepun, telah mlarikan diri dengan membawa wang parti. PKM kemudiannya memilih seorang Setiausaha Agung baru, Chin Peng, dan parti itu disusun semula. Dalam bulan Februari 1948, satu pemberontakan bersenjata telah dirancangkan dalam mesyuarat pemimpin-pemimpin Komunis Asia di Calcutta. Tidak lama kemudian, Komunis Tanah Melayu memulakan satu pemberontakan bersenjata di Tanah Melayu. Pembunuhan-pembunuhan dan kekacauan bertambah dan keadaan darurat pun diisyiharkan dalam bulan Jun 1948.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Fahaman Komunis tiba di Tanah Melayu pada akhir 1920an melalui parti-parti Kuomintang yang telah ditubuhkan.
 2. Dalam tahun 1925, Parti Kuomintang di Tanah Melayu diharamkan.
 3. Dalam tahun 1930, Parti Komunis Malaya ditubuhkan di Singapura.
 4. Kegiatan-kegiatan awal parti itu kebanyakannya dijalankan dalam bentuk pemogokan secara kecil-kecilan dan tidak lama.
 5. PKM adalah lemah, mempunyai tabung kewangan yang sedikit dan kegiatan-kegiatannya dengan mudah dihancurkan oleh polis.
 6. Parti itu mendapat lebih ramai ahli ketika berlakunya Kemelesetan Dunia. Di bawah keadaan ekonomi yang buruk, rakyat senang dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Komunis.
 7. Dalam tahun 1930an, lebih banyak pemogokan berlaku, dan yang terpenting ialah Pemogokan di Batu Arang dalam tahun 1935.
 8. Kerajaan bertindak balas dengan mengharamkan PKM, menangkap dan memenjarakan ahli-ahlinya serta membuang negeri setengah-setengah ahlinya yang cergas ke negeri China.
 9. Komunis menjadi anti Jepun selepas peperangan di antara China dan Jepun.
 10. Semasa perang, PKM membuat rancangan untuk menu buhkan sebuah Repablik Rakyat di Tanah Melayu. Di bawah Loi Tak, mereka menu buhkan cawangan-cawangan sulit MPAJA.
 11. MPAJA dipaksa menyerahkan senjata mereka selepas kekalahan Jepun.
 12. PKM disusun semula di bawah Setiausaha Agung barunya, Chin Peng. Ia memulakan pemberontakan bersenjata dalam tahun 1948 dan darurat diisytiharkan dalam bulan Jun 1948.
-

4. Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- 4.1 PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN. Disebabkan penentangan yang hebat daripada UMNO terhadap Malayan Union, satu Jawatankuasa ditubuhkan di bawah Malcolm MacDonald. Ia akhirnya bersetuju untuk membentuk Persekutuan yang mengandungi sembilan buah Negeri Melayu dan Pulau Pinang dan Melaka. Jawatankuasa itu juga merangka Perlembagaan yang termaktub dalam Perjanjian Persekutuan tahun 1948.

- 4.2 PEMBAHAGIAN KERAJAAN. Di bawah Kerajaan Persekutuan yang baru, sebuah Kerajaan Pusat ditubuhkan dan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi Inggeris. Ia dibantu oleh sebuah Majlis Mesyuarat Undangan. Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan terdiri dari Pesuruhjaya Tinggi, 3 orang ahli kerana jawatannya dan 11 orang ahli rasmi. Majlis Mesyuarat Kerja mempunyai 7 orang ahli rasmi dan 7 orang ahli tidak rasmi yang dilantik oleh kerajaan. Persidangan Raja-raja Melayu akan bersidang 3 kali setahun pada tiap-tiap tahun, dan ia dikenali sebagai Majlis Raja Negeri Malaya, untuk menasihati Pesuruhjaya Tinggi di atas perkara-perkara imigresyen dan perlantikan dalam Perkhidmatan Awam. Di tiap-tiap negeri, ditubuhkan sebuah Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Menteri Besar.
- 4.3 KERAKYATAN. Seperti Malayan Union, Kerakyatan Tanah Melayu yang sama diberikan tetapi dengan dikenakan peraturan-peraturan yang lebih ketat lagi. Kerakyatan secara otomatis akan diberikan kepada semua orang yang dilahirkan dalam Persekutuan. Permohonan untuk mendapatkan kerakyatan berkehendakkan seseorang pemohon itu telah menetap selama 15 tahun daripada masa 20 tahun, boleh bertutur samada dalam Bahasa Inggeris atau Melayu dan mengangkat Sumpah Kerakyatan.
- 4.4 KEPENTINGANNYA. Persekutuan memulihkan serta menguatkan kuasa sultan-sultan dan kerajaan Negeri mereka. Kedudukan penting Residen Inggeris sekarang dipegang oleh seorang Melayu yang dikenali sebagai Menteri Besar bagi tiap-tiap Negeri. Kedudukan istimewa orang-orang Melayu dipelihara. Persekutuan Tanah Melayu menandakan satu langkah penting kemajuan ke arah kemerdekaan. Sultan-sultan sekarang menjadi ketua-ketua negeri yang penting sementara Pulau Pinang dan Melaka di perintah oleh Gabenor. Orang-orang China dan India menerima Persekutuan dan berpuashati sekurang-kurangnya kerana layak mendapatkan kerakyatan.

+8 - 5C - 11,26, 1 200 300 200, 200

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Disebabkan penentangan terhadap Malayan Union, kerajaan Inggeris memutuskan untuk membentuk Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1948.
2. Perlombagaan baru termaktub di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948.
3. Kerajaan Pusat diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi dan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerja dan Majlis Mesyuarat Undangan.
4. Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar.
5. Dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu, kemajuan ke arah

kemerdekaan melangkah setapak ke depan.

5. / Pengisytiharan Darurat dalam tahun 1948 dan langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa untuk mengatasi Darurat di antara tahun-tahun 1948–60.
-

PERISTIWA-PERISTIWA YANG MEMBAWA KEPADA DARURAT.

- 5.1 KOMUNIS TANAH MELAYU SELEPAS PERANG. Selepas Jepun menyerah diri, Tentara Rakyat Malaya Menentang Jepun (MPAJA) dengan beratnya menerima perintah untuk meletakkan senjata mereka. Tetapi kegiatan Komunis tidak tamat dan ramai yang masuk ke dalam hutan-rimba Tanah Melayu yang tebal. Sementara itu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani dan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dengan Singapura dipisahkan sebagai Tanah Jajahan Mahkota Inggeris yang berasingan. Ini merupakan satu langkah ke depan menuju ke arah kemerdekaan, sementara itu Komunis di bawah pemimpin mereka yang cekap, Chin Peng sedang bersiap sedia untuk melancarkan pemberontakan bersenjata.
- 5.2 KEPUTUSAN UNTUK MENGADAKAN PEMBERONTAKAN BERSENJATA. Wakil-wakil Komunis dari Asia Tenggara bersidang di Calcutta, dikelolakan oleh Komunis Antarabangsa dalam bulan Februari 1948. Arahan-arahan untuk mengadakan satu siri tindakan yang terancang untuk mengembangkan fahaman Komunis telah dibincangkan serta juga keputusan untuk mengadakan pemberontakan bersenjata. Tidak berapa lama kemudian, satu pemberontakan bersenjata dimulakan di Tanah Melayu dan pemberontakan-pemberontakan yang sama telah juga meletus di Indo-China, Burma dan Filipina.
- 5.3 PENGISYTIHARAN DARURAT. Kekacauan bertambah dengan terjadinya pemberontakan-pemberontakan dalam bulan April dan Mei. 67 pembunuhan dan percubaan membunuh telah dijalankan dalam bulan Jun 1948 dan kesemua kejadian itu telah diilhamkan oleh Komunis. Peladang-peladang dan buruh-buruh di ladang-ladang getah ditembak mati. Pak menyaksikan pembunuhan yang kejam ke atas 3 orang peladang Eropah dan 2 orang China. Sir Edward Gent mengisyiharkan Darurat di seluruh Persekutuan dalam bulan Jun 1948.
- 5.4 KEGANASAN KOMUNIS. Komunis bertujuan untuk menjadikan setengah-setengah kawasan sebagai Kawasan yang dikuasai oleh komunis dan kemudiannya meluaskannya untuk meliputi seluruh negara. Perampasan dokumen-dokumen mendedahkan tujuan komunis untuk mengisyiharkan

Republik Komunis Malaya pada bulan Ogos 1948. Ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih timah merupakan kawasan-kawasan kegiatan keganasan. Pengeluaran bijih dan getah terhenti; pengurus-pengurus, mandur-mandur dan buruh-buruh diserang dan dibunuhi. Banyak senjata-senjata telah disembunyikan dan kumpulan-kumpulan kecil Komunis melancarkan serangan hendap. Min Yuen menjadi barisan pembekal bagi Komunis Tanah Melayu. Mereka memaksa setinggan-setinggan dan kampung-kampung di pinggir-pinggir hutan untuk membekalkan makanan, wang, senjata dan maklumat.

LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL UNTUK MENGATASI DARURAT.

5.5 LANGKAH-LANGKAH PERTAHANAN. Kerajaan Persekutuan dapat mengadakan 26,000 anggota polis untuk mengawal ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih timah. Askar-askar dilatih untuk berperang dalam hutan. Sementara itu, Komunis terus membakar kampung-kampung, merosakkan pokok-pokok getah, menyerang hendap dan mengalihkan landasan-landasan keretapi. Dalam bulan Mei 1950 terdapat 534 kejadian menggalas, dan yang penting sekali ialah pembunuhan Sir Henry Gurney dalam tahun 1951. Di antara 1948 dan 1951, langkah-langkah pertahanan adalah lemah dan tidak terdapatnya kerjasama yang rapat dari orangramai.

5.6 RANCANGAN BRIGGS. Keadaan bertambah baik apabila Sir Harold Briggs dilantik sebagai Pengaruh Gerakan. Briggs terkenal kerana Rancangan Briggs yang termasyhur itu. Rancangan itu bertujuan untuk menempatkan semula setinggan-setinggan di pinggir-pinggir hutan ke dalam "kampung-kampung baru", untuk memutuskan bekalan makanan, lain-lain bantuan dan maklumat daripada jatuh ke tangan penggalas. Kampung baru itu dipagar dan disediakan dengan sekolah-sekolah dan lain-lain kemudahan termasuk bekalan-bekalan letrik dan air dan kawalan. Penduduk-penduduknya diyakinkan keselamatan mereka. Barisan pembekal Min Yuen dilemahkan dan kekurangan bekalan memaksa mereka berperang secara terbuka. Pasukan keselamatan berperang menentang mereka. Kampung-kampung Baru menjadi faktor terpenting untuk menewaskan Komunis. Sejumlah 550 buah kampung baru telah ditubuhkan.

5.7 MAJLIS-MAJLIS PERANG. Briggs memperkenalkan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perang di tiga peringkat — Persekutuan, Negeri dan Daerah, masing-masing di bawah dirinya sendiri, Menteri-menteri Besar di tiap-tiap negeri dan Pegawai-pejawai Daerah. Jawatankuasa itu mengandungi wakil-wakil awam, polis dan tentera, oleh itu menyelaraskan semua jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat untuk mengambil tindakan-tindakan bagi mengatasi darurat. Sebagai tambahan, badan-badan penting telah ditubuhkan dengan mengambil ahli-ahlinya dari kalangan penduduk berbilang bangsa dan dari berbagai jenis pekerjaan. Oleh itu terdapat

pergerakan dan penyelarasan tindakan yang lebih luas daripada Markas kepada bandar-bandar dan pinggir-pinggir hutan. Ramai Komunis terpaksa menyerah diri. Majlis-majlis Perang juga berguna untuk memaksa setinggan-setinggan yang enggan menyertai Rancangan Briggs supaya tinggal di kawasan-kawasan petempatan yang baru. Briggs juga memperkenalkan undang-undang kawalan makanan. Penjualan barang-barang makanan disekat dan di kawasan-kawasan penyekatan makanan, barang-barang makanan tidak dibenarkan dibawa keluar dan masuk.

- 5.8 **SIR GERALD TEMPLER.** Sir Gerald Templer menjalankan tindakan yang bertenaga dan berkesan. Ia meneruskan kempen menentang pengganas dengan berdasarkan usaha dan dasar Briggs. Pasukan tentera dan polis melipatgandakan tugas dan tindakan masing-masing. Askar-askar payung terjun dan helikopter-helikopter digunakan untuk membantu askar-askar yang menjalankan perang di hutan. Templer mendapatkan bantuan askar-askar dari Australia, New Zealand dan lain-lain negara Komanwel. Kampung-kampung dimajukan dengan memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan ini menyebabkan penduduk-penduduk kampung secara sukarela mempertahankan dan menjaga keselamatan kampung masing-masing. Komunis berpecah kepada kumpulan-kumpulan yang kecil dan terpaksa masuk jauh ke dalam hutan
- 5.9 **KAWASAN-KAWASAN HITAM DAN PUTIH.** Langkah-langkah Templer menentang darurat akhirnya menyebabkan keadaan di Tanah Melayu dapat dikawal. Kawasan-kawasan kegiatan pengganas atau Kawasan-kawasan Hitam diletakkan di bawah perintah berkurang yang ketat. Dalam tahun 1953 Templer mengisytiharkan kawasan-kawasan Putih yang bebas dari gerakan pengganas. Di kawasan-kawasan ini peraturan-peraturan keselamatan dilonggarkan. Kawasan Putih yang pertama ialah Melaka, dibebaskan dalam bulan September 1953 dan kemudiannya oleh kawasan-kawasan lain. Di antara 1951–1953 kejadian-kejadian mengganas berkurangan dan turun lebih 80%. Menjelang tahun 1960 seluruh negara diisyiharkan Kawasan Putih kecuali kawasan yang berhampiran dengan sempadan Siam.
- 5.10 **TAMATNYA DARURAT.** Komunis meneruskan perjuangan mereka yang sia-sia itu. Chin Peng enggan menyerah diri dalam Persidangan di Baling pada tahun 1955. Selepas tahun 1954 negara sudah kembali seperti sediakala semula dan rakyatnya dapat bergerak tanpa takut kepada pengganas Komunis. Darurat ditamatkan dengan rasminya pada 31hb. Julai 1960.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

A. PERISTIWA-PERISTIWA YANG MEMBAWA KEPADA DARURAT.

1. Selepas mengambil alih Tanah Melayu oleh Inggeris, kebanyakan ahli-ahli MPAJA masuk ke dalam hutan untuk membuat persediaan bagi mengambil alih pentadbiran negara dari tangan Inggeris secara beransur-ansur.
2. Pemberontakan Komunis di Tanah Melayu bermula dengan pemogokan-pemogokan dan pembunuhan-pembunuhan.
3. Dalam bulan Jun, keadaan darurat diisyiharkan di seluruh negara.
4. Komunis merancang untuk menubuhkan sebuah Repablik Komunis di Tanah Melayu dalam bulan Ogos 1948.
5. Komunis menubuhkan Min Yuen untuk mendapatkan makanan, wang, senjata dan maklumat daripada penduduk-penduduk kampung.

B. LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL UNTUK MENGATASI DARURAT.

1. Harold Briggs menubuhkan Kampung-kampung Baru. Setinggan-setinggan dikehendaki tinggal di dalam kampung baru, dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan dan dikawal oleh polis. Setinggan-setinggan itu terputus hubungan dengan Komunis.
2. Komunis mengalami kesusahan untuk mendapatkan bantuan daripada setinggan-setinggan. 550 buah kampung baru telah ditubuhkan.
3. Briggs juga menubuhkan Majlis-majlis Perang Persekutuan, Negeri dan Daerah untuk mengatasi Darurat. Badan-badan sukarela untuk gerakan-gerakan menentang darurat juga ditubuhkan.
4. Undang-undang kawalan makanan diperkenalkan.
5. Di bawah Templer, langkah-langkah yang lebih berkesan diambil untuk menentang Komunis, dengan askar-askar dihantar oleh setengah-setengah negara Komanwel.
6. Kawasan-kawasan kegiatan Komunis diisyiharkan "Hitam" dan dikawal dengan ketatnya. Kawasan-kawasan yang bebas daripada keganasan Komunis diisyiharkan "Putih".
7. Menjelang tahun 1960 hampir-hampir seluruh negara telah diisyiharkan "putih" dan darurat ditamatkan pada 31hb. Julai 1960.



6. Rancangan Briggs.

- 6.1 **PENGISYTIHARAN DARURAT DAN MIN YUEN.** Keadaan **darurat** diisytiharkan di Tanah Melayu dalam bulan Jun 1948 selepas berlakunya pemberontakan terbuka oleh Komunis. Kegiatan-kegiatan mengganas bertambah banyak kemudian dan barisan pembekal ditubuhkan di bawah Min Yuen oleh Komunis. Mereka kebanyakannya terdiri daripada penduduk-penduduk kampung yang secara sukarela atau dipaksa untuk memberikan bekalan makanan, maklumat, wang dan perubatan kepada Komunis. Komunis bergantung sebahagian besarnya kepada Min Yuen.
- 6.2 **PERLANTIKAN BRIGGS SEBAGAI PENGARAH GERAKAN.** Lt. Jeneral Sir Harold Briggs dilantik sebagai **Pengarah Gerakan** yang pertama dalam tahun 1949. Di bawah Briggs, kerajaan Tanah Melayu mengadakan kempen bagi menentang Komunis dengan lebih berkesan lagi. Briggs terutamanya terkenal kerana **Rancangan Briggs** atau kempennya untuk menewaskan Komunis.
- 6.3 **SIFAT-SIFAT PENTING RANCANGAN BRIGGS.** Sebahagian daripada Rancangan Briggs ialah **menempatkan semula setinggan-setinggan ke dalam kampung-kampung baru.** Tujuannya ialah untuk melemahkan barisan pembekal Komunis. Hanya jalan yang terbuka ialah memutuskan hubungan pengganas-pengganas dengan setinggan-setinggan di pingir-pingir hutan dan di kawasan-kawasan yang kurang penduduknya. Setinggan-setinggan itu telah memberikan sumbangan makanan, lain-lain bantuan dan maklumat kerana mereka dipaksa berbuat demikian. Dengan ini, Rancangan Briggs juga bertujuan untuk **memberi keselamatan kepada penduduk-penduduk kampung** dan keadaan hidup yang lebih baik, dengan mengelilingkan mereka dengan pagar-pagar duri dan dikawal oleh polis. Bekalan-bekalan air, letrik dan lain-lain lagi disediakan untuk tiap-tiap kampung. Menyedari semangat keselamatan dan keadaan hidup yang lebih baik, setinggan-setinggan itu akhirnya menunjukkan kepercayaan mereka. Mereka memberikan **maklumat-maklumat yang berguna** mengenai pergerakan dan tempat persembunyian yang membawa kepada penangkapan beberapa orang Komunis.
- 6.4 **MAJLIS-MAJLIS PERANG.** Briggs, dalam kempennya menentang Komunis, memperkenalkan juga **Majlis-majlis Perang** di peringkat-peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Ahli-ahlinya terdiri dari semua bangsa dan pekerjaan bekerjasama dengan gerakan-gerakan menentang darurat. Majlis-majlis ini menolong dalam penyusunan seperti kawalan barang-barang makanan, perondaan polis dan tindakan-tindakan ketenteraan.
- 6.5 **KEJAYAAN RANCANGAN BRIGGS.** Kejayaan pantas Rancangan Briggs dapat dilihat daripada penubuhan **550 kampung baru.** Ia membawa keselamatan kepada kawasan-kawasan kegiatan pengganas. Yang lebih penting lagi ialah **penyelarasan dalam gerakan-gerakan darurat yang diper-**

kenalkan oleh Briggs. Rancangan Briggs menolong menggerakkan rakyat bergerak di dalam seluruh kawasan dalam perangannya menentang Komunis.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Darurat diisyiharkan di seluruh negara tidak lama selpas serangan-serangan pengganas Komunis.
2. Sir Harold Briggs, Pengarah Gerakan, memperkenalkan Rancangan Briggs untuk menentang Komunis.
3. Semua setinggan ditempatan semula dalam kampung-kampung baru dan hubungan mereka dengan Komunis terputus. Dengan cara ini, barisan pembekal Komunis dilemahkan.
4. Briggs juga menubuhkan Majlis-majlis Perang untuk menjalankan gerakan-gerakan menentang darurat.
5. Briggs telah menubuhkan sejumlah 550 buah Kampung Baru.

PENDUDUKAN JEPUN DAN DARURAT DI TANAH MELAYU.

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN

1. Huraikan dengan ringkasnya Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Apakah kesan-kesannya ke atas Tanah Melayu?
(Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Berikan catitan mengenai pembentukan Parti Komunis Malaya dan kegiatan-kegiatannya sehingga tahun 1948.
(Rujuk kepada Tajuk 3)
3. Apakah peristiwa-peristiwa yang membawa kepada pengisytiharan Darurat dalam tahun 1948? Huraikan langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang berkuasa untuk mengatasi Darurat.
(Rujuk kepada Tajuk 5)
4. Tuliskan pentingnya perkara-perkara yang berikut dari segi sejarah..
 - a) Pergerakan Menentang Jepun di Tanah Melayu.
(Rujuk kepada Tajuk 2)
 - b) Persekutuan Tanah Melayu – 1948.
(Rujuk kepada Tajuk 4)
 - c) Rancangan Briggs
(Rujuk kepada Tajuk 6)

BAB 14

KEMERDEKAAN TANAH MELAYU.

1. Kebangkitan Semangat Kebangsaan di Tanah Melayu.

- 1.1 PERKEMBANGAN SEMANGAT KEBANGSAAN TANAH MELAYU YANG LEWAT. Tanah Melayu pada masa sebelum perang tidak terdapatnya perasaan kebangsaan yang begitu kuat. Kebangkitan pergerakan kebangsaan hanya berlaku pada masa selepas perang. Beberapa faktor bertanggungjawab terhadap perkembangan semangat kebangsaan yang lambat sebelum perang. Masyarakat Tanah Melayu ialah masyarakat majmuk, yang mengandungi 3 bangsa yang besar, iaitu Melayu, China dan India dengan mempunyai kebudayaan dan ugama yang berlainan. Kumpulan-kumpulan pendatang itu mengasingkan diri mereka daripada masyarakat tempatan. Kerajaan yang kukuh dan kemajuan ekonomi dan kemasyarakatan yang wujud menyebabkan timbulnya perasaan puashati dan tidak wujudnya ketidakpuasan politik.
- 1.2 SIFAT SEMANGAT KEBANGSAAN DI TANAH MELAYU. Tidak wujudnya semangat kebangsaan yang bersifat kebangsaan di Tanah Melayu. Oleh itu timbulnya semangat kebangsaan orang Melayu, China dan India di Tanah Melayu. Semangat kebangsaan hanya bersifat ke Tanah Melayu atau kebangsaan dalam tahun-tahun 1950an. Perpaduan kebangsaan dan kemerdekaan tercapai dengan adanya kerjasama di antara "perikatan" dalam kumpulan-kumpulan kebangsaan yang sama dengan Kerajaan Inggeris untuk menewaskan Komunis.
- 1.3 SEMANGAT KEBANGSAAN CHINA. Orang-orang China merupakan sebahagian besar penduduk di Tanah Melayu sebelum perang. Dengan perkembangan semangat kebangsaan di negeri China, fahaman-fahaman revolusi berkembang ke Tanah Melayu. Semangat kebangsaan orang-orang China tertumpu ke negeri China dan tiada wujudnya perasaan taat setia terhadap Tanah Melayu. Perasaan kebangsaan China dilahirkan melalui penubuhan cawangan-cawangan Kuomintang di Tanah Melayu. Dalam tahun 1937, semangat kebangsaan China menjadi anti Jepun, berikutan daripada perperangan di antara China dan Jepun. Semasa perasaan anti Jepun memuncak, perasaan antiInggeris menjadi pudar. Sebahagian orang-orang China lebih cenderung ke arah fahaman Komunis. Sifat semangat kebangsaan orang China bertukar kerana akibat daripada keadaan masa depan mereka yang tidak tetap. Dalam tahun 1949, Tan Cheng Lock menubuhkan Persatuan China Se Tanah Melayu (MCA) untuk mewakili Masyarakat China dan orang-orang China mula condong ke arah semangat kebangsaan Tanah Melayu.
- 1.4 SEMANGAT KEBANGSAAN INDIA. Orang-orang India adalah agak tidak cergas dalam pergerakan kebangsaan di Tanah Melayu. Satu-satunya per-

tubuhan India ialah kerajaan Azad Hind yang ditubuhkan di Singapura tetapi ia tidak begitu penting. Ia bertugas hanya untuk membangkitkan perasaan orang-orang India terhadap kaitan dan taat setia mereka kepada India. Kemudiannya, Kongres India Se Tanah Melayu (MIC) ditubuhkan dalam tahun 1946 untuk mewakili orang-orang India di Tanah Melayu.

- 1.5 SEMANGAT KEBANGSAAN MELAYU. Semangat kebangsaan orang Melayu tidak terdapat dalam beberapa darsawarsa (dekad) pertama kurun ke 20. Pergerakan yang awal lebih bersifat kebudayaan dan keugamaan, sebahagian besarnya dipengaruhi oleh Gerakan Islam Islam, menyebabkan timbulnya kumpulan terpelajar yang berpendidikan Arab. Kumpulan terpelajar yang kedua yang timbul dalam masyarakat Melayu ialah golongan yang berpelajaran Melayu, bertujuan untuk memperkayakan bahasa, kesusastraan dan kebudayaan Melayu. Mohammed Eunos Abdullah menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Ia bertujuan untuk memperbaiki taraf pelajaran, ekonomi dan kemasyarakatan orang-orang Melayu. Ia merupakan Parti Politik Melayu yang terawal, ditubuhkan juga dengan tujuan untuk membangkitkan kesedaran politik di kalangan orang-orang Melayu.
- 1.6 KESATUAN MELAYU MUDA. Perasaan tidak puashati terhadap kerendahan kedudukan ekonomi dan kebangkitan perasaan taat setia yang melampau di kalangan orang-orang China dan India menyebabkan pembentukan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dalam tahun 1938. Ia mendapatkan ahli-ahlinya dari kalangan guru-guru Melayu dan belia-belia Melayu dari Maktab Perguruan Sultan Idris. Setengah daripada mereka telah dipengaruhi oleh pergerakan sayap kiri Indonesia dan mereka memperjuangkan sebuah Kesatuan Tanah Melayu, yang bebas daripada pemerintahan penjajah. Yang pentingnya, mereka berkehendakkan Kesatuan politik di antara Tanah Melayu dengan Indonesia dalam Indonesia Raya. Pimpinan-pimpinan mereka termasuk Ibrahim Yaacob dan Ishak Haji Mohammad. Rancangan untuk penyatuan itu gagal apabila Jepun kalah dalam perang.
- 1.7 PIMPINAN BARU DALAM PERGERAKAN KEBANGSAAN MELAYU. Pimpinan dalam masyarakat Melayu moden timbul dari kalangan orang-orang Melayu yang berpendidikan Inggeris, terutamanya kakitangan-kakitangan awam dan pentadbir-pentadbir. Mereka memperjuangkan pemerintahan-sendiri dan untuk melindungi hak istimewa orang-orang Melayu daripada tekanan orang-orang asing, terutamanya China. Kumpulan moden ini, kumpulan sayap kiri yang melampau dan mereka yang menjadi ahli Parti Komunis Malaya, tidaklah begitu kuat dan berpengaruh.
- 1.8 PENDUDUKAN JEPUN. Pendudukan Jepun membangkitkan perasaan kebangsaan. Orang-orang Melayu bersedia untuk melindungi kepentingan mereka sendiri dan secara terangan menentang Malayan Union dalam tahun 1946. Mereka berasa bahawa kedudukan istimewa politik mereka

telah dihancurkan apabila kerakyatan Malayan Union diberikan, mengiktiraf hak-hak yang sama kepada semua bangsa. UMNO ditubuhkan dalam tahun 1946 oleh Dato Onn bin Jaaffar. Mesyuarat-mesyuarat menentang telah diadakan untuk memulaukan Malayan Union.

- 1.9 PERKEMBANGAN SEMANGAT KEBANGSAAN TANAH MELAYU SELANJUTNYA. Darurat dan Kempen menentang Komunis membangkitkan perasaan kebangsaan dan menggalakkan perkembangan semangat kebangsaan Tanah Melayu. Orang-orang Tanah Melayu menyedari perlunya bekerjasama dan menindas penganas-penganas Komunis untuk kepentingan bersama. Dalam tahun 1951, Perikatan yang awal ditubuhkan di antara UMNO dan MCA untuk mengambil bahagian dalam Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Perikatan memenangi ahli yang ketiga, MIC dan sekarang ia mewakili 3 kumpulan masyarakat yang penting dalam negara ini. Semangat kebangsaan Tanah Melayu melahirkan perpaduan kebangsaan apabila Perikatan mendapat kejayaan yang besar dalam tahun 1955, Pilihanraya Persekutuan yang pertama. Melalui Parti Perikatanlah, Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya dalam tahun 1957.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Semangat kebangsaan Tanah Melayu tidak begitu nyata sebelum Perang kerana tiada wujudnya tidak puashati politik.
2. Terdapat semangat kebangsaan orang-orang Melayu, China dan India di Tanah Melayu. Semangat kebangsaan Tanah Melayu baru muncul selepas pertengahan kurun ke 20.
3. Semangat kebangsaan China condong kepada pergerakan revolusi di negeri China.
4. Tan Cheng Lock menubuhkan MCA untuk mewakili orang-orang China dalam tahun 1949.
5. Pergerakan kebangsaan India tidak begitu penting dengan penubuhan pergerakan Azad Hind. Mereka menubuhkan pertubuhan sendiri, iaitu MIC dalam tahun 1946.
6. Terdapat 3 kumpulan pergerakan kebangsaan Melayu iaitu:—
 - a) Golongan terpelajar berpendidikan Arab.
 - b) Golongan terpelajar berpendidikan Melayu.
 - c) Golongan terpelajar berpendidikan Inggeris.
7. Sebilangan orang-orang Melayu berfaham kiri dan ingin menyatukan Tanah Melayu dengan Indonesia.

8. Pertubuhan-pertubuhan politik Melayu yang awal ialah KMS yang ditubuhkan oleh Mohd Eunos Abdullah dan KMM yang dipimpin oleh Ishak Haji Mohammad dan Ibrahim Yaacob tetapi pergerakan-pergerakan ini tidaklah begitu kuat.
 9. Pendudukan Jepun menggalakkan semangat kebangsaan selanjutnya. Orang-orang Melayu menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union.
 10. Gerakan-gerakan menentang Darurat membangkitkan semangat kerjasama dan perpaduan kebangsaan. Parti Perikatan ditubuhkan apabila 3 parti politik yang bercorak perkauman (UMNO, MCA dan MIC) bercantum dan kemudiannya memperjuangkan pemerintahan-sendiri. Parti Perikatan menjadi lambang perpaduan kebangsaan.
-

2. Faktor-faktor yang menghalang Kebangkitan Semangat Kebangsaan Tanah Melayu sebelum tahun 1940.

- 2.1 TAKRIF SEMANGAT KEBANGSAAN. Semangat kebangsaan pada umumnya bermakna cintakan tanahair, bangsa, bahasa dan kebudayaan yang sama. Tetapi Tanah Melayu merupakan negara berbilang bangsa dan penduduknya tidak mempunyai ugama, kebudayaan atau bahasa yang sama untuk dimegahkan. Semangat kebangsaan di Tanah Melayu dapat dikatakan ganjilesa, kerana sifat bersepadunya dari berbagai pertubuhan perkauman yang berlainan dan bekerjasama untuk mencapai kemerdekaan, dan pada masa yang sama mengekalkan kepentingan dan kedudukan mereka masing-masing.
- 2.2 PERKEMBANGAN SEMANGAT KEBANGSAAN YANG LEMBAB SEBELUM 1940. Semangat kebangsaan Tanah Melayu tidak dapat dikatakan wujud sebelum 1940. Sebarang semangat kebangsaan yang wujud sebelum tahun 1940 adalah tidak cergas. Di Tanah Melayu, perkembangan gerakan kebangsaan yang sebenarnya berlaku selepas Perang Dunia Kedua. Beberapa faktor yang menghalang kemunculan semangat kebangsaan Tanah Melayu sebelum 1940.
- 2.3 MASYARAKAT MAJMUK. Masyarakat majmuk di Tanah Melayu merupakan faktor yang penting terhadap perkembangan semangat kebangsaan yang lembab. Masyarakat-masyarakat pendatang ke Tanah Melayu tidak mewujudkan perpaduan tetapi perpecahan. Pendatang-pendatang itu terutamanya orang China dan India mempunyai kebudayaan-kebudayaan yang berlainan. Tidak wujudnya perasaan yang sama di antara mereka. Imigresyen bertambah banyak dilakukan menjelang akhir kurun ^{PERDANA} 1940.

Pendatang-pendatang itu mengambil masa yang agak lama untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekitar di Tanah Melayu sebelum dapat bersatu dalam masyarakat Tanah Melayu. Mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk membangkitkan kesedaran terhadap Tanah Melayu. Sebelum zaman imigresyen, orang-orang Melayu sendiri tidak mempunyai kesedaran politik yang nyata.

- 2.4 **CIRI-CIRI KEDAERAHAN KAUM PENDATANG.** Kaum pendatang yang penting di Tanah Melayu ialah orang-orang **China** dan **India**. Kebanyakan daripada mereka memandang Tanah Melayu sebagai **tempat tumpangan sementara** dengan harapan untuk mencari rezeki dan kemudian pulang semula ke tanahair mereka. Oleh itu perasaan taat setia ditujukan kepada **tanahair mereka** daripada kepada Tanah Melayu. Orang-orang **China** merupakan golongan pendatang yang terbesar dan mereka mempunyai **hubungan yang rapat** dengan negeri **China**. Mereka senang dipengaruhi oleh fahaman-fahaman **Kuomintang** dan **Komunis**. Tidak terdapatnya sebarang perpaduan di antara ketiga-tiga kumpulan bangsa itu. Orang-orang **China** atau **India** tidak suka dikuasai oleh **pemerintahan orang-orang Melayu**. Di satu pihak yang lain pula, orang-orang Melayu tidak mahu menyerahkan hak dan kedudukan istimewa mereka. Tambahan pula, tidak terdapatnya **pucuk pimpinan yang kukuh dan cekap** sebelum tahun 1940.
- 2.5 **BENTUK KERAJAAN YANG BERBEZA.** Bentuk perlombagaan yang berbeza ialah satu lagi faktor yang menghalang orang-orang Tanah Melayu daripada bersatu untuk tujuan kebangsaan. Tidak terdapatnya kerajaan pusat untuk seluruh negara. Sembilan buah Negeri Melayu dan tiga buah petempatan Inggeris berada di bawah **3 bentuk pemerintahan** – kerajaan-kerajaan Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Orang-orang Melayu tetap taat setia kepada Sultan-sultan mereka. Mereka mengamalkan cara hidup yang tradisional dan **berpuashati** terhadap pemerintahan Inggeris selagi keamanan dapat dikekalkan.
- 2.6 **KESTABILAN EKONOMI DAN POLITIK.** Inggeris telah **menamatkan keadaan huruhara** dan **mengembalikan keamanan serta peraturan** menjelang akhir kurun ke 19. Tambahan pula, Sistem Residen Inggeris dan Persekutuan yang ditubuhkan dalam tahun 1896 bukan saja dapat membentuk sebuah kerajaan yang stabil di Negeri-negeri Melayu tetapi mewujudkan zaman **perkembangan ekonomi** dan **perubahan kemasyarakatan**. Oleh itu dalam tahun-tahun sebelum 1940, tidak terdapatnya ketidaaan puashati politik selagi kermakmuran ekonomi terjamin. Peristiwa-peristiwa Perang dan kesan Pendudukan Jepun serta pemberontakan Komunis telah menukar keadaan.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Masyarakat majmuk di Tanah Melayu tidak mewujudkan perpaduan. Golongan pendatang lambat mempunyai perasaan kesedaran ke Tanah Melayuan dan tidak mempunyai perasaan yang sama kerana mereka berlainan bangsa dan kebudayaan.
 2. Orang-orang China dan India sebagai kaum pendatang bertujuan hanya untuk tinggal buat sementara waktu saja dan pulang semula selepas mencari kekayaan di sini.
 3. Kebanyakan daripada kaum pendatang mengadakan hubungan yang rapat dengan tanahair mereka. Taat setia dan perasaan kenegaraan tidak ditumpukan kepada Tanah Melayu tetapi terhadap tanahair mereka masing-masing.
 4. Tidak terdapatnya sebarang perpaduan di kalangan bangsa-bangsa itu dan tidak terdapat juga pemimpin yang tabah dan cergas di kalangan mereka.
 5. Kerajaan-kerajaan berasingan yang ditubuhkan di Tanah Melayu tidak dapat menolong menyatukan penduduk-penduduk di Tanah Melayu.
 6. Orang-orang Melayu berasa puas hati selagi keamanan dikekalkan dan taat setia ditumpukan terhadap Sultan-sultan mereka.
 7. Pemerintahan Inggeris telah memperkenalkan beberapa perubahan dalam bidang-bidang ekonomi dan kemasyarakatan. Negara berada dalam stabil, dengan kemajuan ekonominya tercapai.
 8. Tidak ada sebab mengapa orang-orang Tanah Melayu patut berasa tidak puas hati selagi keamanan dan perkembangan ekonomi terlaksana.
-

3. Kemajuan Tanah Melayu ke arah Kemerdekaan selepas Perang Dunia II.

- 3.1 RANCANGAN MALAYAN UNION. Askar-askar Inggeris mengambil alih Semenanjung Tanah Melayu dari tangan Jepun dalam bulan September 1945. Pentadbiran Tentera Inggeris diperkenalkan untuk sementara waktu bagi memulihkan kembali Tanah Melayu selepas perang sebelum kerajaan awam dikuatkuasakan. Semasa perang, kerajaan Inggeris mengambil keputusan bahawa kerajaan-kerajaan yang bertimbbal-balik itu adalah membazirkan dan bertujuan untuk mengadakan sebuah kerajaan saja. Dengan itu Malayan Union dirancangkan untuk meletakkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu dan Pulau Pinang serta Melaka di bawah

sebuah kerajaan pusat. Singapura dipisahkan untuk dijadikan Tanah Jajahan Inggeris.

- 3.2 PEMBENTUKAN MALAYAN UNION. Sir Harold MacMichael telah ditugaskan untuk mendapatkan persetujuan Sultan-sultan terhadap Malayan Union. Sultan-sultan berasa tidak senang hati terhadap rancangan itu, tetapi MacMichael yang berjumpa tiap-tiap orang Sultan itu mendapatkan tandatangan mereka dengan ugutan dan paksaan. Malayan Union ditubuhkan dalam bulan April 1946, ditadbirkan oleh sebuah kerajaan pusat yang ditubuhkan di Kuala Lumpur di bawah seorang Gabnor Inggeris. Kerakyatan Malayan Union dibentuk, memberikan hak-hak yang sama kepada semua bangsa yang dilahirkan di dalam Union ataupun telah menetap di dalam Union selama sepuluh tahun daripada tempoh 15 tahun.
- 3.3 PENENTANGAN TERHADAP MALAYAN UNION. Pembentukan Malayan Union membangkitkan penentangan yang kuat daripada orang-orang Melayu yang bersatu menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) di bawah pimpinan Dato Onn bin Jaaffar. Parti politik ini menentang dengan kerasnya terhadap cara MacMichael mendapatkan persetujuan dan tandatangan Sultan-sultan iaitu dengan cara mengugut untuk melucutkan jawatan mereka. Orang-orang Melayu juga menentang terhadap pemberian kerakyatan yang sama kepada kaum-kaum pendatang dengan longgarnya tanpa menghiraukan hak-hak dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu. Mesyuarat-mesyuarat menentang diadakan untuk mendesak Inggeris membatakan Malayan Union. UMNO bertujuan untuk memelihara hak-hak orang Melayu dan untuk memperjuangkan pemerintahan-sendiri.
- 3.4 PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948. Kerajaan Inggeris, untuk menyediakan pemerintahan-sendiri bagi Tanah Melayu, menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1948. Sembilan buah Negeri Melayu dan Pulau Pinang dan Melaka diletakkan di bawah sebuah kerajaan pusat yang diketuai oleh Peşuruhjaya Tinggi Inggeris. Sultan-sultan Melayu mengekalkan kekuasaan mereka dan Kerajaan Negeri diberikan kuasa-kuasa yang tertentu. Pesuruhjaya Tinggi dibantu oleh sebuah Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan dan sebuah Majlis Mesyuarat Undangan. Perjanjian dibuat untuk mengadakan Persidangan Raja-raja atau Majlis Raja-raja Negeri Melayu untuk menasihatkan Pesuruhjaya Tinggi. Peraturan kerakyatan diketatkan dan ditetapkan ke layakan seorang pemohon itu mestilah telah menetap selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dan mengetahui samada bahasa Melayu atau Inggeris.
- 3.5 PENTINGNYA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU. Persekutuan merupakan perubahan perlumbagaan yang penting selepas perang, dan mementingkan hak-hak istimewa masyarakat Melayu. Ia menamatkan jawatan Residen Inggeris dan menggantikannya dengan Menteri Besar.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 dan Perlembagaan Malaysia tahun 1963.

- 3.6 **PEMBERONTAKAN KOMUNIS DAN DARURAT.** Sementara orang-orang Tanah Melayu bersedia untuk menerima dan bekerjasama di bawah perlembagaan baru ini, Komunis mengadakan pemberontakan bersenjata. Dalam bulan Jun 1948, Keadaan Darurat diisyiharkan di seluruh negara. Ia telah melambatkan langkah ke arah kemerdekaan. Tetapi darurat telah dapat membangkitkan perasaan kebangsaan dan mewujudkan perpaduan di kalangan orang-orang Tanah Melayu, dalam kempen untuk menindas pemberontakan Komunis.
- 3.7 **SISTEM AHLI DAN PARTI-PARTI POLITIK.** Dalam tahun 1951, kerajaan Inggeris memperkenalkan Sistem Ahli. Sembilan orang Tanah Melayu bertugas seperti Menteri-menteri telah dilantik sebagai Ahli Kerajaan dengan mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab yang tertentu, bagi pelbagai jabatan. Sementara itu, parti-parti politik telah ditubuhkan. Kongres India Se Tanah Melayu (MIC) ditubuhkan dalam tahun 1946, diikuti oleh Persekutuan China Se Malaya (MCA) dalam tahun 1949. Perselisihan di antara pemimpin parti dan sebilangan ahli-ahlinya menyebabkan perpecahan UMNO kepada Parti Kemerdekaan Malaya dipimpin oleh Dato Onn bin Jaaffar dan UMNO dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman.
- 3.8 **PERLAKSANAAN DEMOKRASI: PILIHANRAYA.** Pilihanraya Majlis Bandaran pertama yang penting ialah Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur yang diadakan dalam bulan Disember 1951. Pentingnya Pilihanraya itu ialah percantuman MCA dengan UMNO dalam Parti Perikatan untuk bertanding dalam Pilihanraya tersebut. Ia mencapai kejayaan politiknya yang pertama dengan menewaskan Parti Kemerdekaan Malaya. Kekalahan secara beransur-ansur Komunis meyakinkan bahawa kemerdekaan telah hampir tiba dan Pilihanraya Persekutuan yang pertama diadakan dalam tahun 1955. Parti Perikatan, sekarang disertai oleh ahli ketiganya iaitu MIC dalam tahun 1953 mendapat kejayaan cemerlang iaitu memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Chin Peng enggan menyerah diri selepas gagalnya permintaannya untuk menghalalkan Parti Komunis Malaya dalam Persidangan Baling tahun 1955. Kemerdekaan hampir tercapai dengan penghantaran utusan Tanah Melayu, Rombongan Merdeka, ke London dalam tahun 1956. Kerajaan Inggeris bersetuju memberikan kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957.
- 3.9 **SURUHANJAYA REID.** Sebuah Suruhanjaya Komanwel dilantik dengan Lord Reid sebagai Pengurusnya. Menjelang tahun 1956, ia telah bersedia untuk menjalankan tugasnya bagi merangka Perlembagaan Tanah Melayu untuk menjalankan tugasnya bagi merangka Perlembagaan Tanah

Kemerdekaan Tanah Melayu.

Melayu Merdeka. Dalam bulan Ogos 1957, Sultan-sultan Melayu dan Ratu Inggeris menandatangani **Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu** mengisyiharkan Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang berdaulat.

- 3.10 **KEMERDEKAAN TERCAPAI.** Masa depan yang cerah dan mencabar terbentang di depan untuk negara Persekutuan Tanah Melayu yang baru terbentuk ini. Tanah Melayu diperintah oleh seorang raja berperlembagaan, iaitu **Yang Dipertuan Agung** yang dipilih oleh Raja-raja dari 11 buah negeri untuk selama 5 tahun. Parlimen Tanah Melayu dibentuk dengan mempunyai dua Dewan, iaitu **Dewan Negara** dan **Dewan Rakyat**. 31hb. Ogos 1957 merupakan **Hari Merdeka** yang bersejarah dan Perdana Menteri pertamanya, **Tunku Abdul Rahman** serta Kabinetnya mengambil alih pemerintahan negara dari tangan Inggeris.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM

1. Pentadbiran Tentera Inggeris diperkenalkan di Tanah Melayu selepas Jepun menyerah diri dalam tahun 1945.
2. Malayan Union yang terdiri daripada Negeri-negeri Melayu dan Melaka dan Pulau Pinang ditubuhkan dalam bulan April 1946. Kerakyatan Malayan Union juga diwujudkan. Singapura menjadi Tanah Jajahan Inggeris.
3. Orang-orang Melayu menentang Malayan Union di atas soal pimpinan dan kehilangan kuasa Sultan-sultan.
4. Dato Onn bin Jaaffar menubuhkan UMNO untuk memelihara hak-hak orang Melayu dan untuk memperjuangkan kemerdekaan.
5. Dalam tahun 1948 Kerajaan Inggeris menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu, di bawah seorang Pesuruhjaya Tinggi Inggeris.
6. Kemajuan ke arah Kemerdekaan menjadi lambat apabila pemberontakan Komunis meletus yang menyebabkan perlunya diisyiharkan Darurat.
7. Sistem Ahli diperkenalkan dalam tahun 1951.
8. Kongres India Se Malaya ditubuhkan dalam tahun 1946 diikuti oleh penubuhan Persatuan China Se Malaya dalam tahun 1949.
9. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dipimpin oleh pemimpin baru, Tunku Abdul Rahman sementara Dato Onn bin Jaaffar menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya.
10. Dalam Pilihanraya Persekutuan yang pertama tahun 1955, Parti Perikatan (MIC, MCA dan UMNO) berjaya mendapat 51 daripada 52 buah kerusi.

11. Dalam tahun 1956 Rombongan Merdeka ke London berjaya mendapatkan persetujuan Britain untuk memberikan kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957.
 12. Suruhanjaya Reid merangka perlembagaan baru untuk Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957.
 13. Pada 31hb. Ogos 1957, Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya dengan Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri pertamanya.
-

4. Faktor-faktor yang membawa kepada Pembentukan Malaysia dalam tahun 1963.

- 4.1 CADANGAN UNTUK PERCANTUMAN. Cadangan untuk mencantumkan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara, Berunai dan Sarawak, pertama kali dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman dalam Persidangan Wartawan-wartawan Asing di Singapura dalam bulan Mei 1961. Dalam tempoh dua tahun selepas cadangan itu, Malaysia wujud tetapi tanpa negeri Berunai. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada cadangan Tunku untuk menubuhkan Malaysia.
- 4.2 KEPERLUAN KEPADA KESTABILAN POLITIK. Faktor utama yang menyebabkan Tunku mengemukakan idea percantuman ialah perlunya diwujudkan kestabilan politik di Asia Tenggara. Idea percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu bukanlah merupakan satu perkara yang baru, tetapi telahpun menjadi keinginan Kerajaan Singapura. Pada mulanya Tunku menentang percantuman itu, takutkan seluruh penduduknya akan diatasi oleh majoriti orang-orang China di Singapura. Terdapat juga kebimbangan terhadap perasaan perkauman yang kuat dalam Parti Tindakan Rakyat dan kegiatan-kegiatan Komunis di Singapura akan berkembang dengan mudahnya menyeberangi Tambak Johor. Kepada Tunku, mencantumkan wilayah-wilayah Borneo dengan Tanah Melayu dan Singapura akan dapat menseimbangkan kadar penduduk-penduduk Melayu dengan China. Kegiatan Komunis belum dapat dipatahkan sejak tahun 1948 dan percantuman akan dapat melahirkan satu barisan bersatu yang lebih kuat untuk menentang ancaman Komunis. Sekiranya Komu berjaya bertapak di Singapura, ia mungkin dapat menguasai pula Tanah Melayu dan wilayah-wilayah Borneo. Percantuman juga akan membawa hubungan ekonomi, kebudayaan, sejarah dan ilmu alam yang lebih rapat dan erat di kalangan wilayah-wilayah yang berkenaan.
- 4.3 PERPECAHAN DALAM PARTI TINDAKAN RAKYAT. Lee Kuan Yew lebih suka kepada percantuman. Parti Tindakan Rakyat telah di-

ancam oleh perselisihan dalam negeri dan perjuangan menentang Komunis telah sampai ke puncaknya. Parti Tindakan Rakyat mengalami kekalahan dalam dua **pilihanraya** kecil di kawasan Hong Lim dan kawasan Anson. Ancaman yang lebih hebat lagi kepada Parti Tindakan Rakyat ialah **Barisan Sosialis** yang ditubuhkan oleh tiga belas orang penderhaka dari Parti Tindakan Rakyat untuk memperlihatkan kekuatan pemimpin Kesatuan Sekerja, **Lim Chin Siong**. Besar kemungkinannya bahawa Barisan Sosialis akan mendapat satu lagi kemenangan dalam pilihanraya, Lee Kuan Yew memutuskan untuk bercantum dalam persekutuan.

- 4.4 **KEMERDEKAAN DAN LAIN-LAIN FAEDAH.** Singapura hanya mendapat pemerintahan-sendirinya dalam negeri dan tidak ada lain jalan yang mudah dan cepat untuk mendapatkan kemerdekaan penuh kecuali melalui percantuman. Sekiranya kemerdekaan tercapai, masa depan yang cemerlang akan dihadapi oleh Singapura. Pada dasarnya, kemakmuran Singapura terletak kepada perdagangannya. Persekutuan Tanah Melayu, terutamanya ialah pengeluar bahan-bahan utama, menjadi kawasan pendalam yang kaya untuk Singapura. Hasil perdagangan Singapura sebahagian besarnya bergantung kepada Persekutuan untuk perdagangan ekspotnya dan pasaran bagi barang-barang kilangnya. Sekiranya percantuman menjadi kenyataan, Singapura akan mendapat pasaran yang lebih luas dan lebih banyak peluang pekerjaan bagi bilangan penduduknya yang bertambah. Satu lagi tujuannya ialah untuk memasuki **Pasaran Bersama**.
- 4.5 **KEMERDEKAAN BAGI SABAH DAN SARAWAK.** Sabah dan Sarawak, kedua-duanya masih menjadi tanah-tanah jajahan Inggeris, boleh mencapai kemerdekaan mereka selepas mereka bercantum dengan Persekutuan dan Singapura. Kerajaan Inggeris menyokong cadangan Tunku itu sepenuhnya, kerana ia akan mendatangkan kemakmuran politik dan ekonomi kepada wilayah-wilayah yang berkenaan. Kepada Tunku, penduduk-penduduk bumiputera wilayah Borneo akan menseimbangkan kadar penduduk berbilang bangsa. Di samping itu, orang-orang Melayu yang radikal dapat diseimbangkan dengan orang China sayap-kiri yang melampau di Singapura. **Wilayah-wilayah Borneo** berada dalam kemunduran ekonomi dan politik, berbanding dengan Persekutuan dan Singapura. Adalah menjadi harapan kerajaan Inggeris dan wilayah-wilayah yang berkenaan bahawa percantuman akan membawa kepada **kemajuan ekonomi yang lebih cepat dan berkesan**. Percantuman juga memberi harapan akan wujunya keselamatan yang lebih terjamin bagi menentang ancaman Komunis di wilayah-wilayah Borneo.
- 4.6 **PEMBENTUKAN MALAYSIA.** Selain daripada penentangan Barisan Sosialis terhadap Malaysia, sebilangan besar penduduk Singapura berkehendakkan kepada percantuman ketika dijalankan pungutan suara

dalam bulan September 1962. Suruhanjaya Cobbold juga melapurkan bahawa sebilangan besar penduduk Sabah dan Sarawak ingin bercantum dalam Malaysia. Hanya negeri Berunai saja tidak mahu menyertainya. Pada 9hb. Julai 1963 Perjanjian Malaysia ditandatangani dan pada 16hb. September 1963 Malaysia ditubuhkan.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Tunku Abdul Rahman mula-mula mencadangkan penuhan Malaysia dalam satu Persidangan di Singapura dalam bulan Mei 1961.
 2. Terdapatnya keinginan untuk mengekalkan kestabilan politik. Kegiatan-kegiatan Komunis di Singapura mengancam keselamatan wilayah ini dan wilayah di sekitarnya.
 3. Percantuman merupakan jalan yang berkesan untuk menentang ancaman Komunis.
 4. Melalui percantuman, akan wujudnya kerjasama yang rapat dalam bidang-bidang ekonomi, kebudayaan, sejarah dan ilmu alam di kalangan wilayah-wilayah yang berlainan itu.
 5. Di Singapura, Parti Tindakan Rakyat telah diancam oleh Barisan Sosialis, yang berkeimungkinan besar untuk memenangi satu lagi pilihanraya.
 6. Singapura akan dapat mencapai kemerdekaan penuh melalui percantuman dan juga peluang perdagangan yang lebih baik.
 7. Wilayah-wilayah Borneo, mundur dari segi politik dan ekonomi, bukan saja berharap untuk mendapatkan kemerdekaan tetapi juga mengharapkan kemajuan ekonomi yang lebih baik.
 8. Pungutan suara yang diadakan di Singapura dan juga Suruhanjaya Cobbold menunjukkan bahawa Singapura dan wilayah-wilayah Borneo ingin bercantum dalam Malaysia. Oleh itu, perjanjian ditandatangani dan pada 16hb. September 1963, Malaysia ditubuhkan.
-

5. Kemajuan Politik di Singapura dalam tahun-tahun 1945–1963.

- 5.1 **TANAH JAJAHAN INGGERIS.** Dalam tahun 1946, apabila Malayan Union ditubuhkan, Singapura dipisahkan sebagai Tanah Jajahan Inggeris di bawah seorang Gabnor Inggeris, dibantu oleh sebuah Majlis Mesyuarat

Kerja dan Majlis Mesyuarat Undangan. Dalam bulan Mac 1948, pilihanraya pertama untuk Majlis Mesyuarat Undangan dimenangi oleh Parti Progressif. 63% daripada jumlah pengundi yang berdaftar keluar mengundi dan pada 1hb. April 1948, Majlis Mesyuarat Undangan yang baru ditubuhkan. Pilihanraya yang kedua diadakan dalam bulan Mac 1951 di mana kurang daripada satu pertiga pengundi yang berdaftar keluar mengundi. Yang lebih penting lagi ialah pengesahan taraf bandaraya bagi Singapura dalam tahun 1951.

- 5.2 **SURUHANJAYA RENDEL.** Sebuah Suruhanjaya di bawah Sir George Rendel telah ditubuhkan untuk mencadangkan perubahan-perubahan baru menuju ke arah berkerajaan-sendiri. Lapuran itu dikeluarkan dalam bulan Februari 1954. Perubahan-perubahan utama ialah penubuhan sebuah Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Gabnor untuk menggantikan Majlis Mesyuarat Undangan. Satu cadangan penting ialah sesiapa yang layak untuk mengundi telah didaftarkan secara otomatis sebagai pengundi. Dengan cara ini, bilangan pengundi meningkat daripada 75,000 kepada 300,000 orang. Suruhanjaya itu juga mencadangkan bahawa jawatan Ketua Menteri hendaklah dipegang oleh ketua parti yang berjaya memenangi pilihanraya.
- 5.3 **PILIHANRAYA 1955.** Dalam bulan Februari 1955, Majlis Mesyuarat Undangan yang lama telah dibubarkan dan pilihanraya diadakan dalam bulan April 1955. Terdapat banyak parti politik yang bertanding dalam pilihanraya itu untuk memenangi 25 buah kerusi dalam Dewan Perundangan. Sepuluh kerusi dimenangi oleh Barisan Buruh yang dipimpin oleh David Marshall dan empat kerusi oleh Parti Progressif. Bilangan kerusi bakinya dimenangi oleh Parti Perikatan Singapura (terdiri daripada Kesatuan Melayu Singapura, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dan Persatuan China Se Malaya), Parti Demokrat dan Parti Tindakan Rakyat. David Marshall, sebagai Ketua Menteri, mengetuai kerajaan baru. Sementara itu, Parti Demokrat dan Parti Progressif bercantum menjadi Parti Sosialis Liberal. Parti Tindakan Rakyat menjadi parti pembangkang.
- 5.4 **ROMBONGAN MARSHALL.** Dalam tahun 1955, Gabnor, Sir Robert Black, enggan memenuhi permintaan Marshall untuk melantik 4 orang Penolong Menteri. Marshall dan Dewan Perundangannya mengundi untuk pemerintahan-sendiri yang segera. Lennox-Boyd, Setiausaha Negara kepada Tanah Jajahan, bersetuju untuk menerima kedatangan Rombongan Marshall ke London bagi merundingkan pemerintahan-sendiri dalam tahun 1956. Kerajaan Inggeris enggan memberikan pemerintahan-sendiri memandangkan kepada pengalaman politik Singapura masih belum matang lagi dan keadaan di Singapura pada ketika itu. Ia berasa ragu-ragu terhadap kebolehan Barisan Buruh untuk mengatasi rusuhan-rusuhan yang berlaku di Singapura dan kegiatan Komunis untuk mengambil alih pemerintahan negeri.

- 5.5 CADANGAN KERAJAAN INGGERIS. Sebaliknya, Pejabat Tanah Jajahan bercadang untuk menubuhkan Negeri Singapura dengan Pesuruh-jaya Tinggi menggantikan Gabnor Inggeris. Sungguhpun Kerajaan Inggeris bersetuju membesar dan menguatkan Dewan Perundangan, tetapi ia masih ingin menguasai pertahanan dan keselamatan dalam negeri Singapura. Marshall tidak bersetuju dengan cadangan itu lalu meletakkan jawatannya, dan digantikan oleh Lim Yew Hock sebagai Ketua Menteri.
- 5.6 KERAJAAN LIM YEW HOCK. Di bawah Lim Yew Hock, kerajaan mengambil langkah-langkah tegas untuk menindas kegiatan-kegiatan Komunis. Dalam bulan Ogos 1957, 35 orang Komunis ditangkap dan pertubuhan-pertubuhan Komunis di kalangan penuntut-penuntut China telah dapat dihancurkan. Dengan wujudnya undang-undang dan peraturan semula, Lim Yew Hock mengetuai rombongan kedua ke London untuk memperbarui semula permintaan bagi pemerintahan-sendiri. Satu Perlembagaan baru dipersetujui dan satu pilihanraya umum akan diadakan dalam tahun 1959.
- 5.7 PERUBAHAN-PERUBAHAN SELANJUTNYA. Singapura menjadi sebuah Negeri Bandaraya dengan Yang Dipertuan Negara sebagai Ketua Negerinya. Dewan Perundangan ditambah ahli-ahlinya kepada 51 orang. Majlis Keselamatan Dalam Negeri ditubuhkan dengan mengandungi 3 orang ahli Inggeris, 3 ahli dari Singapura dan 1 ahli dari Persekutuan Tanah Melayu. Sementara itu, kegiatan Komunis di dalam Parti Tindakan Rakyat semakin hebat. Kerajaan berjaya menangkap sebilangan kecil ahli-ahli Komunis dalam tahun 1957. Pilihanraya untuk Majlis Bandaraya Singapura diadakan dalam bulan Disember 1957 dan dimenangi oleh Parti Tindakan Rakyat. Ong Eng Guan dilantik sebagai Datuk Bandar yang pertama.
- 5.8 PEMERINTAHAN-SENDIRI DALAM NEGERI TERCAPAI. Pilihanraya tahun 1959 lebih penting dari segi sejarah. Ia dimenangi oleh Parti Tindakan Rakyat dengan menguasai 43 daripada 51 buah kerusi, di bawah pimpinan ketua yang baru dan cekap, Lee Kuan Yew. Lee bersetuju untuk menubuhkan kerajaan baru apabila Inggeris berjanji untuk membebaskan 8 orang bekas pemimpin partinya. Pada 3hb. Jun 1959 kemerdekaan diisyiharkan untuk Singapura dengan Inggeris menguasai halehwal luar negeri dan pertahanannya. Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri Singapura yang pertama dan Yusof bin Ishak menjadi Yang Dipertuan Negara yang pertama.
- 5.9 PERCANTUMAN. Dalam bulan Mei 1961, Tengku Abdul Rahman mengumumkan cadangan untuk menubuhkan Persekutuan yang mengandungi Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara, Berunai dan Sarawak. Lee Kuan Yew percaya kepada percantuman dan pungutan suara yang diadakan menunjukkan bahawa sebilangan besar penduduk inginkan percantuman. Sedikit penentangan datangnya dari Barisan Sosialis. Singapura mencapai kemerdekaannya dan menjadi sebahagian daripada Per-

sekutuan Malaysia pada 16hb. September 1963.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Singapura dipisahkan daripada Malayan Union sebagai Tanah Jajahan Inggeris di bawah seorang Gabnor Inggeris dalam tahun 1946.
2. Gabnor dibantu oleh 2 buah Majlis — Majlis Mesyuarat Kerja dan Majlis Mesyuarat Undangan.
3. Pilihanraya untuk Majlis Mesyuarat Undangan dimenangi oleh Parti Progresif.
4. Akibat daripada Suruhanjaya Rendel, sebuah Jemaah Menteri yang baru ditubuhkan dan Majlis Mesyuarat Undangan dikenali sebagai Dewan Perundangan setelah disusun semula.
5. Pilihanraya untuk Dewan Perundangan diadakan dalam bulan April 1955.
6. Barisan Buruh memenangi kerusi terbanyak dan David Marshall menjadi Ketua Menteri.
7. Rombongan Marshall ke London gagal untuk mendapatkan pemerintahan-sendirii bagi Singapura. Ia tidak bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Negeri Singapura dan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabnor Inggeris.
8. Marshall meletakkan jawatannya dan digantikan oleh Lim Yew Hock.
9. Perubahan-perubahan perlumbagaan selanjutnya diadakan, berikutan daripada rombongan Lim Yew Hock ke London untuk mendapatkan pemerintahan-sendirii.
10. Seorang Ketua Negeri akan dilantik dan sebuah Majlis Keselamatan Dalam Negeri ditubuhkan. Dalam tahun 1957 Parti Tindakan Rakyat memenangi pilihanraya dan Ong Eng Guan menjadi Datuk Bandar Singapura.
11. Dalam pilihanraya tahun 1959, Parti Tindakan Rakyat sekali lagi memenangi pilihanraya itu. Singapura mencapai pemerintahan-sendirii dalam negeri pada 3hb. Jun 1959.
12. Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri yang pertama dan Yusof bin Ishak menjadi Yang Dipertuan Negaranya yang pertama.
13. Pada 16hb. September 1963 Singapura memasuki Persekutuan Malaysia.

6. Pentadbiran Marshall.

- 6.1 PILIHANRAYA 1955. Dalam pilihanraya umum bulan April 1955, 53% daripada jumlah pengundi yang berdaftar di Singapura telah mengundi. Terdapat 6 buah parti politik dan beberapa orang calon bebas bertanding untuk merebut 25 buah kerusi dalam Dewan Perundangan. Barisan Buruh yang dipimpin oleh David Marshall berjaya memenangi 10 kerusi. Oleh itu sebuah Kerajaan Campuran telah ditubuhkan oleh Barisan Buruh dengan Parti Perikatan. Kerajaan baru itu dipimpin oleh David Marshall sebagai Ketua Menterinya.
- 6.2 KRISIS DALAM PENTADBIRAN MARSHALL. Dalam pentadbiran Marshall, kemudiannya berlaku krisis di antaranya dengan Gabnor Sir Robert Black mengenai perlantikan Penolong-penolong Menteri. Marshall berkehendakkan 4 orang Penolong Menteri tetapi Gabnor bersetuju untuk memberikan 2 orang saja. Marshall menentang hak Gabnor campurtangan terhadap cadangan dan nasihatnya itu. Dewan Perundangan dan Marshall membuat keputusan bahawa masanya telah tiba bagi Singapura untuk mendapat pemerintahan-sendir.
- 6.3 PENYUSUPAN KOMUNIS. Sementara itu, rusuhan-rusuhan dan pemogokan-pemogokan di kalangan anasir-anasir Komunis semakin bertambah. Kegelisahan penuntut dan kegiatan-kegiatan mereka membahayakan Singapura dan ada kemungkinan bahawa Singapura akan menjadi sebuah lagi Tanah Jajahan Peking. Barisan Buruh mendapati dirinya dikelilingi oleh anasir-anasir subversif.
- 6.4 ROMBONGAN MARSHALL KE LONDON. Dalam bulan April 1956, Marshall mengetuai rombongan ke London untuk meminta pemerintahan-sendir. Kerajaan Inggeris enggan memberikan kemerdekaan di atas alasan bahawa Singapura belum matang dari segi politik dalam pemerintahan-sendir yang demokratik. Tambahan pula, tidak terdapatnya parti politik yang berjaya mendapat kerusi terbanyak dalam Dewan Perhimpunan dan bahawa Barisan Buruh terlalu lemah untuk menentang anasir-anasir subversif.
- 6.5 CADANGAN-CADANGAN BARU DAN PERLETAKAN JAWATAN MARSHALL. Pejabat Tanah Jajahan, di satu pihak, mencadangkan untuk menubuhkan sebuah Negeri Singapura di bawah seorang Pesuruhjaya Tinggi yang menggantikan Gabnor Inggeris. Sebuah Majlis Keselamatan dan Pertahanan akan ditubuhkan dan kerajaan Inggeris masih bertanggungjawab ke atas hubungan luar negeri dan pertahanan Singapura. Kerakyatan Singapura dibentuk. Marshall tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan itu kerana ia berpendapat bahawa Majlis Keselamatan dan Pertahanan masih boleh campurtangan dalam pemerintahan dalam negeri Singapura. Marshall meletakkan jawatannya dan digantikan oleh Lim Yew Hock sebagai Ketua Menteri.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Barisan Buruh yang dipimpin oleh David Marshall memenangi pilihanraya umum dalam bulan April 1955.
 2. Marshall menjadi Ketua Menteri Singapura yang pertama.
 3. Wujudnya tidak persetujuan di antara David Marshall dengan Gabnor Inggeris. Marshall berkehendakkan 4 orang Penolong Menteri tetapi Gabnor bersetuju untuk memberikan 2 orang saja.
 4. Marshall mengetuai satu rombongan ke London dalam tahun 1956 untuk mendapatkan pemerintahan-sendiri.
 5. Kerajaan Inggeris tidak mahu memberikan pemerintahan-sendiri. Ia bercadang untuk membentuk Negeri Singapura di bawah seorang Pesuruhjaya Tinggi Inggeris.
 6. Marshall tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan itu lalu meletakkan jawatannya. Ia digantikan oleh Lim Yew Hock.
-

7. Suruhanjaya Cobbold.

- 7.1 CADANGAN UNTUK MENUBUHKAN MALAYSIA. Dalam tahun 1961, ketika memberi ucapan kepada Wartawan-wartawan Asing di Singapura, Tunku Abdul Rahman mencadangkan gagasan Malaysianya yang terdiri daripada Berunei, Borneo Utara, Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu untuk membentuk sebuah persekutuan. Cadangan itu diterima selepas perbincangan-perbincangan diadakan di antara kerajaan Tanah Melayu dengan kerajaan Singapura dan di antara kerajaan Tanah Melayu dengan kerajaan Inggeris. Dicadangkan juga untuk menubuhskan sebuah Suruhanjaya untuk meninjau pendapat-pendapat rakyat Borneo terhadap gagasan Malaysia.
- 7.2 SURUHANJAYA COBBOLD. Seterusnya, Suruhanjaya itu dibentuk dengan dipengerusikan oleh Lord Cobbold dan mengandungi ahli-ahlinya yang terdiri daripada Dato Wong Pow Nee dan Mohammad Ghazali Shafie. Di antara bulan Februari dan April 1962, Suruhanjaya itu pergi ke Sabah dan Sarawak, menemuduga 4,000 orang dari dua buah negeri itu. Oleh itu Suruhanjaya telah dapat meninjau pendapat-pendapat dari sebahagian rakyat Borneo.
- 7.3 LAPURAN COBBOLD. Akibat daripada tinjauan itu, Lapuran Cobbold menunjukkan bahawa satu pertiga daripada rakyat inginkan percautan

yang segera dengan Malaysia, satu pertiga lagi inginkan M-
kepentingan-kepentingan mereka dipertimbangkan. Baki sa-
inginkan negeri-negeri mereka diberi kemerdekaan dahulu. Rang China-Baba
Julai 1962, Lapuran Cobbold dipersetujui oleh kerajaan-k Terkenal dalam
Melayu dan Inggeris dan perjanjian dibuat untuk memberan merupakan
pada 16hb. September 1963.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Gagasan Malaysia pertama kali dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman di dalam Persidangan Wartawan-wartawan Asing di Singapura British Empire 1961.
2. Satu Suruhanjaya telah ditubuhkan di bawah Lord Selina penduduk meninjau pendapat rakyat wilayah-wilayah Borneo samada ayu ialah salah memasuki Malaysia ataupun tidak.
3. Suruhanjaya itu menemuduga 4,000 orang di Sabah dan Sarawak Tanah Melayu
4. Lapuran itu menunjukkan bahawa sebahagian besar penduduk Seluruh Malaysia.
5. Pada 16hb. September 1963, Malaysia ditubuhkan.

8. Dato Onn bin Jaafar.

- 8.1 LATARBELAKANG DAN KERJAYA AWAL. Tokoh Melayu yang gasas Parti dalam politik Tanah Melayu, Dato Onn bin Jaafar, berasal dari suku MIC, bangsawan di Johor Bahru. Ayah dan datuknya ialah Menteri Besar, Tunku Abdul Rahman dan ia merupakan anggota ketiga dalam keluarga itu yang mendapat jawatan Menteri Besar. Dato Onn menerima pelajaran di Eti Perikatan kemudiannya pulang untuk memasuki Maktab Melayu di Kuala Lumpur. Selepas menamatkan pelajarannya, ia memasuki Perkhidmatan Baling di Johor. Lebih penting kepada kerjaya politiknya ialah jawatan pengarang akhbar Melayu, Warta Melayu dan kemudiannya Pengalaman-pengalaman itu tidak saja menyebabkan ia dapat dengan orang-orang Melayu tetapi juga dapat menyuarakan minatnya terhadap bangsa Melayu.

- 8.2 PENUBUHAN UMNO. Semasa ia di Batu Pahat sebagai Pegawai

MENGULA. Onn menubuhkan Pergerakan Kebangsaan Melayu Semenanjung pada tahun 1946. Ia berjaya mendapatkan 110,000 ahli di Johor

1. Barisan Bepas pembentukan Malayan Union dalam tahun 1946, Dato Onn umum da untuk melindungi hak-hak istimewa orang-orang Melayu. Kejayaan Marshall dan Kebangsaan Melayu Semenanjung itu mengilhamkan Dato Onn menyatukan orang-orang Melayu. Idea untuk menggabungkan semua Inggeris. Masalah dikemukakan apabila Dato Onn menulis kepada Utusan Gabnor bersetv 1hb. Mac 1946, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
4. Marshall mengabulkan dalam satu kongres semua pertubuhan-pertubuhan mendapatkan Onn menjadi Presiden pertamanya yang dipilih dan
5. Kerajaan Ir'ya menyatukan orang-orang Melayu bagi menentang pemcadang untuk Malayan Union.

Tinggi IngAHAN UMNO DAN KEKALAHANNYA. Dalam bulan Februari

6. Marshall dan satuan China Se Malaya (MCA) ditubuhkan untuk memitikberat-jawatan paduan di kalangan orang China. Takutkan orang-orang China igai orang orang Melayu, Dato Onn mencadangkan penerimaan rang bukan-Melayu di dalam UMNO. Ia meletakkan jawatannya UMNO disebabkan bantahan-bantahan terhadap orang-orang bukan-memasuki UMNO. Dato Onn kemudiannya membentuk satu lagi politik Parti Kemerdekaan Malaya atau Parti Negara. Parti Negara
7. Surus dalam Pilihanraya Persekutuan yang pertama dalam tahun 1955. —to Onn bin Jaafar juga dikenang kerana perkhidmatannya sebagai Ahli surus dalam Hulohwal Tempatan dan juga sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerja Cengang Persekutuan semasa Darurat. ketika

Tunku

darip

unti

PERKHIDMATAN SECARA BERSISTEM

deng

keras Onn bin Jaafar, bekas Menteri Besar Johor ialah ahli Perkhidmatan Surum Johor dan juga pengarang Warta Malaya dan Lembaga.

gagasan

- 7.2 menubuhkan Pergerakan Kebangsaan Melayu Semenanjung pada awal SURUH 1946.

deng

pas Malayan Union ditubuhkan dalam tahun 1946, Dato Onn menyatakan yang orang-orang Melayu dalam sebuah pertubuhan Kebangsaan, UMNO, Shafie menentang Malayan Union.

Olehnya untuk membuka pintu UMNO kepada orang-orang sebaiknya ditolak. Ia meletakkan jawatannya daripada UMNO.

- 7.3 LAPU bentuk sebuah parti baru, Parti Negara, yang tewas dalam menunduk wai Daeraikutuan.

9. Dato Tan Cheng Lock.

- 9.1 **LATARBELAKANG.** Dato Sir Tan Cheng Lock ialah seorang China-Baba (China Peranakan) dari bandar yang bersejarah Melaka. Terkenal dalam sejarah sebagai Juara Perpaduan Melayu-China, Dato Tan merupakan seorang ahli yang cekap dan berkebolehan dalam Majlis Mesyuarat Undangan Negeri-negeri Selat dari tahun 1923–1934 dan Majlis Mesyuarat Kerja Negeri-negeri Selat dari tahun 1933–1935. Semasa perang, Tan Cheng Lock ialah Presiden Persatuan China Seberanglaut yang cergas di India. Tujuan utama Persatuan itu ialah untuk mengatasi masaalah-masaalah dan kesulitan-kesulitan orang China di semua wilayah yang diidami oleh orang-orang China. Kerana perkhidmatannya ini, ia telah dikurniakan pingat Commandership of the Order of the British Empire dalam tahun 1933.
- 9.2 **KEGIATAN-KEGIATAN SELEPAS PERANG.** Seperti semua penduduk Tanah Melayu, Tan Cheng Lock sedar bahawa Tanah Melayu ialah salah sebuah negara yang kecil yang masih berada di bawah pemerintahan Penjajahan. Ia sedar terhadap betapa perlunya membentuk Tanah Melayu sebagai sebuah negara merdeka yang baru. Dengan tamatnya peperangan, Dato Tan dipilih sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Bersama Seluruh Melaya.
- 9.3 **PERSATUAN CHINA SE MALAYA.** Dalam bulan Februari 1949, Tan Cheng Lock menubuhkan Persatuan China Se Malaya (MCA). Ia menjadi juara perpaduan orang-orang China. Sebagai Presiden pertamanya yang dipilih, ia menyeru supaya diwujudkan perpaduan bukan saja di kalangan orang-orang China tetapi juga perpaduan di kalangan orang-orang Melayu juga. Dato Onn percaya bahawa masaalah-masaalah dan kegelisahan berbagai-bagai bangsa di Tanah Melayu adalah saling berhubungan dan orang-orang Tanah Melayu mesti bekerjasama untuk mewujudkan perpaduan kebangsaan. Kerana ini, ia menjadi salah seorang pengasas Parti Perikatan apabila MCA bercantum dengan UMNO dan kemudiannya MIC.
- 9.4 **TERCAPAINYA KEMERDEKAAN.** Bersama-sama dengan Tunku Abdul Rahman, Dato Tan Cheng Lock mengelilingi negara menjalankan kempen untuk pilihanraya tahun 1955 dan mengistiharkan kesediaan Parti Perikatan untuk memperjuangkan kemerdekaan. Melalui usaha-usaha mereka, kemerdekaan tercapai dalam tahun 1957. Dalam Persidangan Baling di Kedah dalam tahun 1955, Dato Tan ialah salah seorang pemimpin yang cuba memujuk Chin Peng dan ahli-ahli Parti Komunis Malaya supaya menyerah diri.

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Tan Cheng Lock berkhidmat untuk Majlis-majlis Mesyuarat Undangan dan Kerja Negeri-negeri Selat dan juga untuk Persatuan China Seberanglaut di India sebelum perang.
 2. Selepas perang, ia dipilih sebagai Pengurus Majlis Tindakan Bersama Seluruh Malaya.
 3. Dalam bulan Februari 1949, MCA ditubuhkan dengan Dato Tan sebagai Pengurusnya.
 4. MCA bercantum dengan Parti Perikatan dalam tahun 1953.
 5. Dato Tan Cheng Lock juga menghadiri Persidangan Baling dalam tahun 1955 dan juga menjalankan Kempen di seluruh negara untuk Pilihanraya Persekutuan yang pertama dalam tahun 1955.
-

10. Tunku Abdul Rahman.

- 10.1 LATARBELAKANG. Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj dikenali sebagai Bapa Malaysia ialah dari keluarga diraja Kedah. Ia juga menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama. Dilahirkan di Alor Setar dalam tahun 1903, Tunku menerima pelajarannya di Kedah dan Pulau Pinang dan akhirnya berjaya mendapat ijazah undang-undang dari Universiti Cambridge. Sebelum muncul sebagai ahli politik, Tunku pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah di beberapa buah daerah di Kedah dan juga sebagai Timbalan Pendakwa Raya, dan Presiden Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur.
- 10.2 KEGIATAN-KEGIATAN POLITIK. Dato Onn bin Jaafar meninggalkan UMNO dalam tahun 1951 untuk menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya. Tunku Abdul Rahman menggantikannya sebagai Presiden UMNO. Tidak lama kemudiannya wujud persefahaman yang sama di antara pemimpin-pemimpin masyarakat Tanah Melayu yang membawa kepada pembentukan Parti Perikatan dalam tahun 1953. Tarikh untuk Pilihanraya Persekutuan yang pertama ditetapkan. Tunku menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang dipilih ketika berusia 52 tahun dengan mendapat kemenangan yang cemerlang, berjaya mendapat 22,226 undi dalam Pilihanraya Persekutuan yang pertama tahun 1955. Dalam tahun 1955 juga diadakan satu Persidangan dengan Komunis di Baling, Kedah tetapi gagal. Chin Peng bersetuju untuk meletakkan senjata hanya selepas Tanah Melayu mendapat kemerdekaan. Usaha Tunku untuk mendapat-

kan Kemerdekaan mula berhasil. Rombongan Merdekanya ke London dalam tahun 1956 mengakibatkan Kerajaan Inggeris bersetuju untuk memberikan kemerdekaan. Pada 31hb. Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri pertama kepada Persekutuan Tanah Melayu merdeka.

- 10.3 **KEJAYAAN YANG LEBIH BESAR.** Di antara 1957–1963, Tanah Melayu menikmati zaman kemajuan ekonomi dan kemasyarakatan. Sebagai Perdana Menteri dan Menteri Halehwal Luar Negeri, Tunku tidak gagal menekankan ideanya untuk mewujudkan perpaduan kebangsaan. Sumbangannya tidak terletak hanya pada pimpinannya terhadap negara tetapi juga terhadap pertumbuhan Islam. Kejayaan Tunku yang terbesar ialah pembentukan **Malaysia** pada 16hb. September 1963.
-

MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Seorang putera diraja dari Kedah, ia lulus ijazah undang-undang dari Universiti Cambridge.
 2. Ia adalah bekas Pegawai Daerah, Timbalan Pendakwa Raya dan Presiden Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur.
 3. Tunku Abdul Rahman menggantikan Dato Onn sebagai Presiden UMNO.
 4. Ia kemudiannya dipilih sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu selepas memenangi Pilihanraya Persekutuan dalam tahun 1955.
 5. Selepas Presidangan Baling, Tunku mengetuai Rombongan Merdeka ke London dalam tahun 1956 dan berjaya mencapai kemerdekaan. Ia menjadi Perdana Menteri pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu.
 6. Ia menujuhkan Malaysia pada 16hb. September 1963.
-

11. Lee Kuan Yew.

- 11.1 **TOKOH POLITIK DAN NEGARAWAN.** Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura terkenal sebagai seorang tokoh politik dan negarawan. Semasa belajar undang-undang di Universiti Cambridge dalam tahun-tahun 1950an, ia menyedari perlunya mendapatkan kemerdekaan untuk Singapura dan Tanah Melayu. Pada ketika itu, kedua-dua buah negara itu telahpun di-kelilingi oleh negara-negara yang baru merdeka seperti Burma, Indonesia, Filipina dan India.

- 11.2 PARTI TINDAKAN RAKYAT. Parti Tindakan Rakyat (PETIR) ditubuhkan dalam tahun 1954 dengan Lee Kuan Yew sebagai Setiausaha Agungnya. Ia bertanding dalam pilihanraya di Singapura tahun 1957 dan memenangi 13 daripada 32 buah kerusi dalam Dewan Bandaraya. Pada pertengahan tahun 1959, Singapura sekali lagi mengadakan pilihanraya. PETIR berjaya dengan memenangi 43 daripada 51 buah kerusi. Gabnor Inggeris, Sir William Good menjemput Lee Kuan Yew untuk membentuk kerajaan baru. Lee Kuan Yew enggan sekiranya 8 orang pemimpin PETIR yang sedang ditahan dalam tahanan politik tidak dibebaskan. Ia menjadi Perdana Menteri Singapura selepas kerajaan membebaskan ahli-ahli PETIR pada 4hb. Jun 1959.
- 11.3 PERCANTUMAN. Dalam satu persidangan di Singapura dalam tahun 1961, Tunku Abdul Rahman mencadangkan untuk mencantumkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah-wilayah Borneo ke dalam sebuah persekutuan. Lee Kuan Yew amat percaya kepada percantuman kerana ia melihatnya sebagai langkah yang terbaik untuk mencapai kemerdekaan bagi Singapura dan adalah penting untuk perkembangan ekonomi dan politik. Bantahan-bantahan datangnya dari Barisan Sosialis dan satu pungutan suara telah diadakan dalam bulan September 1962 di mana 70% rakyat Singapura mengundi untuk menyokong gagasan Malaysia. Oleh itu Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia dalam bulan September 1963. Hubungan tegang dan bertambah buruk di antara Singapura dengan Malaysia mengakibatkan pemisahannya dari Malaysia pada 9hb. Ogos 1965. Oleh itu Singapura menjadi sebuah negara yang merdeka sepenuhnya.
-


MENGULANG SECARA BERSISTEM.

1. Sebelum menjadi Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew pernah menjadi Setiausaha Agung Parti Tindakan Rakyat dalam tahun 1954. PETIR berjaya memenangi pilihanraya tahun 1957 itu.
2. Lee Kuan Yew berjaya mendapatkan pembebasan sebilangan ahli-ahli PETIR yang ditahan oleh Kerajaan.
3. Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia dalam bulan Septemoer 1963.
4. Pada 9hb. Ogos 1965, Singapura dipisahkan daripada Malaysia dan menjadi sebuah negara yang merdeka.

KEMERDEKAAN TANAH MELAYU

SOALAN-SOALAN YANG DICADANGKAN

1. Galurkan kebangkitan semangat kebangsaan di Tanah Melayu.
(Rujuk kepada Tajuk 1)
2. Apakah sebab-sebabnya hanya terdapat sedikitnya Semangat Kebangsaan Tanah Melayu sebelum tahun 1940?
(Rujuk kepada Tajuk 2)
3. Huraikan perubahan-perubahan politik di Tanah Melayu di antara tahun-tahun 1945–1957.
(Rujuk kepada Tajuk 3)
4. Apakah perubahan-perubahan perlombagaan yang penting di Singapura dalam tahun-tahun 1945–1963?
(Rujuk kepada Tajuk 5)
5. Tuliskan mengenai dua dari yang berikut:—
 - a) pembentukan Malaysia – 1963.
(Rujuk kepada Tajuk 4)
 - b) Pentadbiran Marshall.
(Rujuk kepada Tajuk 6)
 - c) Suruhanjaya Cobbold.
(Rujuk kepada Tajuk 7)
6. Tuliskan kepentingannya dari segi sejarah mengenai tiga dari yang berikut:—
 - a) Dato Onn bin Jaafar.
(Rujuk kepada Tajuk 8)
 - b) Dato Tan Cheng Lock.
(Rujuk kepada Tajuk 9)
 - c) Tunku Abdul Rahman
(Rujuk kepada Tajuk 10)
 - d) Lee Kuan Yew.
(Rujuk kepada Tajuk 11)




SEJAK TANAH MELAYU

ANALISA PEPERIKSAAN SISTEM

ANALISA PEPERIKSAAN SISTEM

TANAH MELAYU MODEN		ZAMAN JEPUN	TANAH MELAYU MODEN
KERAJAAN T. MELAYU & SINGAPURA.		PERUBAHAN- PERUBAHAN EKONOMI KEMASYARAKATAN	SISTEM KERAJAAN T. MELAYU, SINGAPURA.
Kerajaan Malaka	Pemerintahan Portugis, Belanda	ZAMAN BELANDA	BUGIS, ACEH, MINANGKABAU
Kesultanan Malaka (K.M. 15)		Kemerosotan Malaka selepas 1641.	Bugis
1964	Mansur Shah		PULAU PINANG, SINGAPURA
1965			Bugis
1966			Pulau Pinang
1967	Parameswara	Kejatuhan Portugis	Singapura
1968	Melaka sebagai pusat perdagangan.	Pembubaran kuasa Portugis di Melaka.	Hubungan Thai (1897-1909)
1969	Tun Perak, Tun Mutahir.	Percubaan percuasaan Johor menguasai Melaka.	Hubungan Acheng (1612-1659)
1970	Islam		Hubungan Aceh, Camparangan.
1971	Hubungan Melaka-Chan. Mansur Shah.	Minat Portugis di Asia Tenggara & Penempatan penatukuan Melaka.	Abu Bakar, Hubungan Thai (1897-1909)
1972	Melaka sebagai pusat perdagangan, Tun Mutahir		Abu Bakar, Hubungan Belanda & Kedah (K.M. 17)
1973	Kejatuhan Kesultanan Melaka, Tun Ali.	William Farquhar.	Daeing Parani.
1974	Islam, Sequeira		Bugis.
1975	Parameswara.		Peranakan Acheng (1607-1663), Raja Haji,
			Kemerosotan Melaka K.M. 17, Perseitanan Inggeris-Belanda.
			Perang Jepun & Kesan.
			Perang Jepun, Sir Hugh Low, Persetianan Inggeris-Thai (1909).
			Tengku Long (Sultan Hussein)
			Tengku Kudin, Sir Hugh Low, Persetianan Inggeris-Thai (1909).
			Bijih timah.
			Datarat (1948).



PUSTAKA
PERDANA
LIBRARY



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

SYSTEM EXAMINATION FACTS M.C.E

1. Geography of South East Asia M.C.E./G.C.E.
2. Geography of Monsoon Asia M.C.E./G.C.E.
3. History of Malaya 1400 – 1965 M.C.E./G.C.E.
4. History of South East Asia M.C.E./G.C.E.
5. Human & Social Biology Paper 1 M.C.E.
6. Human & Social Biology Paper 2 & 3
7. Additional Mathematics M.C.E./G.C.E. Volume 1
8. Additional Mathematics M.C.E./G.C.E. Volume 2
9. Modern Mathematics M.C.E.
10. English Language Subject 121 M.C.E./G.C.E.
11. English Essays M.C.E./G.C.E.
12. Modern Chemistry M.C.E.
13. Modern Biology M.C.E.
14. Modern Physics M.C.E.

SIRI PEPERIKSAAN SISTEM

16. Sejarah Tanah Melayu 1400 – 1965 M.C.E./S.P.M.
17. Sejarah Asia Tenggara M.C.E./S.P.M.
18. Ilmu Alam Asia Tenggara M.C.E./S.P.M.
19. Ilmu Alam Kertas Satu M.C.E./S.P.M.
20. Hisab Moden S.P.M.
21. Kimia Moden S.P.M.
22. Kajihayat Moden S.P.M.
23. Fizik Moden S.P.M.



PUSTAKA SISTEM PELAJARAN

4, Jalan Angsoka, Kuala Lumpur 05-11
Malaysia. Tel: 03-290722.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA